

Bil. 8

**Rabu
22 Julai 2020**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGKAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
USUL-USUL:	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 23)
Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong	(Halaman 23)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Datuk Azhar bin Azizan @ Harun
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato’ Mohd Rashid Hasnon [Batu Pahat] – PPBM
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato’ Sri Azalina Othman Said, D.P.M.K., S.P.M.P., D.P.M.S., D.G.M.K., P.G.D.K. [Pengerang] – UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin, P.S.M., S.P.M.P., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I., S.H.M.S., S.P.S.A., S.P.M.P., S.U.N.S., S.P.D.K., D.P., P.N.B.S. [Pagoh] – PPBM
2. Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Mohamed Azmin bin Ali, S.P.M.S., D.S.M.S. [Gombak] – PPBM
3. “ Menteri Pertahanan, Dato’ Sri Ismail Sabri bin Yaakob, S.S.A.P., D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. [Bera] – UMNO
4. “ Menteri Kewangan, YM Tengku Dato’ Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz [Senator]
5. “ Menteri Kerja Raya, Dato’ Sri Haji Fadillah bin Yusof, P.G.B.K., A.B.S., S.S.A.P., D.G.S.M. [Petra Jaya] – PBB
6. “ Menteri Pendidikan, Dr. Radzi bin Jidin – Senator
7. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Dato’ Sri Mustapa bin Mohamed, S.J.M.K., S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S. [Jeli] - PPBM
8. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas), Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof, D.G.S.M. [Alor Gajah] – PPBM
9. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang), Dato’ Takiyuddin bin Hassan, D.J.M.K., J.P. [Kota Bharu] - PAS
10. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri - Senator
11. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah dan Sarawak), Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P., S.P.D.K., D.G.S.M., [Kota Marudu] – PBS
12. “ Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, D.M.S.M., D.G.S.M. [Ayer Hitam] – MCA
13. “ Menteri Alam Sekitar dan Air, Dato’ Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian] – PAS
14. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M. Saravanan, D.M.S.M., P.M.W., A.M.N. [Tapah] – MIC
15. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa, P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., S.I.M.P. [Ketereh] – UMNO
16. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rina binti Mohd Harun, D.G.S.M. [Titiwangsa] – PPBM
17. “ Menteri Pengajian Tinggi, Dato’ Dr. Noraini Ahmad, D.S.A.P., D.M.S.M. [Parit Sulong] – UMNO
18. “ Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Dato’ Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. [Lenggong] - UMNO
19. “ Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Hamzah bin Zainudin, S.P.M.P., D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. [Larut] – PPBM
20. “ Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara] – UMNO
21. “ Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, S.M.W., P.G.D.K., A.S.D.K. [Beluran] – PPBM

22. Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad, D.M.S.M., S.S.A.P., P.J.N., D.P.M.K. [Mersing] – PPBM
23. “ Menteri Luar Negeri, Dato’ Seri Hishammuddin Tun Hussein, S.P.M.P., S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.J., D.S.A.P., P.N.B.S., D.G.S.M., S.P.D.K. [Sembrong] – UMNO
24. “ Menteri Perdagangan Dalam negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Alexander Nanta Linggi, D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., P.B.S., A.B.S. [Kapit] – PBB
25. “ Menteri Komunikasi dan Multimedia, Dato’ Saifuddin Abdullah [Indera Mahkota] – PPBM
26. “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] – PPBM
27. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau] - UMNO
28. “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato’ Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S., J.B.S., J.S.M., P.N.B.S. [Santubong] – PBB
29. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Dato’ Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali, D.M.P., D.I.M.P. [Kuala Nerus] – PAS
30. “ Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Dato’ Sri Hajah Nancy Shukri, K.M.N., P.G.B.K., S.S.A.P. [Batang Sadong] – PBB
31. “ Menteri Perpaduan Negara, Datuk Halimah binti Mohamed Sadique, P.J.N., P.I.S. D.C.S.M. [Kota Tinggi] – UMNO
32. “ Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Sri Reezal Merican bin Naina Merican, D.I.M.P., S.S.A.P. [Kepala Batas] – UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Lim Ban Hong – Senator
2. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz, D.I.M.P., S.S.A.P. [Tanah Merah] – PPBM
3. “ Timbalan Menteri Kewangan I, Datuk Abd Rahim bin Bakri, D.M.S.M., A.S.D.K. [Kudat] – PPBM
4. “ Timbalan Menteri Kewangan II, Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] – UMNO
5. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato’ Eddin Syazlee bin Shith [Kuala Pilah] – PPBM
6. “ Timbalan Menteri Pendidikan I, Dato’ Dr. Mah Hang Soon, - Senator
7. “ Timbalan Menteri Pendidikan II, Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar] – PPBM
8. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Tuan Arthur Joseph Kurup [Pensiangan] – PBRs
9. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas), Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar] – UMNO
10. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang), Datuk Haji Shabudin Yahaya, P.J.K. [Tasek Gelugor] – PPBM
11. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa] – PAS
12. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah dan Sarawak) Dato Hajah Hanifah Hajar Taib [Mukah] – PBB
13. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Tuan Haji Hasbi bin Habibollah [Limbang] – PBB

14. Yang Berhormat Timbalan Menteri Alam Sekitar dan Air, Dato' Dr Ahmad Masrizal Muhammad – Senator
15. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang] - PAS
16. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat] – PPBM
17. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff, D.J.M.K. [Rantau Panjang] – PAS
18. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Mansor bin Othman, D.M.P.N. [Nibong Tebal] – PPBM
19. “ Timbalan Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Tuan Ali anak Biju [Saratok] – PPBM
20. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri I, Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said, D.I.M.P., S.M.P., K.M.N., S.S.A.P. [Kuala Krau] – UMNO
21. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri II, Tuan Jonathan bin Yasin [Ranau] – PPBM
22. “ Timbalan Menteri Kesihatan I, Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali, D.P.M.P. [Bagan Serai] – PPBM
23. “ Timbalan Menteri Kesihatan II, Datuk Aaron Ago Dagang, P.J.N. [Kanowit] – PRS
24. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K., D.G.S.M., S.S.A.P. [Jasin] – UMNO
25. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat] – PAS
26. “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar I, Dato' Sri Haji Abdul Rahman bin Mohamad, D.I.M.P., S.M.P., A.M.P. [Lipis] – UMNO
27. “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar II, Dato' Henry Sum Agong, P.B.S., P.S.B.S. [Lawas] – PBB
28. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Kamarudin Jaffar, D.S.N.S., B.C.M. [Bandar Tun Razak] – PPBM
29. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu] – PPBM
30. “ Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Zahidi bin Zainul Abidin, D.M.S.M., S.M.P. [Padang Besar] – UMNO
31. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd Muttalib, S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C., D.I.M.P., D.S.A.P., S.S.A.P. [Maran] – UMNO
32. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu] - PAS
33. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin, D.S.M., B.C.M., A.N.S., P.J.K., P.B.B., D.M.S.M., D.C.S.M., [Masjid Tanah] – PPBM
34. “ Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi I, Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng, S.S.A.P., D.M.S.M., [Tanjong Piai] – MCA
35. “ Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan komoditi II, Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo] – PKR
36. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Dr. Jeffrey Kitingan [Keningau] – STAR
37. “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara, Dato' Sri Ti Lian Ker – Senator
38. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal – Senator

AHLI-AHLI (PN)

1. Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim, P.J.N., D.I.M.P., J.P., S.P.D.K., S.J.M.K., S.S.A.P, D.H.M.S, D.C.S.M., P.J. [Baling] – UMNO
2. “ Dato’ Seri Haji Abdul Hadi Awang, S.S.M.T. [Marang] – PAS
3. “ Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai] – PAS
4. “ Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan, D.M.S.M., P.J.K. [Pontian] – UMNO
5. “ Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas] – PAS
6. “ Dato’ Seri Ahmad Faizal bin Azumu, S.P.M.P. [Tambun] – PPBM
7. “ Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub, P.J.N., K.M.N. [Machang] – UMNO
8. “ Dato’ Haji Ahmad Nazlan bin Idris, D.I.M.P., [Jerantut] – UMNO
9. “ Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] – PAS
10. “ Dato’ Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, S.S.A.P., D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., S.P.M.P., S.J.M.K., S.P.S.N., S.P.D.K., D.U.N.M., P.N.B.S., D.P.M.K., [Bagan Datuk] – UMNO
11. “ Dato’ Hajah Azizah binti Mohd Dun, D.I.M.P., P.G.D.K. [Beaufort] – PPBM
12. “ Dato’ Sri Bung Moktar bin Radin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., S.S.A.P. [Kinabatangan] – UMNO
13. “ Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman] – PAS
14. “ Dato’ Sri Hasan bin Arifin, D.S.A.P., S.S.A.P. [Rompin] – UMNO
15. “ Dato’ Hasbullah bin Osman, D.P.M.P., A.M.P., J.P. [Gerik] – UMNO
16. “ Dato’ Seri Haji Idris bin Jusoh, S.S.M.Z., D.P.M.T., P.J.K. [Besut] – UMNO
17. “ Dato’ Jalaluddin bin Alias [Jelebu] – UMNO
18. “ Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis] - UMNO
19. “ Dato’ Seri Mahdzir bin Khalid, S.H.M.S., S.S.D.K., D.P.M.P., J.P., B.K.M. [Padang Terap] – UMNO
20. “ Dato’ Haji Mohd Fasihah bin Mohd Fakeh, P.J.K., K.M.N. [Sabak Bernam] – PPBM
21. “ Dato’ Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.S.A.P, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T., D.J.M.K., [Padang Rengas] – UMNO
22. “ Dato’ Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit] – UMNO
23. “ Dato’ Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak, S.P.D.K., S.S.A.P., S.S.S.J., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.K., S.P.M.K., S.P.M.S., D.M.K., S.P.S.A., S.P.N.S., D.U.P.N., D.U.N.M, D.P. [Pekan] – UMNO
24. “ Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok] – PAS
25. “ Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh] – PAS
26. “ Tan Sri Noh bin Haji Omar, P.S.M, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. [Tanjong Karang] – UMNO
27. “ Tuan Ramli bin Dato’ Mohd Nor [Cameron Highlands] – UMNO
28. “ Tuan Sabri bin Azit [Jerai] – PAS
29. “ Dato’ Haji Salim Sharif [Jempol] – UMNO
30. “ Dato’ Seri Dr. Shahidan bin Kassim, S.P.M.P., S.S.A.P., A.M.P [Arau] – UMNO
31. “ Dato’ Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [Bukit Gantang] – PPBM

32. Yang Berhormat Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. [Pasir Salak] – UMNO
33. “ Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor, S.S.A.P., D.G.S.M., S.I.M.P., S.J.M.K., D.M.S.M., P.J.N., D.S.D.K., D.S.A.P., K.M.N., D.I.M.P. [Putrajaya] – UMNO
34. “ Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., S.P.M.K., P.S.M., S.S.A.P., S.P.M.S. [Gua Musang] – UMNO
35. “ Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu] – PAS
36. “ Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun] – PAS
37. “ Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa [Sipitang] – PPBM
38. “ Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran] – PPBM

AHLI-AHLI (PH)

1. Yang Berhormat Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid, D.S.P.N. [Kapar] – PKR
2. “ Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar] – WARISAN
3. “ Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai] – PKR
4. “ Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru] – PKR
5. “ Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] – DAP
6. “ Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson] – PKR
7. “ Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan] – PKR
8. “ Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah] – PKR
9. “ Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar] – WARISAN
10. “ Tuan Cha Kee Chin [Rasah] – DAP
11. “ Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu] – DAP
12. “ Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar] - PKR
13. “ Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim] – PKR
14. “ Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] – DAP
15. “ Tuan Chong Chieng Jen [Stampin] – DAP
16. “ Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] – DAP
17. “ Datuk Christina Liew Chin Jin [Tawau] – PKR
18. “ Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad, D.G.S.M. [Kuala Selangor] – AMANAH
19. “ Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] – DAP
20. “ Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] – PKR
21. “ Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] – DAP
22. “ Puan Hannah Yeoh [Segambut] – DAP
23. “ Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin] – AMANAH
24. “ Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat] – AMANAH
25. “ Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] – PKR
26. “ Datuk Ignatius Dorell Leiking [Penampang] – WARISAN
27. “ Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy [Kota Belud] – WARISAN
28. “ Dato' Johari bin Abdul, D.S.D.K. [Sungai Petani] – PKR
29. “ Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor] – PKR
30. “ Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai] – PKR

31. Yang Berhormat Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan] – DAP
32. “ Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching] – DAP
33. “ Tuan Kesavan a/l Subramaniam [Sungai Siput] – PKR
34. “ Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam] – AMANAH
35. “ Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] – DAP
36. “ Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau] – PKR
37. “ Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] – PKR
38. “ Datuk Liew Vui Keong [Batu Sapi] - WARISAN
39. “ Tuan Lim Guan Eng [Bagan] – DAP
40. “ Tuan Lim Kit Siang [Iskandar Puteri] – DAP
41. “ Tuan Lim Lip Eng [Kepong] – DAP
42. “ Tuan Loke Siew Fook [Seremban] – DAP
43. “ Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya] – PKR
44. “ Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri] – PKR
45. “ Dato’ Mahfuz bin Haji Omar, D.S.D.K. [Pokok Sena] – AMANAH
46. “ Tuan Ma’mun bin Sulaiman [Kalabakan] – WARISAN
47. “ Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] – DAP
48. “ Tuan Mohamad bin Sabu [Kota Raja] – AMANAH
49. “ Datuk Mohamaddin bin Ketapi [Lahad Datu] – WARISAN
50. “ Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang] – AMANAH
51. “ Datuk Wira Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir [Temerloh] – AMANAH
52. “ Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Lumut] – AMANAH
53. “ Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K., D.S.A.P., D.M.S.M., J.P., S.P.M.P., S.P.D.K., P.G.D.K. [Semporna] - WARISAN
54. “ Tuan Mordi anak Bimol [Mas Gading] – DAP
55. “ Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau] – PKR
56. “ Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa, D.G.S.M. [Parit Buntar] – AMANAH
57. “ Puan Hajah Natrah Ismail [Sekijang] – PKR
58. “ Tuan Nga Kor Ming [Teluk Intan] – DAP
59. “ Dato’ Ngeh Koo Ham, D.P.M.P. [Beruas] – DAP
60. “ Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa] – PKR
61. “ Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar] – PKR
62. “ Puan Noorita binti Sual [Tenom] – DAP
63. “ Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok] – PKR
64. “ Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh] – PKR
65. “ Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] – DAP
66. “ Dr. Ong Kian Ming [Bangi] – DAP
67. “ Tuan Pang Hok Liong [Labis] – DAP
68. “ Tuan P. Prabakaran [Batu] – PKR
69. “ Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor] – DAP
70. “ Datuk Rozman bin Isli, K.M.W., P.P.N. [Labuan] - WARISAN
71. “ Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu] – PKR
72. “ Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong] – DAP

73. Yang Berhormat Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya] – PKR
74. “ Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail, D.G.S.M. [Kulim-Bandar Baharu] – PKR
75. “ Dato’ Seri Haji Salahuddin bin Ayub, D.S.P.N. [Pulai] – AMANAH
76. “ Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] – DAP
77. “ Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] – PKR
78. “ Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] – DAP
79. “ Tuan Sivarasa Rasiah [Sungai Buloh] – PKR
80. “ Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau] – PKR
81. “ Tuan Su Keong Siong [Kampar] – DAP
82. “ Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang] – PKR
83. “ Tuan Tan Kok Wai [Cheras] – DAP
84. “ Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju] – PKR
85. “ Tuan Teh Kok Lim [Taiping] – DAP
86. “ Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] – DAP
87. “ Puan Teo Nie Ching [Kulai] – DAP
88. “ Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara] – DAP
89. “ Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan] – DAP
90. “ Dato’ Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, D.P.P.N. [Pandan] - PKR
91. “ Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau, J.S.M., P.G.D.K., J.P., A.D.K., S.P.D.K. [Tuaran] - UPKO
92. “ Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] – PKR
93. “ Tuan Wong Chen [Subang] – PKR
94. “ Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera] – DAP
95. “ Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] – DAP
96. “ Tuan Wong Ling Bui [Sarikei] – DAP
97. “ Puan Wong Shu Qi [Kluang] – DAP
98. “ Tuan Wong Tack [Bentong] – DAP
99. “ Dato’ Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam D.J.M.K. [Kuala Langat] – PKR
100. “ Puan Yeo Bee Yin [Bakri] – DAP
101. “ Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji [Raub] – DAP

AHLI-AHLI (BEBAS)

1. Yang Berhormat Dato’ Wira Haji Amiruddin bin Haji Hamzah [Kubang Pasu]
2. “ Tuan Jugah a/k Muiyang @ Tambat [Lubok Antu]
3. “ Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]
4. “ Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]
5. “ Dato’ Seri Utama Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun]
6. “ Datuk Dr. Shahrudin bin Md Salleh [Sri Gading]
7. “ Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]

AHLI-AHLI (PBB)

1. Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi [Igan]
2. “ Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]
3. “ Datuk Robert Lawson Chuat [Betong]
4. “ Dato Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim, P.G.B.K., P.B.S., P.P.B., S.S.A.P. [Batang Lupar]
5. “ Puan Rubiah binti Wang [Kota Samarahan]
6. “ Tuan Haji Yusuf bin Abd Wahab [Tanjong Manis]

AHLI-AHLI (PDP)

1. Yang Berhormat Tuan Anyi Ngau [Baram]
2. “ Dato' Seri Tiong King Sing, S.S.S.A., D.S.S.A., J.P., P.J.N. [Bintulu]

AHLI-AHLI (PSB)

1. Yang Berhormat Dato' Masir Kujat, P.P.B., D.I.M.P., J.M.N. [Sri Aman]
2. “ Tuan Baru Bian [Selangau]

AHLI-AHLI (SUPP)

1. Yang Berhormat Dato' Sri (Dr.) Richard Riot anak Jaem, P.J.N., J.B.S., K.M.N., S.S.A.P.[Serian]

AHLI-AHLI (PRS)

1. Yang Berhormat Datuk Wilson Ugak anak Kumbong, P.J.N. [Hulu Rajang]

DEWAN RAKYAT**Ketua Pentadbir Parlimen**

Datuk Kamis bin Samin

Setiausaha Dewan Rakyat

Nizam Mydin bin Bacha Mydin

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Amisyahrizan bin Amir Khan

PETUGAS-PETUGAS**CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Rosna binti Bujairomi

Halijah binti Mat Sin

Alzian binti Baharudin

Muhammad Qhidir bin Mat Isa

Siti Norlina binti Ahmad

Noraidah binti Manaf

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Nor Liyana binti Ahmad

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli

Sherliza Maya binti Talkah

Nor Effazimmah binti Maliki

Nur Annisa binti Hamid

Herdawati binti Mohd Amir Abbu

Hasnah Sakinah binti Mohd Hashim

Nur Hazwanie binti Mohd Rozali

Nurul Atikah binti Basrudin

Ahmad Syahril bin Haji Sikari @ Sik'ari

Azmir bin Mohd Salleh

Mohd. Izwan bin Mohd. Esa

Nor Kamsiah binti Asmad

Aifarina binti Azaman

Noorfazilah binti Talib

Farah Asyraf binti Khairul Anuar

Julia binti Mohd. Johari

Syahila binti Ab Mohd Khalid

Ismalinda binti Ismail

Hazliana binti Yahaya

Amir Arshad bin Ab Samad

Hizamihatim Maggisa bin Juara

Muhammad Firdaus bin Ahmad

Izzul Syazwan bin Abdul Halim

Maryam binti Azinuddin

Mohd Aizuddin bin Pahrol Laili

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA
Rabu, 22 Julai 2020
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Azalina Othman Said)
mempengerusikan Mesyuarat]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Sebelum itu, Ahli-ahli Yang Berhormat, hari ini hari Rabu, 22 Julai 2020 Hari Sarawak yang disambut setiap tahun oleh negeri Sarawak... *[Tepuk]*

Saya mewakili seluruh Ahli-ahli Dewan Rakyat dan seluruh anggota pentadbiran dan kakitangan Parlimen Malaysia ingin mengucapkan Selamat Hari Sarawak kepada seluruh Ahli-ahli Yang Berhormat negeri Sarawak khususnya dan semua rakyat Malaysia dan rakyat di negeri Sarawak sekalian. Terima kasih.

Yang Berhormat, Pertanyaan-pertanyaan Jawapan Lisan. Saya menjemput Yang Berhormat Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim.

1. Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim [Batang Lupar] minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan, perancangan Majlis Penasihat Perpaduan Negara (MPPN) peringkat kebangsaan yang baharu ditubuhkan dalam menangani isu dan cabaran perpaduan di Malaysia.

Menteri Perpaduan Negara [Datuk Halimah binti Mohamed Sadique]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam perpaduan. Saya ingin mengambil kesempatan ini Tuan Yang di-Pertua, untuk mengucapkan Selamat Hari Sarawak kepada rakyat, khususnya kepada rakyat negeri Sarawak dan rakyat Malaysia, terutama kepada Yang Berhormat daripada Batang Lupar. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjawab soalan kepada Yang Berhormat Batang Lupar bersekali dengan soalan-soalan daripada Yang Berhormat Padang Terap pada 28 Julai dan yang kedua, Yang Berhormat daripada kawasan Rompin pada 4 Ogos. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, perpaduan rakyat Malaysia terserlah ketika kita bersama-sama memerangi COVID-19 dan masih lagi memerangi COVID-19. Kesan daripada ke sehaluan tanggungjawab bersama, maka rakyat telah pun menunjukkan kekuatan kita sebagai sebuah negara untuk terus kita bersatu memutuskan rangkaian COVID-19 ini.

Ini jelas Tuan Yang di-Pertua, mencerminkan kematangan rakyat tentang apa itu perpaduan dan kesatuan antara semua kaum demi negara kita yang tercinta. Kerajaan menyedari kepentingan untuk mempertingkatkan perpaduan dalam kalangan rakyat. Maka kerana itu, berbalik kepada soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat daripada Batang Lupar.

Saya ingin memaklumkan Tuan Yang di-Pertua, bahawa Kementerian Perpaduan Negara telah pun menubuhkan Majlis Penasihat Perpaduan Negara (MPPN) yang berperanan untuk menasihati kerajaan dalam segala hal ehwal yang berkaitan dengan perpaduan dan termasuk integrasi nasional. Kedua, untuk membantu kerajaan untuk terus mengukuhkan agenda perpaduan negara dalam usaha untuk menjamin kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara. Ketiga ialah untuk menggalakkan lagi lebih banyak usaha pemantapan perpaduan dan keharmonian ke arah penyatuan nasional.

Keempat, mencadangkan kaedah-kaedah penyelesaian terkini yang terbaik dan proaktif untuk kita terus berusaha untuk menangani segala isu-isu yang berkaitan dengan keharmonian dan cabaran-cabaran perpaduan. Tuan Yang di-Pertua, yang kelima ialah untuk mengurangkan usaha untuk penubuhan MPPN, selepas ini Yang Berhormat, saya sebut MPPN. Untuk mengurangkan jurang yang menghalang kepada perpaduan kaum ke arah pembinaan negara bangsa. Itu adalah merupakan peranan utama kepada penubuhan MPPN.

Mungkin saya boleh jelaskan sedikit sahaja lagi tentang apakah fungsi MPPN ini. Satu Yang Berhormat, untuk menjadi forum kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun bersetuju melantik Yang Berhormat Menteri Kanan *cluster* sosial sebagai Pengerusi kepada MPPN dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah bersetuju untuk melantik 23 Ahli-ahli Jawatankuasa kepada Majlis Penasihat Perpaduan Negara yang terdiri daripada kepelbagaian kepakaran. Sama ada ahli akademik, NGO dan sebagainya. Supaya MPPN ini dapat menjadi forum dalam usaha untuk kita bincangkan isu dan masalah seperti yang saya nyatakan peranan yang telah pun saya sebutkan tadi.

Kita berharap supaya dengan kesemua bilangan keahlian yang telah pun dilantik mengikut kepada kepakaran-kepakaran, maka ada usaha untuk menjana pemikiran dan idea ke arah menggubal satu Dasar Perpaduan Negara yang lebih komprehensif dan juga holistik, selaras dengan identiti Malaysia sebagai sebuah negara majmuk. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim [Batang Lupar]: Soalan tambahan, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri atas penjelasan tadi mengenai peranan Majlis Penasihat Perpaduan Negara. Jadi, saya ingin mengetahui apa sebenarnya beza di antara Majlis Penasihat Perpaduan Negara dengan Majlis Perundingan Keharmonian Rakyat? Bersempena juga dengan Hari Sarawak Yang Berhormat Menteri, Bandaraya Kuching telah diiktiraf sebagai Bandaraya Perpaduan Pertama di Malaysia, malah di dunia yang diisytiharkan pada 1 Ogos 2015. Apakah perancangan kementerian untuk mengekalkan status tersebut bagi Bandaraya Kuching dan program pemerkasaan yang dirangka dalam menepati model tersebut? Terima kasih.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, kepada persoalan asal Yang Berhormat Batang Lupar tadi mungkin saya tidak dapat menjawab secara menyeluruh dengan kekangan masa yang diberikan tetapi saya akan berikan *detail* lagi kepada Yang Berhormat Batang Lupar berkaitan dengan soalan pertama tadi MPPN ya.

■1010

Tuan Yang di-Pertua, apa beza antara MPPN dengan soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi? Perbezaannya, majlis konsultasi yang telah pun diwujudkan sebelum ini dipengerusikan oleh di kalangan penjawat awam dan NGO-NGO. Maka kerana itu, belum ada lagi tertubuh satu majlis yang dipengerusikan oleh seorang Menteri dan belum ada lagi satu majlis yang diletakkan di bawah kementerian yang bersifat sebagai badan penasihat kepada kementerian. Maka kerana itu, kita tubuhkan MPPN tadi.

Saya ingin mengambil kesempatan ini, Tuan Yang di-Pertua, untuk mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Sarawak kerana Bandar Raya Kuching telah pun diisytiharkan sebagai Bandar Raya Perpaduan pertama di Malaysia malah di dunia, yang telah pun diisytiharkan pada 1 Ogos 2015.

Saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat- saya ucapkan terima kasih kepada persoalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat Batang Lupar. Saya dengan pihak Yang Berhormat Menteri KPKT, kami akan bekerjasama supaya Bandaraya Kuching ini menjadi *benchmark* untuk Kementerian Perpaduan Negara dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bekerjasama untuk menentukan supaya semua 148 pihak berkuasa tempatan yang ada di seluruh negara termasuk enam hibrid- bermakna jumlah keseluruhan adalah 154 pihak berkuasa tempatan- akan diwujudkan satu program di mana KPN dan KPKT bekerjasama untuk wujudkan lebih banyak lagi majlis bandar raya, majlis perbandaran...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique: ...Majlis daerah ke arah bandar raya perpaduan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Terima kasih. Ada soalan tambahan, soalan yang kedua? Sebelah pihak... *[Disampuk]* Ada?

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Tuan Yang di-Pertua, Jelebu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Tidak ada? Jadi, kalau tidak ada, saya pergi...

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Jelebu, Jelebu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Oh, ada?

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Sebelah sini tidak ada ya?

Beberapa Ahli: Belakang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Belakang? Yang Berhormat?

Beberapa Ahli: Tampin.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Tampin. Tak ada keluar dia punya nama. Minta maaf. *Sound* ada?

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Ada. Ada, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Sekejap Yang Berhormat.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Jelebu bangun dahulu, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Tidak apalah, saya bagi Yang Berhormat Tampin. Saya tahu...

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Terima kasih.

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Yang Berhormat Jelebu kena duduk dahulu *[Ketawa]* Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri. Dalam memupuk semangat perpaduan antara kaum dan semangat cintakan negara, adakah Kementerian Perpaduan Negara akan pertimbangkan semula untuk mewujudkan *syllabus* pendidikan sivik yang telah ditangguhkan pada tahun 2013?

Kedua, apakah inisiatif yang akan dilakukan oleh kementerian dalam mengatasi isu-isu perkauman yang telah diperkatakan dalam masyarakat? Terima kasih.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Tampin. Saya sepatutnya menjawab soalan daripada Yang Berhormat Tampin pada 13 hari bulan hari itu tetapi tidak sempat. Akan tetapi saya sudah hantar jawapan bertulis kepada Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, langkah kementerian untuk mengekang segala unsur yang ada seperti ekstremis politik, agama, kaum dan sebagainya, apa yang perlu dilakukan, Tuan Yang di-Pertua- berbalik kepada soalan pertama yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tampin tadi.

Pihak kementerian, Yang Berhormat, sedang mengusahakan- kerana sempena dengan sambutan 50 tahun Rukun Negara, pihak kementerian bersama-sama dengan pihak Kementerian Pengajian Tinggi, bersama-sama dengan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia sedang berbincang dalam usaha untuk meletakkan pendidikan Rukun Negara dalam sistem pendidikan semula. Kalau dahulu kita ada pendidikan sivik, masa saya dahulu ada pendidikan tatanegara, kita hendak masukkan balik supaya dapat dipertimbangkan terutama daripada Kementerian Pendidikan Malaysia untuk kita serapkan kembali pendidikan Rukun Negara ke sistem pendidikan negara melalui sekolah-sekolah rendah dan menengah dan aktiviti Sekretariat Rukun Negara bersama dengan pihak Kementerian Pengajian Tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, apa pun, masyarakat kita Malaysia terutamanya perlu dididik untuk memahami, menghormati antara kita satu sama lain dan juga undang-undang yang ada.

Saya harap mudah-mudahan dengan Program Pelan Tindakan Perpaduan yang akan dilancarkan, *insya-Allah*, pada tahun ini, Tuan Yang di-Pertua, kita akan mulakan *roadshow* Berfikir Perpaduan Bersama Rakyat bermula pada 1 Ogos hingga 31 Ogos dan kemudian kita akan lancarkan pelan ini.

Saya harap mudah-mudahan pelan yang akan dilancarkan ini berdasarkan kepada *blueprint* perpaduan akan dapat diterjemahkan kepada pelbagai bentuk program dan juga projek yang, *insya-Allah*, akan dapat mendekatkan lagi dan mengikat perpaduan yang erat di antara kaum dengan kaum...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique: ...Dan juga mengharmonikan agama. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Tuan Yang di-Pertua, boleh satu sahaja? Perpaduan ini penting, Tuan Yang di-Pertua. Sangat penting. Boleh bagi saya satu sahaja, Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Boleh atau tidak dalam 30 saat?

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Dalam masa 30 saat boleh?

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Boleh sangat. Tuan Yang di-Pertua, perpaduan sangat penting. Saya hendak tanya satu soalan. Kenapakah Bandaraya Kuching sahaja diisytiharkan sebagai Bandar Raya Perpaduan berbanding dengan banyak bandar raya yang mesti diisytiharkan mulai sekarang? Pertama.

Kedua, Tuan Yang di-Pertua, ada atau tidak tindakan penguatkuasaan kepada mana-mana pemimpin sama ada pemimpin daripada parti kerajaan atau parti pembangkang yang mencetuskan perbalahan antara kaum yang mesti diambil tindakan oleh pihak kerajaan? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat, saya sudah sebut tadi Bandar Raya Kuching diisytiharkan sebagai Bandar Raya Perpaduan pada tahun 2015, sebelum adanya kementerian ini lagi. Saya pun sudah sebut kita akan buat kerjasama dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk semarakkan lagi supaya 148 pihak berkuasa tempatan akan diletakkan dalam peta sebagai bandar perpaduan pada masa yang terdekat. Sudah jawab soalan pertama.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Menteri jangan marah, Yang Berhormat Menteri.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique: Tidak, tidak. Itu bukan marah [Ketawa] Itu soalan cikgu jawab.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Menteri Perpaduan jangan marah.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique: Tuan Yang di-Pertua, saya tinggal 26 saat sahaja. Apakah langkah yang perlu dilakukan sekiranya sengaja mencetus provokasi? Yang Berhormat, ia boleh disiasat. Tidak kira walau siapa, ahli politik kah atau siapa pun, sekiranya mencetuskan provokasi boleh disiasat dan boleh didakwa di bawah seksyen 298A Kanun Keseksaan di bawah Akta 574, seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia (AKMM) 1998.

Walaupun begitu, Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian tetap mahu menggunakan kaedah yang lebih menyemarakkan suasana perpaduan itu tanpa mendidik masyarakat melalui perundangan yang ada. Jadi, maka kerana itu, kita akan juga mempromosikan dan menggalakkan lagi kaedah-kaedah mediasi komuniti dan sebagainya untuk menangani segala pertelingkahan, pertikaian, persengketaan yang ada dalam komuniti dan sebagainya.

Saya harap saya jawab. Kalau tidak, nanti saya jawab dekat belakang masa kita minum kopi. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Jelebu, orang Johor nampak sahaja garang, hati lembut.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Termasuk Speaker. Speaker pun orang Johor.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Tidak apa, tidak apa. Saya komen sahaja. Tidak apa, tidak apa.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Hati lembut sahaja Speaker. Itu yang saya selalu sokong Timbalan Speaker ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Terima kasih. Yang Berhormat Dato' Johari bin Abdul.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan Selamat Hari Sarawak. Didoakan Sarawak terus maju dan aman.

2. **Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan, pendirian kerajaan kini tentang penyertaan Malaysia dalam *Open Government Partnership*, yang kini telah dianggotai oleh 76 buah negara di seluruh dunia

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Kamarudin Jaffar]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga kepada sahabat saya Yang Berhormat Sungai Petani kerana mengemukakan soalan beliau tadi.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, *Open Government Partnership (OGP)*, dengan izin, merupakan satu inisiatif di peringkat pelbagai hala yang diasaskan pada 20 September 2011 oleh pemimpin-pemimpin dari lapan buah negara iaitu Afrika Selatan, Amerika Syarikat, Brazil, Filipina, Indonesia, *Mexico*, Norway dan *United Kingdom*. Ibu Pejabat OGP terletak di Amerika Syarikat dan Sekretariat OGP di London, *United Kingdom*.

Dalam konteks ini, Jabatan Perdana Menteri di bawah Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan (UPP) telah dilantik oleh kerajaan yang lalu pada tahun 2018 sebagai penyelaras keseluruhan untuk memantau dan mengkaji semua strategi yang berkaitan dengan janji-janji di dalam Manifesto Pakatan Harapan bagi tempoh lima tahun iaitu bermula dari tahun 2018 hingga 2023. Antara lain, Janji 14 di bawah Inisiatif 82 dan Janji 60 di bawah Inisiatif 332 menyentuh mengenai penyertaan Malaysia ke OGP yang merupakan platform antarabangsa mengenai keterbukaan dan ketelusan kerajaan.

■1020

Selanjutnya UPP telah melantik Kementerian Luar Negeri pada November 2018 sebagai agensi peneraju atau *focal agency*, dengan izin, untuk menyelaraskan pelaksanaan Janji 14 yang bertajuk Mereformasi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan Memperkasa Usaha Membanteras Rasuah dan Janji 60 yang bertajuk Memartabatkan Peranan Malaysia dalam Institusi Antarabangsa.

OGP memberi fokus kepada isu-su yang berkaitan dengan pembanteras rasuah, pengukuhan pentadbiran atau, dengan izin, *governance*, ketelusan fiskal dan akses kepada maklumat. Berdasarkan kajian awal yang dibuat, Kementerian Luar Negeri berpandangan bahawa cadangan penyertaan Malaysia dalam OGP perlu dikaji dengan lebih mendalam dan komprehensif lagi oleh agensi-agensinya pelaksana yang berkaitan termasuk Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC), Kementerian Kewangan dan Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) bagi menilai faedah penyertaan Malaysia dalam inisiatif ini serta implikasi kewangan dan undang-undang yang akan terlibat.

Sepertimana kementerian-kementerian lain juga, fokus Wisma Putra pada ketika ini adalah tertumpu kepada isu-isu berkaitan fasa pemulihan COVID-19. Walau bagaimanapun, Wisma Putra akan terus memberi perhatian yang sewajarnya kepada Kajian OGP ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat, soalan tambahan yang pertama.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. *Alhamdulillah*, saya sedang memegang buku janji-janji yang telah pun kita berikan kepada rakyat dalam manifesto yang lalu cuma soalan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Melihat kepada *Open Government Partnership* dan juga *declaration* yang telah pun mereka lakukan mempunyai niat dan tujuan penubuhan begitu terbuka, murni dan membawa semangat kemanusiaan sejagat. Apatah lagi ia juga mengajak supaya kerajaan terus bertindak dengan masyarakat madani ataupun *civil society* bagi mencakupi hal-hal keterbukaan, *accountability*, penyertaan masa dalam pentadbiran negara. Ini adalah satu yang murni.

Adakah kerajaan yang sekarang ini berhajat untuk meneruskan perkara-perkara yang telah saya sebutkan tadi supaya dilihat setelah 2011 ditubuhkan *Open Government Partnership* ini tetapi kita sebagai sebuah negara yang merdeka dilihat sebagai sebuah negara demokrasi boleh sama-sama dapat manfaat daripada apa yang telah pun saya sebutkan tadi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Kamarudin Jaffar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani. Saya memahami hasrat kita bersama untuk mengadakan dan mempunyai suatu pentadbiran pengurusan kerajaan yang lebih terbuka dan sebagainya dan sebagaimana yang saya maklumkan tadi.

Oleh kerana ia melibatkan agensi dan kementerian-kementerian lain maka oleh sebab itu dalam kita membuat kajian dan akhirnya peringkat kerajaan untuk membuat keputusan penyertaan, kita masih lagi memerlukan untuk berbincang dengan agensi-agensi yang terlibat ini supaya segala implikasinya akan dapat kita fahami dahulu sebelum kita buat keputusan yang muktamad itu nanti. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Terima kasih. Soalan tambahan yang kedua?

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Yang Berhormat Jempol.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Jempol.

Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Yang Berhormat Hulu Rejang.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya apakah pihak kementerian sedar bahawa antara perkara yang ditimbang dalam perjanjian OGP ini adalah berkaitan untuk memperkasakan golongan LGBT yang tidak mengambil kira sensitiviti budaya Agama Islam sebagai Agama Rasmi.

Apakah tahap kesiapsiagaan kerajaan ke arah kerajaan terbuka, *open government* sepertimana di bawah OGP dari segi menjaga keselamatan data-data sulit yang mampu membawa ancaman kepada negara. Mohon jawapan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Dato' Kamarudin Jaffar: Terima kasih Yang Berhormat Jempol. Sekali lagi hampir sama jawapan kita iaitu sebagaimana saya sebutkan tadi ia melibatkan agensi-agensi dan kementerian-kementerian yang lain. Maka dengan sebab itu, isu-isu berkaitan dengan LGBT misalnya perlulah Kementerian Luar Negeri rujuk kepada kementerian-kementerian yang terlibat untuk mendapatkan pandangan mereka.

Begitu juga sama ada *open government* ini akan mengancam keselamatan negara kita, pihak-pihak yang lain di kementerian khususnya Jabatan Perdana Menteri akan dirujuk termasuk Kementerian Pertahanan supaya kalau kita berhasrat untuk menyertai *open government* ini sama ada ia boleh dikawal ataupun akan terancam. Jadi pertimbangan-pertimbangan inilah yang memerlukan kerajaan yang baharu ini untuk merujuk dahulu kepada kementerian-kementerian dan agensi-agensi yang lain. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Terima kasih. Sekarang saya menjemput Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli. Silakan.

3. Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun] minta Perdana Menteri menyatakan, apakah usaha-usaha yang dibuat oleh Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) dalam menyelesaikan isu-isu agama berkaitan pelaksanaan ibadah yang timbul sepanjang penularan wabak COVID-19.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) [Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* Tuan Yang di-Pertua. Saya mulakan dengan firman Allah Taala. *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Imam al-Maraghi seorang ahli tafsir terkemuka menyatakan “Allah SWT memberikan khabar bahawa dia pasti menguji hambaNya yang beriman dan beberapa ujian supaya mereka ini sentiasa bersabar dan kemudian melafazkan lafaz *Innalillahi wainnailayhi raji’un sebagai tanda sabar dan syukur*”. Inilah senjata yang ampuh dengan menggunakan kebijaksanaan untuk mengatasi rintangan dan cabaran di samping doa dan tawakal.

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan melalui Jabatan Perdana Menteri Hal Ehwal Agama sentiasa proaktif melaksanakan pelbagai usaha dan inisiatif bagi menyelesaikan isu-isu berkaitan pelaksanaan ibadah yang timbul dalam kalangan umat Islam sepanjang penularan wabak COVID-19. Antara usahanya kita mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah Khas Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) sebanyak tujuh kali yang tidak pernah berlaku dalam sejarah Malaysia dalam jumlah masa tempoh yang sedikit.

Antara isu yang dibincangkan adalah solat jemaah dan solat Jumaat di masjid, pernikahan secara *online*, ibadah dalam bulan puasa, pembayar zakat, sambutan Hari Raya Aidilfitri, pelaksanaan ibadah haji dan korban dengan mengambil kira nasihat daripada Kementerian Kesihatan dan juga Majlis Keselamatan Negara. Hasil daripada mesyuarat khas yang telah dilaksanakan maka kerajaan telah mengeluarkan beberapa garis panduan di mana ianya untuk memudahkan dan memberi kefahaman kepada khalayak masyarakat dengan kerjasama Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Kesihatan.

Antaranya kaedah pelaksanaan ibadah dalam bulan Ramadhan. Garis panduan kedudukan saf solat, garis panduan pelaksanaan ibadah korban, garis panduan solat sunat Hari Raya Aidilfitri, *tips* menghadapi COVID-19, garis panduan solat musafir, garis panduan pelaksanaan ibadah dalam bulan Ramadhan, hukum saringan dan prosedur rawatan pesakit COVID-19 semasa Ramadhan, garis panduan sambutan Hari Raya Aidilfitri dalam tempoh PKP, garis panduan pelaksanaan perkahwinan orang Islam, garis panduan solat Jumaat.

Mengambil kira keperluan tersebut juga lebih mendalam dari sudut agama, saya sendiri telah mengambil inisiatif mengarang dua buku *Inilah Doaku*, dan *Soal Jawab Fiqh*. Kedua-dua buku ini telah didapatkan secara percuma di Jabatan Perdana Menteri dan juga dilaporkan 50 ribu orang pengunjung web telah memuat naik buku-buku itu termasuk disebarkan melalui medium *WhatsApp* dan *Telegram Messenger*.

Selain daripada itu, risalah khas Al-Bayan yang kini masuk kepada siri kedua turut memberi pencerahan kepada umat Islam berkenaan penangguhan ibadah haji, penjelasan berhubung isu korban dan lain-lain lagi. Hakikatnya kami berusaha dengan seupaya mungkin untuk menyelesaikannya termasuklah memberi kempen. Antara buku ini... *[Menunjukkan senaskhah buku]* Kita akan edarkan di sini semuanya *insya-Allah* termasuk *Fiqh COVID* dan yang terbaharu *Penangguhan Ibadah Haji*.

■1030

Oleh kerana itu, kerana situasi COVID-19 ini adalah kali pertama dalam sejarah Malaysia dan menyebabkan beberapa kaedah pelaksanaan ibadah perlu dikaji semula bagi mencapai matlamat *maqasid syariah*, menjaga nyawa, di samping memelihara kesucian agama. Harapan kami agar usaha yang dilakukan ini mampu menjadi panduan sekiranya berlaku lagi penularan wabak sebegini di masa akan datang. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato’ Sri Azalina Othman Said]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat, ada soalan tambahan? Silakan.

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Oleh kerana umat Islam di Malaysia semakin menghampiri pelaksanaan ibadah korban, saya ingin mendapatkan maklum balas berkait dengan satu inovasi penyembelihan berasaskan teknologi bagi mematuhi SOP yang ditetapkan oleh MKN. Adakah teknologi penyembelihan tersebut akan diperkenalkan dalam masa terdekat dan juga untuk masa-masa akan datang? Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri: Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kita sudah edarkan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) prosedur operasi standard (SOP) ibadah korban sebagai mana yang sebut tadi... *[Menunjukkan dokumen berkaitan]* Dengan terperinci.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kami juga telah bekerjasama dengan MOSTI untuk melihat apakah perkara yang mungkin dapat dilaksanakan dengan sebaiknya ketika dilakukan ibadah korban. Hasilnya, kita telah menempah lebih daripada lapan sangkar yang telah dibuat ataupun didemonstrasikan kepada kami dan kami akan laksanakan dengan sebaik mungkin.

Hal ini kemungkinan besar akan dikembangkan di tempat-tempat lain jika sekiranya ia bersesuaian, *insya-Allah*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Terima kasih. Ada soalan tambahan kedua? Silakan. Saya rasa Yang Berhormat Shah Alam berdiri dulu.

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Baik, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya tentang persoalan solat Jumaat yang walaupun telah diadakan SOP yang baharu dan kebenaran untuk meramaikan ahli jemaah tetapi ia tetap merupakan satu masalah bagi ramai. Adakah pihak kementerian memikirkan kemungkinan membenarkan masjid-masjid dan surau-surau yang sebelum ini mungkin surau-surau yang tidak dibenarkan mendirikan solat Jumaat, untuk mengadakan solat Jumaat dan masjid-masjid untuk membenarkan solat Jumaat itu sampai ke luar kawasan sambil mengamalkan SOP.

Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Untuk menjawab persoalan ini oleh kerana ia terkait dengan hukum, biasanya apa yang kita lakukan adalah kita mengadakan muzakarah kebangsaan. Muzakarah ini khusus kepada tajuk-tajuk seperti ini.

Makanya, dalam keputusan yang dikemukakan baru-baru ini, kita nyatakan bahawa solat Jumaat mesti mengikut SOP dengan MKN dan juga nasihat daripada Kementerian Kesihatan Malaysia.

Bagi penjarakan sosial ini kita tetap kekalkan. Untuk menjustifikasikan hal ini, kami telah merujuk ulama-ulama sedunia, termasuk Syaikhul Azhar, begitu juga pandangan daripada mufti Mesir dan juga pendapat di kalangan ulama-ulama di Arab Saudi, termasuk Sheikh Abdullah bin Bayyah, begitu juga dengan pandangan Sheikh Qaradaghi.

Jadi, apa yang kita putuskan, kita laksanakan solat Jumaat dengan penjarakan sosial dan dibenarkan untuk solat Jumaat di luar daripada solat ruang utama, di samping saat yang sama di Wilayah Persekutuan kita telah memilih ataupun membenarkan kepada surau-surau untuk memohon solat Jumaat. *Alhamdulillah* kebanyakannya telah diberi *response* yang baik, *wallahu a'lam*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Terima kasih. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Dr. Ong Kian Ming.

4. Dr. Ong Kian Ming [Bangi] minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, tentang anggaran *Total Industry Volume* (TIV) untuk sektor automotif pada tahun 2020 dan apa langkah yang sedang dan akan diambil oleh kerajaan untuk memberikan bantuan dan insentif yang bersasar kepada industri ini.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Bangi. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, pandemik COVID-19 ini, dengan izin, *has triggered unintended economic consequences*. Semua sektor ekonomi, termasuk sektor automotif turut terjejas dari segi pelaburan, pengeluaran dan juga penjualan. Persatuan Automotif Malaysia- *Malaysia Automotive Association*, telah menyasarkan *total industry volume* (TIV) sebanyak 607 ribu unit bagi tahun 2020. Merangkumi kenderaan penumpang dan perdagangan. Sasaran ini telah dikaji semula oleh MAA kepada 400 ribu unit, mengambil kira keadaan ekonomi semasa global dan domestik.

Penjualan kenderaan penumpang dan perdagangan telah mengalami kemerosotan mendadak dalam bulan April 2020 dengan mencatatkan hanya 141 unit, berbanding dengan jualan dalam bulan Mac 2020 sebanyak 22,478 unit. Berikutan langkah kerajaan membuka semula sektor-sektor ekonomi mulai 4 Mei 2020, jumlah jualan kenderaan kembali meningkat pada bulan Mei 2020 dengan TIV sebanyak 22,960 unit.

Jumlah jualan kenderaan tersebut masih jauh lebih rendah berbanding 60,760 unit yang dicatatkan bagi bulan yang sama pada tahun 2019. Menerusi perangkaan yang dikeluarkan oleh *Motorcycle and Scooter Assemblers and Distributors Association of Malaysia* (MASAAM) tiada sebarang transaksi jualan motosikal dilakukan pada April 2020. Walau bagaimanapun, penjualan motosikal kembali mencatatkan penjualan sebanyak 19,507 unit pada Mei 2020 dan 42,190 unit pada Jun 2020.

Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) telah menawarkan insentif pengecualian cukai jualan 100 peratus bagi kenderaan penumpang yang dipasang di dalam negara dan pengecualian 50 peratus ke atas kenderaan penumpang yang diimport. Kadar cukai jualan adalah 10 peratus daripada harga kenderaan di kilang. Pengecualian cukai jualan adalah bertujuan untuk membantu merancakkan semula jualan kenderaan penumpang di dalam pasaran domestik.

Tuan Yang di-Pertua, insentif pengecualian cukai tersebut memberikan pengurangan harga kenderaan penumpang secara purata sebanyak 3.32 peratus. Sebagai contoh, sekiranya Mak Cik Kiah ingin membeli sebuah Perodua Myvi 1.3G yang dipasang tempatan, beliau perlu membayar harga asal sebanyak RM44,590. Dengan pengecualian cukai jualan 100 peratus, beliau kini hanya perlu membayar RM43,029 dengan kadar penjimatan sebanyak RM1,561 atau 3.5 peratus.

Satu lagi contoh, sekiranya Encik Ong membeli Mercedes-Benz S560 yang diimport, beliau perlu membayar harga asal sebanyak RM658,888 dengan pengecualian cukai jualan sebanyak 50 peratus...

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat.

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Saya hendak tanya. Kenapa yang Melayu beli Myvi, yang Cina beli Mercedes?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat, ini peraturan mesyuarat apa?

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Ini satu *racial stereotyping*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Tidak apa Yang Berhormat. Ini *floor Minister*.

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Tidak, saya hendak *highlight* benda itu sahajalah [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Nanti soalan tambahan, Yang Berhormat hendak tanya kah, saya pilih balik.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Shah Alam rasis.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Panjang lagi Yang Berhormat? Panjang lagi Yang Berhormat Menteri?

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali: Saya sebut tadi sebagai satu contoh.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Akan tetapi boleh bagi jawapan bertulis Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali: Saya boleh tukar, satu lagi contoh, sekiranya Encik Khalid membeli Mercedes-Benz... [*Tepuk*] [*Ketawa*] ..S560 yang diimport...

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat, bukan encik.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Dari Shah Alam.

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali: ...beliau perlu membayar harga asal sebanyak RM658,888. Dengan pengecualian cukai jualan sebanyak 50 peratus, beliau kini hanya perlu membayar RM646,626 dengan kadar penjimatan sebanyak RM12,262 atau 1.86 peratus.

■1040

Pihak kerajaan khususnya MITI sedang menyusun semula pelan tindakan dalam melaksanakan Dasar Automatif Nasional 2020 bertujuan menjadikan sektor automatif negara lebih berdaya saing dan maju.

Langkah ini akan dapat membantu menyegerakan pemulihan sektor automatif negara melalui galakan pelaburan dalam segmen kenderaan berteknologi tinggi dan mesra alam sekitar, pembangunan tenaga mahir tempatan, peningkatan aktiviti pembuatan bernilai tinggi terutamanya bagi produk pasaran lepas jualan- *after sales market*, serta mengaplikasikan teknologi termaju dalam rantaian bekalan automatif. Terima kasih.

Dr. Ong Kian Ming [Bangi]: Terima kasih. Saya memang bersetujulah dengan apa Yang Berhormat Shah Alam kata tadi, kita tak perlu stereotaip orang Cina beli *Mercedes*, Orang Melayu beli *Perodua*. Saya rasa ini memberi gambaran yang tidak begitu tepat.

Soalan tambahan saya ialah berdasarkan kepada Dasar Automatif Kebangsaan yang telah disebut oleh Yang Berhormat Gombak tadi, dasar ini telah dilancarkan oleh Yang Berhormat Langkawi dan juga Yang Berhormat Penampang pada awal bulan Januari pada tahun ini. Salah teras dalam dasar ini ialah promosikan *Next Generation Vehicle (NxGV)*, dengan izin. Ia termasuk kenderaan elektrik dan juga kenderaan yang *level automation level three*.

Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri sama ada pihak MITI akan menggunakan peluang ini semasa wabak COVID ini untuk memberi insentif baharu untuk mencapai matlamat menjadikan Malaysia sebagai hab di Asia Tenggara untuk pembuatan dan juga R&D kenderaan NxGV. Ini kerana sebagaimana yang saya tahu, tidak ada mana-mana kereta elektrik, kenderaan elektrik ataupun kenderaan hibrid yang sedang dipasang secara CKD di Malaysia. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Satu minit ya Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali: Terima kasih Yang Berhormat Bangi. Kita sedia maklum bahawa NAP 2020 yang dilancarkan pada awal tahun ini memberikan fokus kepada tiga elemen yang baharu iaitu *Next Generation Vehicle*, *Mobility as a Service* dan juga *Industrial Revolution 4.0*. Khusus untuk *Next Generation Vehicle* ini, kita sedang membangunkan standard kenderaan EV dan juga *next generation* yang dijangka akan diperkenalkan pada tahun 2021.

Untuk makluman Yang Berhormat, pembangunan *test speed next generation vehicle* ini sedang dibangunkan di Cyberjaya bagi tujuan memudah cara pengujian dan juga pembangunan tempatan teknologi-teknologi yang berkaitan dengan *next generation* ini. Terima kasih.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang sebagaimana yang dimaklumkan tadi bahawa kerajaan mulai 15 Jun hingga 31 Disember mengecualikan cukai jualan 10 peratus, satu peratus untuk CKD, 50 peratus untuk CBU. Akan tetapi Yang Berhormat Menteri tadi memberi contoh harga hanya turun 3.3 peratus kepada 3.5 peratus untuk CKD. Mengapa tidak turun 10 peratus harga kereta ini? Apabila kerajaan mengurangkan cukai 10 peratus, sepatutnya harga kereta logiknya turunkah banyak, bukan hanya 3.3 peratus kerana kita ingin menguntungkan rakyat. Seterusnya, apakah perkembangan Projek Kereta Nasional Ketiga? Apakah justifikasi? Siapakah yang bayar? Apa faedah Projek Kereta Nasional Ketiga itu- terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali: Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Saya ingin menjelaskan di sini bahawa kadar cukai jualan sebanyak 10 peratus adalah dikenakan ke atas harga kenderaan di kilang dan bukan harga di atas jalan (OTR). Sebagai contoh, *MyVi*, kalau harga di kilang hanya RM15,610 tetapi dicampurkan dengan aksesori, insurans, *road tax* dan sebagainya, harga di atas jalan hari ini ialah RM44,590. Jadi 10 peratus cukai jualan bukan dikenakan berdasarkan OTR- 10 peratus dikenakan berdasarkan harga di kilang. Jadi bila kita *waived 100 percent* cukai jualan itu ialah berdasarkan 10 peratus terhadap harga di kilang.

Tentang kedudukan kereta yang ketiga Tuan Yang di-Pertua, perkara ini memang termaktub di dalam NAP 2020 dan kita ada *framework* untuk memastikan semua kriteria untuk *new national car* ini mesti dipatuhi. Sekarang ini kita mahu memastikan syarikat bumiputera yang telah pun diberikan tanggungjawab untuk membangunkan dan bekerjasama dengan MARii ini dapat meneruskan usaha-usaha ini dan tidak ada peruntukan daripada kerajaan yang disalurkan kepada usaha ini. Ini semua inisiatif pihak swasta. Terima kasih.

5. Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman] minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan, langkah yang lebih efektif bagi menarik minat golongan muda dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) selari dengan Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) negara.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Kemaman atas soalan tadi.

Selain daripada program-program pembudayaan sains seperti Minggu Sains Negara dan juga program-program yang dilaksanakan oleh Pusat Sains Negara, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi akan terus mempromosikan sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) secara berterusan dan lebih agresif bagi menarik minat golongan muda dalam bidang STEM. Ini termasuklah melancarkan kempen sains untuk semua bagi kita meningkatkan lagi pembudayaan sains.

Namun demikian, masalah yang kita hadapi adalah tanggapan dan juga mungkin realiti di kalangan pelajar-pelajar dan juga anak-anak muda yang risau bahawa mereka tidak akan dapat pekerjaan yang setimpal dengan kelayakan mereka dan juga dari segi gaji pemula yang ditawarkan kepada graduan STEM ini adalah agak rendah. Oleh yang demikian, MOSTI melalui Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara 2021-2030 akan mengukuhkan perkongsian sektor awam swasta untuk meningkatkan permintaan graduan STEM melalui kerjasama dalam program pembiayaan seperti program tajaan biasiswa, latihan industri dan perantis dengan industri untuk pelajar-pelajar STEM yang berpotensi.

Pada masa ini, mana-mana syarikat yang mendapat pembiayaan R&D dari MOSTI atau agensinya wajib menyediakan ruang pekerjaan sebagai pegawai penyelidik atau pembantu penyelidik bagi menyiapkan projek R&D dan dibiayai. Kita juga akan mengukuhkan mekanisme yang menyokong keusahawanan *techno* dengan menggalakkan penglibatan graduan STEM dalam keusahawanan bagi mengurangkan kebergantungan terhadap pasaran pekerjaan. Kita juga akan mewujudkan pendekatan bersepadu dalam pemetaan kerjaya STEM yang bukan sahaja melihat pemetaan bidang pendidikan dengan pekerjaan, malah melihat pekerjaan yang berpotensi wujud dalam bidang STEM di masa hadapan.

Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara mensasarkan pembangunan satu direktori penawaran dan permintaan bakat STEM yang komprehensif berdasarkan kepada *STI foresight* meliputi bidang tugas kelayakan yang berkaitan kompetensi dan kemahiran teknikal dijadikan sebagai rujukan majikan dan pencari kerja. Kita akan padankan dengan lebih baik lagi. Kita akan menambah baik laluan kerjaya dan imbuhan untuk menjadikan STEM sebagai kerjaya pilihan utama dan menarik bakat yang unggul melalui penggubalan polisi berkaitan penetapan gaji wajar untuk pekerjaan berkaitan STEM.

Pada masa ini, gaji pemula yang ditawarkan adalah terlalu rendah. Antara RM1,500 hingga RM2,000 berbanding dengan kemahiran yang dimiliki. MOSTI akan bekerjasama dengan Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Sumber Manusia, JPA dan Jabatan Perangkaan Malaysia bagi menjalankan kajian mengenai penambahbaikan skim gaji graduan STEM yang berkhidmat di sektor awam dan juga sektor swasta.

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan, adakah pihak kementerian mempunyai perancangan dalam menyetengahkan sesuatu bidang khusus di bawah STEM yang akan menjadi keutamaan di dalam perancangan sama ada jangka masa panjang mahupun jangka masa pendek MOSTI sama ada dari sudut pendidikan, peluang pekerjaan mahupun pembangunan ekonomi negara. Jika ada, apakah bidang-bidang tersebut? Mohon penjelasan, terima kasih.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Selain daripada Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara, pihak MOSTI telah sediakan Rangka Kerja Sains, Teknologi, Inovasi dan Ekonomi iaitu suatu metrik yang menggariskan 10 pemacu sains dan teknologi dengan 10 pemacu sosioekonomi.

■1050

Rangka kerja ini telah mendapat persetujuan Majlis Sains Negara yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam mesyuarat yang berlangsung pada 14 Julai 2020 yang lepas. Matriks ini Tuan Yang di-Pertua, adalah sejumlah 10 pemacu sains, *5G and 6G sensor technology, 4D and 5D printing advanced material, advanced intelligent system, cyber security encryption of mantic analytics and data discovery, block chain, Euro technology, bioscience technology*, dengan izin.

Inilah 10 bidang yang kita akan utamakan. Menerusi rangka kerja ini, sebanyak 30 bidang keutamaan telah dikenal pasti bagi membentuk suatu ekosistem saling melengkapi termasuklah dari sudut pendidikan, peluang pekerjaan dan pembangunan ekonomi. Bidang keutamaan tersebut antaranya adalah *fintech* kewangan Islam, pelancongan digital, *precision biodiversity*, *precision medicine* dan kesihatan digital. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Soalan tambahan yang kedua Yang Berhormat, bagi *ladies*.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: Johor Bahru. Boleh? Mungkin selepas itu boleh satu lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: *Ladies first*.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Menteri atas jawapan. Sebelumnya isu graduan STEM dibangkitkan juga oleh mantan Yang Berhormat Menteri Pendidikan dan juga mantan Yang Berhormat Menteri MESTECC. Disebut bahawa setiap tahun negara mengalami kekurangan seramai 6,000 orang pelajar dalam bidang ini.

Yang Berhormat Menteri jawab tadi tentang peluang pekerjaan gandingan dengan pihak industri. Persoalan saya, pada tahun lepas hampir setengah juta pelajar di sekolah luar bandar menjalani Program Pendidikan ESTECC, kolaborasi dengan Yayasan Hijau Malaysia.

Bagi tahun ini, adakah Yang Berhormat boleh mengambil kira memandangkan PKP buat sekolah sudah dihentikan. Anak-anak baru memulakan persekolahan, maka Program Pendidikan ESTECC ini dapat diteruskan bersama dengan Yayasan Hijau Malaysia bagi tahun ini?

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Terima kasih Yang Berhormat atas cadangan tadi. Program Pendidikan ESTECC ini telah bermula sejak bulan Februari yang lepas. Program ini adalah program yang dilaksanakan dengan rakan strategik swasta yang diterajui oleh Yayasan Hijau Malaysia. Program ini adalah sebenarnya program yang baik sebab dapat memberikan pendedahan kepada sekolah-sekolah di kawasan luar bandar seperti mana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

Namun demikian, oleh kerana program ini adalah di bawah Yayasan Hijau Malaysia yang kawal seliaan ini sekarang diletak di bawah Kementerian Alam Sekitar dan Air, saya akan minta penyelarasan dengan kementerian tersebut untuk mempertimbangkan sama ada program ini dapat dijalankan ataupun tidak. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Menteri ada daripada Yang Berhormat Johor Bahru, boleh? Silakan. Pendek sahaja.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: Okey terima kasih. Pendek sahaja. Tadi sebab Yang Berhormat Menteri ada sebut memang gaya macam Yang Berhormat Menteri Pelajaranlah. Cuma yang saya hendak tanyakan tadi sebab soal gaji tadi merupakan satu masalah yang besar. Akan tetapi ketika sepanjang COVID-19 ini juga kita nampak inovasi di kalangan anak muda yang ke depan iaitu melibatkan membantu dalam soal membanyakkan PPE dan sebagainya menggunakan teknologi *3D printing*.

Jadi, kalau boleh pihak kementerian untuk menarik minat- oleh sebab soalan tadi menarik minat golongan muda selain memberi penekanan dari soal kerjaya gaji di samping juga menunjukkan bahawa STEM ini membantu masyarakat secara langsung. Kalau boleh pihak Yang Berhormat Menteri juga, selain kita *appreciate* ataupun memberi pengiktirafan kepada *frontliners*, kita bagi juga pengiktirafan kepada mereka yang membantu *frontliners* yang buat PPE ini dan sebagainya. Terima kasih.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Ya terima kasih kepada Yang Berhormat Johor Bahru atas cadangan dan juga soalan tadi. Memang, melalui agensi-agensi di bawah MOSTI kita telah bekerjasama dengan beberapa *locals* yang *innovators* dengan izin, yang telah ke depan waktu wabak COVID-19 ini untuk menghasilkan inovasi-inovasi termasuklah PPE dan sebagainya.

Saya setuju sangat dengan cadangan daripada Ahli Yang Berhormat Johor Bahru tadi bahawa mereka inilah yang patut kita raikan, bukan hanya raikan tetapi menjemput untuk bekerjasama dengan mereka. Saya telah mengarahkan agensi-agensi seperti MaGIC dan juga Yayasan Inovasi Malaysia untuk berhubung dengan mereka ini supaya mereka dapat diberikan segala galakan, insentif, geran dan sebagainya untuk terus menghasilkan inovasi. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Terima kasih. Yang Berhormat Ledang.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, sebelum pergi kepada soalan, izinkan saya Cuma buat sedikit makluman iaitu susulan daripada usul berkenaan rancangan pengilhakan atau *annexation plan* oleh Israel yang telah dibincangkan pada minggu lepas, telah dibahaskan dan telah disetujui sebulat suara oleh wakil rakyat pembangkang dan juga kerajaan, maka pada hari ini saya akan edarkan satu petisyen Ahli-ahli Parlimen nanti untuk ditandatangani. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat, soalan.

6. Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang] minta Menteri Kesihatan menyatakan, berkenaan perancangan kementerian dalam kesediaan negara menghadapi penularan wabak pada masa akan datang termasuk sekiranya wabak COVID-19 kembali memuncak.

Timbalan Menteri Kesihatan I [Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali]: *[Memberi kata-kata aluan dalam bahasa Arab]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Ledang. Soalan ini menunjukkan Yang Berhormat seorang pemimpin yang ambil berat dan sangat prihatin kepada masalah rakyat. Terima kasih. Saya ingin mengucapkan selamat Hari Sarawak kepada semua MP Sarawak dan khususnya kepada sahabat saya Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan II, Datuk Aaron Ago Dagang... *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada semua rakyat Malaysia yang telah membuat pengorbanan untuk memerangi kes COVID-19 sejak ia mula melanda Malaysia hari ini. Atas kesungguhan, komitmen, kesabaran, ketabahan dan keredaan ini, mudah-mudahan Allah SWT memberikan kebaikan kepada semua.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan sentiasa memantau perkembangan kejadian penyakit berjangkit di peringkat global dan peringkat tempatan. Maklumat yang diperolehi membolehkan pengesanan awal, kesiapsiagaan dan respons terhadap wabak penyakit berjangkit mahupun penyakit tidak berjangkit dapat dilaksanakan dengan cepat.

Wabak penyakit berjangkit dipantau rapi di peringkat Kementerian Kesihatan di mana setiap wabak yang berlaku di suatu lokaliti akan disiasat, dilaporkan kepada Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) dan seterusnya kepada Jabatan Kesihatan Negeri dan *Crisis Preparedness and Response Centre* (CPRC). Seperti mana yang digariskan dalam Pelan Pengurusan Bencana Peringkat Kementerian Kesihatan Malaysia 2015, semua penyakit berjangkit berpotensi untuk menjadi wabak di Malaysia antaranya wabak keracunan makanan, penyakit tangan kaki dan mulut, *tuberculosis*, campak dan denggi.

Selain itu, terdapat juga penyakit-penyakit lain yang berpotensi menyebabkan wabak seperti mana yang dinyatakan pada dokumen *Case Definition For Infectious Disease In Malaysia 2017*. Manakala terdapat sejumlah 32 penyakit berjangkit yang wajib dinotifikasikan di bawah Jadual Pertama, Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342] jika berpotensi menyebabkan wabak sekiranya tidak dikawal dengan lebih awal.

Selain itu, KKM juga proaktif dalam memastikan penularan wabak di Malaysia dapat dicegah dengan mewujudkan pelan tindakan penyakit yang spesifik seperti Pelan Strategik Pencegahan dan Kawalan Denggi Kebangsaan 2020-2024, Pelan Strategik Eliminasi Malaria Kebangsaan 2011-2020, Pelan Pengurusan Wabak Malaria 2016, Pelan Tindakan Bersepadu Bagi Mencegah dan Mengawal Kejadian Penyakit Tangan, Kaki dan Mulut 2006 dan pelan tindakan penyakit berjangkit yang lain yang boleh diakses melalui laman sesawang KKM.

Malaysia juga sentiasa bersiap siaga dalam memastikan pengesanan awal seterusnya mengekang penularan penyakit berjangkit *emerging* yang berpotensi yang menyebabkan kejadian kecemasan awam. Ini terbukti apabila Malaysia berjaya mengawal penularan penyakit *emerging* seperti Nipah Encephalitis 1998, SARS 2003, Influenza A H1N1 pada tahun 2009 dan MERS pada tahun 2014 sehingga kini.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia juga telah menjadi proses evaluasi oleh pihak Pertubuhan Kesihatan Antarabangsa (WHO) melalui *Joint External Evaluation (JEE)* pada Oktober 2019 yang mana hasilnya dengan evaluasi berkenaan, Malaysia telah menunjukkan kapasiti dan *capability* bagi menghadapi situasi kecemasan kesihatan awam.

Oleh yang demikian, sejurus penyakit COVID-19 ini dikesan, KKM telah mengambil pelbagai tindakan bagi meningkatkan kesiapsiagaan dan respons dalam menangani wabak ini. Antaranya meningkatkan kapasiti fasiliti kesihatan, peralatan perubatan, bekalan ubat yang mencukupi, kesediaan makmal serta menubuhkan pusat kuarantin dan rawatan berisiko rendah.

Menyedari hakikat ini, KKM mengambil inisiatif memperkasakan komuniti melalui perkataan, Cegah dan Didik, Amal, Patuh dan Pantau (CAPP) bagi mendidik masyarakat supaya lebih bertanggungjawab dan membolehkan rakyat sendiri menjadi barisan hadapan dalam melindungi diri, keluarga dan masyarakat.

■1100

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat, panjang lagi?

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali: Sedikit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat, sudah pukul 11.00 banyak lagi soalan tidak dijawab, kalau terlampau panjang, bagi jawapan bertulis.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali: Okey. Bagi memperkukuhkan lagi prasarana program DRRP, menggunakan pendekatan CAP.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Ada lagi soalan tambahan untuk kementerian, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali: Baik, Tuan Speaker.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Jadi jawapan ini bagilah jawapan bertulis. Ini sudah pukul 11 banyak lagi hendak minta.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali: Okey, Tuan Speaker. Saya bagi yang bertulis. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat, soalan tambahan yang pertama.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Terima kasih kepada Timbalan Menteri atas jawapan tadi. Saya ambil kesempatan ini juga untuk mengucapkan terima kasih kepada pihak Kementerian Kesihatan dan juga *frontliners* petugas kesihatan di atas tugas yang baik untuk mengawal COVID-19.

Saya pergi kepada soalan tambahan, saya difahamkan bahawa Kementerian MOSTI dan juga Kementerian Kesihatan sedang bekerjasama untuk membangunkan vaksin, Kemandirian Vaksin Negara. Jadi soalan saya, apakah perincian perkembangan kerjasama Malaysia dan negara lain dalam pembangunan vaksin COVID-19 dan juga perancangan kementerian dalam memastikan negara ada keupayaan untuk menghasilkan vaksin bagi mana-mana wabak pada masa akan datang. Terima kasih.

Timbalan Menteri Kesihatan I [Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali]: Terima kasih, Yang Berhormat Ledang. Usaha untuk mendapatkan vaksin ini adalah usaha yang berterusan dan daripada dahulu lagi untuk mendapatkan vaksin umpamanya macam denggi umpamanya, kita masih tidak ada lagi vaksin yang sesuai untuk denggi sekalipun *just* begitu lama. Usaha yang dilakukan sekarang oleh KKM dan MOSTI dan juga beberapa negara lain seperti China dan sebagainya adalah usaha untuk mendapatkan vaksin yang setepatnya.

Sudah tentu memerlukan kajian yang sangat mendalam dan juga perbelanjaan yang tinggi dan usaha yang terus-menerus. Walaupun banyak negara mengatakan mereka telah hampir kepada pencapaian vaksin tetapi kebimbangan kita adalah fasa-fasa, ujian-ujian fasa klinikal dan sebagainya masih di peringkat awal sebenarnya.

Jadi untuk mendapatkan vaksin yang seawal itu mungkin tidak akan berlaku memerlukan beberapa tahun tetapi untuk perincian yang seterusnya, mungkin saya boleh bagi Yang Berhormat Ledang pada jawapan bertulis pada masa akan datang. Terima kasih, Yang Berhormat Ledang.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Soalan tambahan saya adalah sejauh manakah keberhasilan *hotspot trackers* dalam membantu Kementerian dalam mengesan pengguna yang mempunyai risiko tinggi dan terdedah dengan COVID-19 ini. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali: Jadi, kerajaan telah menyatakan bahawa semua yang datang daripada contohnya yang balik dari luar negara ataupun rakyat yang ada di Malaysia supaya untuk *download* dan wujudkan MySejahtera. Melalui MySejahtera ini satu perincian, satu aplikasi yang boleh memantau apa yang berlaku pada diri kita, pemeriksaan sendiri dan sebagainya dan juga melalui MySejahtera ini boleh dicari di manakah kita berada dan sebagainya.

Jadi kita menyarankan supaya rakyat di negara ini semua *download* aplikasi ini dan mengambil tanggungjawab ini untuk menggunakan MySejahtera apabila kita bergerak ke mana-mana sekalipun. Jadi tidak akan timbul lagi soal bila kita masuk sesuatu premis ataupun bangunan ataupun sesuatu industri umpamanya, kita terpaksa menulis dengan tangan dan sebagainya.

Jadi penting sekali semua orang *download* aplikasi ini kerana pada ketika ini kita ada lebih kurang 6.5 juta rakyat kita yang *download* aplikasi ini yang ini merupakan daripada satu kaedah untuk kita menentukan kesihatan sendiri kita dan sebagainya. Jadi saya harap sangatlah supaya rakyat Malaysia khususnya MP-MP kita dekat sini semua pastikan kita sudah *download* MySejahtera.

7. Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu] minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan, apakah negara yang menjadi pengimport terbesar minyak sawit dan produk sawit negara bagi tahun 2019 dan apakah langkah yang diambil oleh pihak Kementerian untuk memperluaskan eksport minyak sawit negara.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Jelebu... [*Memberi kata-kata aluan dalam Bahasa Arab*] Berdasarkan data dan statistik daripada Jabatan Perangkaan Malaysia, negara India merupakan pengimport terbesar minyak sawit dan produk berasaskan sawit negara pada tahun 2019 dengan kuantiti sebanyak 4.46 juta tan dengan nilai sebanyak RM9.78 bilion.

Antara langkah yang sedang diambil bagi meningkatkan lagi pasaran eksport minyak sawit negara:

- (i) kita perkukuhkan pasaran eksport utama sedia ada terutama ke negara India, China, Pakistan dan juga Amerika Syarikat di samping kita mempromosi produk sawit dengan lebih agresif untuk menembusi pasaran seperti di Benua Afrika dan juga Asia Tengah termasuk juga di Timur Tengah;
- (ii) kita meningkatkan lagi aktiviti penyelidikan dan R&D untuk menghasilkan produk baru yang mempunyai nilai tambah bagi produk hiliran komoditi seperti *animal feed* berasaskan sawit;
- (iii) kita tingkatkan lagi akses pasaran ke negara-negara lain menerusi perundingan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) dua hala dan perundingan pelbagai hala atau serantau;
- (iv) kita laksanakan juga Persijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) yang dijadikan mandatori bermula pada 1 Januari 2020; dan
- (v) kita jadikan pengecualian duti eksport minyak sawit mentah (CPO) dan juga CPQO sebagai satu strategi kita untuk meningkatkan harga. Terima kasih.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Tuan Yang di-Pertua, eksport minyak sawit Malaysia telah meningkat sekitar 24 peratus, yang tertinggi sejak Ogos 2019. Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, apakah status terkini ancaman boikot minyak sawit negara oleh kumpulan Eropah, China dan India yang telah dilakukan ketika Kerajaan Pakatan Harapan dahulu dan yang penting sekali ialah saya hendak tanya, apakah pendirian kerajaan sekarang tentang bantuan tanam semula sawit yang telah ditarik semula oleh Kerajaan Pakatan Harapan yang menjadikan bantuan itu sebagai pinjaman dua peratus kepada penanaman sawit. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali: Terima kasih, *Speaker*. Terima kasih, Yang Berhormat Jelebu. Pertama sekali tentang pasaran di Eropah, kita berhadapan dengan kempen yang agresif daripada Eropah tetapi strategi yang saya ambil ialah tidak hanya mengambil pendekatan *defensive* hanya mempertahankan diri tetapi juga tindakan yang *offensive*.

Makna *offensive* ialah pertama sekali kita menceritakan dan kita uar-uarkan kebaikan yang ada pada minyak sawit kita itu. Antaranya saya bincang di peringkat antarabangsa untuk kita menaja beberapa profesor di bidang ini untuk membuat kajian tentang kebaikan bagi minyak sawit dan dijadikan sebagai jurucakap kita di peringkat antarabangsa menerusi kajian yang mereka laksanakan.

Juga di peringkat Malaysia, kita telah bawa satu keputusan di peringkat Kabinet iaitu kita bawa kes ini ke mahkamah, kita bawa ke sini untuk perbincangan di peringkat WTO menerusi Mekanisme Penyelesaian Pertikaian (DSM) yang mana kita sedang wujudkan sekarang *team* perundangan untuk kita bawa ke sini sebagai *support* kita kepada Indonesia yang telah lebih awal mendahului kita membawa kes ini ke peringkat WTO. Terima kasih.

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: Hang Tuah Jaya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Soalan kedua, soalan tambahan.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Simpang Renggam.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Banyak sangat orang Johor, boleh. Saya bagi orang Melaka lah.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Orang Kelantan, orang Kelantan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Bagi orang Melaka.

Seorang Ahli: Patut orang Negeri Sembilan.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Orang Kelantan, Kuala Krai.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Suara orang Melaka saya tidak dengar, nantilah. Jemput orang Melaka.

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: Tuan Yang di-Pertua, nanti saya belanja asam pedas.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Asam pedas Johor, ya... [*Dewan ketawa*]

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Antara permasalahan yang *significant* di dalam ikhtiar kita dalam memasarkan minyak sawit ke Eropah adalah isu 3-MCPD. Saya dimaklumkan baru-baru ini walaupun terdapat *consensus* dalam kalangan negara-negara pengeluar bahawa 3-MCPD ini bersifat *discriminatory*, dengan izin, tetapi saya ingin tahu kenapa Malaysia baru-baru ini menarik diri dari pendirian itu. Bagaimana pula dengan Kempen *Love MY Palm Oil Campaign* yang kita laksanakan. Adakah ini tidak diteruskan oleh kerajaan sekarang? Terima kasih.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali: Berhubung dengan Kempen Sayangi Sawitku, saya telah bergerak untuk mengubah kempen itu kepada yang lebih baik *insya-Allah*, namanya iaitu Sawit Anugerah Tuhan, itu pendekatan saya untuk sepanjang saya menjadi Menteri.

Kedua, berhubung dengan isu 3-MCPD, perkara ini sedang kita bincang di peringkat industri kerana ada permintaan untuk mereka dibenarkan mengambil dua *level* untuk kepentingan pasaran sawit mereka di Eropah. Itu dalam perbincangan kita, *insya-Allah*. Terima kasih.

■1110

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Simpang Renggam. Pendek saja ya.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Pendek.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Soalan pendek.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Oh, soalan, okey. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkaitan dengan lobi anti sawit di Eropah, saya kira kalau kita lihat kepada naratif yang digunakan ialah lebih kepada *environment* ataupun alam sekitar. Jadi kempen mereka bukannya kerana minyak sawit tidak berkhasiat ataupun tidak ada kajian tentang kelebihannya. Isunya ialah berkaitan dengan alam sekitar, pembakaran kawasan hutan untuk penanaman sawit.

Jadi saya kira di situ kalau kita tersalah mengambil naratif, melawan- *counter-narrative*, saya rasa itu tidak akan memberikan kesan. Soalan saya- nanti dulu. Soalan saya, apakah di sana ada usaha sama di antara Kementerian Yang Berhormat Menteri dengan Kementerian MEWA dan juga mungkin dengan MOSTI dalam kita memastikan apabila kita melakukan *counter lobby* ataupun *counter-narrative*, kita benar-benar mengikuti naratif yang sebenar yang memperkatakan tentang isu yang sebenar.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat, kata soalan.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat, kalau hendak jawab secara bertulis pun boleh. Soalan memeranjatkan.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi]: Terima kasih, saya jawab secara lisanlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Boleh jawab?

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi]: Boleh jawab. Pertama sekali dalam strategi, ini strategi. Kita tidak boleh hanya mengikut arus kehendak daripada orang yang menentang kita, membincangkan hanya di peringkat kemampunan dan juga peringkat lestari. Kerana itu kita bawa naratif yang kedua iaitu bahawa ini adalah anugerah Tuhan, bahan makanan yang terbaik untuk dunia. Maka di kala mana kita menceritakan kebaikan ini, maka kehendak ataupun lobi di peringkat Eropah yang sebenarnya mensasarkan untuk meningkatkan minyak mereka, minyak soya dan sebagainya akan terkebelakang, *automatically*.

Yang kedua, di peringkat kemampunan atau di peringkat *environmental* ini, kita sudah ada MSPO yang telah kita gerakkan dan kita jadikan *compulsory* untuk semua pekebun termasuk para pekebun kecil untuk dijadikan *compulsory* pada mereka bermula 1 Januari 2020. Ertinya di peringkat kita telah dilaksanakan. Tinggal lagi naratif kedua kita kena bawa. Ini strategi yang saya bawa *insya-Allah*. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Terima kasih. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Tuan Khalid bin Abd Samad.

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahi Rahmani Rahim... [Membaca sepotong doa]*

*Tebuk atap pintu belakang;
Sila jawab soalan lapan.*

Seorang Ahli: Tidak kena, tidak masuk.

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Eh, mana pula, soalan 'lapang' ya. Kena lah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh ya hendak jawab ke tidak hendak jawab pantun.

8. Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam] minta menteri Wilayah Persekutuan menyatakan apakah usaha yang telah dan yang akan diambil untuk mewartakan Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 dan Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2040.

Dato' Seri Dr. Santhara [Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan]: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang baik daripada mantan Menteri KWP. Walaupun pantunnya tidak berapa saya setuju... [Tepuk]

Untuk makluman Yang Berhormat, pihak Dewan Bandar raya Kuala Lumpur (DBKL) telah menyediakan Pelan Draf Struktur Kuala Lumpur 2040, PSKL 2040 bermula 2 Januari 2018 bagi menggantikan Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020. Ianya telah dipamerkan kepada orang awam pada 18 Februari 2020 sehinggalah 18 Mei 2020 melalui pelbagai kaedah iaitu:

- (i) pameran di ruang lobi Menara DBKL 1;
- (ii) pameran bergerak di pusat-pusat membeli belah dan pejabat cawangan-cawangan DBKL;
- (iii) taklimat secara terus atau atas talian melalui medium *Facebook* dan juga *Youtube* dan juga sesi penerangan kepada badan-badan profesional dan juga Ahli-ahli Parlimen Kuala Lumpur.

Seterusnya tindakan yang akan diambil bagi mewartakan Draf PSKL 2040 adalah seperti berikut:

- (i) melaksanakan sesi pendengaran awam ke atas pandangan atau bantahan yang diterima oleh ahli jawatankuasa yang dilantik di kalangan ahli badan profesional, ahli akademik, mantan pegawai Pelan Malaysia dan mantan pegawai kanan DBKL;
- (ii) penyediaan pindaan Draf PSKL 2040 berdasarkan laporan pengesyoran oleh ahli jawatankuasa pendengaran dan juga pandangan awam;
- (iii) kelulusan oleh Menteri berdasarkan nasihat Ahli Lembaga Penasihat Perancangan Wilayah Persekutuan dan pewartaan PSKL 2040 yang dijangka pada Disember 2020. Ianya akan menggantikan PSKL 2020 yang diwartakan pada November 2004.

Merujuk pula kepada penyediaan Draf Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2040 iaitu PTKL 2040 pula, kajian tersebut telah dimulakan pada 18 Oktober 2019 yang kini pada peringkat penyediaan Draf PTKL 2040 yang dijangka akan diselesaikan pada Disember 2020 ini. Bagi memastikan penyediaan Draf PTKL 2040 mengambil kira kepentingan warga kota dan semua pihak berkepentingan, beberapa sesi penglibatan awam juga telah dan akan dilaksanakan seperti berikut:

- (i) sesi santai Datuk Bandar Kuala Lumpur bersama Yang Berhormat Ahli Parlimen Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebagai wakil penduduk;
- (ii) sesi penerangan dan perbincangan kumpulan fokus bersama persatuan penduduk, komuniti perniagaan, badan profesional dan badan bukan kerajaan;
- (iii) sesi *technical working group* (TWG) bersama agensi-agensi kawal selia tanah-tanah Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP), agensi utiliti dan juga pihak berkuasa persempadanan; dan
- (iv) kaji selidik secara kendalian kepada persatuan-persatuan penduduk Kuala Lumpur.

Selepas saja PSKL 2040 mula berkuat kuasa, Draf PTKL 2040 akan dipamerkan bagi memberi peluang kepada semua peringkat warga kota, orang awam dan pihak berkepentingan untuk sama-sama meneliti dan mahu kan pandangan bagi menambah baik Draf PTKL 2040 yang disediakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat soalan tambahan pertama.

Puan Hannah Yeoh [Segambut]: Tuan Yang di-Pertua. Okey.

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Baik. Terima kasih atas jawapan yang diberikan. Saya ucapkan tahniah kepada Kementerian Wilayah Persekutuan dan DBKL yang alhamdulillah kelihatan ingin meneruskan legasi penyediaan PSKL dan PTKL. Saya harap bahawa ia akan diwartakan dan tidak dilakukan seperti mana Menteri-menteri yang sebelum ini di mana PSKL dan PTKL tidak diwartakan walaupun telah diadakan pendengaran awam dan sebagainya.

Soalan tambahan, untuk makluman saya, memandangkan Menteri Wilayah yang baharu adalah seorang *town planner* yang bertauliah, saya ingin tahu kenapa Pelan Malaysia tidak dikekalkan di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan sedangkan Pelan Malaysia sebuah jabatan yang terdiri daripada golongan perancang bandar dan mereka telah berada di bawah Kementerian Wilayah sebelum ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Santhara [Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan]: Soalan yang baik daripada mantan Menteri. Sebenarnya Pelan Malaysia walaupun kita ingin kekalkan dalam Kementerian Wilayah Persekutuan, pada masa yang sama saya difahamkan perbincangan untuk menukar itu telah diadakan daripada kerajaan yang lepas dan juga sebagainya dan ianya adalah keputusan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Soalan tambahan.

Puan Hannah Yeoh [Segambut]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Segambut.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Segambut, silakan.

Puan Hannah Yeoh [Segambut]: Terima kasih. Saya hendak tanya bagaimanakah panel pendengaran awam dipilih oleh Kementerian Wilayah ataupun DBKL untuk mendengar semua bantahan Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 ini.

Dato' Seri Dr. Santhara [Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan]: Seperti yang telah saya katakan tadi bahawa selain daripada *technical working group* dan juga semua agensi-agensinya, panel-panel yang dipilih ini adalah berdasarkan kepada cadangan-cadangan yang diberikan oleh agensi-agensi yang berkenaan, daripada persatuan penduduk dan juga MPP.

Puan Hannah Yeoh [Segambut]: Panel yang mendengar pandangan orang awam.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Segambut, kena tunggu dijemput. Saya pergi pada soalan seterusnya. Sudah jawap sudah. Kalau tidak, bagi jawapan bertulis.

Dato' Seri Dr. Santhara [Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan]: Okey, saya akan berikan jawapan bertulis yang lengkap.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Santhara [Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Tan Sri Noh bin Haji Omar.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

*Isu Tabung Haji semakin panas;
Soalan nombor sembilan mohon diulas.*

9. Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang] minta Perdana Menteri menyatakan, apakah justifikasi penjualan aset iaitu ladang oleh TH Plantations Bhd. (THP). Berapakah keluasan ladang serta berapa banyak ladang yang telah dijual dan kepada syarikat mana dijual?

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)]: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman ahli Yang Berhormat, Tabung Haji Plantations Berhad (THP) merupakan anak syarikat Lembaga Tabung Haji yang telah disenaraiawamkan pada tahun 2006 dengan tujuan menguasai sektor-sektor perladangan dan komoditi agar matlamat memperkasakan ekonomi ummah tercapai. Bermula dengan keluasan ladang seluas 15,746 hektar, kini Tabung Haji Plantations memiliki ladang seluas 100,976 hektar pada akhir tahun 2017 melalui 19 buah anak syarikat.

Laporan Tahunan Tabung Haji Plantations Berhad menunjukkan bahawa prestasi Tabung Haji Plantations Berhad agak memberangsangkan berdasarkan petunjuk kewangan yang agak kukuh dengan mencatat keuntungan saban tahun sehingga tahun 2017.

■1120

Keputusan untuk menjual 14 buah anak syarikat Tabung Haji Plantations Berhad yang memiliki ladang berkeluasan sebanyak 76,957 hektar bersamaan dengan 76.2 peratus daripada jumlah keseluruhan ladang milik anak syarikat Tabung Haji Plantations Berhad telah dibuat oleh kerajaan dahulu di bawah Pakatan Harapan iaitu pada bulan Ogos 2019. Dengan persetujuan penjualan 14 buah anak syarikat ini, keluasan ladang Tabung Haji Plantations iaitu 100,976 hektar akan berkurangan sebanyak 76.2 peratus kepada 24,000 hektar sahaja.

Mengikut semakan Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) daripada 14 buah anak syarikat ini, empat daripadanya adalah syarikat yang mencatatkan keuntungan iaitu THP Ibok, THP PELITA Sadong, THP PELITA Gedong dan Hydroflow. Keputusan untuk menjual ladang-ladang ini telah dibuat semasa harga minyak sawit mentah CPO mengalami kejatuhan yang serius yang mana menyebabkan anak-anak syarikat Tabung Haji Plantations ini mengalami kerugian. Kejatuhan harga minyak sawit mentah ini adalah disebabkan oleh tindakan-tindakan kerajaan terdahulu yang tidak menjaga hubungan dagangan dengan negara China dan juga negara India yang akhirnya menyebabkan eksport sawit kita jatuh mendadak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelupusan 70 peratus kepentingan ekuiti di dalam THP-YT Plantations Sendirian Berhad kepada TDM Berhad anak syarikat Kerajaan Negeri Terengganu sedang dimuktamadkan dan penjualan tersebut adalah pada harga pasaran. Keluasan ladang THP-YT ini adalah sebanyak 2,594 hektar iaitu bersamaan 2.5 peratus dari keluasan keseluruhan ladang. Manakala pelupusan Bumi Suria Ventures Sendirian Berhad dan Maju Warisan Emas Sendirian Berhad melibatkan keluasan sebanyak 6,514 hektar kepada syarikat bukan bumiputera iaitu Tamaco Plantation Sendirian Berhad juga sedang dimuktamadkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, syarikat Tamaco Sendirian Berhad ini dimiliki oleh bukan bumiputera yang diterajui oleh Ahli Lembaga Pengarah seperti berikut:

- (i) Lim Sing Hua;
- (ii) Lim Chun Leng;
- (iii) Lim Wai Foong;
- (iv) Lim Chun Hsiung; dan
- (v) Lee Ban Loong.

Penjualan Bumi Suria Ventures dan Maju Warisan Emas ini sedang menunggu kelulusan daripada Unit Perancang Ekonomi sama ada harga jualan tersebut adalah pada harga pasaran ataupun tidak dan sama ada pelupusan tersebut akan memberi impak kepada perancangan jangka panjang dan keuntungan TH Plantations. Setelah Perikatan Nasional mengambil alih kerajaan pada bulan Februari yang lepas, keyakinan pelabur semakin meningkat dan harga minyak sawit mentah kian memulihkan disebabkan hubungan dengan antarabangsa kembali terjaga... [Tepuk]

Justeru, Jabatan Perdana Menteri akan menilai semula keputusan menjual ladang secara besar-besaran ini sama ada ia wajar ataupun tidak... [Tepuk] Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) di zaman Kerajaan Perikatan Nasional memikul tanggungjawab sebagai penjaga amanah kepada pendeposit Tabung Haji dan akan sentiasa berusaha melindungi kepentingan pendeposit dan aset-aset Lembaga Tabung Haji dan umat Islam di Malaysia. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Soalan tambahan?

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab begitu jelas dan sekurang-kurangnya seiring apa yang Yang Berhormat Baling cakap semalam. Saya pun terkejut, kata ekonominya memberangsangkan, tetapi aset dijual alasannya kerana harga kelapa sawit jatuh. Kalau macam tu mudah sangatlah jadi kerajaan. Tidak ada harta, jual, jual, jual.

Jadi saya- satu saya hendak tanya. Apakah benar bahawa penjualan aset-aset Tabung Haji Plantations kepada Tamaco Plantation ini mengikut harga pasaran ataupun tidak? Semalam Yang Berhormat Baling kata harganya patut mahal, tetapi dijual dengan harga yang lebih murah kerana ada aral-aral tertentu. Saya hendak tanya itu. Akan tetapi bila nama banyak Lim Lim ini, nasib baik Yang Berhormat Lim Guan Eng ini Yang Berhormat Menteri Kewangan. Kalau tidak, dia pun dalam syarikat itu sekali *[Ketawa]*

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary: Terima kasih kepada soalan tambahan Yang Berhormat Tanjong Karang. Berkenaan dengan penjualan aset-aset Tabung Haji ini, nilai oleh juru nilai C. H. Williams pada bulan Disember 2018 adalah sebanyak RM280 juta. Nilai oleh JPPH pada bulan April 2020 adalah berjumlah RM224 juta. Sebelum diminta nilai semula oleh TH Plantations dan diturunkan kepada RM198 juta. Harga jualan kepada Tamaco ialah berjumlah RM170 juta... *[Tepuk]* Adalah lebih rendah pada nilai JPPH dan juru nilai bebas.

Berdasarkan kepada pakej penjualan dan juga hutang BSV kepada THP Suria Mekar sebanyak RM240 juta telah dihapus kira yang memberi manfaat besar kepada pembeli iaitu Tamaco Plantation Sendirian Berhad. Pada masa ini kelulusan terhadap penjualan syarikat-syarikat ini masih lagi di peringkat pertimbangan EPU bagi mendapatkan kebenaran kerana sebarang jualan kepada syarikat bukan bumiputera mesti diluluskan oleh pihak EPU dan masih lagi dalam pertimbangan kerajaan... *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Soalan tambahan kedua?

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa Parit Buntar]: Tuan Yang di-Pertua, Parit Buntar.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Parit Buntar. Pendek sahaja ya, 30 saat. Tak nak ceramah Yang Berhormat Parit Buntar ya.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Ya, ya. Tidak ada ceramah. Saya hanya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana sebahagian besar daripada fakta dia itu agak mengelirukan.

Pertama ialah tentang soalan penjualan itu perlu dirakamkan di sini bahawa isunya bukan isu penjualan aset, tetapi Yang Berhormat Menteri dan Timbalan Menteri kena jujur untuk menjawab, kenapakah aset itu semua dijual. Saya ada fakta menyatakan bahawa TH Plantations hutang dia membengkak pada tahun 2018 RM1.24 bilion, pada tahun 2019 RM1.29 bilion. Itu tidak disebut oleh Yang Berhormat Menteri.

Kedua, aset tidak mendatangkan hasil sehingga menyebabkan pendapatan jatuh kepada 24 peratus. Ini semua... *[Disampuk]* Nanti dulu. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah fakta-fakta ini semua betul. Tahun 2012 sehingga tahun 2014, TH Plantations bawah Barisan Nasional secara agresif telah beli tanah daripada hanya beberapa- 15 ribu hektar, 50 ribu hektar kepada 100 ribu hektar dan sebahagian besar daripada tanah itu tidak ditanam. Kos produk untuk menanam itu telah meningkat menyebabkan Tabung Haji Plantations mengalami hutang.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat]***

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Panjang sangat soalan ni.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa Parit Buntar]: Jadi, saya minta kepada Yang Berhormat Menteri untuk jujur untuk memberi jawapan supaya tidak dijadikan isu TH Plantations ini isu politik tetapi ia isu transaksi dan saya akan serahkan kepada Yang Berhormat Menteri, EPU akan buat keputusan. Kalau rasa tak hendak jual sebab boleh tanggung hutang, silakan. Akan tetapi kalau ia soal transaksi, soal hutang yang meningkat, maka saya menyerahkan kepada kebijaksanaan EPU dan saya rasa Yang Berhormat Menteri kena jujur dan adil memberikan jawapan kepada soalan tersebut. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Menteri.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary: Soalan yang panjang lebar daripada Yang Berhormat Parit Buntar, mantan Menteri. Terima kasih.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, laporan kedudukan Tabung Haji Plantations bermula dari tahun 2015 setakat rekod yang ada pada saya dan rekod ini telah dibentangkan di Parlimen dan disahkan oleh Jabatan Ketua Audit Negara. Untuk tahun 2015, keuntungan dicatatkan oleh TH Plantation sebanyak RM18,714,000 keuntungan pada tahun 2016 sebanyak RM127,296,000 keuntungan pada tahun 2017.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa Parit Buntar]: Hutang, saya tanya sebab hutang. Untung, kalau hutang tinggi, kos operasi tak akan dapat ditanggung oleh TH Plantations.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary: Nanti, saya akan jawab, saya akan jawab.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Parit Buntar tolong...

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Dengarlah dulu Yang Berhormat Parit Buntar.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kita tak boleh berbahas semasa pertanyaan. Dipersilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary: Saya tahu dia tak suka mendengar data-data ini. Tahun 2017, Tabung Haji Plantations mencatatkan keuntungan RM60,990,000 bermula peralihan kuasa zaman Pakatan Harapan ambil alih tahun 2018 kerugian RM678 juta dan pada tahun 2019 kerugian RM245 juta. Berkaitan dengan hutang-hutang yang menjadi beban kepada TH Plantations, kita memahami akan keadaan itu. Akan tetapi setelah semakan dibuat, 75 peratus daripada hutang-hutang TH Plantations itu adalah daripada *parent company*, daripada Tabung Haji.

Maka dengan penjualan aset-aset ini tidak akan menyelesaikan jumlah hutang yang begitu beban kepada TH Plantations sebaliknya perlu ada kepada satu penstrukturan semula berkaitan dengan hutang-hutang yang membebankan, terutamanya *cash flow* yang menyebabkan Tabung Haji Plantations.

Adapun soalan Yang Berhormat Parit Buntar berkaitan dengan ada *unplanted area* yang terlibat dengan 6,500 hektar yang hendak dijual kepada Tamaco Plantation itu. Yang Berhormat, penilaian dibuat bahawa daripada jumlah *unplanted area* itu nilainya RM4,500 untuk satu hektar bersamaan dengan 2.5 ekar, terlalu murah Yang Berhormat Parit Buntar.

■1130

Tanah kosong, RM4,500 sehektar. Saya ingat Ahli-ahli Dewan semua boleh pakat beli satu hektar seorang kerana nilainya hanya RM4,500... [Tepuk]

Soalan yang penting di sini ialah mengapa terlalu *rushing* untuk menjual kepada syarikat ini sedangkan proses pemulihan terhadap harga komoditi yang merupakan instrumen utama kepada TH Plantation ini sedang memulih? Kerajaan berpandangan penjualan ini yang banyak perkara yang perlu diteliti semula masih lagi dalam peringkat penelitian dan tidak mustahil bahawa kerajaan akan menilai semula untuk membatalkan penjualan syarikat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Minta, Tuan Yang di-Pertua. Rakyat Sabah pun mahu tahu. Ada juga...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, maaf Yang Berhormat. Maaf.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Senang, jual harta sahajalah.

Tuan Yang di-Pertua: Jam telah tamat 11.30 pagi. Maaf.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tidak ada duit, jual harta.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh tambahlah sikit.

Tuan Yang di-Pertua: Kita tidak boleh melangkaui masa untuk pertanyaan, Yang Berhormat. Minta maaf.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini penting, Tuan Yang di-Pertua. Rakyat Sabah pun mahu tahu juga.

Tuan Yang di-Pertua: Maaf, Yang Berhormat. Masa telah tamat, Yang Berhormat.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Mana boleh kerajaan dulu suka-suka jual. Menteri dia Yang Berhormat Baganlah pakat-pakat jual.

Tuan Yang di-Pertua: Masa telah tamat. Ahli-ahli Yang Berhormat semua, sekarang tamatlah sesi untuk waktu pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan pada hari ini. Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat.

[Masa Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

USUL-USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

11.31 pg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) [Dato' Takiyuddin bin Hassan]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 7.30 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Khamis, 23 Julai 2020”.

Menteri Tenaga dan Sumber Asli [Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

MENJUNJUNG KASIH TITAH SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah:

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatutnya dipersembahkan kepada Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Titah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Ketiga, Parlimen Yang Keempat Belas.” **[21 Julai 2020]**

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, izinkan saya terlebih dahulu mengumumkan barisan pembahas usul ini pada sesi ini. Selepas ini saya akan menjemput Yang Berhormat Bakri untuk meneruskan perbincangan beliau. Kemudiannya disusuli Yang Berhormat Padang Rengas. Selepas itu Yang Berhormat Pokok Sena. Kemudiannya disusuli dengan Yang Berhormat Wangsa Maju dan akhir sekali Yang Berhormat Serian. Saya mempersilakan Yang Berhormat Bakri untuk meneruskan perbincangan Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya— di sini di sebelah kiri Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Saya.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Ya. Tuan Yang di-Pertua, kita telah mengemukakan soalan-soalan dan usul-usul. Ini mengikut peraturan mesyuarat.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Semasa saya mengemukakan soalan-soalan, saya juga telah mengemukakan satu usul *Anti-defection Bill* termasuk dengan semua detil dia. Ini sudah minggu yang kedua. Sudah lepas tiga minggu selepas ia diserahkan kepada Parlimen, hingga hari ini ia belum disenaraikan di *Order Paper*. Bolehkah tindakan diambil supaya ia dapat disenaraikan dalam *Order Paper* dengan segera? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Itu *anti-hopping law*, Yang Berhormat ya?

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Yes.

Tuan Yang di-Pertua: Saya telah dibawa ke perhatian saya kepada draf yang disediakan oleh Yang Berhormat. Pejabat saya akan *reply* kepada Yang Berhormat mengenai draf tersebut dalam masa yang singkat ini. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Saya.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Berkenaan isu peraturan juga. Saya ingin mohon panduan.

Kelmarin, ketika Yang Berhormat Bukit Gelugor sedang berbahas, beliau telah memohon keizinan untuk memainkan satu rakaman perbualan yang kononnya melibatkan Yang Amat Berhormat Pagoh. Ketika itu walaupun tidak ada sebarang peraturan yang jelas melarang beliau berbuat demikian- Yang Berhormat Bukit Gelugor pun ada di sini pada hari ini- Timbalan Yang di-Pertua telah melarang beliau daripada memainkan rakaman tersebut.

Saya juga dengar kepada perbahasan Yang Berhormat Bukit Gelugor di mana sebelum ini mantan mendiang Yang Berhormat Karpal Singh ketika itu menjadi Ahli Parlimen Bukit Gelugor juga pernah memainkan satu rakaman melibatkan Ketua Hakim Negara ketika membuat perbahasan di Dewan yang mulia ini.

Jadi, memandangkan perkara itu telah dibenarkan, bolehkah Tuan Yang di-Pertua sebagai seorang peguam yang berwibawa menyatakan kalau boleh perkara itu dilakukan? Ini kerana saya dan Ahli-ahli Parlimen yang lain tidak pernah mendengar rakaman tersebut dan kami ingin mendengar rakaman tersebut. Yang Berhormat Bukit Gelugor menyatakan bahawa itu adalah suara Yang Amat Berhormat Pagoh.

Tuan Yang di-Pertua: Okey.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Jadi...

Tuan Yang di-Pertua: Boleh saya jawab sekarang?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Ya. Bolehkah saya mendapatkan petua daripada Tuan Yang di-Pertua tentang perkara ini? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sebenarnya saya melihat prosiding itu secara *live* semalam. Saya dapati bahawa Yang Berhormat Dato' Sri Azalina, Timbalan Yang di-Pertua telah pun membuat *ruling* beliau pada semalam itu. Jadi, saya tidak boleh, dengan izin, *revisit ruling* yang dibuat oleh Pengerusi mesyuarat pada masa itu kerana tidak elok kalau saya membuat *ruling* ke atas *ruling* yang telah dibuat. Mengikut peraturan mesyuarat, kalau sesuatu *ruling* itu dibuat, maka *ruling* itu muktamad. Dan kalau ingin diperbalahkan, maka satu usul substantif terpaksa dibuatlah.

So, saya rasa tidak enak kalau Yang Berhormat membangkitkan perkara ini kerana perkara itu telah dimuktamadkan oleh Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua. Maaf ya.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas petua itu. Akan tetapi soalan saya adalah...

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: ...Kalau tidak ada sebarang peraturan dalam urusan aturan yang melarang dengan jelas perkara itu dilakukan, kenapa larangan itu dibuat?

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa kalau kita lihat peraturan-peraturan mesyuarat, ada satu peraturan mesyuarat yang mengatakan bahawa perkara-perkara yang ada di dalam surat khabar, di dalam majalah tidak boleh dibangkitkan untuk mengetahui kebenaran atau tidak penyiaran-penyiaran tersebut.

Jadi, saya rasa kalau- saya rasalah Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua pada masa itu akur kepada fakta bahawa mungkin audio tersebut bukan merupakan audio yang original, tidak menepati, dalam bahasa Inggerisnya, *best evidence rules* atau sebagainya. Ini saya cuma memikirkankah perkara itu ya sebab saya bukan Yang di-Pertua pada masa itu.

Saya rasa apa yang hendak dibangkitkan di Dewan Rakyat ini mestilah menepati undang-undang keterangan yang sesuai sebelum perkara itu dapat dimainkan di dalam Dewan ataupun dibangkitkan. Ini kerana kita mesti bangkitkan fakta dan bukannya spekulasi. Saya rasa itulah yang dipertimbangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua.

Jadi, kalau tidak ada apa-apa lagi, saya ingin menjemput Yang Berhormat Bakri untuk menyambung perbincangan beliau. Silakan.

11.38 pg.

Puan Yeo Bee Yin [Bakri]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada Bakri untuk turut membahaskan Titah Yang di-Pertuan Agong. Perbincangan saya hari ini akan menyentuh perkara-perkara yang dirangkumi dalam perenggan 19, 22, 24, 26 dan 30 Titah Tuanku pada 18 Mei 2020 yang berkaitan dengan bidang-bidang yang sebelum ini di bawah tanggungjawab saya dalam Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim.

Oleh sebab saya ingin *cover* tiga sektor dan saya telah pun sediakan 10 muka surat, oleh itu, jika boleh, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap bahawa kita boleh hadkan pencerahan nanti dalam perbincangan polisi sahaja, dan jangan gaduh-gaduh politik sebab tidak cukup masa.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Puan Yeo Bee Yin [Bakri]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya bermula dengan sektor alam sekitar. Pertama, saya ingin membangkitkan isu jerebu. Setiap tahun memang kita ada musim jerebu yang *normally* apa yang rakyat Malaysia katakan. Susulan daripada jerebu yang serius pada tahun 2019, Kabinet Pakatan Harapan telah meluluskan untuk merangka Akta Jerebu Merentasi Sempadan, *Transboundary Haze Act* dan langkah segera diambil untuk memastikan rang undang-undang tersebut dibentangkan sebelum musim jerebu tahun ini.

Dengan adanya *Transboundary Haze Act*, kerajaan boleh mengambil tindakan terhadap individu ataupun syarikat Malaysia yang menyebabkan jerebu di Malaysia tanpa mengira di mana pembakaran tersebut dilakukan.

Jawatankuasa untuk merangka rang undang-undang telah pun ditubuhkan dan kerja-kerja telah pun bermula sebelum perubahan kerajaan. Saya berharap bahawa kerja ini boleh diteruskan dan rang undang-undang boleh dibentangkan secepat mungkin sebelum musim jerebu tahun ini.

■1140

Kedua, Bakri berharap bahawa kerajaan boleh meneruskan usaha pemerkasaan Jabatan Alam Sekitar untuk menambah jentera-jentera dan alat-alat yang perlu digunakan oleh cawangan-cawangan JAS supaya tindakan pemantauan dan penguatkuasaan boleh diambil dengan cepat.

Selain itu, MESTECC sebelum ini juga telah pun memulakan proses untuk mengkaji semula Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 sama ada digantikan dengan akta baharu ataupun dipinda untuk memastikan keberkesanan JAS dalam menangani pencemaran. Saya ingin tahu apakah perkembangan sekarang dan apakah *timeline* pembentangan akta baharu ataupun pindaan AKAS 1974?

Ketiga, saya berharap bahawa kerajaan boleh meneruskan usaha kami untuk merunding semula Perjanjian Konsesi *Environmental Quality Monitoring Programme* (EQMP) yang telah pun ditandatangani pada tahun 2017. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, program EQMP bernilai RM846 juta untuk konsesi 15 tahun yang berkuat kuasa pada Julai 2017 hingga Januari 2032.

Kos RM846 juta ini iaitu kira-kira RM60 juta setahun adalah sebanyak 30 peratus daripada perbelanjaan tahunan JAS. Tujuan asal EQMP adalah untuk mengumpul data kualiti udara, sungai dan laut serta kerja-kerja analisis *data back-end*, dengan izin. Walau bagaimanapun, sistem yang dibina mengikut spesifikasi perjanjian yang sedia ada adalah tidak mampu untuk memberi amaran awal insiden-insiden pencemaran di kebanyakan lokasi di Malaysia supaya pegawai-pegawai JAS boleh mengambil tindakan segera.

Kami mendapati masalah ini semasa insiden di Pasir Gudang. *There is no real time monitoring and alert system. Only ambient monitoring*, dengan izin. Saya kira ini adalah sangat penting untuk kerajaan meneruskan perundingan semula perjanjian ini untuk memastikan bahawa perbelanjaan EQMP adalah *value for money*, dengan izin, dan benar-benar membantu kerja-kerja JAS *on the ground* dalam memantau insiden pencemaran dan mengambil tindakan penguatkuasaan.

Jika tidak, baik kita tamatkan konsesi ini dengan *exit cost* yang sedia ada dengan perjanjian kita dan salurkan RM60 juta ini terus Jabatan Alam Sekitar setiap tahun. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sebelum ini perbincangan telah *pun* dimulakan antara Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Jabatan Peguam Negara dan juga JAS dalam mengkaji klausa-klausa serta spesifikasi yang diperlukan. Saya berharap bahawa kerajaan boleh teruskan usaha ini dan memuktamadkan keputusan pada tahun ini seperti yang telah dirancang sebelum perubahan kerajaan

Perkara keempat yang saya ingin bangkitkan untuk sektor alam sekitar ialah supaya kerajaan boleh meneruskan usaha menggunakan teknologi maklumat bagi meningkatkan keberkesanan JAS untuk memantau pengendalian buangan berjadual atau *scheduled waste*. Kami sebelum ini dalam proses menambah baik sistem *Electronic Scheduled Waste Information System* (eSWIS) untuk memastikan JAS dapat *keep track* pengeluaran, penstoran, pengangkutan dan pelupusan buangan berjadual dengan efektif. Harap kerajaan boleh memberi sedikit maklum balas kepada Dewan yang mulia ini tentang perkembangan tersebut.

Akan tetapi, bagaimana hebat eSWIS system ini pun kita tidak mungkin dapat mengesan dengan eSWIS buangan berjadual yang dikeluarkan oleh kilang haram kerana mereka tidak mendaftar dengan JAS. Oleh itu, tidak payah menggunakan eSWIS. Untuk benar-benar menyelesaikan masalah pencemaran bahan kimia, kita perlu ada polisi untuk mengawal selia bahan kimia atau *chemical governance* dengan izin, yang belum diwujudkan lagi di negara kita.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, bidang kuasa untuk *chemical governance* adalah lebih daripada JAS. Ia meliputi bidang kuasa NADMA, bidang kuasa DOSH dan lain-lain. Oleh itu, salah satu inisiatif MESTECC sebelum ini, untuk tahun ini adalah supaya kita boleh menyediakan memorandum Kabinet dengan cadangan hala tuju dari segi undang-undang, bidang kuasa dan kerjasama antara agensi, cadangan badan kawal selia dan sebagainya untuk *chemical governance*. Saya ingin tahu, apakah perkembangan inisiatif ini sekarang?

Tuan Yang di-Pertua, Bakri juga berharap bahawa kerajaan boleh meneruskan usaha-usaha lain yang saya tidak cukup masa untuk menghuraikan satu persatu dalam sektor alam sekitar termasuk usaha menangani perubahan iklim, usaha mencegah Malaysia menjadi *'tong sampah'* dunia, kerjasama dengan Kerajaan UK dalam ICF UK PACT dan banyak lagi. Pendek kata, harapan saya ialah kerajaan boleh teruskan inisiatif-inisiatif. *Built on the foundation that have been laid*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin mengalih ke sektor STI. Pertama, saya berharap bahawa kerajaan boleh memastikan bahawa sekurang-kurangnya 50 peratus dana R&D boleh disalurkan untuk *experimental development* ataupun *industrial research* dalam Rancangan Malaysia Ke-12. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, di Malaysia sebanyak 28.9 peratus dana R&D sekarang disalurkan ke *basic research*. Sebanyak 56.5 peratus *applied research* dan hanya sebanyak 14.6 peratus untuk *experimental development* ataupun *industrial research*.

Peratusan dana R&D untuk *experimental development* kita adalah jauh lebih rendah jika kita banding dengan negara-negara lain seperti Korea dan Jepun iaitu sebanyak 63 peratus, Singapura sebanyak 48 peratus, China sebanyak 84 peratus dan Thailand sebanyak 52 peratus.

Ahli Yang Berhormat sekalian, kita perlu tumpukan dana-dana kita, dana R&D kita ke *experimental development* adalah kerana supaya lebih banyak R&D boleh dikomersialkan dalam jangka masa pendek dan sederhana. Dengan ini dapat menjana perkembangan ekonomi, mencipta kekayaan dan mencipta peluang pekerjaan untuk rakyat. Malaysia adalah negara membangun. Oleh itu, adalah penting kita fokus kepada aktiviti-aktiviti R&D yang *industrial-driven, market-driven and juga demand-driven*.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sebelum ini, pembaharuan polisi lebih daripada 50 peratus dana R&D disalurkan untuk *experimental development* hanya boleh dilaksanakan di peringkat kementerian iaitu di bawah MESTECC sebelum ini kerana kebanyakan dana R&D disalurkan kepada kementerian-kementerian lain dan terus disalurkan kepada mereka. Bakri berharap bahawa dalam kita merangka Rancangan Malaysia Ke-12, kerajaan boleh memastikan bahawa polisi ini diperluaskan ke semua kementerian yang menerima dana R&D.

Perkara kedua sektor STI yang saya ini bangkitkan di sini adalah saya ingin tahu apakah status perkembangan beberapa inisiatif yang sebelum ini kita telah mula laksanakan dan apakah status mereka sekarang? Satu, *Innovation Connect* (I-CONNECT) yang bertujuan untuk memangkinkan usaha sama R&D antara empat pihak iaitu ahli *academic*, industri, kerajaan dan juga NGO dalam mencari penyelesaian inovatif dan teknologi baharu bagi meningkatkan pertumbuhan-pertumbuhan industri strategik di Malaysia.

Keduanya adalah *Malaysia Open Science Platform* (MOSP) yang berfungsi sebagai *tapestry data* penyelidikan STI Kebangsaan. Ketiga, *National Scientific Facility & Equipment* (NSFE) yang dibangunkan untuk membolehkan perkongsian kemudahan saintifik kerajaan dengan pihak industri.

Keempat, *Researcher Industry Scientific Exchange* (RISE) yang bertujuan untuk berkongsi kepakaran penyelidikan awam dengan pihak swasta. NSFE dan RISE sebelum ini, hanya di peringkat kementerian. Dengan adanya rancangan untuk memperluaskan kementerian-kementerian lain pada tahun 2020, saya ingin tahu apakah perkembangan inisiatif-inisiatif ini sekarang?

Seterusnya, saya ingin mendapat maklumat daripada kerajaan berkenaan dengan usaha membudayakan STI dalam kalangan generasi muda. Untuk makluman, MESTECC telah sebelum ini berjaya meningkatkan kadar penglibatan pelajar dalam program pembudayaan STI melalui Minggu Sains Negara dan *Program ESTECC In School* sebanyak 20 kali ganda dari 88,000 pelajar yang terlibat pada tahun 2018 kepada dua juta pelajar pada tahun 2019.

Untuk tahun 2020, sasaran MESTECC sebelum ini adalah kita kekal seramai dua juta pelajar tetapi kita meningkatkan *engagement quality*, dengan izin. Dengan berlakunya perubahan kerajaan dan COVID-19, saya ingin juga tahu, apakah rancangan kerajaan dalam program-program pembudayaan ini dan apakah KPI? Saya cadangkan supaya kerajaan boleh melaksanakan program-program pembudayaan STI *online* tetapi kita perlu ada *measurable* KPI supaya kita tahu sama ada program-program ini adalah efektif seperti *number of reach, number of engagement, quality of engagement* dan sebagainya, dengan izin.

■1150

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh sektor tenaga. Pertama, saya berharap bahawa kerajaan akan meneruskan usaha dan sasaran Kerajaan Pakatan Harapan untuk memastikan penganugerahan Projek Penjana Tenaga Bebas, *Independent Power Producers (IPP)* adalah telus dan melalui tender terbuka.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kerajaan Pakatan Harapan telah membatalkan enam projek IPP sebelum ini yang diberi secara rundingan terus oleh kerajaan sebelum pentadbiran Kerajaan Pakatan Harapan dan sebenarnya ia tidak diperlukan oleh sistem kita. Ini boleh membolehkan penjimatan jumlah kos sistem bekalan elektrik lebih daripada RM11 bilion untuk tempoh 20 tahun. Jika tidak, semua ini perlu ditanggung oleh pengguna-pengguna elektrik.

Kedua, saya berharap bahawa kerajaan juga boleh meneruskan usaha kami untuk menuntut kembali tunggakan IPP untuk membayar sebahagian peratusan pendapatan mereka ke Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik (AAIBE).

Dana AAIBE boleh digunakan untuk memperkasa industri elektrik melalui R&D dan latihan, menggalakkan kecekapan elektrik ataupun mengurus impak tarif elektrik. Pada tahun 2019, kami telah memulakan proses penuntutan semula bayaran IPP yang tertunggak selama 10 tahun sebelum ini dan sejumlah RM250 juta. Ada di antara mereka tidak mampu bayar secara *lump sum* kerana ini adalah tunggakan 10 tahun dan mereka memohon untuk pengecualian.

Pendirian saya pada masa itu IPP boleh membayar secara ansuran dengan ada komitmen-komitmen tertentu tetapi tiada pengecualian, mesti bayar. *There is no exception in this*. Saya harap kerajaan akan terus memantau sama ada bayaran-bayaran ansuran ini adalah tepat masa mengikut komitmen yang dibuat oleh mereka sebelum ini.

Ketiga, saya juga berharap bahawa kerajaan boleh meneruskan projek pembekalan elektrik pada 13 buah perkampungan Orang Asli di kampung, di mana peruntukan daripada AAIBE telah pun diluluskan. Harap kerajaan jangan batalkan projek ini dan laksanakan dan siapkan supaya 300 buah keluarga di kampung-kampung Orang Asli ini akhirnya boleh mendapat bekalan elektrik, supaya anak-anak Orang Asli tidak lagi membaca dalam kegelapan.

Keempat, saya berharap juga kerajaan tidak akan mengembalikan Projek Pembangunan Tenaga Nuklear yang telah pun dibatalkan oleh Kerajaan Pakatan Harapan sebelum ini. Ini adalah kerana Malaysia terdapat banyak tenaga hijau yang lain yang boleh diutamakan.

Dengan itu, pandangan kelima saya adalah Bakri berharap bahawa kerajaan akan terus usaha dan sasaran Pakatan Harapan untuk meningkatkan tenaga boleh baharu (TBB) dalam campuran elektrik ke 20 peratus menjelang tahun 2025, tidak termasuk penjana hidrogen besar yang melebihi 100 megawatt. Sasaran ini bukan sahaja boleh menurunkan pelepasan karbon negara kita, malah juga berpotensi untuk menjana RM33.2 bilion pelaburan dan 100 ribu pekerjaan...

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Boleh minta sikit.

Puan Yeo Bee Yin [Bakri]: Ya.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Berkaitan tenaga boleh diperbaharui. Saya juga hendak sebut dan minta kepada kerajaan kerana dalam Projek Pembangunan Lembah Chuping oleh sebab radiasi di Padang Besar itu, kalau di Semenanjung ini itulah yang paling besar dan paling bagus. Cuma bila tanah di *allocate* sebanyak kalau tidak silap saya 300 ekar, itu untuk projek solar tetapi ia tidak dapat berjalan kerana tidak ada pencawang utama di sana. Jadi, saya harap kerajaan sepatutnya kena laburlah walaupun jumlahnya besar sikit untuk membolehkan perkara ini dapat dijalankan dengan lebih cepat supaya sasaran untuk kita capai tenaga boleh diperbaharui ini dapat kita lakukan juga dengan lebih cepat.

Puan Yeo Bee Yin [Bakri]: Okey. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kangar sudah buat penjelasan ataupun tambahan. Saya teruskan ucapan saya.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kerajaan Pakatan Harapan telah menambah baik Net Energy Metering (NEM) kepada NEM2.0 supaya berasaskan konsep satu atas satu, *one-on-one offset basis* dan juga kita memperbaharui polisi pajak solar-*solar leasing*, yang membolehkan Malaysia memenuhi potensi penjana tenaga solar atas bumbung- *rooftop solar*.

Dalam Pakej Rangsangan Ekonomi COVID-19 yang pertama yang diumumkan oleh Yang Berhormat Langkawi, mantan Perdana Menteri, 1,400 megawatt projek tenaga solar telah pun di-*commit* oleh kerajaan untuk tahun 2020. Sebenarnya dalam rancangan asal, selain daripada 1,000 megawatt Projek *Large Scale Solar* (LSS) telah pun diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Tenaga sekarang melalui LSS@MENtARI. Manakala yang baki 400 megawatt adalah melalui NEM *and solar leasing*, di mana pemain-pemain industri solar boleh menawarkan pakej *zero upfront cost* kepada pemilik-pemilik bangunan dengan dorongan, galakan dan insentif daripada kerajaan. Saya ingin tahu tentang rancangan 400 megawatt tenaga solar ini dan sama ada ia akan diteruskan ataupun tidak.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita perlu galakkan solar atas bumbung kerana dua perkara. Pertama, adalah ia boleh memulakan projek dengan lebih singkat jika kita bandingkan dengan LSS. Kedua, adalah kerana ia boleh mencipta lebih banyak pekerjaan jika kita berbanding dengan LSS. Tenaga solar atas bumbung boleh mencipta lebih daripada dua kali ganda jumlah pekerjaan untuk setiap penjana setiap satu megawatt kapasiti solar.

Keenam, Bakri juga berharap kerajaan boleh memastikan bahawa Akta Kecekapan dan Konservasi Tenaga- *Energy Efficiency and Conservation Act* - EECA boleh dibentangkan pada tahun ini seperti yang telah pun dirancang sebelum ini. Bakri juga berharap bahawa kerajaan boleh terus menggalakkan projek kecekapan tenaga melalui mekanisme *Energy Performance Contract* di bangunan-bangunan kerajaan yang di mana Kabinet Pakatan Harapan telah meluluskannya.

Ketujuh, ini adalah sangat penting. Saya berharap bahawa kerajaan akan meneruskan pelaksanaan Pelan Malaysia Electricity Supply Industri 2.0 (MESSI2.0) yang telah diluluskan oleh Kabinet pada 12 Julai 2019 dan diumumkan pada 17 September 2019. Pelan MESSI2.0 merangkumi pelbagai inisiatif liberalisasi industri elektrik. Ini bertujuan untuk meningkatkan persaingan dalam empat komponen terbesar rantaian nilai industri bekalan elektrik:

- (i) perolehan bahan api;
- (ii) penjanaan;
- (iii) penghantaran dan pengagihan; dan
- (iv) runcit.

Ini adalah untuk memastikan bekalan elektrik yang cekap terjamin dengan harga berpatutan untuk pengguna. Saya berharap bahawa kerajaan akan teruskan pelaksanaannya.

Jika bukan secara keseluruhannya, sekurang-kurangnya sebahagiannya, terutamanya dalam inisiatif pembukaan persaingan dalam perolehan bahan api. Ini adalah kerana komponen ini adalah komponen terbesar dalam rantaian nilai industri elektrik dalam menentukan harga tarif, di mana ia merangkumi 42 peratus daripada keseluruhan harga tarif, diikuti dengan grid sebanyak 29 peratus, penjanaan sebanyak 26 peratus dan runcit sebanyak dua peratus. Mungkin ramai di Dewan yang mulia ini tidak tahu lagi, sekarang perolehan bahan api hanya terhad kepada TNBF untuk bekalan batu arang dan juga Petronas untuk gas monopoli.

Oleh sebab itu, dalam Pelan MESSI 2.0 buah komponen ini akan dibuka untuk persaingan supaya boleh mendapat bahan api dengan harga yang lebih *competitive* dengan ada pembaharuan. Ini ia akan membawa impak positif yang paling besar kepada pengawalan harga tarif.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya dua minit lagi untuk membangkitkan satu isu lagi iaitu satu isu untuk sektor tenaga yang paling penting adalah di mana- isu bekalan elektrik di negeri Sabah. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, secara purata setiap pengguna di Sabah mengalami gangguan elektrik selama empat jam setahun. Ini adalah jauh lebih tinggi daripada pengguna di Semenanjung Malaysia.

Sebelum ini, satu langkah signifikan telah pun diambil oleh Kerajaan Pakatan Harapan iaitu Kabinet telah meluluskan secara prinsipnya, Kerajaan Persekutuan menyerah kembali pengurusan industri bekalan elektrik kepada Kerajaan Negeri Sabah. Proses *due diligence* pemilikan SESB telah pun siap dan rancangan asal adalah proses pemulangan bermula tahun ini. Saya ingin tahu, apakah perkembangannya? Janganlah kita lambat-lambatkan pemulangan SESB kepada Kerajaan Negeri Sabah kerana perbezaan politik.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin bangkitkan isu banjir di kawasan Parlimen Bakri. Baru-baru ini kawasan Bakri mengalami dua kali banjir dalam satu bulan. Pejabat saya telah memulakan perbincangan...

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Minta penjelasan Yang Berhormat Bakri.

Puan Yeo Bee Yin [Bakri]: Ya.

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Boleh penjelasan sikit ya?

Puan Yeo Bee Yin [Bakri]: Saya rasa tidak ada masa [Ketawa]

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Sini, sini. Yang Berhormat pendek sahaja.

Puan Yeo Bee Yin [Bakri]: Boleh, boleh.

■1200

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Ini berkenaan dengan penyerahan balik SESB kepada Kerajaan Negeri Sabah. Selaku Menteri yang telah mengendalikan perbincangan penyerahan ini, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat benar-benar yakin bahawa inilah hala tuju SESB yang sebaik-baik mungkin?

Puan Yeo Bee Yin [Bakri]: Saya rasa ini adalah kerana adalah penting apabila kita serahkan kuasa balik untuk menentukan bagaimana Sabah mengendali industri bekalan elektrik sendiri. Bukan sahaja pemilikan SESB, tetapi juga dalam kawal selia. So, sebelum ini kita memang ada rancangan dan saya rasa ini hala tuju terbaik untuk rakyat negeri Sabah. Saya memang berharap bahawa Kerajaan Perikatan Nasional tidak akan *stop* rancangan dan perkembangan ini kerana perbezaan politik.

Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan sedikit sahaja...

Tuan Yang di-Pertua: Ringkaskan ya.

Puan Yeo Bee Yin [Bakri]: Untuk isu banjir, saya hanya hendak katakan bahawa saya berharap bahawa kerajaan boleh memberi perhatian baik di Bakri ataupun di tempat-tempat lain secara keseluruhannya dan memberi maklum balas, apakah hala tuju kerajaan untuk menangani isu banjir memandangkan cuaca semakin berubah-ubah akibat perubahan iklim.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja beberapa isu yang saya ingin bangkitkan hari ini. Secara keseluruhannya, Bakri berharap bahawa polisi-polisi dan rancangan-rancangan Pakatan Harapan yang baik boleh diteruskan oleh kerajaan sekarang. Jangan biarkan politik menghindari jentera kerajaan dalam melaksanakan polisi dan rancangan yang baik untuk kebaikan negara dan kesejahteraan rakyat. Sekian sahaja, Bakri mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Bakri. Saya mempersilakan Yang Berhormat Padang Rengas untuk memulakan perbahasan beliau.

12.02 tgh.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan banyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan ruang kesempatan untuk saya mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Sebagai Ahli Parlimen Padang Rengas dan juga mewakili pengundi Padang Rengas, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua atas pelantikan Tuan Yang di-Pertua untuk menjadi Speaker Dewan Rakyat yang telah pun dijalankan dengan mengikut prosedur yang betul. Jadi, saya ucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua dan jalanlah kerja tanpa bimbang, tanpa ragu tentang kesahihan pelantikan Tuan Yang di-Pertua itu.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]: Tuan Yang di-Pertua, dalam titah Yang di-Pertuan Agong, dalam perenggan tiga, empat, lima, enam dan tujuh, Tuanku telah menyatakan tentang apa yang dikatakan naratif landskap politik yang baharu. Kita fahamlah apa yang dimaksudkan oleh Tuanku buat kali pertamanya dalam sejarah negara kita di peringkat Persekutuan, tiba-tiba telah berlaku satu peristiwa yang mana kerajaan telah runtuh, disabitkan oleh perkara kita semua sedia maklum. Perkara ini bukan baru ke Malaysia. Cuma di peringkat Persekutuan sahaja, Parlimen.

Di negeri-negeri, ia berlaku beberapa kali. Ini bermakna kita sudah punyai *precedent*, rujukan. Selepas ini kalau kita mengambil tindakan, kita faham tentang perkara ini bukan suatu perkara yang baharu. Akan tetapi sebenarnya perkara ini telah berlaku sebelum ini pun dan tidak pernah kita memikirkan untuk mengambil tindakan bagaimana kita hendak menghentikan lompat parti ini.

Secara peribadi, saya tidak bersetuju dengan melompat parti. Ini kerana kalau kita lihat dalam mana-mana buku sekalipun, Abraham Lincoln menyatakan iaitu "*government of the people, by the people, for the people*". Inilah asas demokrasi. Jadi kalau kita lihat *government of the people* yang ada pada hari ini, kita boleh bahas sama ada benar-benarkah *government* ini *government of the people*. Kalau *for the people*, saya rasa *government* ini memang kerajaan untuk rakyat.

Akan tetapi ada sangkut satu, *government by the people*. Ini masalah yang mungkin hujah kuat untuk mempertikaikan kerajaan yang wujud pada hari ini, apakah *by the people*? Jadi oleh sebab itu saya seperti Ahli-ahli Parlimen, orang politik yang lain yang mendukung demokrasi, saya merasakan itu bahawa perkara ini telah berlaku dan pada waktu ini tidak ada akta yang boleh menghalang perkara ini daripada berlaku.

Jadi apa yang kita perlu bincangkan di sini oleh sebab ia akan- ia telah berlaku di peringkat negeri, ia berlaku di peringkat Persekutuan dan mungkin di masa akan datang, ia akan berlaku lagi dan mungkin akan menyebabkan rakyat tidak berpuas hati kerana selalu yang mereka katakan iaitu bahawa dalam PRU mereka pilih parti lain untuk menjadi kerajaan, tiba-tiba perkara ini berlaku, maka runtuh kerajaan yang telah dipilih waktu PRU dan bangkitlah kerajaan yang baharu.

Saya tidak mahu pergi *revisit* rentetan peristiwa-peristiwa sebelum jatuhnya Kerajaan PH dahulu. Cuma kita hendak melihat ke hadapan, apakah sebenarnya boleh kita lakukan supaya perkara ini tidak akan berlaku lagi di masa akan datang. Mari kita duduk bersama-sama, *let's sit down and think about it* supaya di masa akan datang tidak lagi berbangkit.

Kalau dikatakan rakyat pada PRU telah memilih satu parti untuk menjadi kerajaan, maksudnya untuk lima tahunlah kerana rakyat sedar apa yang mereka buat. Jadi, sebab itu di masa akan datang ini, kita kena pastikan supaya perkara ini tidak berlaku dan tidak akan mendatang keresahan di kalangan rakyat kerana mereka boleh menyatakan iaitu bahawa mereka tidak pilih kerajaan ini dan tidak pilih parti itu untuk menjadi kerajaan...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Padang Rengas, boleh sikit, boleh ya?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]: Ya?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Boleh mencelah sedikit?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]: Hendak buat apa?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sedikit sahaja.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]: Tak, hendak apa?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Hendak tanya satu soalan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]: Tak...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Hendak sokong, nak sokong. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada sahabat saya daripada Padang Rengas. Bagi saya, memang ucapan yang baiklah ya.

Saya tadi Yang Berhormat kata memang saya bersetuju di peringkat *state* memang ada *precedent* ya. Cuma Yang Berhormat pun bekas peguam, kadang-kadang kita ada *bad precedent*, kita ada *good precedent*. Itu yang pertama. Keduanya Yang Berhormat, setuju atau tidak kalau saya katakan sementara kita hendak fikir akan datang, sementara ini kita *maintain* satu skornya adalah kekalkan Kerajaan PH yang pilihan rakyat dahulu. Maknanya yang sekarang ini *give up* lah, mengakulah kamu salah. Boleh tak? Terima kasih.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Padang Rengas, sedikit. Yang Berhormat Padang Rengas, sedikit.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: [Bangun]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]: Cadangan ialah kalau sekiranya perkara ini masih menjadi pertikaian dan peluang telah pun diberi kepada PH untuk mentadbir negara selama lima penggal, tetapi *implosion*. Ini masalah PH sendiri, bukan masalah kita. Kita dalam UMNO, BN-UMNO lah khususnya parti saya telah menyatakan dengan jelas iaitu bahawa kita akan kekal sebagai pembangkang sehingga PRU-15. *We are prepared*.

Saya punya presiden dekat depan ini ada, dia yang telah menyatakan, mengisytiharkan di dalam Perhimpunan Agung UMNO 2018, beritahu iaitu bahawa kita punya hala tuju ialah kita akan menjadi pembangkang selama penggal ini. Tidak pernah kita fikir hendak menjatuhkan PH ini. *No time*. Kita *concentrate* sebagai pembangkang.

■1210

Akan tetapi, kalau sudah berlaku *implosion* dalam PH sendiri, maka ini bukan masalah kita. Walaupun Yang Berhormat Langkawi cuba hendak *second time* hendak jadi PM balik- tak boleh. Kali ketiga PH pula masih lagi bertikai siapa yang boleh jadi calon mereka.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Padang Rengas.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]: Keadaan ini menunjukkan mereka tidak bersedia dan kalau mereka tidak bersedia- kalau hendak buat- pada sayalah, saya ingat Yang Berhormat Langkawi punya usul itu undi tidak percaya gugur sahajalah sebab, sudah kalah sudah pun. Bila kita menang, melantik Tuan Yang di-Pertua sudah menang, habislah. Tak berbangkitlah usul undi tak percaya kerana itulah akan menunjukkan sama ada kita ada cukup jumlah ataupun tidak. Jadi, Yang Berhormat Sepang, menjawab soalan Yang Berhormat- kalaulah kelam kabut sangat nanti saya juga seperti Yang Berhormat di Machang kita buatlah PRU-15 *anytime...* [Tepuk]

Sampai masanya kalau sekiranya kelam kabut, saya hendak bagi tahu Yang Berhormat Sepang, kalau takut dilambung ombak, jangan berumah di tepi pantai. Maknanya, kita PRU *anytime...* [Tepuk] Kami dalam pakatan kami, *we are ready anytime*. So, bukan dia punya *solution*-nya ialah untuk memberi balik kepada PH tetapi kita adakan PRU-15 *once and for all*. Yang Berhormat Beruas.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih Yang Berhormat Padang Rengas. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memang sangat tertarik kepada perbincangan Yang Berhormat Padang Rengas tadi. Jadi, saya ingin tahu kalau boleh Yang Berhormat Padang Rengas dengan semua Ahli-ahli Yang Berhormat di bahagian kerajaan sekarang boleh bersetuju untuk meminda Perlembagaan Persekutuan supaya- apa kata anti lompat ini tidak dibenarkan oleh mana-mana Ahli Yang Berhormat, supaya ada orang kata *stability* untuk lima tahun.

Kedua, kalau boleh juga saya dapat pandangan daripada Yang Berhormat Padang Rengas. Sebelum '*Crisis 2009*' di Perak, undang-undangnya sudah ditentukan bahawa hanya di Parlimen sahaja kita boleh mengubah sesuatu kerajaan. Apa yang kita lihat ini undang-undang sudah dibawa kes Ketua Menteri Sarawak yang pertama Stephen Kalong Ningkan. Akan tetapi, krisis negeri Perak telah menukar undang-undang dan kita boleh menggunakan *statutory declaration*. Ini telah menyebabkan ketidaktentuan macam di Sabah, Tan Sri Musa Aman boleh jadi Ketua Menteri dua hari, dua hari kemudian tukar pula Ketua Menteri.

Begitulah di Parlimen sini, kita ada Yang Berhormat Langkawi menjadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kemudian pula tiba-tiba tukar kerajaan tanpa datang ke Dewan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]: Yang Berhormat Beruas, duduklah Yang Berhormat Beruas.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Jadi, saya hendak tanya setuju tak kalau Yang Berhormat Padang Rengas supaya undang-undang digubal supaya hanya di Parlimen sahaja kita menentukan siapa jadi kerajaan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]: Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali, apabila Yang Berhormat mencadangkan iaitu di dalam Perlembagaan kita letakkan iaitu bahawa anti lompat ini tidak boleh dibenarkan. Tidak boleh Yang Berhormat. Sebab ia bercanggah dengan *human rights*.

Seorang Ahli: [Ketawa]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]: Pasal apa gelak? *You are not for human rights?* Saya hendak bagi tahu- duduk ini saya punya- duduk, duduk.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Kebebasan saya tahu kes...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Tolong.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]: Kebebasan bersuara, *human rights* lah itu. Kalau kebebasan bersuara ini diberikan pada rakyat biasa, *ordinary citizen* maka sudah tentulah dia juga diberikan kepada wakil rakyat. *Simple as that okay*. Jadi...

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: Yang Berhormat Padang Rengas.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]: Apa benda ini...

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: Akan tetapi, kita mesti...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tolong, tolong. Yang Berhormat Padang Rengas tidak benarkan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]: Duduk, duduklah.

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: Yang Berhormat Padang Rengas boleh?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]: Jadi pertama-saya hendak jawab Yang Berhormat ini saya punya *floor*, jangan gabra.

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: Yang Berhormat Padang Rengas.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]: *You* nampak *you* punya *argument* sudah kalah, terima sahaja. *Against human rights* tak boleh. Jadi, bukan di situ sebenarnya kalau kita hendak pastikan anti lompat. Saya teringat itu dalam kes Nordin Salleh lawan dengan kerajaan negeri Kelantan sekitar tahun 90-an. Nordin telah membawa dia telah lompat dan dia dihentikan. Apabila ada enakmen *anti-hopping* ini di negeri Kelantan bawa ke mahkamah maka di mahkamah telah mengisytiharkan itu bahawa tak boleh.

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: Yang Berhormat Padang Rengas.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]: *Against human rights* kita kebebasan bersuara tak boleh.

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: Ya Kota Kinabalu?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]: Ya? Tak, memang tak boleh ya.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Nampaknya Yang Berhormat Padang Rengas ini bercanggah pendirian tadi kata hendak kestabilan untuk lima tahun. Kemudian benarkan Ahli-ahli Parlimen melompat itu sudah bercanggah dengan pendirian asal.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]: Ini saya...

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: Yang Berhormat Padang Rengas.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]: Yang Berhormat Beruas saya hendak cadangkan di sini, *you* kacau / buat apa. Saya hendak bagi tahu bahawa *anti-hopping law* ini telah pun dibuat sebagai enakmen di Kelantan semua.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Padang Rengas tadi Yang Berhormat Padang Rengas...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]: Yang telah didapati oleh mahkamah sebagai bercanggah. Maknanya boleh lompatlah.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Padang Rengas, sedikit, sedikit.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]: Ini kerana, hendak menjaga hak wakil rakyat punya hak bersuara. Jadi dia bebas, bebas bersuara dan bebas berpersatuan.

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: [Bangun]

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Padang Rengas tadi, Yang Berhormat *government by the people*...

[Sistem pembesar suara dimatikan]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tolong duduk Yang Berhormat Padang Rengas tidak memberi peluang.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Boleh sedikit-sedikit Yang Berhormat Padang Rengas saya...

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Selayang, selayang.

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: Yang Berhormat Padang Rengas sedikit sahaja dari Sabah.

Tuan Yang di-Pertua: Tolong duduk, tolong duduk.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita ada hendak buat lagi *anti-hopping law* kita sudah ada dulu dan didapati *is against human rights*. Sebab itu di *United Kingdom* kita tengok baru-baru ini ramai yang *Labour* punya parti lari ke *Democrats*- bebas.

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: Ya, Yang Berhormat Padang Rengas, Yang Berhormat Padang Rengas.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]: Tidak boleh dihalang pun. Jadi, apa yang saya hendak cadangkan sini supaya kita *once and for all* lompat tidak boleh berlaku. Jadi, saya hendak cadang supaya kita Tuan Yang di-Pertua dulu pernah menjadi Pengerusi SPR. Saya hendak cadangkan supaya kita pinda Akta *Election Commission* dan kalau kita bangkit kan soal boleh tak boleh- jangan kita fikir. Mental kita kena kuat kita jangan letakkan rintangan-rintangan di hadapan kita untuk kita hendak memastikan supaya *hopping* ini *will stop forever*.

Saya hendak cadangkan kita pinda *Election Commission*. Kita pinda- kita *Westminster*, kita punya cara *election* sistem kita, ada *constituency*. Akan tetapi, kalau boleh kita pinda yang mana tidak perlu individu dinamakan sebagai calon parti itu kah, calon parti ini kah melainkan kita pertandingkan lambang. Kita pertandingkan lambang parti.

Tuan Yang di-Pertua: *Party-list*.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]: Ya, *party-list*. Lambangkan parti ia banyak menyelesaikan masalah. Pertama kalau kita bertanding atas lambang- Bila kita ada pilihan raya atas lambang, jadi bila kita menang sebagai contoh Padang Rengas bila kita menang, BN menang Padang Rengas. Akan tetapi, saya tidak bertanding sebagai individu, saya bertanding nama saya ialah *list party* saya. Jadi, kalau BN menang situ maka parti akan tunjuk, Ahli Parlimen kami bagi Padang Rengas Nazri Aziz. Senang begitu. Jadi, kalau Nazri Aziz ini suatu hari...

Tuan Mohamad bin Sabu [Kota Raja]: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]: Kalau Nazri Aziz ini katalah dia ditunjuk kerana BN yang menang, maka dia ditunjuk sebagai Ahli Parlimen Padang Rengas kemudian dilantik dalam Jemaah Menteri. Kalau saya mempunyai perbezaan pendapat dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri apakah dan saya kata saya tidak boleh terima dan saya hendak berhenti. Saya berhenti sorang sahajalah. Saya tak bawa kerusi Padang Rengas dengan saya.

Tuan Mohamad bin Sabu [Kota Raja]: Ya, boleh saya mencelah? Yang Berhormat Padang Rengas.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]: Jadi kerusi Padang Rengas tetap BN. Bila saya keluar daripada BN tak menjadi Yang Berhormat Menteri maka parti saya akan tunjuk orang yang lain pula menjadi Ahli Parlimen.

Seorang Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

■1220

Tuan Mohamad bin Sabu [Kota Raja]: Yang Berhormat Padang Rengas.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]: Jadi, yang ini yang saya cadangkan iaitu supaya kalau ini kita lakukan, tidak bangkit sudah soal ini.

Tuan Mohamad bin Sabu [Kota Raja]: Yang Berhormat Padang Rengas, boleh saya mencelah?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]: Kalau dia lari...

Tuan Mohamad bin Sabu [Kota Raja]: Saya ingin menyokong.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]: Ya?

Tuan Mohamad bin Sabu [Kota Raja]: Saya ingin menyokong.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]: Okey, Yang Berhormat Kota Raja. Boleh lah.

Tuan Mohamad bin Sabu [Kota Raja]: Ya, ya.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Tuan Mohamad bin Sabu [Kota Raja]: Saya, Tuan Yang di-Pertua, ini salah satu pandangan yang diutarakan sebab kita dengar melompat-lompat ini kita meluat sudah. Jadi, ini satu pandangan yang bernas sebab disebut tadi saya bersetuju, saya bersetuju *by the people* itu. Jadi, pandangan *for the people, by the people*. Sekarang bukan kerajaan *by the people, by the people* pelompat. Jadi, kita setuju cadangan Yang Berhormat Padang Rengas...

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: Ini Yang Berhormat Kota Raja kata kepada Yang Berhormat Gombak ini, depan-depan ini.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Lompat daripada PAS dulu macam mana? Lompat daripada PAS dulu.

Tuan Mohamad bin Sabu [Kota Raja]: Kita...

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Sabah, Sabah.

Tuan Mohamad bin Sabu [Kota Raja]: Oleh sebab kita- nanti, saya hurai nantilah, saya bercakap yang lain tetapi pandangan Yang Berhormat Padang Rengas, saya boleh terima setakat ini. Ini lah orang veteran bercakap.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Silakan Yang Berhormat Padang Rengas. Ya.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]: Sebenarnya, saya pun tidak perlu sokongan daripada sana pun sebab apa yang saya buat ini betul. Akan tetapi ini perangai merekalah, jenis hendak *score point* sikit, tumpang. Apa yang dia sebut tadi, saya sudah sebut awal sudah, *by the people*.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Lumut]: Boleh, boleh Lumut *score point* sikit?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]: Jadi, tidak payah- jadi, tidak payah hendak ini lah ya. Jadi Yang Berhormat, sebenarnya kalau kita pinda begini...

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Lumut]: Yang Berhormat, *score point* sikit boleh?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]: ...Banyak, bukan sahaja setakat kita boleh menghalang daripada runtuhnya parti, kita juga Yang Berhormat, boleh membanteraskan rasuah, ya. Macam kata apabila satu kerajaan jatuh, maka mereka hendak sokongan. Kepada setengah Ahli Parlimen, *it's harvesting time*. Oleh sebab apa? Dia boleh jual kerusi dia itu. Kalau yang sana ada 100 dan sini ada 111, sana ada 109, jadi mungkin ada dua atau tiga Ahli Parlimen *harvesting time*. Maknanya, dia cari duit lah. Makna, terbuka untuk dirasuahkan, terbuka untuk dirasuahkan.

Jadi, kalau kita bertanding lambang, kita tidak boleh jual diri kita. Hendak jual lambang, presiden ada di depan. Jadi, dia juga boleh membanteraskan rasuah. Tuan Yang di-Pertua, saya sudah habis masa ya?

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]: Okey. Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Seminit.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]: Saya, selain daripada itu, sebenar banyak yang saya hendak cakap tetapi saya ingat taktik merekalah hendak *block* saya kan tetapi tidak apa. Cuma, apa hasrat saya telah pun sampai. *We must amend our* akta supaya kita henti buat selama-lamanya usaha negatif yang ada.

Akan tetapi banyak sebenarnya masalah, nanti kalau saya ada peluang bercakap lagi, saya bagi lagi alasan-alasan mengapa cadangan Padang Rengas ini mesti diambil berat kerana ia menguntungkan kita lebih, ya. Jadi Tuan Yang di-Pertua, Padang Rengas mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Padang Rengas, di atas satu perdebatan yang amat *interesting*, terima kasih. Saya sekarang ingin menjemput Yang Berhormat Pokok Sena, silakan.

12.23 tgh.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*. Pertama, saya ucap tahniah kepada kawan saya, rakan saya daripada Padang Rengas. Idea yang sangat bernas yang menunjukkan dalam hati dia itu tidak dapat hendak terima Perdana Menteri lompat. Dia masih setia untuk...

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Yang Berhormat Pokok Sena lompat dulu.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: ...Memastikan sama ada Yang Berhormat Pekan ataupun Yang Berhormat Bagan Datuk yang tidak melompat, yang layak untuk menjadi Perdana Menteri, tahniah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit berkaitan dengan isu masalah pekerjaan ekoran daripada krisis COVID-19 ini, masalah yang melanda negara kita dan juga seluruh dunia. Sudah tentu yang paling terkesannya ialah sektor pekerjaan yang menyebabkan ramai di kalangan pekerja-pekerja di negara kita ini, khususnya di sektor swasta dan juga sektor persendirian ini sama ada kehilangan pekerjaan mahupun sektor persendirian, mereka kehilangan sumber pendapatan ekoran daripada krisis yang berkaitan dengan COVID-19 ini.

Unjuran-unjuran yang telah pun dibuat oleh pelbagai pihak seperti MIER, mengunjurkan bahawa 1.5 juta pekerja akan hilang pekerjaan pada penghujung tahun. Jika berlaku gelombang kedua COVID-19 ini, yang menggerunkan kita sekarang ini, saya pun cukup bimbang, takut nanti ada pula kluster Parlimen kerana kita sudah macam tidak lagi merasa bimbang macam krisis COVID-19 di peringkat awal dahulu.

Jadi, kalau berlaku gelombang kedua ini, diunjurkan bahawa sampai kepada peringkat 2.7 juta, itu yang dibuat oleh Jabatan Perangkaan Malaysia sendiri, 2.7 juta orang rakyat Malaysia yang bekerja berisiko hilang pekerjaan. Ini cukup membimbangkan kita semua kerana sudah tentu ia akan memberikan kesan yang lebih buruk kepada kehidupan lebih ramai orang. Oleh kerana setiap pekerja itu dia ada keluarga, anak-anak dan sebagainya dan memerlukan kepada pendapatan dan sebagainya.

Jadi, saya hendak lihat di sini bahawa kebimbangan saya ini kerana dilihat bahawa daripada jawapan yang dibuat oleh Menteri Sumber Manusia kepada rakan saya daripada Ipoh Barat sebelum ini menunjukkan bahawa mereka yang telah pun diberhentikan pekerjaan sehingga 30 Jun adalah 48,727 orang, daripada Januari sehingga Jun. Sedangkan kalau angka dalam sekitar 30 ribu, ke-45 ribu, atau 48 ribu ini, semasa saya berada di Kementerian Sumber Manusia ini, angka ini angka setahun. Pemberhentian untuk setahun iaitu banyak majikan ataupun syarikat-syarikat ini menstrukturkan semula syarikat mereka untuk mengurangkan kos dan sebagainya. Ini angka pemberhentian ini angka 48 ribu ini angka setahun.

Akan tetapi kita ini hanya sekadar setengah tahun, sudah 48,727 orang. Itu dalam keadaan kerajaan telah pun memberikan subsidi upah dan sebagainya untuk Program Pengekalan Pekerjaan. Dibimbangi bahawa apabila berakhirnya pada September nanti, Program Subsidi Upah ini akan menyebabkan kemungkinan akan lebih ramai pekerja akan diberhentikan. Oleh sebab banyak syarikat ataupun majikan yang tidak berkemampuan untuk membiayai pekerja-pekerja mereka dari segi pembayaran gaji dan sebagainya.

Jadi oleh sebab itu, saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan bahawa perlu kepada menyambung semula ataupun melanjutkan Program Subsidi Upah ini untuk Program Pengekalan Pekerjaan ini ditambah lagi enam bulan. Apa yang sudah diberi ini untuk enam bulan sampai September ini, maknanya selepas itu ditambah lagi enam bulan. Bukan sahaja moratorium yang dicadangkan oleh banyak pihak untuk disambung sehingga enam bulan lagi tetapi Program Subsidi Upah ini untuk membolehkan para majikan mengekalkan pekerja-pekerja yang sedang bekerja dengan mereka.

Ini kerana bagi saya, bahawa 48 ribu angka yang saya sebutkan tadi yang diambil daripada jawapan Menteri itu mungkin angka yang dilaporkan kepada PERKESO melalui skim SIP. Akan tetapi mungkin juga ada angka-angka mereka yang hilang pekerjaan, khususnya orang-orang yang bekerja dalam sektor persendirian dan sebagainya, itu maknanya angka yang lebih. Ini kerana kalau dilihat kepada jawapan yang diberikan kepada Yang Berhormat Port Dickson, bahawa 12 juta orang telah kembali bekerja, 12 juta orang telah pun kembali kepada sektor pekerjaan.

Sedangkan kita mempunyai lebih daripada 15 juta orang pekerja di dalam negara kita, kita ada 15 juta orang pekerja di dalam negara kita. Jadi, kalau dilihat 15 dengan 12, bermakna bahawa 3 juta masih tidak kembali kepada sektor pekerjaan. Jadi, saya bimbang bahawa keadaan ini akan lebih buruk pada masa yang akan datang ini kalau kita tidak tangani dengan seperti yang saya cadangkan tadi iaitu melanjutkan subsidi upah melalui PERKESO ini selama enam bulan lagi untuk membolehkan majikan-majikan ini bernafas dan kemudian dapat menggerakkan aktiviti perniagaan mereka untuk mengekalkan pekerjaan, di samping untuk melanjutkan moratorium.

■1230

Saya juga ingin mencadangkan supaya pihak kerajaan juga seharusnya menawarkan insentif kepada mana-mana syarikat yang menawarkan peluang pekerjaan kepada mereka yang telah diberhentikan, untuk menawarkan peluang pekerjaan sebab 48 ribu yang saya sebutkan tadi diberhentikan. Akan tetapi untuk penempatan pekerjaan yang dibuat oleh JobsMalaysia di bawah Kementerian Sumber Manusia sehingga Jun baru-baru ini, hanya 21 orang.

Saya tidak tahu bagaimana PERKESO sepatutnya membantu kepada 48 orang ini untuk menempatkan semula ke dalam sektor pekerjaan tetapi JobsMalaysia yang mempunyai tanggungjawab yang lebih besar untuk melakukan penempatan pekerjaan kepada yang diberhentikan ataupun penganggur yang mula hendak mendapatkan pekerjaan hanya mampu untuk memberi 21 orang sahaja, sedangkan kalau mengikut angka biasa pada tahun 2018, JobsMalaysia boleh memberikan peluang penempatan pekerjaan sepanjang setahun 2018 ialah 121,800 orang.

Begitu juga dalam tahun 2019 pun dalam lingkungan 100 orang lebih untuk diberikan penempatan pekerjaan. Jadi, manakah peluang-peluang pekerjaan baru yang boleh diberikan kepada mereka yang diberhentikan 48 orang itu dan juga yang bakal diberhentikan. Ini kerana kalau kita lihat semua sektor ini akan mengurangkan pekerjaan, pekerja-pekerja mereka kerana dalam keadaan *business* yang tidak begitu baik.

Jadi sebab itu saya mencadangkan supaya ditawarkan satu insentif kepada mana-mana majikan, sektor swasta yang bersedia untuk menawarkan peluang pekerjaan kepada anak-anak muda sama ada kepada penganggur ataupun kepada mereka yang hilang pekerjaan. Kedua...

Dato' Seri Haji Salahuddin bin Ayub [Pulai]: Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya.

Dato' Seri Haji Salahuddin bin Ayub [Pulai]: Boleh saya sekejap? Sedikit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Seri Haji Salahuddin bin Ayub [Pulai]: Tuan Yang di-Pertua, rakan saya Yang Berhormat Pokok Sena, saya rasa Yang Berhormat Pokok Sena telah membangkitkan satu isu yang penting untuk kebajikan pekerja-pekerja kita. Saya rasa Yang Berhormat Pokok Sena telah menyentuh tentang moratorium yang telah memberikan sedikit kelegaan kepada pekerja kita.

Saya ingin berkongsi Yang Berhormat Pokok Sena tentang langkah *Federal Government of Australia, banks extend mortgage loan deferral scheme* di mana Kerajaan Australia telah membuat satu pemilihan, *very selective* terhadap usahawan-usahawan khususnya SME untuk mereka ini dilanjutkan lagi moratorium itu sebagai suatu langkah untuk menjamin mereka terus *grow* ataupun maju ke depan demi menghadapi masalah COVID-19 ini. Adakah Yang Berhormat Pokok Sena boleh masukkan sebahagian ucapan saya dalam ucapan beliau. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih rakan saya Yang Berhormat Pulai. Saya bersetuju untuk dimasukkan sebahagian daripada ucapan saya dan saya pun telah menyebut bahawa selain daripada melanjutkan moratorium yang telah pun dicadangkan oleh rakan-rakan saya sebelum ini, kita juga harus melanjutkan kadar subsidi upah itu untuk tempoh enam bulan lagi untuk membolehkan pengekaln pekerjaan dan di samping moratorium itu untuk membantu majikan-majikan daripada membayar *loan* ataupun pinjaman yang telah pun mereka buat untuk menguruskan perniagaan mereka.

Keduanya Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia khususnya daripada pihak kerajaan khususnya melalui Menteri Sumber Manusia berkaitan dengan status iSuri PERKESO iaitu satu skim perlindungan untuk suri rumah. Ini kerana kita menganggap bahawa mereka juga merupakan pekerja yang terdedah kepada pelbagai insiden yang boleh berlaku dalam rumah, sekitar rumah, hantar anak pergi sekolah dan sebagainya.

Jadi saya hendak bertanya sebab semasa saya berada di kementerian secara umumnya Kabinet telah pun bersetuju untuk melindungi suri rumah-suri rumah ini melalui iSuri PERKESO dan cuma tertangguh, tidak boleh dilaksanakan kerana memerlukan kepada mewujudkan satu undang-undang baru, maknanya perlu kepada perundangan untuk membolehkan dilaksanakan iSuri PERKESO ini untuk melindungi suri rumah khususnya suri rumah sepenuh masa.

Jadi saya hendak bertanya status kedudukan rang undang-undang (RUU) tersebut, bilakah akan dibentangkan ke Parlimen ini untuk membolehkan supaya idea yang dibawa oleh Kerajaan PH sebelum ini akan dapat dilaksanakan untuk memberikan perlindungan kepada suri rumah.

Kemudian, saya juga ingin menyentuh soal keselamatan pekerjaan. Tuan Yang di-Pertua, soal keselamatan dan kesihatan pekerjaan ini satu perkara yang sangat penting yang perlu diberikan perhatian oleh semua pihak kerana selama ini kita begitu mengabaikan soal-soal ini yang menyebabkan kita telah pun mengalami kehilangan pekerja-pekerja yang mempunyai pengalaman dan kita terpaksa menanggung kos yang begitu tinggi akibat daripada pengabaian ataupun kelalaian, kealpaan kita terhadap masalah yang berkaitan, soal keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang selama ini dipertanggungjawabkan di bawah Kementerian Sumber Manusia.

Kita hanya melihat kalau isu-isu keselamatan dan kesihatan pekerjaan ini apabila berlaku insiden-insiden tertentu, PERKESO akan bayar. Contoh PERKESO akan bayar. Ya betul, PERKESO akan bayar tetapi kita harus melihat bahawa kerugian ataupun kerugian yang tersembunyi daripada pembayaran pampasan yang telah pun dibayar oleh PERKESO itu lebih besar.

Pada tahun 2018, PERKESO terpaksa menanggung pampasan RM3.71 bilion kerana masalah keselamatan dan kesihatan iaitu berlakunya kes kemalangan pekerjaan di tempat kerja yang menyebabkan mereka kehilangan- sama ada mati ataupun kecederaan dan sebagainya sehingga menyebabkan tanggungan yang terpaksa dibuat sebanyak RM3.71 bilion. Kepada pekerja asing sahaja di bawah JTK pada waktu itu masih lagi di bawah JTK iaitu pampasan pekerja asing di bawah JTK yang berkaitan dengan isu-isu yang sama sebanyak RM5.6 juta.

Jadi, sebab itu bagi saya bahawa ini sesuatu yang besar yang kita terpaksa tanggung. Kalau tidak dinaikkan kadar caruman PERKESO itu, saya bimbang bahawa suatu hari nanti PERKESO pun tidak mampu untuk membiayai, menanggung kos pampasan kepada insiden-insiden ataupun kemalangan-kemalangan yang telah berlaku dan akan berlaku dalam negara kita.

Oleh sebab itu, bagi saya bahawa perlu kita meningkatkan kesedaran ini bukan sahaja kepada sektor swasta tetapi kepada sektor awam untuk menjadi pemacu, menjadi peneraju utama dalam memberikan kesedaran untuk semua pihak dan menguatkuasakan undang-undang. Kita sudah lama di Malaysia ini 144 tahun sudah berada dalam isu-isu yang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

Cuma dari segi Akta Kilang dan Jentera dan Akta Keselamatan dan Pekerjaan itu agak baru tetapi bagi saya kesedarannya masih rendah. Oleh sebab itu kita terdedah kepada isu-isu pendedahan apabila berlaku keruntuhan dan sebagainya yang menyebabkan keadaan berlaku kerugian. Sedangkan kalau kita lihat bahawa kos yang tersembunyi ini Tuan Yang di-Pertua mengikut pengiraan ILO, ILO menganggarkan bahawa empat peratus daripada GDP.

Jadi kalau pengiraan empat peratus daripada GDP ini bahawa kita telah kerugian dan kehilangan satu tahun sebanyak RM53 bilion. Itu belum lagi dilihat secara yang lebih halus, lebih terperinci tentang masalah-masalah kerugian, kehilangan suatu impak daripada kemalangan dan juga penyakit pekerjaan.

Jadi sebab itu saya hendak mencadangkan supaya ini harus diangkat. Pada zaman PH, Kerajaan PH ini kita telah berjaya mengangkat ia menjadi satu dasar negara dan telah pun dipersetujui oleh Kabinet dan kita telah mengeluarkan satu dokumen dasar negara yang ditandatangani oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada waktu iaitu Yang Berhormat Langkawi.

ia telah menandatangani dan dilancarkan oleh bekas Timbalan Perdana Menteri pada waktu itu yang merupakan Timbalan Perdana Menteri. Saya kira bahawa ini satu usaha ke arah untuk menyedarkan semua pihak.

■1240

Malah, kebimbangan kita ini ialah di sektor awam yang semakin meningkat. Jadi sebab itu, saya hendak mencadangkan supaya di struktur semula penguatkuasaan ini yang selama ini berada di bawah Kementerian Sumber Manusia ini supaya diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Ini untuk membolehkan supaya apabila berada di bawah Jabatan Perdana Menteri, ia akan lebih mudah untuk menguasai seluruh kementerian dan jabatan dan juga agensi kerajaan. Akan tetapi jikalau berada di Kementerian Sumber Manusia, hanya satu Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, jadi ia hendak pergi ke Ketua Pengarah, hendak pergi ke tempat-tempat yang lain itu untuk memberi pengarah kepada orang yang lebih *senior* kedudukan, perjawatan itu agak sulit.

Oleh sebab itu, tidak ada satu perhatian yang serius di sektor awam. Walaupun baru-baru ini— semasa saya berada di Kementerian Sumber Manusia itu, KSN mengambil maklum perkara ini, telah membuat beberapa perubahan tetapi saya hendakkan supaya satu perubahan yang lebih besar untuk mengelak daripada kita mengalami kerugian yang lebih besar.

Jikalau kita lihat *structure* yang dibuat di negara China umpamanya, ia telah pun diletakkan di bawah *state administration of work safety*, di mana badan ini di bawah Perdana Menteri sendiri. Oleh sebab itu, saya mencadangkan, saya mengambil formula ini untuk dicadangkan supaya kita juga harus meletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Begitu juga kalau di UK, ia diletakkan di bawah sebuah badan yang bebas, bukan berada di bawah kementerian *labour* tetapi diletakkan di bawah sebuah badan yang bebas *direct* dengan Perdana Menteri.

Ini akan membolehkan seorang Perdana Menteri itu memberikan perhatian yang lebih kepada memastikan supaya— dari sudut ekonominya, kita tidak akan kehilangan, kerugian. Macam saya sebutkan tadi, angka yang diberikan ILO ini, sebanyak 50 bilion dan sebagainya, kita tidak perlu hendak tanggung- PERKESO hendak kena bayar sampai RM3.71 bilion. Walaupun betul PERKESO boleh bayar tetapi tidak sama dengan kita hilang satu jari, dapat bayaran PERKESO tetapi dengan ada jari itu akan lebih baik kehidupan kita. Jadi, itu yang saya harapkan kepada pihak kerajaan untuk memberikan perhatian yang serius dalam perkara ini.

Akhir sekali, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Tan Sri Arif yang telah pun di tamatkan perkhidmatan dia, yang telah banyak memberikan sumbangan kepada Parlimen dengan reformasi-reformasi yang begitu baik. Saya harap bahawa jasa-jasa ini akan terus memberikan dorongan kepada kita untuk melakukan satu perubahan yang lebih besar di bawah kepimpinan Yang Berhormat Speaker kita yang baharu.

Saya hendak ucap tahniah kepada Yang Berhormat Datuk Azhar Azizan Harun yang telah pun dipilih. Walaupun dilabelkan dengan pelbagai label sebelum ini kepada Yang Berhormat Speaker kerana kritikan-kritikan Yang Berhormat Speaker sebelum dari pilihan raya berkaitan dengan penggubahan wang haram, berkaitan dengan 1MDB dan sebagainya. Akan tetapi saya menganggap bahawa itu adalah kebebasan hak bersuara yang telah menyumbang kepada perubahan politik negara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, yang menyumbang kepada perubahan politik negara.

Begitu juga Yang Berhormat Speaker yang sebelum ini dilabel sebagai orang liberal sewaktu dilantik menjadi Pengerusi SPR. Ada kenyataan daripada pimpinan PAS yang melabelkan liberal kerana kenyataan-kenyataan berkaitan dengan *Oktoberfest* berkaitan dengan ucapan Yang Berhormat Speaker hudud dan sebagainya, yang agak kontra dengan pemikiran ekstrem yang ada kepada pemimpin-pemimpin PAS. Akan tetapi pada hari ini mereka boleh bersetuju dengan Yang Berhormat sebagai Speaker. Jadi, saya menganggap bahawa...

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Yang Berhormat Pokok Sena, Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: ...Ini realiti politik Malaysia.

Tuan Sabri bin Azit [Jerai]: Tidak setuju dengan *partner*.

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Yang Berhormat Pokok Sena setuju kah dengan *Oktoberfest*?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Boleh takbir kah?

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Satu ketika dahulu mereka anti kepada pemikiran liberal tetapi sampai satu ketika, mereka harus mengakui bahawa realiti politik Malaysia, pemikiran liberal yang pernah dilontarkan idea-idea itu oleh Yang Berhormat Speaker itu, akhirnya mereka menyokong...

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Tidak habis sakit hati dengan PAS.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: ...Menyokong seorang yang mereka anggap sebagai orang liberal untuk menjadi Speaker. Jadi, saya bukan persoalkan Yang Berhormat, saya akui bahawa itu realiti politik Malaysia...

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Sakit hati kepada PAS tidak habis.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: ...yang harus kita hormati. Dahulunya mereka bercakap soal aurat dan sebagainya...

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Yang Berhormat Pokok Sena, Sik mohon penjelasan.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: ...hari ini mereka boleh terima, Tuan Yang di-Pertua. Inilah dia realiti politik Malaysia. Saya ucapkan tahniah kepada rakan-rakan saya daripada PAS yang mula *reduce* dia punya ekstrem dan juga menjadi seorang liberal sekarang ini. Tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua. Tahniah kepada rakan-rakan saya daripada PAS...

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Yang Berhormat Pokok Sena, takut kah? Penakut!

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih, *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena. Saya seterusnya mempersilakan Yang Berhormat Wangsa Maju untuk membahaskan usul ini. Yang Berhormat Wangsa Maju? Silakan.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Ada di atas.

12.45 tgh.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas di sini. Terdapat dua perkembangan global penting telah berlaku dalam tempoh dua tahun terakhir yang memberi kesan besar terhadap ekonomi dunia. Pertama adalah perang perdagangan antara Amerika Syarikat dan China. Manakala kedua adalah wabak COVID-19. Dalam kes perang perdagangan Amerika Syarikat dan China, ramai usahawan dan pembuat dasar percaya bahawa Malaysia bakal mendapat kelebihan dari penempatan semula kilang-kilang dari China ke negara lain untuk mengelakkan tarif tinggi terhadap barang import China.

Kami ingin tahu berapa banyak manfaat telah kita peroleh? Apakah usaha kerajaan untuk menarik minat pengilang, di mana kebanyakannya dimiliki oleh syarikat multi nasional dari Amerika Syarikat, Eropah, Jepun dan negara membangun yang lain, di samping kilang yang dimiliki oleh syarikat China.

Selain daripada itu, adalah penting untuk kita bersiap sedia berdepan kemungkinan sama sekiranya berlaku penghijrahan keluar oleh syarikat multinasional dari negara kita akibat gangguan rantaian bekalan global semasa berlakunya wabak ini. Apakah pelan, perancangan tersedia negara untuk menghadapinya?

Saya membangkitkan persoalan ini kerana nilai pelaburan langsung asing (FDI) untuk Malaysia berdiri dengan sendiri mungkin dilihat baik. Namun hakikatnya, kita telah hilang daya saing. Dari segi daya saing, negara jiran kita telah memintas kita satu demi satu dalam 20 tahun kebelakangan ini. Kita masih ingat pada awal tahun 70-an sehingga 90-an, ketika pembangunan ekonomi Malaysia berada di belakang Empat Naga Asia-*The Four Little Dragons of Asia*. Pada tahun 2000 hingga tahun 2007, Malaysia masih kekal sebagai salah sebuah negara di antara 10 orang penerima FDI ke atas Asia, menduduki tempat kesembilan. Selepas itu, pada tahun 2008 hingga tahun 2017, kedudukan Malaysia jatuh ke tangga 10. Pada tahun 2018, Malaysia tersingkir dari senarai 10 teratas Asia.

Menurut Laporan Bank Dunia dan Jabatan Perangkaan Malaysia, Malaysia mengalami penurunan berterusan dalam FDI bagi tempoh empat tahun terakhir. Menyusut dari RM47 bilion pada tahun 2016 kepada RM31 bilion pada tahun 2019. Sementara negara seperti Vietnam dan Indonesia mencatat pertumbuhan luar biasa berterusan bagi FDI mereka. Pada hari ini, kita mengimport pekerja asing dari negara Indonesia dan Vietnam. Namun begitu, jika kita terus lalai dan terleka, suatu hari nanti pekerja kita pula yang terpaksa mencari pekerjaan di negara-negara ini.

■1250

Saya mengambil kira sebagai sebuah negara yang telah mencapai satu tahap pembangunan ekonominya, struktur dan sifat pelaburan akan berubah. Sebagai contoh, FDI dalam bentuk industri pembuatan intensif buruh akan digantikan oleh industri berteknologi tinggi. Pada masa yang sama, pelaburan akan berkurangan untuk sektor pembuatan tetapi akan berlaku peningkatan dalam sektor kewangan dan perkhidmatan.

Malah, masalahnya sekarang adalah ketika FDI dalam pembuatan intensif buruh telah pergi ke negara-negara seperti Vietnam dan Indonesia. Industri berteknologi tinggi dan industri 'bersih' termasuk pelaburan kewangan tidak masuk ke Malaysia.

Tidak boleh dinafikan berlakunya peningkatan signifikan dalam pelaburan langsung domestik atau *domestic direct investment* (DDI) di negara ini. Namun, peranan penting FDI sebagai sumber kewangan dan juga di dalam perolehan teknologi terkini dan peluang pekerjaan kemahiran tidak boleh terlepas pandang.

Malah, negara maju seperti Amerika Syarikat dan juga negara-negara di Eropah memberi penekanan terus terhadap FDI. Menurut laporan *European Commission*, sebanyak 45 peratus GDP EU ataupun GBP7.3 trilion adalah daripada FDI pada tahun 2018. EU yakin bahawa FDI dapat menjadi kekuatan bagi pemulihan dan transformasi ekonomi pasca COVID-19 untuk Eropah.

Kerajaan kita wajib mengambil serius bahawa COVID-19 telah mempercepatkan budaya anti globalisasi yang ada. Banyak negara termasuk Perancis dan Jerman melihat perlunya meningkatkan pengeluaran bekalan produk tertentu dalam negeri. Dalam satu kajian mengenai FDI di Eropah, sebanyak 37 peratus pemimpin perniagaan yang dibanci sedang mempertimbangkan untuk meningkatkan pembuatan mereka di Eropah. Adakah rancangan dan persiapan dibuat oleh MITI untuk menghadapi perkembangan yang baharu ini?

Tuan Yang di-Pertua, apabila FDI menurun di negara kita, berlaku peningkatan signifikan pelaburan langsung di luar negara atau *direct investment abroad* (DIA) sejak tahun 2000-an terutama melalui konglomerat Malaysia yang melabur di seluruh dunia. Kami mengucapkan tahniah kepada syarikat-syarikat yang berjaya di luar negara. Kami percaya juga bahawa mereka telah membantu meningkatkan hasil cukai kerajaan.

Walau bagaimanapun, limpahan dari DIA ini tidak mempunyai kesan positif terhadap pertumbuhan kelompok industri berteknologi tinggi dan pekerjaan berkemahiran tinggi di Malaysia. Justeru itu, kami bimbang sekiranya DIA terus meningkat. Ia akan mengorbankan pertumbuhan dalam negeri.

Tuan Yang di-Pertua, pengagihan semula kekayaan di negara ini mesti dimulakan dengan membina seluasnya PKS atau *to build a broad-based SMEs*. Dalam pertumbuhan, PKS biasa mendapat manfaat kesan *like spillover effect* ataupun *forward-backward linkages* daripada pelaburan syarikat besar di Malaysia dan juga FDI. Apabila syarikat besar Malaysia memilih untuk melabur di luar negara dan FDI juga beralih ke negara yang lain, maka kesan pembangunan ekonomi seperti saya sebut tadi *the spillover effect* dan *backward-forward linkages* bagi PKS akan menjadi perlahan dan terhad. Oleh itu, kerajaan harus lebih agresif dalam menarik FDI dan mendorong konglomerat Malaysia untuk terus melabur dalam negara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha meningkatkan daya saing dan menarik FDI, kepimpinan dalam negara amat penting. Diakui secara meluas bahawa kebangkitan semula pembangunan ekonomi di Perancis hasil langsung dari dasar ekonomi Presiden Macron dan perkembangan ekonomi khususnya dalam FDI yang pesat di Indonesia adalah tanda keyakinan pelabur terhadap kerajaan Presiden Joko Widodo.

Oleh itu, saya mendesak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dan Yang Berhormat Menteri MITI untuk menghentikan semua rancangan politik, *stop all the political skimming* dan lebih fokus pada tugas mereka dalam meningkatkan daya saing Malaysia dan membawa FDI yang berkualiti ke Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan *'Langkah Sheraton'* telah membawa satu keaiban kepada Dewan yang mulia ini dan menyebabkan ramai rakyat Malaysia kecewa dan marah kerana kerajaan yang mereka jatuhkan pada Mei 2018 kini kembali memerintah tanpa melalui pilihan raya. Kami tinggalkan catatan peristiwa *'Langkah Sheraton'* ini kepada sejarawan dan biarlah generasi akan datang membuat penilaian terhadap watak-watak pembelot ini.

Akan tetapi, selaku penggubal undang-undang, kita akan gagal dalam menjalankan tugas jika kita tidak mendesak pelaksanaan undang-undang anti lompat pada hari ini. Tuan Yang di-Pertua, ramai Ahli Parlimen telah pun berbahas tentang isu ini. Akan tetapi, saya hendak menegaskan sekali lagi di sini bahawa kebebasan berpersatuan seperti dijamin oleh Perlembagaan tidak boleh diterapkan pada Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri yang dipilih di bawah panji parti tertentu.

Pada kertas undi terdapat nama dan logo parti. Oleh itu, apabila pengundi meletakkan tanda 'X' di sebelah nama calon, maka pengundi telah memilih calon dan parti diwakili. Justeru itu, wakil rakyat terpilih terikat dengan tugas mewakili kepentingan mereka yang memilihnya selari dengan parti.

Perbuatan menukar parti selepas dipilih adalah satu tindakan mengkhianati kepercayaan dan amanah rakyat. Oleh itu, apabila wakil rakyat bertukar parti, menjadi satu tindakan wajar bagi dia mengosongkan kerusinya dan memberi ruang pilihan raya baharu agar dia mendapat mandat yang baharu.

Tuan Yang di-Pertua, banyak negara-negara...

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Lumut]: Yang Berhormat Wangsa Maju. Lumut mencelah.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju]: Hampir habis. Tunggu ya. Banyak negara di dunia seperti India, Singapura dan New Zealand dan banyak lagi sudah mempunyai undang-undang ataupun peruntukan perlembagaan melarang wakil rakyat dari menukar parti politik atau MP berpaling tadah. Sudah tiba masanya Malaysia perlu menggubal undang-undang anti lompat kita sendiri untuk menghentikan semua ini *horse trading* yang melibatkan kedudukan Menteri dan GLC dengan tujuan menjatuhkan kerajaan yang sah.

Silakan.

Tuan Yang di-Pertua: Maaf. Saya rasa pencelahan Yang Berhormat Lumut boleh dibuat selepas pukul 2.30 petang. Maaf. Ahli-ahli Yang Berhormat, memandangkan sekarang jam telah menunjukkan pukul 1 tengah hari, saya menangguhkan...

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju]: Ya, Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata ini, saya mengakhiri...

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Lumut]: Sambung petang. Sambung petang.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju]: Sambung lagi? Okey.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, saya menangguhkan sidang sekarang dan akan bersambung semula jam...

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju]: Tidak apa, saya akan tamat ucapan saya di sinilah ya. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Saya menangguhkan sidang sekarang dan akan bersambung semula jam 2.30 petang. Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat.

[Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.00 petang]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

■1430

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Yang di-Pertua: Kita teruskan dengan perbahasan Usul Titah Diraja. Izinkan saya untuk membuat sedikit pengumuman mengenai barisan pembahas-pembahas kita tengah hari ini.

Selepas ini saya akan menjemput Yang Berhormat Serian disusuli dengan Yang Berhormat Lanang kemudiannya Yang Berhormat dari Jerlun, selepas itu Yang Berhormat Betong disusuli dengan Yang Berhormat Setiawangsa. Dengan ini saya ingin menjemput Yang Berhormat Serian sekarang. Silakan.

2.33 ptg.

Dato' Sri Dr. Richard Riot anak Jaem [Serian]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk turut sama mengambil bahagian dalam perbincangan Titah Diraja. Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi pihak seluruh rakyat dan pengundi-pengundi di kawasan Parlimen Serian untuk menjunjung kasih Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas perkenan merasmikan Istiadat Pembukaan Parlimen Ke-14, Penggal Ketiga pada 18 Mei yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini 22 Julai adalah Hari Sarawak. Hari pemerintahan Sarawak sendiri. Hari ini adalah hari cuti umum bagi seluruh rakyat di Sarawak. Marilah kita sama-sama berdoa agar negeri Sarawak akan terus aman, damai, makmur, maju dan cemerlang dalam Malaysia dan harapan saya adalah supaya negeri Sarawak akan mendapat status negeri maju menjelang tahun 2030.

Tuan Yang di-Pertua, *miss my note, hold on*. Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin menyentuh mengenai wabak COVID-19. Negara kita dari kerajaan kepada barisan hadapan atau *frontliners* termasuk juga kita rakyat biasa telah sama-sama memainkan peranan yang amat penting kerana tanpa kerjasama kita semua sudah tentu kita tidak dapat membendung atau memenangi peperangan melawan COVID-19 ini, yang telah diiktiraf oleh seluruh dunia sebagai negara yang kelima yang paling berjaya menanganinya.

Mengambil kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi syabas dan tahniah, mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada pucuk pimpinan kerajaan di bawah Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Sri Haji Muhyiddin bin Md. Yassin, seluruh Kabinetnya dan juga kepada barisan hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, SOP- kita telah sengsara sejak 18 Mac. Hampir tiga bulan negara kita hampir bankrap. Rakyat merana, pekerja hilang pekerjaan dan sebagainya tetapi kita telah berjaya mengatasinya. Apa yang ingin saya bawa ke Dewan yang mulia ini pada petang ini Tuan Yang di-Pertua ialah perkataan SOP khususnya *social distancing* atau penjarakan sosial.

Walaupun SOP *social distancing* diamalkan di hampir kebanyakan tempat-terima kasih, akan tetapi saya telah lihat dengan mata saya sendiri, bersentuh dengan keadaan itu sendiri dalam pesawat. Saya ulang-alik Kuching-Kuala Lumpur, Kuala Lumpur-Kuching oleh sebab persidangan Parlimen dan saya nampak SOP ini tidak diamalkan sama sekali dalam pesawat. Masuk pesawat berhimpit-himpit, duduk dalam pesawat penjarakan sosial itu tidak ada.

Maka Tuan Yang di-Pertua, saya minta kerajaan khususnya Kementerian Pengangkutan supaya ambil berat akan perkara ini kerana kalau ia tidak dipatuhi saya takut kerana sudah ada tanda-tanda bahawa COVID-19 ini akan jadi COVID-20. Kalau ini berlaku Tuan Yang di-Pertua, akibatnya parah. Negara kita, rakyat-rakyatnya kalau sekarang hampir 700 ribu orang rakyat Malaysia telah kehilangan pendapatan, hilang pekerjaan.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Serian, boleh tumpang?

Dato' Sri Dr. Richard Riot anak Jaem [Serian]: Sila.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Serian, saya amat bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat Serian, pandangan Yang Berhormat Serian sebab perkara itu Tuan Yang di-Pertua pernah berlaku di China, di Korea dan di mana-mana iaitu apabila PKPB dilonggarkan sehingga penjarakan sosial itu tidak dapat dikawal maka gelombang kedua lebih dahsyat daripada gelombang pertama.

Jadi, apakah Yang Berhormat Serian meminta kerajaan untuk *revisit* balik keputusan itu supaya khususnya pengangkutan penerbangan menjarakkan jumlah penumpang itu sebab *AirAsia* dan lain-lain tidak ada lagi penjarakan sosial. Kita kalau tiga buah bangku, tigalah dipenuhi. Ini yang membimbangkan kita semasa kita terbang. Kita ini kena balik di kawasan setiap minggu. Minta komen Yang Berhormat.

■1440

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Sri (Dr.) Richard Riot anak Jaem [Serian]: Terima kasih kawan saya dari Kinabatangan. Masukkan ucapannya atau pencelahan dia dalam ucapan saya. Saya bersetuju kalau kerajaan melihat balik apa yang telah diputuskan dalam PKPP.

Tuan Yang di-Pertua, saya hanya diberikan masa yang terhad iaitu lebih kurang 20 minit. Maka dalam masa yang terhad ini, saya ingin menyentuh beberapa perkara yang dekat di hati orang saya, rakyat di Parlimen Serian. Pertamanya, ICQS Tebedu. ICQS Tebedu merupakan satu-satunya pintu masuk antarabangsa Indonesia-Sarawak-Malaysia melalui darat. ICQS ini yang ada di Tebedu amat kecil, usang kalau dibandingkan dengan ICQS yang ada di sebelah sana. Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri kerana Ahad minggu lepas, beliau sendiri telah mengadakan *site inspection* ke ICQS Tebedu ini.

Terima kasih kepada beliau. Semasa Sesi Pertanyaan-pertanyaan Jawapan Lisan, *written reply* telah saya terima pada 20 hari bulan, menyatakan bahawa *Immigration, Customs, Quarantine and Security (ICQS)* kompleks ini akan dimasukkan dalam *Rolling Plan* Kedua, Rancangan Malaysia Kedua Belas. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Akan tetapi, harapan saya dan permintaan rakyat pengundi-pengundi di kawasan saya supaya ia akan dapat menjadi kenyataan dalam masa terdekat ini.

Dari ICQS Tebedu, saya pergi ke satu lagi projek iaitu Institut Latihan Perindustrian (ILP) Serian. Pada 20 hari bulan, Isnin, Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia, rakan saya ada di hadapan di Dewan ini telah menjawab bahawa peratusan pembinaan siapnya ILP Serian yang telah bermula pada 28 April 2018, ketika itu saya Menteri Sumber Manusia. Sekarang siap 12 peratus. Ini adalah kerana kerja-kerja yang perlu dihentikan semasa PKPB iaitu semasa COVID-19. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri, telah disebutkan bahawa ia dijangka siap pada penghujung tahun 2021. Di Dewan yang mulia ini, saya harap itu pun jadi kenyataan.

Akan tetapi di Dewan yang mulia ini, saya ingin meminta kepada kerajaan khususnya Yang Berhormat Menteri di Dewan ini supaya *syllabus* atau kursus-kursus yang ditawarkan di ILP Serian nanti benar-benar kursus yang memberi faedah kepada negeri Sarawak, kepada anak muda kita iaitu bertujuan untuk melahirkan modal insan berkemahiran tinggi. Untuk melahirkan modal insan yang berkemahiran tinggi, kursus-kursus yang tidak menjurus atau menumpukan untuk melahirkan modal insan yang berkemahiran tinggi dalam bidang-bidang yang berketetapan dengan tujuan menjadikan sebuah negara maju, untuk menjadikan negeri Sarawak sebuah negeri maju menjelang 2030 menjadi kenyataan.

Tuan Yang di-Pertua, dari ILP Serian saya pergi ke Sekolah Kebangsaan St. Teresa. Sekolah Kebangsaan St. Teresa Serian merupakan sekolah rendah antara yang tertua di seluruh negeri Sarawak dan yang tertua di bahagian di daerah Serian. Saya adalah produk sekolah rendah Serian. Saya bersekolah di situ waktu saya darjah lima iaitu pada tahun 1963. Ada di Dewan ini yang belum lahir lagi. Saya difahamkan sekolah ini bakal ditutup. Apa sebab? Ini kerana bangunannya didapati usang dan tidak selamat untuk diduduki.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai bekas pelajar, bekas murid Sekolah Kebangsaan St. Teresa Serian, tidak bersetuju dengan penutupan ini. Tidak setuju walaupun sekolah itu bangunannya tidak selamat untuk diduduki, mengapa tidak sewa premis lain buat sementara, sementara kerajaan membina bangunan baharu.

Untuk Sekolah Kebangsaan St. Teresa Serian, saya tidak setuju ia ditutup kerana nama Sekolah Kebangsaan St. Teresa Serian begitu nostalgik, begitu bermakna bagi kami yang bekas-bekas pelajar ini. Sewa bangunan dan seluruh pentadbiran daripada guru besarnya hinggalah murid-murid boleh ditempatkan dengan menyewa premis. Ada di Serian dua atau tiga bangunan yang boleh kita sewakan. Jadi, Kementerian Pendidikan Malaysia tolong lihat akan keadaan ini. Saya ingin menegaskan di sini bahawa saya sebagai bekas pelajar, *very nostalgic, very meaningful to me*, saya tidak mahu nama sekolah itu St. Teresa Serian pupus begitu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, Pusat Rehabilitasi PERKESO. Kita sedia maklum pusat rehabilitasi di Malaysia hanya terletak di negeri Melaka. Kita perlu sebuah Pusat Rehabilitasi PERKESO dibina di Sarawak iaitu untuk menampung pekerja-pekerja yang telah mengalami kemalangan, telah mendapat kecederaan sama ada dalam tempat kerja, dalam perjalanan pergi dan balik kerja cedera tetapi boleh dan perlu dipulihkan.

Dalam perkara ini Tuan Yang di-Pertua, saya amat berterima kasih ke Lembaga Pengarah PERKESO kerana seawal tahun 2015 lagi telah pun bersetuju untuk membina sebuah lagi pusat rehabilitasi. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, kita pun telah mengenal pasti- harus ingat ketika itu saya ialah Menteri Sumber Manusia. Kita telah mengenal pasti satu tapak yang berhampiran dengan ILP Serian. Sebidang tanah seluas hampir 60 ekar telah pun dikenal pasti.

Ini Tuan Yang di-Pertua, adalah seperti mana yang saya telah sebut awal-awal tadi, ia adalah untuk menampung bukan sahaja untuk mereka yang memerlukan pemulihan dari Sarawak, tetapi juga dari Sabah. *Make it a regional rehabilitation center for Sabah and Sarawak* supaya mereka ini tidak perlu lagi terbang ke Semenanjung Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya pergi ke Klinik Kesihatan Jenis 3 (KK3).

■1450

Klinik Kesihatan Jenis 3 telah pun diluluskan untuk didirikan di bandar Serian. Tapak tanah telah disediakan dan projek pembinaan Klinik Kesihatan Jenis 3 ini di Serian sepatutnya mula dibina pada bulan Februari tahun ini juga. Akan tetapi oleh kerana mungkin COVID-19, ia belum dimulakan lagi. Maka di Dewan yang Mulia ini Tuan Yang di-Pertua, saya mohon kepada kerajaan khususnya Kementerian Kesihatan supaya meneruskan dengan membina Klinik Kesihatan Jenis 3 di Serian ini dengan secepat mungkin. Tuan Yang di-Pertua, saya juga memohon supaya Klinik Kesihatan Jenis 3 didirikan di Tebedu dan juga di Bunan Gega.

Tuan Yang di-Pertua, Jalan Serian-Tebedu, saya telah membawa perkara ini ke Dewan yang Mulia ini tidak kurang dari dua kali sebelum ini. Jalan Serian-Tebedu jalan Persekutuan. Ia dibina dalam tahun 80-an dan mula digunakan pada awal 1991, 29 tahun yang lepas. Sedihnya Tuan Yang di-Pertua, sehingga hari ini Jalan Serian-Tebedu, jalan Persekutuan sepanjang 4.3 kilometer tidak pernah diturap semula. *What is this?* Saya telah membawa perkara ini dua kali sebelum ini di Dewan yang Mulia ini. Maka, saya mohon kepada Kementerian Kerja Raya. Yang Berhormat Menteri, Menteri kanan dari Sarawak, supaya melihat keadaannya. Ini permintaan, bukan permintaan saya tetapi permintaan rakyat, khususnya di kawasan Parlimen Serian dan juga untuk negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya subjek satu lagi masih dengan Jalan Tebedu ini. Ada satu *stretch* yang dipanggil sebagai bukit, namanya Paren Binong dalam bahasa Bidayah, maksudnya paren adalah genting, binong adalah pokok ketapang, tinggi. Tiap-tiap tahun, gunung jalan Paren Binong ini ada sahaja tanah runtuh. Terakhir, bulan Februari tahun ini. Nasib baik belum ada kemalangan yang mengorbankan jiwa manusia. Kerajaan harus melihat akan keadaan ini, juga saya telah membawa ini beberapa kali di Dewan yang mulia ini. Saya minta supaya kerajaan mengambil berat akan perkara ini. Potong supaya ia jadi rendah atau buat terowong sahaja.

Saya pergi ke bank- ini *important*. Tebedu adalah sebuah daerah, yang baharu di naik taraf dari sebuah daerah kecil kepada sebuah daerah besar bersempadan dengan Tebedu, dengan Indonesia. Akan tetapi pekan Tebedu tidak mempunyai satu bank pun. Semasa PKP, PKPB iaitu waktu penularan COVID-19, bayangkan betapa sulitnya rakyat di kawasan Parlimen Serian daerah Tebedu untuk berurusan dengan bank. Sehingga ada di antara mereka, pukul 4 pagi sudah pun mula perjalanan dari kampung pedalaman untuk pergi ke bank-bank di pasar atau di bandar Serian. Maka, mohonlah Bank Rakyat, Bank Simpanan Nasional, Agrobank dan mungkin bank swasta untuk mendirikan bank di bandar atau pekan Tebedu. Masa terhad, ada dua tiga perkara tetapi loceng pun telah berbunyi supaya saya duduk. Maka, saya fikir itu sahaja dari saya. Dengan ini, Serian menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Serian. Selanjutnya, saya persilakan Yang Berhormat Lanang.

2.55 ptg.

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada Lanang untuk membahaskan Usul Menjunjung Kasih Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas Titah Tuanku di Dewan yang mulia ini. Saya ingin mengucapkan Selamat Hari Sarawak kepada seluruh rakyat Sarawak, tidak kira di mana anak Sarawak berada. Kamek anak Sarawak, *“Agi Idup Agi Ngelaban”... [Tepuk]*

Pertama sekali, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada petugas barisan hadapan negara atas usaha mereka untuk menangani wabak COVID-19 dengan penuh dedikasi. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya kerajaan mewajibkan penggunaan pelitup muka di tempat awam. Ini kerana kita boleh lihat di Sarawak, ada beberapa kes COVID-19 baharu pada minggu ini dan sudah lapar kluster baharu dilaporkan. Ini amat membimbangkan.

Justeru, saya menyeru supaya kerajaan mewajibkan pemakaian pelitup muka di kawasan awam. Selain itu, cara pemakaian *mask* yang betul dan tepat serta cara betul *disposal used face masks*, dengan izin, juga perlu diuar-uarkan melalui media sosial agar dapat mengurangkan wabak COVID-19 menular semula.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berharap agar kerajaan dapat membekalkan pelitup muka yang secukupnya kepada sekolah-sekolah dan bukan membebankan pihak sekolah untuk membeli pelitup muka dan *hand sanitizer* sendiri serta *thermometer infrared*. Pada bulan Februari, saya telah membekalkan *contactless forehead infrared thermometer* kepada kesemua sekolah rendah dalam kawasan Parlimen Lanang. Akan tetapi saya merasakan peralatan penyukat suhu badan, pelitup muka dan *hand sanitizer* yang secukupnya perlu diperuntukkan kepada semua sekolah secara berkala agar pihak sekolah dan pelajar-pelajar sentiasa berada dalam keadaan yang selamat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tanya kerajaan tentang bantuan PRIHATIN yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada bulan Mac. Bantuan-bantuan kewangan ini adalah untuk golongan B40 dan M40. Akan tetapi masih banyak keluarga gagal menerima bantuan tersebut walaupun mereka layak. Apakah langkah atau rancangan kerajaan untuk memastikan *no one left behind*, dengan izin?

Sebagaimana kita tahu, akibat daripada wabak COVID-19 dan pelaksanaan PKP, banyak ketua rumah hilang pekerjaan akibat daripada penutupan kedai dan syarikat. Jadi, bagaimana kerajaan dapat memastikan golongan B40 atau M40 yang baharu ini, *the new B40* atau M40 dapat diberikan bantuan yang sewajarnya.

Seterusnya, saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada Kementerian Komunikasi dan Multimedia kerana telah memilih bandar Sibul di Sarawak untuk dijadikan tuan rumah sambutan Hari Malaysia pada 16 September tahun ini. Saya ingin tahu, apakah persediaan kerajaan untuk memastikan dengan tiada penambahan kes COVID-19 akibat daripada sambutan perayaan ini. Kita semua tahu bahawa wabak COVID-19 masih belum berjaya ditangani dengan sepenuhnya setakat ini.

Untuk mengurangkan risiko berlakunya kes-kes baharu COVID-19, saya cadangkan supaya sambutan Hari Malaysia tahun ini ditundakan ke tahun depan dan bandar Sibul masih kekal sebagai tuan rumah untuk sambutan tersebut. Jika cadangan ini tidak diterima, saya cadangkan supaya kesemua pihak yang terlibat dalam sambutan Hari Malaysia perlu menjalankan saringan COVID-19 sebelum masuk ke Sibul untuk mengelakkan wujudnya kluster baharu yang mungkin akan berlaku. Saya menyeru kerajaan supaya mempertimbangkan cadangan saya kerana niat saya bukan untuk menghentikan perayaan Hari Malaysia tetapi untuk memastikan keselamatan nyawa setiap rakyat di Sibul, Sarawak dan negara ini.

Saya juga bersetuju dengan cadangan supaya Ahli-ahli Parlimen menjalankan saringan COVID-19 sekali lagi supaya kita boleh rasa selamat di Dewan yang mulia ini memandangkan banyak Ahli Parlimen tidak mematuhi perintah Tuan Yang di-Pertua untuk memakai pelitup muka setiap masa kecuali semasa berucap. Tambahan pula, Yang Berhormat Menteri-Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri pun golongan yang selalu ke sana ke sini untuk menjalankan tugas dan Ahli Parlimen juga ke sana ke sini semasa berkhidmat dalam kawasan masing-masing. Sekarang kebanyakan kes tidak menunjukkan tanda dan gejala. Lagi pun 87 orang Yang Berhormat di sini berumur melebihi 60 tahun dan lebih berisiko.

Saya ingin meminta penjelasan daripada Kementerian Kesihatan tentang berapakah hospital atau klinik kerajaan dan swasta di Sarawak yang mempunyai perkhidmatan saringan COVID-19? Berapa kes *false positif*, dan kes *false negatif* yang telah dikenal pasti setakat ini?

■1500

Apakah penyelesaian kerajaan untuk memastikan setiap ujian itu adalah tepat supaya rakyat tidak panik. Saya juga ingin tahu, berapakah kos bagi setiap COVID-19 *test* dan berapakah jumlah peruntukan yang digunakan untuk saringan setakat ini. Saya juga berharap Tuan Yang di-Pertua dapat membenarkan Ahli-ahli Yang Berhormat ditempatkan di tempat asal supaya semua Ahli-ahli Dewan Rakyat dapat menjalankan tugas mereka dengan lebih selamat, sesuai dan adil kepada semua.

Tuan Yang di-Pertua, isu seterusnya saya ingin sekali lagi merakamkan penghargaan kepada Mantan Menteri Pengangkutan, Yang Berhormat Seremban atas usaha beliau untuk menangani masalah tambang penerbangan yang terlalu tinggi pada musim perayaan dengan meningkatkan kapasiti penerbangan pesawat ke Sibu, Sarawak pada masa perayaan Tahun Baru Cina bagi dua tahun berturut-turut.

AirAsia juga telah menawarkan penerbangan lewat malam dengan kadar harga tetap dari Kuala Lumpur ke Sibu dan Johor Bahru ke Sibu dengan sejumlah RM149 sehalu pada musim perayaan termasuk Hari Gawai dan Hari Raya pada tahun 2019. Itu tidak pernah dilakukan oleh kerajaan sebelum ini iaitu Barisan Nasional bertahun-tahun, walaupun isu ini telah saya bangkitkan banyak kali di Dewan ini sejak tahun 2013.

Jadi, saya mohon jasa baik Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, sekarang supaya meneruskan usaha ini untuk rakyat Sarawak pada perayaan yang akan datang, walaupun kita masih tidak dapat pasti bila wabak COVID-19 dapat dihentikan dan sambutan perayaan boleh dijalankan seperti hari biasa.

Selain itu, saya ingin minta supaya kerajaan mengkaji semula harga siling bagi setiap laluan MASwings kerana harga yang ditetapkan masih agak tinggi dan tidak mampu dibayar oleh rakyat Sarawak yang tidak ada pilihan lain untuk penerbangan domestik.

Saya juga ingin tahu apakah jumlah subsidi yang perlu dibayar kepada MASwings pada tahun ini, memandangkan industri penerbangan adalah salah satu perniagaan yang paling terjejas akibat wabak COVID-19.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin membangkitkan isu banjir di kawasan Lanang dan Sibu. Saya difahamkan bahawa Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sibu fasa 3, Lembangan Batang Rajang, Sarawak telah diluluskan dengan siling kos projek sebanyak RM100 juta dalam Rancangan Malaysia Kesebelas. Projek ini dilaksanakan secara reka dan bina dan telah bermula pada 7 Mei 2019 dan dijangka akan siap pada 6 Mac 2022. Apakah status terkini pelaksanaan kerja-kerja fizikal di tapak setakat ini.

Saya juga ingin minta penjelasan kerajaan sama ada projek medikasi banjir yang telah dilaksanakan sejak Rancangan Malaysia Kesembilan ini betul-betul dapat menyelesaikan masalah banjir di Sibu kerana setakat ini masalah banjir di kawasan seperti kawasan Sentosa, Lanang, Stabau, Pulau Dudong dan sekitar kawasan Bukit Assek serta di beberapa kawasan Parlimen Lanang masih langsung tidak dapat diselesaikan sampai hari ini.

Malah *Sibu Rural District Council Deputy Chairman* sendiri pun mempertikaikan keberkesanan projek ini kerana beliau tanya kepada saya, kenapa saya tidak mempunyai pelan baharu untuk masalah banjir apabila Kerajaan Pakatan Harapan memerintah. Saya rasa ini menunjukkan beliau juga tidak berpuas hati dengan Projek Rancangan Tebatan Banjir Sibu selama ini. Apakah perlu kerajaan untuk membawa pakar untuk mengkaji semula projek Rancangan Tebatan Banjir ini memandangkan masalah banjir masih belum dapat diselesaikan.

Saya juga minta supaya Kerajaan Pusat, Kerajaan Perikatan Nasional memberikan satu peruntukan yang secukupnya untuk menyelesaikan masalah banjir, *once and for all* dengan izin di Sibu terutamanya di kawasan Parlimen Lanang.

Seterusnya saya ingin menyentuh isu-isu kes *scam* seperti *Macau Scam*, *Love Scam*, *Phone Scam*, *Mask Scam* dan berbagai-bagai jenis *scam* yang semakin serius berlaku di negara kita. Saya ingin tahu apakah peratus peningkatan kes-kes ini dalam masa PKP dan apakah langkah tambahan yang telah diambil oleh pihak berkuasa untuk menangani masalah ini. Berapakah kes yang telah disiasat dan berapakah sindiket-sindiket telah dihadapkan ke mahkamah setakat ini.

Saya ingin mencadangkan supaya kesemua pemilik akaun yang terlibat dalam kes jenayah atas talian disenaraikan hitam di Bank Negara dan tidak dibenarkan membuka akaun baharu sehingga selesainya kes-kes di mahkamah. Saya difahamkan sindiket ini mempunyai banyak akaun di bank-bank yang berlainan. Bila laporan polis...

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Yang Berhormat Lanang, izinkan saya mencelah.

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Sekejap.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Berkaitan *scam* sedikit sahaja. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Lanang, adakah Yang Berhormat Lanang sedar bahawa ramai di antara mangsa *scam* tersebut yang digunakan nombor akaun mereka oleh *scammers* merupakan orang yang meminjam daripada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab ataupun *scammers* ini dan akaun mereka digunakan.

Saya kira banyak yang menjadi mangsa seperti ini dan boleh dirujuk. Kalau tidak silap saya PPIM mempunyai- mereka punya rekod kerana mereka membantu mangsa-mangsa tersebut yang kebanyakannya suri rumah dan juga ibu-ibu tunggal, itu yang pertama.

Kedua, bagaimana pula jikalau ada *scam* yang memberikan keuntungan? Ini kerana, kita mendengar ada orang yang di-*scam* dan mendapat jutaan ringgit pula [Ketawa] Terima kasih.

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Masukkan ucapan Yang Berhormat Simpang Renggam ke dalam ucapan saya dan minta Yang Berhormat Menteri untuk menjawab. Apabila laporan polis dibuat dan akaun berkenaan disekat tetapi sindiket akan guna bank akaun yang lain.

Jadi, saya harap cadangan saya untuk menyekat dan menyenaraikan hitam pemilik akaun di Bank Negara dapat dipertimbangkan untuk menjaga kepentingan rakyat yang menjadi mangsa *scammers* ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Kementerian Kesihatan tentang kekurangan doktor pakar di Sibü. Pesakit-pesakit kanser dan jantung di Sibü dan di sekitar *central region* Sarawak biasanya diarahkan ke Kuching untuk mendapat rawatan di Hospital Umum Sarawak atau ke Pusat Jantung Sarawak bagi pesakit jantung.

Saya ingin minta penjelasan Kementerian Kesihatan, apakah bantuan yang diberi kepada pesakit dan ahli keluarga mereka yang memang tidak mampu, untuk mendapat rawatan di Kuching. Sekali lagi saya memohon supaya sebuah pusat kanser atau pusat jantung atau kedua-dua pusat ini dapat diwujudkan di Hospital Sibü. Pakar-pakar onkologi dan kardiologi dapat ditempatkan di Hospital Sibü untuk keperluan pesakit-pesakit di Sibü dan kawasan-kawasan berhampiran seperti Kanowit, Mukah, Bintulu, Kapit, Julau, Selangau, Sarikei, Saratok dan sebagainya.

Memandangkan sekarang Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan Kedua adalah Ahli Parlimen Kanowit, saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri pun faham adanya keperluan pusat kanser dan pusat jantung di kawasan *central region*. Selain itu, saya juga menggesa kerajaan untuk mengkaji semula surat Pekeliling SPA Bil.1 Tahun 2016 dan mencari satu penyelesaian untuk menyerap doktor lantikan kontrak secara tetap sebagai penghargaan sumbangan dan pengorbanan mereka ketika pandemik COVID-19.

Kedudukan doktor sebagai kakitangan kontrak tidak menjamin peluang mereka dalam latihan bidang kepakaran pada masa hadapan. Jadi, saya mencadangkan supaya kerajaan dapat mengkaji semula dan mencari kaedah yang terbaik untuk menyerap petugas-petugas kesihatan kontrak kepada tetap termasuk doktor, ahli farmasi, doktor gigi, jururawat dan sebagainya untuk mengurangkan keresahan dan kerisauan mereka.

Selain itu, isu ketidakcukupan tempat letak kereta semakin serius di Hospital Sibü dan semua poliklinik di Sibü. Apakah perancangan kerajaan untuk membina sebuah tempat letak kereta bertingkat di Hospital Sibü untuk menyelesaikan masalah yang lama wujud ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh satu lagi isu penting iaitu tentang kewarganegaraan. Saya ingin minta Kementerian Dalam Negeri supaya memandang serius dan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk membantu mereka yang masih menunggu untuk kelulusan permohonan status kewarganegaraan mereka. Pada tahun lepas, hari ini juga iaitu 22 Julai 2019, Ahli-ahli Yang Berhormat DAP termasuk Yang Berhormat Bagan, Yang Berhormat Kulai, Yang Berhormat Ipoh Barat, Yang Berhormat Beruas, Yang Berhormat Segambut dan saya sendiri telah berjumpa dengan Yang Amat Berhormat Pagoh yang merupakan Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri pada ketika itu untuk membincangkan tentang isu kewarganegaraan.

Amat dikesali bahawa pertemuan kami dengan Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri pada ketika itu dikatakan melalui pintu belakang, walaupun kita pergi ke pintu depan iaitu di Putrajaya dan dipermainkan isu perkauman oleh segelintir orang yang tidak bertanggungjawab.

Saya ingin sekali lagi menegaskan bahawa DAP sejak sekian lama memperjuangkan isu kewarganegaraan yang berkait rapat dengan isu kekeluargaan tanpa mengira kaum Melayu, Cina, India, Iban, Kadazan, Bumiputera Sabah, Sarawak dan Orang Asli.

Saya difahamkan KDN telah mengambil langkah proaktif untuk merungkaikan permasalahan membabitkan permohonan kewarganegaraan khususnya kes kanak-kanak tanpa dokumen di negara ini. Saya juga difahamkan bahawa KDN telah menubuhkan pasukan petugas khas yang diketuai oleh Timbalan Ketua Setiausaha KDN untuk menyegerakan dan menyelesaikan semua perkara berkaitan dengan permohonan kewarganegaraan.

■1510

Justeru, saya minta jawapan, berapakah jumlah kes yang tertangguh telah dikendalikan dan diselesaikan oleh pasukan petugas khas itu sejak tahun lepas. Apakah perkembangan terkini selepas dikatakan adanya penambahbaikan SOP berhubung dengan pemberian kewarganegaraan khususnya di bawah Perkara 15(A), Perlembagaan Persekutuan yang membabitkan anak angkat atau pengangkatan? Apakah rancangan kerajaan untuk membantu golongan ini yang sudah berumur melebihi 21 tahun?

Isu seterusnya, saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri Pelancongan supaya Yang Berhormat Menteri boleh membantu untuk mempromosikan baju batik motif Dayak/Iban. Ini memandangkan Yang Berhormat Menteri adalah dari Sarawak. Sudah berturut-turut dua tahun saya sendiri memakai baju kurung yang dicetak motif Dayak/Iban dalam Dewan ini kerana saya berasa bangga menjadi seorang anak Sarawak, keturunan Cina yang memakai pakaian baju kurung Melayu dengan motif Dayak/Iban... [*Tepuk*] Saya menggalakkan supaya Yang Berhormat Menteri-menteri dan Ahli-ahli Yang Berhormat juga dapat membantu mempromosikan barang buatan Sarawak ke Semenanjung untuk memajukan industri pelancongan di Sarawak.

Selain itu, saya ingin menyentuh isu Lebu Raya Pan Borneo di Sarawak. Saya minta penjelasan Yang Berhormat Menteri Kerja Raya tentang perjanjian Rakan Pelaksana Projek yang telah ditamatkan oleh Kerajaan Pakatan Harapan pada bulan Februari 2020. Adakah Kementerian Kerja Raya akan menandatangani semula perjanjian tersebut memandangkan dari dahulu sememangnya Yang Berhormat Menteri Kerja Raya iaitu sekarang juga yang menyokong perjanjian tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Lebuhraya Pan Borneo di Sarawak ini telah digelar sebagai '*Pain Borneo Hellway*'. Kemalangan berlaku hampir setiap hari. Saya masih sering menerima aduan tentang kerosakan jalan raya terutama jajaran Sibu ke Bintulu. Keadaan jalan yang berlubang-lubang, tidak rata serta dipenuhi lopak-lopak terutamanya pada musim hujan telah mengundang bahaya serta mengancam keselamatan pengguna jalan raya.

Dato' Sri (Dr.) Richard Riot anak Jaem [Serian]: Tuan Yang di-Pertua, boleh celah?

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Okey, sekejap.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Serian.

Dato' Sri (Dr.) Richard Riot anak Jaem [Serian]: Saya dari Sarawak. Saya menggunakan jalan dari Kuching ke Serian dan Serian ke Kuching hampir setiap hari, kecuali apabila saya berada di sini. Telah disebutkan sebagai jalan itu jalan hantu. Saya tidak pernah pun dengar perkataan Pan Borneo itu sebagai Pan Borneo jalan hantu. Maka, saya kalau boleh, tarik perkataan itu.

[*Seorang Ahli menyampuk*]

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Itu bukan dari saya. Yang Berhormat masuk Facebook dan boleh tengok. Saya sudah tegaskan itu dari jajaran Sibu ke Bintulu. Saya juga pernah pergi dari Sibu ke Kuching, memang jalan itu lebih baik dibandingkan dengan Sibu ke Bintulu. Jadi, saya sekali lagi menyeru supaya masalah ini dapat diselesaikan secepat mungkin untuk memastikan keselamatan pengguna jalan raya terjamin setiap masa.

Dato' Sri (Dr.) Richard Riot anak Jaem [Serian]: Tuan Yang di-Pertua, walaupun ...

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Saya tidak beri laluan. Kalau ada apa-apa permintaan, boleh minta dengan Yang Berhormat Menteri Kerja Raya.

Saya juga ingin menegaskan satu isu iaitu sekolah-sekolah daif di kawasan Parlimen Lanang. Saya mendapat satu surat daripada Guru Besar Sekolah Kebangsaan Tanjung Latap. Beliau ingin minta kenapa bangunan baru yang telah dibina tidak dibenarkan untuk digunakan sekian lama. Jadi saya ingin minta Yang Berhormat Menteri Pendidikan supaya memberi penjelasan kerana memang bangunan yang digunakan sekarang sudah usang dan perlu tukar ke bangunan baru. Itu sahaja daripada Lanang. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Lanang. Seterusnya saya ingin menjemput Yang Berhormat Jerlun untuk membahaskan usul ini. Dipersilakan.

3.14 ptg.

Dato' Seri Utama Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, Jerlun ingin mengambil bahagian di dalam perbahasan Menjunjung Kasih terhadap Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sewaktu Baginda Tuanku merasmikan sidang Dewan Rakyat Penggal Ketiga, Parlimen Keempat Belas, pada 18 Mei 2020.

Berkait dengan para 25, Titah Seri Paduka Baginda Tuanku mengenai rumah mampu milik. Saya ingin memohon Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan perelaskan, kenapa keputusan pemilihan pemohon dan penyerahan kunci rumah PPR Ayer Hitam di Jerlun masih belum dilakukan? Walhal senarai telah dihantar oleh Kerajaan Kedah sejak hujung tahun 2019 lagi. Projek perumahan rakyat itu telah awal siap dibina oleh kontraktor. Saya telah mengiringi Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan sendiri melawat pembangunan itu setelah ia siap. Senarai pemohon yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri Kedah juga telah diserahkan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tetapi tiada apa-apa respons daripada kementerian.

Rakyat semakin marah kepada kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan. Di samping itu tiada juga keputusan daripada KPKT untuk mengawal keselamatan PPR tersebut sehinggakan kini pagar sudah di pecah oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Perkara yang sama juga berlaku kepada PPR Alor Setar yang siap lebih awal daripada PPR Ayer Hitam. Saya harap KPKT akan ambil tindakan segera untuk menyerahkan kunci kepada pemohon-pemohon yang berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak menularnya pandemik COVID-19 negara diletakkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan yang tentunya telah berjaya menghalang daripada tersebarnya wabak ini menjangkiti lebih ramai rakyat kita. Kita ucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada semua kakitangan kerajaan khususnya yang berada di barisan hadapan mendedahkan diri mereka kepada jangkitan, sambil merawat pesakit.

Di samping itu kita juga sedar bahawa PKP memberi kesan yang besar kepada ekonomi. Ramai rakyat yang terjejas pendapatan. Banyak juga perniagaan yang menghadapi tekanan. Ramai Ahli Parlimen telah menyentuh mengenai impak buruk pandemik ini terhadap industri pelancongan yang merangkumi sektor pengangkutan, hospitaliti, peruncitan, restoran dan lain-lain. Malah sektor minyak dan gas juga teruk terjejas. Sektor pembuatan komponen dan peralatan penerbangan termasuk yang beroperasi di Malaysia ini turut menerima impak. Akibat daripada semua ini, peluang pekerjaan juga akan berkurangan dan kadar pengangguran akan meningkat apabila pekerja dihentikan kerja. Kini kadar pengangguran pada tahap yang amat membimbangkan. Ditambah pula oleh syarikat-syarikat SME yang terpaksa memberhentikan pekerja-pekerja mereka.

Antara perkara penting yang perlu difikirkan serius oleh kerajaan ialah pengubalan undang-undang tambahan menangani kesan COVID-19. Banyak syarikat menghadapi masalah, apabila tidak dapat memenuhi tempahan akibat daripada PKP. Masalah seperti ini juga merentasi sempadan. Urusan import eksport juga menjadi kelimat kabut apabila barangan yang dihantar dan telah dibayar tidak sampai dalam tempoh yang dijanjikan akibat terhentinya sektor pengangkutan. Kalau melibatkan bahan makanan yang mempunyai tarikh luput, kita boleh bayangkan apa kesannya.

Di kebanyakan negara lain, isu ini telah cuba ditangani di awal bermulanya PKP. Ada negara yang mengisytiharkan bahawa walaupun PKP itu adalah arahan daripada pihak berkuasa, oleh kerana ia suatu yang tidak boleh dielakkan bagi mengawal penularan wabak, maka ia dianggap sebagai *Force Majeure*, dengan izin. Ini membawa makna bahawa pihak yang kerugian akibat daripada PKP tidak boleh menyalahkan rakan perniagaan yang tidak dapat memenuhi tempahan itu.

Saya ingin menyarankan Dewan ini membahaskan perkara ini secara terperinci dan meluluskan pindaan kepada Akta Syarikat 2016 iaitu Akta 777 bagi mengurus keadaan seperti ini. Mungkin akan ada juga pihak-pihak yang akan mengambil kesempatan dengan keadaan ini bagi mengelak dari membayar atau melengahkan bayaran walaupun mereka sebenarnya mampu membayar. Maka sebuah jawatankuasa khas yang boleh meneliti kes-kes seperti ini perlu diwujudkan oleh kerajaan. Banyak contoh dari negara asing boleh kita ambil sebagai panduan bagi menangani kes-kes seperti ini.

■1520

Selain itu di peringkat Persekutuan dan negeri, ada keadaan di mana tempoh enam bulan yang biasanya diberikan untuk pemaju mengemukakan pelan perancangan pembangunan tidak dapat dipatuhi kerana PKP. Dalam keadaan di mana projek yang terbabit memberi manfaat besar kepada rakyat, saya mencadangkan agar tempoh yang diberikan untuk pemaju mengemukakan pelan perlu ditambahkan kepada setahun atau lebih lain tempoh yang dirasakan munasabah.

Tuan Yang di-Pertua, para 33 dalam Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, dan saya sebut di sini, *“Apa juga pelan dan program ke arah pembentukan sebuah negara maju yang stabil lagi makmur, tidak akan tercapai jika negara terus dibelenggu dengan amalan rasuah. Justeru, pelaksanaan program pembangunan berteraskan amalan integriti dan tadbir urus yang baik adalah penting bagi mencapai pertumbuhan ekonomi yang mampan serta demi menjaga kesejahteraan rakyat dan negara”*.

Baginda juga menggesa agar kerajaan untuk terus komited dalam melaksanakan Pelan Anti Rasuah Nasional dan baginda menyeru semua pihak untuk mendukung aspirasi ini agar setiap agenda pembangunan negara tidak terhakis oleh amalan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Tanamkan di dalam minda masyarakat semenjak di bangku sekolah lagi bahawa rasuah adalah jijik, kotor dan wajar diperangi habis-habisan.

Ini satu titah pesanan yang sangat dialu-alukan oleh rakyat. Tidak keterlaluan jika disebut bahawa punca kebanyakan masalah di dalam negara ini ialah apabila tindakan pecah amanah menggagalkan keberkesanan sesuatu dasar yang baik. Antara pendekatan yang diambil oleh Kerajaan Pakatan Harapan dahulu ialah untuk mengarahkan semua Ahli Parlimen mengisytiharkan harta dan pengisytiharan ini akan didedahkan dalam laman web SPRM untuk tatapan umum.

Setahu saya, semua Ahli Parlimen PH membuat pengisytiharan itu, manakala beberapa Ahli Parlimen pembangkang ketika itu juga meneladani contoh baik PH itu. Malangnya, laman pengisytiharan harta yang dahulunya memaparkan kesemua harta Ahli Parlimen dari Perdana Menteri hinggalah ke *backbencher* biasa, telah pun dipadamkan dari portal SPRM. Kini yang terpapar di dalam laman tersebut ialah ayat, *“Portal pengisytiharan harta ini ditutup sementara bagi kerja-kerja penyelenggaraan”*.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Minta laluan, Setiawangsa.

Dato’ Seri Utama Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun]: Ya, sila.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Terima kasih Yang Berhormat Jerlun. Apa pandangan Yang Berhormat Jerlun dengan kenyataan Timbalan Presiden Pas yang kini Menteri, tetapi ketika mereka pembangkang mengatakan Islam melarang untuk isytihar harta secara umum.

Dato’ Seri Utama Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun]: Saya tidak tahulah hendak komen mengenai kenyataan tersebut, tetapi saya ingat niat kita di sebalik membuat pengisytiharan harta itu adalah baik supaya terdedah kepada pengamatan umum harta yang dipunyai oleh Ahli-ahli Parlimen. Ini saya ingat satu amalan yang baik. Jadi, saya tidak pasti apa sebenarnya pemikiran oleh pihak yang telah mengeluarkan kenyataan tersebut.

Saya harap kenapa laman web tersebut tidak lagi menunjukkan senarai harta tadi, adalah kerana Ahli-ahli Parlimen daripada Perikatan Nasional juga komited dan sedang sibuk menguruskan pengisytiharan aset mereka kepada SPRM seperti yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Pagoh minggu lepas. Sepatutnya portal SPRM menyatakan laman web itu sedang dikemas kini, bukan diselenggarakan.

Antara janji yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Pagoh apabila hendak merampas kuasa kerajaan dari PH ialah bahawa kes-kes jenayah rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan yang melibatkan Ahli Parlimen, pemimpin politik dan ahli keluarga mereka akan diteruskan sehingga sabit kesalahan. Itu sebabnya penting setiap Ahli Parlimen isytihar harta kepada SPRM untuk dipamerkan dalam portalnya. Menarik juga saya ingat apabila rakyat dapat melihat tahap kekayaan Ahli-ahli Parlimen kerajaan ini yang antara lain ada yang menganggap RM2 juta itu sebagai duit poket.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi pendekatan yang digunakan oleh PH dahulu ialah untuk mengurangkan jumlah ahli politik khususnya Ahli Parlimen yang dilantik ke jawatan-jawatan GLC. Ini dilakukan secara menyeluruh walaupun tidak 100 peratus, saya akui. Di jawatan-jawatan penting agensi kerajaan dan GLC, PH melantik tokoh-tokoh yang mempunyai merit dan kewibawaan yang tidak dapat disangkal.

Jumlah wanita yang telah dilantik memegang jawatan-jawatan penting juga sangat tinggi, berbanding zaman Barisan Nasional dahulu dan Perikatan Nasional sekarang. Secara keseluruhannya, ini menggambarkan bahawa PH begitu serius menegakkan integriti dan tadbir urus baik dalam kerajaan yang tidak membenarkan kepentingan politik mengatasi tanggungjawab dan peranan setiap institusi itu.

Negara telah menyaksikan apa yang berlaku apabila tokoh politik diberi *ghanimah* untuk memegang jawatan penting seperti pengerusi dalam agensi dan GLC. Apa yang berlaku kepada FELDA, Tabung Haji, FELCRA, MARA dan lain-lain lagi. Tentunya kes yang terbesar yang mendapat liputan media yang terluas di seluruh dunia ialah kes kleptokrasi mega 1MDB yang dikatakan melibatkan Yang Berhormat Pekan sendiri. Kesemua kes ini disiasat oleh penguat kuasa seperti SPRM, PDRM, LHDN dan lain-lain lagi dan bukan mereka sahaja, malah agensi-agensi penyiasat beberapa buah negara asing turut terlibat dalam membongkar penyelewengan yang telah berlaku. Kesemua kes ini melibatkan kehilangan wang bernilai puluhan atau ratusan juta, malah yang berbilion ringgit pun ada.

Pada 12 Julai 2020, negara digemparkan dengan berita antarabangsa mengaitkan syarikat 1MDB dengan sebuah lagi kapal *superyacht* bernama Topaz yang kini ditukar nama kepada A+. Kalau kapal *superyacht* Equanimity yang dirampas dan dijual oleh Kerajaan Malaysia dikatakan bernilai USD126 juta yang panjangnya ialah 91.5 meter, kapal Topaz pula bernilai USD688 juta dengan panjang 147 meter. Jabatan Keadilan Amerika Syarikat mendakwa syarikat 1MDB ini terlibat dalam pembayaran semula pinjaman berjumlah EUR400 juta yang disalurkan melalui syarikat IPIC kepunyaan Emiriah Arab Bersatu.

Terbaru pada hari Khamis yang lepas iaitu pada 16 Julai 2020 Tuan Yang di-Pertua, pihak SPRM telah mengeluarkan satu kenyataan media mengumumkan bahawa pihak mereka telah memperoleh perintah interim Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur untuk memohon pembekuan dana bernilai USD340 juta bersamaan dengan RM1.452 bilion yang berada di dalam akaun *escrow* guaman Clyde & Co LLP di London. Dalam kenyataan tersebut, SPRM menyatakan antara lain bahawa berdasarkan hasil siasatan, SPRM percaya bahawa wang tersebut mempunyai kaitan dengan konspirasi penipuan antaranya melibatkan bekas Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak; Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) PetroSaudi, Tarek Obaid, ahli perniagaan Low Taek Jho atau Jho Low; serta individu berkaitan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan anak syarikatnya.

Apakah pengajaran yang boleh negara peroleh daripada semua ini? Ini semua dilakukan sewaktu pemimpin-pemimpin politik ini memegang jawatan tinggi dalam kerajaan mahupun GLC. Jelas sekali mereka pecah amanah dengan mencuri dana yang sepatutnya digunakan untuk rakyat.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Utama Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun]: Mereka juga memegang jawatan tinggi dalam parti pemerintah...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Pencelahan, boleh? Pasir Salak.

Dato' Seri Utama Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun]: Sila.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Jerlun. Saya berasa sedihlah dengan sikap yang ditunjukkan oleh Yang Berhormat.

■1530

Balik-balik cerita Dato' Najib, Dato' Najib, 1MDB, Dato' Najib, 1MDB. Sudah jadi orang kata tidak ada modal lain sudah. Rakyat pun tidak boleh terima. Benda ini hendak cerita, cerita fasal Yang Berhormat pun banyak. Ahli keluarga Yang Berhormat pun macam-macam cerita. Banyak kalau kita hendak cerita. Ya tidak? Buat duit berbilion-bilion, apa perniagaan pun. Niaga apa Yang Berhormat, ahli syarikat, *you on the Board*. Beratus-ratus syarikat. Bila masanya boleh menguruskan syarikat beratus-ratus itu.

Dato' Seri Utama Haji Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [Jerlun]: Yang Berhormat...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Jadi, tidak usahlah buat tuduhan, tuduhan seolah-olah menghakimkan, biarlah mahkamah.

Dato' Seri Utama Haji Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [Jerlun]: Saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Pasir Salak...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: ...Tunggulah masa. Buatlah aduan dekat mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ini balik-balik macam bapa dia juga. Tidak habis-habis.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Seri Utama Haji Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [Jerlun]: Saya mencabar Yang Berhormat Pasir Salak untuk membuat aduan kepada pihak mahkamah ataupun pihak polis.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ya lah, yang ini Yang Berhormat buat tuduhan kepada Dato' Najib, Yang Berhormat Pekan tidak habis-habis ini. Kenapa tidak heret dia?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ini media asing lah, media itu lah, inilah cerita.

Tuan Yang di-Pertua: Tolong duduk.

Dato' Seri Utama Haji Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [Jerlun]: Kalau setakat *innuendo* saja...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *Innuendo* apa, kita ada gambar pun semua.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Peraturan Mesyuarat, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ahli keluarga *you* kita ada...

Tuan Yang di-Pertua: Tolong duduk Yang Berhormat Pasir Salak! Terima kasih.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ada gambar juga kalau kita hendak sebarkan. Ada...

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat.

Tuan Yang di-Pertua: Tolong duduk.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Senarai *you* sebagai ahli syarikat pun beratus-ratus, ada.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat Pasir Salak. Tolong duduk!

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 36(5). Yang Berhormat Pasir Salak menyebutkan nama individu di situ.

Tuan Yang di-Pertua: Saya. Harap tidak diulangi. Silakan Yang Berhormat Jerlun.

Dato' Seri Utama Haji Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [Jerlun]: Saya ulangi tadi jelas sekali mereka pecah amanah dengan mencuri dana yang sepatutnya...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Mana tahu pecah amanah, *how do you know?*

Dato' Seri Utama Haji Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [Jerlun]: ...dikutip untuk rakyat.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *It's only a report, a story in the media.*

Dato' Seri Utama Haji Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [Jerlun]: Bukan, bukan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *It's hearsay.*

Dato' Seri Utama Haji Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [Jerlun]: Ini soal...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *Where, where...*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tolong.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh tuduh orang pecah amanah *without proof*.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Dia menghakimi, Yang Berhormat menghakimi, menjadi *judge*. Tidak boleh begini berterusannya, tidak boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sila duduk.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Politik tidak matang ini.

Dato' Seri Utama Haji Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [Jerlun]: Saya tidak bagi laluan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Seri Utama Haji Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [Jerlun]: Mereka semua ini memegang jawatan tinggi dalam parti pemerintah. Ketika semua penyelewengan 1MDB berlaku, Yang Berhormat Pekan merupakan Presiden UMNO. Apa yang UMNO buat?

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: So, Presiden UMNO, *so what?*

Dato' Seri Utama Haji Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [Jerlun]: Pejam sebelah mata saja atau dua-dua belah mata.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Presiden UMNO kah, Perdana Menteri kah, *so what?*

Dato' Seri Utama Haji Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [Jerlun]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Jangan kacau Yang Berhormat Jerlun.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Jerlun tidak memberi laluan.

Dato' Seri Utama Haji Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [Jerlun]: Kami-kami yang soal kes ini secara dalaman dipecat dari jawatan kerajaan yang kami sandang dan dipecat dari parti. Malah Yang Amat Berhormat Pagoh sendiri juga dipecat atas alasan melanggar disiplin parti. Lebih-lebih sangat menyoal kes duit berbilion yang masuk akaun peribadi Perdana Menteri iaitu Yang Berhormat Pekan. UMNO seolah-olah tidak termampu untuk menghalang pemimpinnya daripada melakukan jenayah mencuri wang rakyat. Kenapa ini...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat pun di sini pun kerana UMNO. Kalau tidak ada UMNO *you are nothing, you are nobody without UMNO*.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Dato' Seri Utama Haji Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [Jerlun]: *Then you should not fear me if I'm nothing* Yang Berhormat.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *...Without UMNO you are nobody.*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Dato' Seri Utama Haji Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [Jerlun]: Kenapa ini boleh berlaku pada sebuah parti yang kononnya memperjuangkan agama, bangsa dan tanah air? Saya ingin mencadangkan agar mana-mana parti politik yang melanggar perlembagaannya sendiri dalam menghindari pemimpin tertinggi parti dari melakukan jenayah, perlu diharamkan oleh ROS. Kalau tanggungjawab semak dan imbang tidak lagi wujud di dalam parti politik, lebih-lebih lagi parti pemerintah, sehingga boleh menyebabkan huru-hara kepada negara, maka parti itu wajar dibubarkan, Tuan Yang di-Pertua kerana keseluruhan kepimpinan dan ahlinya gagal melaksanakan tanggungjawab.

Kini perkara yang sama seolah-olah berulang kembali. Sekali lagi Ahli-ahli Parlimen dilantik menerajui GLC. Tujuan... '*ghanimah*' ini pula untuk mendapat sokongan Ahli Parlimen bagi mempertahankan kerajaan pintu belakang Perikatan Nasional ini. Saya ucap tahniah kepada 109 Ahli Parlimen di sebelah sini yang terus berprinsip mempertahankan amanah yang diberikan oleh rakyat... [*Tepuk*]

Entahlah kalau majoriti tipis 111 yang ada pada belah sana dapat dipertahankan menjelang 28 Julai ini.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kalah juga, 109 pun.

Datuk Alexander Nanti Linggi [Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna]: Tidak ada pintu belakang, rumah sudah roboh.

Dato' Seri Utama Haji Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [Jerlun]: Adakah tidak mungkin kes pecah amanah seperti yang berlaku dulu akan berulang lagi dengan lantikan-lantikan terbaru ini. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sudah berpesan pada kita untuk pastikan agar agenda pembangunan negara tidak terhakis...

Datuk Alexander Nanti Linggi: Jangan bakar rumah sendiri.

Dato' Seri Utama Haji Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [Jerlun]: ...Akibat rasuah. Kini kita dengar pengumuman bahawa seorang Ahli Parlimen yang baru dilantik, Pengerusi agensi pertanian di bawah Kementerian Pertanian hendak membelanjakan RM100 juta untuk membina sebuah pusat penyelidikan di kawasan Parlimennya. Belum sempat tiga bulan dalam jawatan sudah boleh mencadangkan perbelanjaan ratusan juta ringgit. Ada juga berita bahawa projek ECRL akan kembali kepada bajet asal antara RM49 bilion hingga RM69 bilion apabila terowong di jajaran lama merentasi Ridge Quartz Klang Gates di Banjaran Titiwangsa hendak ditembusi.

Bayangkan berapa banyak projek yang boleh memanfaatkan rakyat yang mampu dibangunkan dengan duit sebanyak itu? Berapa banyak hospital, sekolah, universiti, lebuh raya tanpa tol dan lain-lain boleh dibina dengan tambahan RM20 bilion yang diperlukan untuk jajaran lama ECRL? Berapa banyak biasiswa boleh diberikan kepada pelajar-pelajar kita? Berapa ramai usahawan-usahawan muda boleh dibantu untuk menceburkan diri dalam alam perniagaan? Saya harap kerajaan akan pertimbangkan semula cadangan untuk menaikkan kos projek ECRL akibat daripada penggunaan jajaran asal itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya benar-benar berharap negara kita ini boleh ditadbir oleh sebuah kerajaan yang bebas rasuah, penuh integriti, berwawasan, hemah dalam perbelanjaan, sentiasa mengutamakan kepentingan rakyat dan cekap dalam melaksanakan apa yang dirancang. Itu juga harapan rakyat. Kami bersedia menggalas semula tanggungjawab itu. Sekian, Jerlun mohon menyokong Usul Menjunjung Kasih Terhadap Titah Duli Yang Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Jerlun. Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat dari Betong untuk membahaskan Usul Titah Diraja. Silakan.

3.37 ptg.

Datuk Robert Lawson Chuat [Betong]: Salam sejahtera dan selamat petang. Tuan Yang di-Pertua, saya menjunjung kasih di atas Titah Diraja pada Istiadat Pembukaan Penggal Ketiga, Parlimen Malaysia yang Keempat Belas pada 18 Mei lalu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk turut serta dalam perbahasan Titah Diraja. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat menyambut Hari Sarawak kepada seluruh rakyat Sarawak... [Tepuk]

Pada kesempatan ini sebelum menyentuh lain-lain perkara, izinkan mewakili semua rakyat di kawasan Betong ingin menzahirkan ucapan syukur dan terima kasih kepada Tuanku kerana telah melaksanakan tanggungjawab yang cemerlang di kala negara dilanda kemelut politik pada bulan Februari yang lalu. Tuanku telah menunjukkan kepada rakyat keseluruhannya bahawa tiada baiknya datang daripada kemelut seumpamanya dan ia perlulah ditamatkan demi kestabilan negara serta kepentingan rakyat seluruhnya. Tuanku telah melakukannya mengikut lunas-lunas Perlembagaan negara berlandaskan amalan demokrasi dalam sistem pemerintahan Raja Berperlembagaan. Terima kasih Tuanku.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pucuk pimpinan Perikatan Nasional atas amalan dan tadbir urus yang amat baik dalam pengawalan penularan wabak COVID-19 sepanjang tempoh pelaksanaan perintah kawalan pergerakan, PKP, PKPB dan PKPP. Syabas diucapkan kepada Kerajaan Pusat yang telah memperlihatkan kadar jangkitan terutamanya dalam kalangan rakyat tempatan yang semakin rendah dan terkawal.

Di Sarawak, saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan setinggi penghargaan kepada Kerajaan Negeri Sarawak terutamanya kepada Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak yang diketuai oleh Yang Berhormat Datuk Amar Douglas Uggas Embah, Timbalan Ketua Menteri Sarawak yang gigih memantau, mengawal penularan dan melaporkan situasi semasa wabak COVID-19 di Sarawak.

Kerjasama sekretariat serta petugas barisan hadapan yang cukup teratur dan memuaskan yang melibatkan pelbagai agensi negeri, kerajaan negeri dan kerajaan pusat seperti Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak, Angkatan Tentera Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Angkatan Pertahanan Awam, Jabatan Sukarela Malaysia, Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak dan lain-lain agensi yang telah turut terlibat dengan penuh dedikasi dalam menghadapi COVID-19 di negara ini.

■1540

Sesungguhnya kita harus sentiasa bersyukur kepada Tuhan atas nikmat dan kasih sayangnya yang menjaga keselamatan dan keamanan negara yang kita cintai dalam keberkesanan para petugas barisan hadapan membendung penularan COVID-19 secara efektif berkat kerjasama pihak berkuasa serta seluruh rakyat dalam mematuhi SOP menuju normalisasi.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, kelonggaran SOP tidak bermakna kita leka dan lupa akan tanggungjawab kita kepada keluarga, komuniti dan lebih-lebih lagi kebersihan persekitaran. Di sini saya ingin menekankan betapa pentingnya peranan pemimpin masyarakat termasuk ketua masyarakat, ketua komuniti dan juga tenaga pendidik meneruskan usaha sama mengamalkan kelaziman baharu kehidupan dengan mematuhi semua SOP yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Utamakan kebersihan diri dan komuniti serta teruskan amalan penjarakan sosial demi kesejahteraan dan membantu kerajaan memulihkan semula ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, pelbagai langkah dan inisiatif telah dihulurkan oleh Kerajaan Pusat dalam usaha memulihkan ekonomi negara. Contohnya, Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat berjumlah RM260 bilion sebagai penggerak bagi memastikan penyampaian inisiatif lebih cekap dan berkesan.

Rakyat Sarawak juga mengalu-alukan pelaksanaan secara tunai Bantuan Prihatin Nasional serta fasa kedua dan ketiga Bantuan Sara Hidup 2020 bagi kawasan pedalaman Sarawak dan Sabah yang tiada akaun bank yang diselaraskan pada 1 Julai hingga 31 Julai 2020 oleh Perbendaharaan Malaysia di Sabah dan di Sarawak. Seperti yang diumumkan, implikasi kewangan yang berjumlah RM28.7 juta ini bakal memanfaatkan seramai 41,995 penduduk di negeri Sarawak.

Bantuan kerajaan di Sarawak turut diperhebatkan dengan Bantuan Khas Sarawaku Sayang yang diumumkan secara tiga fasa iaitu fasa pertama pada 23 Mac 2020 berjumlah RM1.15 bilion, fasa kedua diumumkan pada 10 April 2020 berjumlah RM1.1 bilion dan fasa ketiga diumumkan pada 8 Mei 2020 berjumlah RM0.3 bilion. Pakej Rangsangan ini amatlah berfokus kepada meringankan beban kehidupan rakyat pelbagai strata- tua mahupun muda, golongan belia mahupun wanita. Inisiatif pemberian pelitup hidung dan mulut percuma, tambahan Geran Khas Prihatin dan elaun bulanan khas petugas barisan hadapan adalah antara langkah-langkah proaktif yang diperkenalkan.

Bagi mewakili seluruh rakyat di kawasan Betong, saya ucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan Perikatan Nasional dan Kerajaan GPS negeri Sarawak atas segala bantuan yang telah diberikan.

Tuan Yang di-Pertua, ilham Kerajaan Negeri Sarawak menjadikan kawasan Betong-Sarikei sebagai pembekal makanan sejajar dengan *'food basket' area*, dengan izin, merupakan usaha strategik dalam melaksanakan beberapa inisiatif berimpak tinggi demi membangunkan satu mekanisme bagi mencipta peluang pekerjaan dan keusahawanan khususnya pemberian sokongan dalam menyediakan barangan, perkhidmatan dan perniagaan berasaskan pertanian.

Dalam usaha yang sama, kerajaan negeri berazam untuk meningkatkan bilangan estet-estet kecil yang direka atas hasil kerjasama agensi kerajaan negeri serta kolaborasi di antara petani dan syarikat perusahaan swasta. Ini juga selari dengan Titah Diraja yang menegaskan betapa pentingnya Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 di mana projek berimpak tinggi seperti *'food basket' area* akan membuka peluang pekerjaan perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Langkah ini juga dapat mempertingkatkan produktiviti isi rumah berpendapatan rendah di mana impak awal sudah pun dapat dilihat.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya cadangan pembangunan lapangan terbang baharu di daerah kecil separuh bahagian Betong, Sarawak, ekosistem pertanian perlu siap menampung penawaran dan permintaan yang lebih besar. Ini termasuk membangunkan kawasan Betong-Sarikei sebagai *'food basket' area* sebagai salah satu sumber jaminan sekuriti makanan negara.

Oleh itu, prasarana untuk memastikan ekonomi yang berdaya tahan mesti dipertingkatkan dan ditambah baik agar cekap dan pantas bagi menarik lebih banyak pelaburan setempat yang berkualiti.

Saya juga menyeru Kerajaan Persekutuan sentiasa prihatin dalam menambah baik tadbir urus sektor peningkatan hubungan dan mobiliti barang dan juga perkhidmatan melalui ekonomi digital. Dengan penyertaan yang lebih besar dari masyarakat, contohnya petani moden di kawasan luar bandar, jurang pendapatan antara luar bandar dan bandar akan dikurangkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah banyak membantu dalam beberapa aspek untuk mengurangkan beban kos sara hidup rakyat di negara ini khususnya penduduk pedalaman di negeri Sarawak. Terima kasih diucapkan kepada KPDNHEP yang diterajui oleh rakan saya Yang Berhormat Kapiti kerana berjaya memastikan seluruh rakyat terutamanya rakyat di negeri Sarawak mempunyai bekalan barang keperluan serta makanan yang mencukupi dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) terutamanya berkaitan barang keperluan untuk mencegah penularan jangkitan COVID-19. Bekalan dan harga barang seperti *face mask*, *hand sanitizer* dan berbagai barang keperluan lain sentiasa boleh diperolehi orang ramai pada harga berpatutan seperti yang telah ditetapkan oleh kerajaan.

Selain itu, inisiatif yang telah diambil baik oleh komuniti adalah melihat penurunan yuran francais untuk perniagaan tertentu dalam usaha untuk mendorong lebih banyak penyertaan belia dalam industri francais. Pengusaha baharu selalu menghadapi masalah dengan modal. Dengan menurunkan yuran kemasukan kepada RM50 ribu, pastinya lebih ramai orang terutamanya belia mampu menceburkan diri dalam perniagaan francais. Ini adalah kaedah terbaik untuk maju dan membantu orang memasuki perusahaan kecil dan sederhana.

Saya juga difahamkan bahawa Kerajaan Negeri Sarawak juga sedang berbincang dengan KPDNHEP tentang input pertanian seperti baja, racun perosak dan lain-lain yang harus diletakkan di bawah mekanisme kawalan harga di bawah KPDNHEP. Ini akan menjadikan harga produk lebih berpatutan dan dapat mengurangkan beban yang dihadapi oleh petani yang tinggal di pedalaman negeri Sarawak terutamanya penjiwaan yang banyak dari segi kos pengangkutan petani.

Saya juga yakin program-program yang akan datang untuk mempromosikan produk tempatan serta meningkatkan penggunaan serta pembelian barangan tempatan sangat dialu-alukan. Terima kasih juga kerana telah meluluskan penubuhan sub pejabat ataupun cawangan di Betong untuk membantu memantau harga barang-barang keperluan terutama sebelum perayaan besar seperti Tahun Baru Cina, Hari Raya, Hari Gawai atau Krismas.

Tuan Yang di-Pertua, pengiktirafan sebuah negara maju bukan hanya digambarkan oleh keadaan ekonomi yang mapan, suasana politik yang stabil, kehidupan yang lebih berkualiti serta tenaga kerja yang berdaya saing. Sebaliknya, ia merangkumi fokus pembangunan kawasan luar bandar terutamanya dalam aspek infrastruktur asas seperti bekalan air terawat, kemudahan elektrik, perkhidmatan jalan raya yang baik amat diperlukan bagi menyejahterakan masyarakat di luar bandar.

Seperti yang sedia maklum, berkat usaha dan kerjasama di antara Kerajaan Negeri Sarawak dan Kerajaan Pusat Perikatan Nasional, projek infrastruktur yang kritikal bagi menjamin kesalinghubungan rakyat di kawasan pedalaman telah dihidupkan semula.

■1550

Contohnya projek *Pan Borneo Highway* yang membina jalan baharu dan menaik taraf jalan luar bandar supaya rakyat di kawasan pedalaman boleh menikmati jaringan perhubungan dan kemudahan yang berkualiti dan lebih baik.

Terima kasih juga kepada Kerajaan Negeri Sarawak yang gigih berusaha untuk menghidupkan kembali projek-projek bekalan elektrik luar bandar (RES) yang dihentikan sebelum ini. Saya yakin kerajaan GPS melalui Kementerian Utiliti Sarawak akan terus melakukan yang terbaik untuk mencapai kadar liputan elektrik 97 peratus yang disasarkan dalam beberapa bulan mendatang dan liputan penuh pada tahun 2025.

Tuan Yang di-Pertua, teknologi pertanian pintar dan teknologi digital dalam perladangan, pertanian, ternakan dan perikanan merupakan bidang ekonomi digital yang hangat disebut pada masa kini. Ini amat penting dalam usaha meningkatkan kualiti, kecekapan pengeluaran dan mengurangkan kebergantungan pada tenaga kerja. Revolusi Industri 4.0 inilah yang memangkin negara melalui wujudnya teknologi 5G. Kecerdasan buatan dan *Internet of Things* yang membolehkan Malaysia bersaing di pasaran global dan menggalakkan pelaburan. Menginovasi sistem, proses dan prosedur penyampaian melalui penerapan teknologi digital yang lebih luas memanglah kami nanti-nantikan dengan harapan bahawa perkhidmatan yang lebih cekap dan selesa akan menjangkau semua rakyat Sarawak terutama warga penduduk di kawasan Betong.

Dengan tujuan yang sama dalam konteks pemodenan pertanian, kami warga Betong juga teringin untuk memasarkan produk pertanian dengan menghubungkan pengeluaran ke pasar dan meningkatkan produk yang sesuai dengan pasaran melalui *Internet of Things*. Akan tetapi jurang *connectivity and Internet of Things* dengan izin, masih jauh ketinggalan bagi kami rakyat luar bandar. Ini disebabkan infrastruktur *online* dengan izin, seperti pusat internet yang terhad. Transformasi digital kami minta dipercepatkan terutamanya di era pasca COVID-19 ini yang bakal berhadapan dengan kelaziman baharu.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini pada 4 Jun 2020 *Initiative Global COVID-19 Index* (GCI) dengan izin, yang dibina atas kolaborasi di antara Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, PEMANDU Associates serta *Sunway University* merupakan salah satu daripada contoh di mana negara kita Malaysia telah memacu jalan dalam sektor penyelidikan, pembangunan dan inovasi di persada antarabangsa. Program sebeginilah yang harus digalakkan untuk mengubah perkhidmatan awam kepada sebuah pentadbiran dinamik, inovatif dan berfokus dalam menyokong matlamat ekosistem pembangunan transformasi negara. Saya yakin dan menyokong dasar kerajaan yang berpendirian untuk memastikan masa depan rakyat Malaysia lebih kompetitif, bersaing agar dapat melahirkan modal insan dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik.

Dalam konteks kawasan Betong, pemerksaan pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) di kalangan golongan belia adalah salah satu daripada fokus utama transformasi yang kami alu-alukan bagi menjamin warga muda yang inovatif dan berdaya saing. Dalam jangka masa terdekat ini, Betong perlu menghasilkan tenaga pekerja yang berkebolehan dalam bidang TVET untuk memacu ekonomi tempatan. Institusi TVET digalakkan untuk menawarkan latihan kemahiran berasaskan industri utama terutama dalam teknologi pertanian moden agar penduduk tempatan dapat mengambil bahagian atau bekerja dalam ekonomi tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, *education is survival*. Literasi awal kanak-kanak merupakan satu-satunya pasport untuk keluar dari belenggu kemiskinan. Agar anak-anak dapat mempercepat pembelajaran mereka, mereka memerlukan sokongan penuh bukan hanya dari pengetua atau guru besar tetapi juga dari ibu bapa, penjaga dan seluruh masyarakat. Dengan izin, *as the African saying goes, "It takes a village to raise a child"*.

Oleh itu pendekatan holistik kunci dalam pembelajaran yang efektif dan berkesan. Sistem ini memerlukan penggabungan, pembelajaran adab ke-21, *21st century learning* dengan izin, untuk menukar cara warga pendidik mengajar melalui 4K dan 1N iaitu komunikasi, kreativiti, kritis, kerjasama dan nilai murni. Walaupun kami di Sarawak melengkapkan guru kami dengan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM), kami juga mengupayakan pembelajaran digital, *e-learning* yang sama pentingnya terutama dalam norma baharu ini, lebih-lebih lagi dengan krisis pasca COVID-19 yang mempengaruhi dunia secara global.

Tuan Yang di-Pertua, tempoh masa 10 tahun adalah sangat singkat. Sejauh mana pembangunan dan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 yang kita ilhamkan akan menjadi pencetus kepada hala tuju baharu pembangunan negara dan modal insan? Makanya isu kesihatan, kebajikan dan pelajaran anak-anak luar bandar haruslah dijamin dan dilihat secara menyeluruh. Janganlah sekali-kali dipandang remeh faktor kebajikan dan kesejahteraan rakyat luar bandar lebih-lebih lagi golongan kanak-kanak, wanita serta golongan yang memerlukan bantuan seperti warga emas dan orang kurang upaya.

Jangan hanya kesejahteraan bandar dipertingkatkan tetapi kemajuan rakyat luar bandar dipinggirkan. Peningkatan keupayaan fasiliti kesihatan dan akses kepada perkhidmatan kesihatan terutamanya bagi rakyat di luar bandar harus diperkasakan lebih-lebih lagi dalam alam pencegahan penularan wabak COVID-19 yang baru-baru ini banyak mengajar dan memberi kesedaran sivik kepada kita sebagai manusia yang mudah terdedah kepada wabak penyakit.

Bantuan kesihatan yang gigih diusahakan oleh Kerajaan Negeri Sarawak dan Kerajaan Pusat banyak membantu menangani kos sara hidup rakyat. Saya juga ingin menyeru agar Kerajaan Pusat akan mengukuhkan lagi penyampaian perkhidmatan kesihatan terutama skim perlindungan kepada golongan B40 yang berpendapatan rendah. Bagi pihak warga Betong, saya minta Kerajaan Persekutuan memberi lebih banyak peruntukan bagi hospital mahupun klinik-klinik desa di kawasan pedalaman.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mewakili seluruh rakyat P.204 Betong mohon menyokong usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agung pada 18 Mei. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Betong. Seterusnya, saya ingin menjemput dan mempersilakan Yang Berhormat Setiawangsa untuk membahaskan usul Titah Diraja. Silakan.

3.58 ptg.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum* dan salam sejahtera. Pertama sekali Setiawangsa ingin mengucapkan Selamat Hari Sarawak kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga rakyat Sarawak yang menonton sidang Parlimen kali ini. Sebagai seorang warga Semenanjung, Setiawangsa merasakan banyak yang kita boleh belajar daripada Sarawak dari segi perpaduan dan hubungan masyarakat. Setiawangsa juga ingin merakamkan penghargaan kepada anggota barisan depan, doktor, jururawat, tentera, polis, sukarelawan malah sebagaimana ada disebut pekerja-pekerja pembersihan yang kadang-kadang kita lupakan.

Pertama sekali, Setiawangsa ingin fokus tentang soal pendidikan dan impak COVID-19 yang mana pertama kita melihat impak COVID-19 ialah ia mempercepatkan lagi proses pembelajaran atas talian. Saya sendiri ada gunakan pelbagai kaedah tuisyen di atas talian untuk anak saya yang berusia sembilan, malah menerusi laman web seperti *Khan Academy*, beliau dapat belajar asas *coding* dengan berkesan.

Di peringkat pendidikan tinggi, pakar-pakar meramalkan bahawa IPT akan terbahagi dua. Jurusan kemanusiaan dan sains sosial akan semakin banyak menggunakan pendidikan atas talian sementara jurusan sains dan teknikal masih banyak bergantung kepada pendidikan secara konvensional dan berdepan.

Ini kerana banyak pembelajaran dan pengajian jurusan ini masih memerlukan pengajaran in-situ, makmal dan sebagainya. Pendidikan sebenarnya sudah lama bergerak ke arah ini namun pengalaman kita ketika COVID-19 telah membuatkan kita bergerak lebih pantas.

■1600

Namun, sebagaimana dibangkitkan oleh beberapa Yang Berhormat, masalah infrastruktur *internet* masih menjadi masalah bukan sahaja bagi pelajar, tetapi juga untuk guru dan pensyarah. Banyak lagi seperti Cik Veveonah Mosibin di seluruh negara.

Selain itu, isu kekangan ekonomi yang lebih asas juga menjadi hambatan kepada ramai rakyat termasuk di kawasan Lembah Klang. Di kawasan saya, saya bertemu seorang pemandu teksi dengan pendapatan hanya sebanyak RM60 sehari dan terpaksa membayar sewa teksi sebanyak RM26 sehari sama ada beliau bekerja atau tidak.

Untuk menghantar anaknya belajar di sebuah kolej kerajaan di Pantai Timur, itu juga satu beban yang besar untuk beliau. Seorang lagi anaknya belajar di Kuala Lumpur dan apabila pembelajaran dibuat secara maya, anak beliau berhadapan masalah kerana telefon bimbit yang ada tidak canggih dan pensyarah mengatakan lebih baik menggunakan komputer riba. Hal-hal lain juga, anak yang sudah ada diploma tetapi terpaksa membuat kerja biasa yang tidak memerlukan kelulusan kerana kekurangan peluang kerja setara yang menimbulkan masalah *underemployment*, dengan izin, yang kurang diberi perhatian berbanding pengangguran- *unemployment*.

Bagi, sekolah-sekolah pula, Setiawangsa mengesyorkan sudah sampai masanya beberapa anjakan besar dibuat oleh kerajaan bermula dengan situasi pembukaan sekolah ketika wabak COVID-19 pada hari ini. Mengikut *Malaysia Educational Statistics 2015-2017*, pada tahun 2017, saiz purata kelas sekolah rendah adalah seramai 27 orang, manakala sekolah menengah adalah sebanyak 26 orang. Sekali imbas, ini adalah angka yang baik.

Namun, ini kerana wujud beberapa *outlier*, dengan izin. Misalnya pada tahun 2017, ada sekitar 2,000 buah sekolah kurang murid (SKM) dengan pelajar tidak lebih 150 orang di seluruh negara. Namun, di kawasan kepadatan tinggi dan sekolah-sekolah yang popular dengan ibu bapa, saiz kelas melebihi 40 orang menjadi perkara biasa dan ini tidak lagi kondusif untuk pembelajaran dan pengajaran.

Garis Panduan Pengurusan Pembukaan Semula Sekolah menetapkan saiz kelas yang standard iaitu sebesar 70 meter persegi atau sebesar 750 kaki persegi yang boleh memuatkan seramai 20 orang murid. Kesannya, ada sekolah yang selama ini sudah menjadi sekolah satu sesi, kembali menjadi sekolah dua sesi. Mungkin sasaran saiz kelas maksimum baharu termasuk pasca COVID-19 boleh ditetapkan pada angka yang lebih rendah berbanding fenomena sebelum ini iaitu kita menetapkan semua sekolah tidak melebihi 30 orang. Ini dapat meningkatkan kualiti pembelajaran dan pengajaran.

Akan tetapi, untuk perkara ini dicapai, kerajaan perlu serius mengisi kekosongan guru dalam perkhidmatan. Ketika menjawab pertanyaan saya di Parlimen pada November 2019, Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan ketika itu, menyatakan ada kekosongan lebih 6,000 orang guru di sekolah-sekolah seluruh negara, tetapi penempatan IPGM hanya berjumlah 1,676 orang guru pada waktu itu. Kerajaan menyatakan sasaran pelantikan guru interim pada Februari 2020 seramai 3,800 orang guru. Keadaan sekarang menjadi semakin mendesak dengan saiz kelas yang lebih kecil yang perlu dibuat mengikut GPPPSS.

Setiawangsa berhasrat mendapat penjelasan kerajaan tentang keperluan guru pada Julai 2020 dan pelantikan guru sama ada secara tetap mahupun interim yang dibuat bagi mengisi keperluan ini. Setiawangsa juga berhasrat mendapat perbandingan statistik permohonan jawatan guru bagi setiap kategori iaitu IPGM, universiti awam, IPTS serta mereka yang berjaya mendapat jawatan guru daripada setiap kategori institusi tersebut.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya hormati sekalian, dalam sektor ekonomi pula, kita melihat graduan tahun 2020, generasi COVID-19- boleh dipanggil sebagai generasi COVID-19. Kalau dulu ada generasi perang, mereka yang terganggu kehidupan mereka kerana perang, hari ini ada generasi COVID-19. Mereka berhadapan dengan cabaran yang sangat besar mencari pekerjaan. Kesan ini tambah menyulitkan untuk graduan daripada keluarga B40 yang menjadi harapan keluarga untuk menyara hidup bukan sahaja diri mereka, tetapi keseluruhan keluarga.

Mengikut IMF, ramalan pengangguran di Malaysia untuk hujung tahun 2020 adalah sebanyak 4.9 peratus. Akan tetapi, pada bulan Mei, Jabatan Perangkaan telah merakamkan kadar pengangguran sebanyak 5.3 peratus dan dijangka mencecah sebanyak 5.5 peratus. Akan tetapi, angka-angka ini tidak mendedahkan keadaan yang lebih serius untuk generasi muda. Jabatan Perangkaan menganggarkan pada Mei 2020, kadar pengangguran bagi rakyat berumur 15 hingga 24 tahun, telah mencapai sebanyak 14.2 peratus. Hampir tiga kali ganda bagi keseluruhan rakyat Malaysia. Mereka ini sudah pun berhadapan dengan cabaran seperti:

- (i) gaji yang mendatar;
- (ii) kemampuan memiliki rumah;
- (iii) jumlah hutang yang besar; dan
- (iv) mobiliti sosial yang terhad.

Bank Negara pada tahun 2018 menyatakan gaji untuk graduan muda pada kadar sebenar mengambil kira inflasi telah menyusut berbanding tahun 2010. Ini berpunca daripada kekurangan pekerjaan berkemahiran tinggi.

Satu lagi masalah yang akan berhadapan dengan graduan-graduan pada generasi COVID-19 ini apabila ekonomi pulih kelak. Kita doakan ekonomi pulih. Apabila ekonomi pulih, mereka akan bersaing dengan graduan-graduan baharu dalam dunia pekerjaan. *Fresh graduates*. Mengikut kajian yang dilakukan di *University of Tennessee* di Amerika Syarikat, graduan yang habis belajar ketika kegawatan ekonomi, mereka melihat *global financial crisis* yang berlaku pada 10 tahun yang lepas, memperoleh pendapatan kurang 10 peratus pada tahun pertama berbanding jangkaan biasa dan kesan negatif ini akan berlarutan selama tujuh tahun. Bagi graduan di Kanada, pendapatan mereka ketika kegawatan adalah sebanyak sembilan peratus berbanding keadaan biasa yang berlarutan sehingga 10 tahun.

Seterusnya, Setiawangsa ingin bergerak kepada isu miskin kota. Anggapan tidak ramai bukan Melayu yang miskin adalah satu perkara yang tidak betul. Di Setiawangsa, ada kawasan Kampung Baru Air Panas, malah juga hampir kesemua kawasan PPR, mempunyai kelompok bukan Melayu yang besar. Sebahagian mereka mungkin ada kerja gaji minimum, malah mungkin mencecah RM3,000 sebulan yang mungkin dilihat agak selesa di kampung. Akan tetapi sebagaimana kenaikan Pendapatan Garis Kemiskinan daripada RM980 kepada RM2,208 langkah yang positif. Kita dapat melihat bagaimana pendapatan walaupun mencecah RM3,000, sebenarnya masih lagi satu pendapatan yang tidak cukup di kawasan bandar.

Oleh sebab itu, Setiawangsa mengesyorkan PGK dibuat mengikut wilayah. Bukan saja antara negeri dan wilayah, tetapi juga antara bandar dan luar bandar agar perbezaan kos sara hidup ini lebih tepat. Akan tetapi, realitinya, walaupun miskin kota ini datang daripada pelbagai kaum, majoriti daripada mereka masih lagi masyarakat Melayu. Ini menunjukkan bahawa anggapan bahawa masyarakat Melayu ini ramai tinggal di luar bandar adalah satu anggapan tidak betul.

Oleh sebab itu kalau kita lihat statistik tahun 70-an, sebanyak 15.5 peratus di kawasan bandar di Semenanjung Malaysia terdiri daripada orang Melayu. Pada tahun 2016, sebanyak 68 peratus masyarakat Bumiputera menetap di bandar dan di kalangan penduduk di bandar, masyarakat Bumiputera membentuk sebanyak 56 peratus. Penempatan apa yang dipanggil setinggan, tetapi saya lebih gemar menggunakan istilah '*peneroka bandar*', tumbuh bagaikan cendawan di kota-kota terutama selepas pengenalan Dasar Ekonomi Baru.

Mereka datang mencari pekerjaan dan mereka mencari peluang pendidikan dan pekerjaan yang lebih baik yang ada di bandar. Oleh sebab itu- tetapi hari ni, kita lihat masalah ini walaupun kerajaan telah bertindak misalnya pada ketika era Yang Berhormat Port Dickson menjadi Yang Berhormat Menteri kewangan, telah dibuat perumahan PPR secara besar-besaran yang diperkenalkan ketika itu, kita telah lihat kita berhadapan dengan masalah baharu apabila ekonomi tidak berkembang hari ini sehinggakan kita dapat laporan UNICEF pada beberapa tahun yang lepas yang mengatakan masalah kemiskinan bandar ini wujud kekurangan zat, malnutrisi yang serius dalam kalangan kanak-kanak di Kuala Lumpur dan Putrajaya serta Petaling Jaya yang lebih tinggi berbanding tempat-tempat lain.

■1610

Sedangkan, kalau kita lihat ekonomi di Lembah Klang- kita ambil Kuala Lumpur misalnya, mengira KDNK Kuala Lumpur sahaja jika dibahagikan dengan penduduk, *level* dia, tahap dia ialah hampir sama dengan negara-negara maju di rantau Asia, kalau kita ambil Kuala Lumpur. Akan tetapi, masalah kemiskinan bandar di Kuala Lumpur juga adalah satu masalah yang serius. Sayang sekali, ada lagi suara-suara malah dari pemimpin Melayu sendiri yang menyatakan, mereka mengalami nasib ini sama ada kerana mereka malas atau kerana mereka menyalahkan warga asing atau orang bukan Melayu. Sedangkan, isu ini berpunca daripada sistem struktur ekonomi yang tidak adil.

Seterusnya Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Setiawangsa ingin memohon agar pihak kerajaan mengambil serius apa yang dibangkitkan oleh Parlimen kali ini dan mengambil langkah-langkah yang betul-betul serius yang mencabar apa yang saya sebutkan sebagai *conventional wisdom economy*. Ini kerana, kalau kita lihat apabila berlaku krisis, inilah masanya negara hendak menyelesaikan masalah-masalah struktural yang wujud di dalam ekonomi yang ada pada hari ini. Di Barat ataupun juga di Jepun, kita lihat perang dunia menjadi peluang kepada mereka untuk bangkit selepas perang itu menerusi dasar-dasar yang berani dan memandang ke depan.

Ini kerana, yang kita lihat apa yang berlaku pada waktu itu misalnya ialah G.I. Bill di Amerika Syarikat yang memberi faedah besar kepada veteran perang Amerika yang pulang daripada perang dunia. yang menyebabkan jumlah pendaftaran pelajar di universiti dan peningkatan kelas pertengahan bertambah dengan berlipat kali ganda. Di Britain ekoran daripada perang, mereka telah meninggalkan warisan iaitu *National Health Service* (NHS), dan juga Insurans Kebangsaan- *National Insurance*.

Di Jerman, pengenalan mata wang *Deutsche Mark* telah menghapuskan sebanyak 90 peratus hutang kerajaan dan swasta dan menyumbang kepada keadaan ekonomi Jerman yang kukuh sehingga ke hari ini. Kita lihat pada waktu era COVID-19 ini, Korea Selatan antara negara paling awal yang melakukan pilihan raya selepas wabak COVID. Mereka telah memperkenalkan '*green new deal*' untuk negara mereka.

Akhir sekali, Setiawangsa ingin menyentuh tentang soal pertahanan. Pertama, tentang Laut China Selatan. Dalam Laporan Ketua Audit Negara, ia menyebut bahawa antara tahun 2016 sehingga tahun 2019, berlaku sebanyak 89 pencerobohan kapal penguatkuasaan dan tentera China di perairan Sarawak dan Sabah seperti *China Coast Guard* dan *People's Liberation Army Navy*.

Akan tetapi, malangnya sejumlah 10 peratus kapal dan bot agensi-agensi penguatkuasaan negara rosak dan tidak dibuat penyelenggaraan kerana kekurangan peruntukan.

Insiden terbaharu melibatkan kapal gerudi West Capella yang dioperasikan oleh Petronas di Zon Ekonomi Eksklusif Malaysia, yang telah merisaukan kita semua. Laksamana Madya Maritim Dato' Mohd Zubil bin Mat Som, Ketua Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia mengesahkan, pada 16 April 2020, kapal penyelidikan dan tinjauan Hai Yang Di Zhi 8 telah memasuki EEZ Malaysia. *West Capella* telah terlibat dalam insiden dengan kapal dari China ini dan juga kapal-kapal lain daripada pengawal pantai dan militia China.

Seterusnya Amerika Syarikat dan Australia telah menghantar kapal ke perairan Laut China Selatan. Setelah beberapa orang termasuk mantan Yang Berhormat Menteri Luar Negeri, Dato' Seri Panglima Anifah Aman dan saya membangkitkan isu itu secara terbuka. Akhirnya, Yang Berhormat Sembrong menjawab dengan meminta ketenangan dan kestabilan. Bertindak balas secara pasif terhadap insiden ini tanpa melakukan atau mengatakan sesuatu bukanlah pilihan untuk menangani isu ini. China akan terus membuat tuntutan berdasarkan *nine-dash line* meskipun tribunal antarabangsa, The Hague telah pun memutuskan tuntutan ini tidak berasas.

Walaupun hubungan yang erat dengan China adalah penting, kedaulatan dan integriti kawasan kita perlu dipertahankan. Setiawangsa mengambil maklum Yang Berhormat Menteri Pertahanan kita Yang Berhormat Bera telah mengadakan perbincangan menerusi telefon dengan rakan sejawatnya dari China pada 15 Mei 2020. Baru-baru ini Setiausaha Negara Amerika Syarikat, Mike Pompeo telah mengeluarkan kenyataan yang menolak tuntutan China di Laut China Selatan termasuk di Luconia Shoals ataupun Gugusan Beting Patinggi Ali yang terletak dalam perairan negara kita.

Penyelesaian berbagai-bagai hala melalui ASEAN jalan untuk kita bergerak ke hadapan. Walaupun terdapat beberapa negara ASEAN yang mempunyai tuntutan bertindih di Laut China Selatan, kita ada banyak kepentingan bersama dalam mempertahankan *order* berasaskan peraturan *rules-based order* khususnya Konvensyen Undang-undang Laut PBB.

Saya berharap kerajaan dapat menyatakan pendirian dan strateginya mengenai bagaimana mencegah pencerobohan ke atas EEZ kita daripada berlaku di masa depan terutamanya dalam konteks berhadapan dua kuasa besar dunia. Akhir sekali Setiawangsa ingin menyentuh tentang isu *littoral combat ship* (LCS).

Setiawangsa bersetuju dengan Yang Berhormat Pasir Mas bahawa isu LCS ini adalah isu yang amat mustahak dan serius buat negara kita yang harus diberi perhatian oleh kerajaan. Sebagai latar belakang, pilihan reka bentuk LCS ini telah ditukar oleh mantan Menteri Pertahanan Yang Berhormat Bagan Datuk pada Oktober 2011 dari reka bentuk '*sigma*' yang telah dipersetujui oleh TLDM dan dicadangkan oleh *Damen Schelde Naval Shipbuilding* dari Belanda, kepada reka bentuk '*gowind*' yang dicadangkan oleh DCNS yang kini dikenali sebagai Naval Group dari Perancis.

Kalau kita tak *familiar* dengan nama-nama ini, Naval Group ataupun DCNS inilah yang membekalkan kapal *Scorpène* sebelum ini. Ia telah dibuat atas saranan bertulis Boustead Naval Shipyard (BNS) tanpa rujukan kepada TLDM. Antara punca utama kelewatan yang menjadi isu utama projek LCS ini, adalah disebabkan oleh ketiadaan keputusan daripada Yang Berhormat Menteri Pertahanan ketika itu, iaitu Yang Berhormat Sembrong terhadap permohonan *extension of time* dan perubahan spesifikasi peralatan ataupun *variation order* bagi peralatan yang dikemukakan oleh BNS pada Januari 2018.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Selama 30 saat lagi Yang Berhormat, rumuskan.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Jadi, masalah projek LCS ini nilainya ialah sebanyak RM9.1286 bilion. Di dalam pendengaran yang kita buat di dalam jawatankuasa terpilih dan sebagainya, secara umumnya boleh diputuskan projek ini tidak boleh diteruskan tanpa ada suntikan lagi daripada kerajaan. Ini bermakna kerajaan kena tambah lagi wang. Implikasinya adalah besar.

Pertama, dari segi keselamatan negara kerana keperluan TLDM terhadap kapal LCS ini. Kedua, kebajikan anggota dan veteran tentera kerana LCS ini melibatkan BNS yang dimiliki oleh Boustead Heavy Industries Corporation Berhad (BHIC) dan juga dengan LTAT secara langsung yang menyebabkan ini akan memberi kesan kepada LTAT yang merupakan wang persaraan untuk anggota tentera.

Ketika— saya habis sikit lagi perenggan terakhir, ketika Pakatan Harapan mentadbir, Jawatankuasa Siasatan, Tabir Urus, Perolehan dan Kewangan Kerajaan (JKSTUPKK) yang diketuai oleh Tan Sri Dato' Setia Haji Ambrin bin Buang telah menyiasat kes ini dengan mendalam. Setiawangsa ingin bertanya, apakah status keputusan Jemaah Menteri dalam isu kapal LCS pada hari ini. Kedua, adakah sebarang tindakan akan diambil sekiranya didapati wujudnya salah guna kuasa yang menyebabkan kita terpaksa menanggung satu kos yang besar dalam isu LCS. Jadi, sekian sahaja perbincangan daripada Setiawangsa, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Setiawangsa. Seterusnya saya ingin menjemput Yang Berhormat Bukit Bendera kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Jerantut. Silakan selama 20 minit.

4.19 ptg.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana diberi peluang untuk menyertai perbincangan Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Tuan Yang di-Pertua, seperti sedia maklum *global pandemic* untuk COVID-19 telah memberikan cabaran besar kepada ekonomi Malaysia. Isu-isu yang telah dibangkitkan Dewan ini seperti pengangguran *unemployment* dan juga *underemployment* merupakan isu-isu meruncing yang perlu ditangani. Kadar pengangguran telah sudah mencecah kepada 5.3 peratus pada bulan Mei 2020 berbanding 3.2 peratus pada bulan Januari 2020.

■1620

Angka 5.3 peratus ini belum lagi sampai kepada *peak* ataupun tertinggi. Ada ahli ekonomi menjangkakan akan mencecah melebihi angka enam peratus pada bulan yang akan datang. Walaupun subsidi upah dilaksanakan, terdapat rungutan daripada majikan bahawa program ini sudah kehabisan dana. Isu ini bertambah runcing apabila dijangka melebihi 51,000 graduan tahun ini akan masuk ke alam pekerjaan.

Saya berprihatin terhadap dua kumpulan umur yang bakal menganggur, khasnya *youth unemployment* iaitu mereka yang dalam *bracket* 15 tahun sampai 24 tahun yang mula-mula memasuki alam pekerjaan dan juga mereka yang *middle-age* ataupun umur pertengahan yang sudah mempunyai komitmen keluarga serta mempunyai pinjaman perumahan ataupun kereta, kenderaan dan sebagainya yang perlu dibayar.

Moratorium *loan* yang akan tamat pada akhir bulan September ini, apakah langkah tambahan. Saya ingin meminta Yang Berhormat Menteri Kewangan, apakah langkah tambahan kerajaan untuk membantu golongan yang menganggur yang begitu besar angkanya akibat pandemik COVID-19.

Sama ada subsidi upah akan terus diberikan ataupun moratorium dilanjutkan. Inilah persoalan yang ditanya-tanya oleh masyarakat di luar. Mampu kah ekonomi kita mempunyai *resilient* ataupun daya tahan terhadap kluster-kluster baharu untuk COVID-19 ini. Pelbagai bantuan yang diberikan oleh kerajaan melalui program PRIHATIN, PRIHATIN 2 dan PENJANA perlu benar-benar *accessible* ataupun sampai kepada rakyat jelata, industri SME, pekerja dan majikan dan bukan setakat dalam bibir, mulut ataupun *lip service*.

Tuan Yang di-Pertua, Dana Jamin Nasional Berhad telah menawarkan RM50 bilion dalam bentuk *loan guarantee* untuk membantu syarikat meraih dana untuk *working capital*. *Minimum loan size* ialah RM20 *million*. Hanya syarikat-syarikat besar termasuk *listed company* memenuhi syarat-syarat yang disenaraikan Dana Jamin Nasional Berhad. SME tidak dapat memenuhi siling ini dan tidak dapat menikmati dana *loan guarantee* oleh Dana Jamin Nasional Berhad.

Industri Kecil dan Sederhana (SME) hanya dapat memohon *Special Relief Facility* ataupun SRF dan banyak permohonan untuk kategori SRF. Menurut SME Association Malaysia, terdapat 900 ribu SMEs dalam negara kita. Antara 300 ribu SMEs memenuhi kelayakan memohon *Special Relief Facility* ataupun SRF tetapi kelulusan hanya melebihi 20 ribu permohonan sahaja. Begitu juga dengan SOCSO, subsidi upah, *Employment Retention Program* yang kekurangan dana menyebabkan ada permohonan-permohonan tidak dapat diproses.

Saya meminta Yang Berhormat Menteri Kewangan memberikan laporan penilaian terhadap Program-program Dana Jamin SRF, Bantuan PRIHATIN, PRIHATIN 2 dan PENJANA dari segi bukan sahaja jumlah kelulusan tetapi peratusan kejayaan dan juga peratusan kegagalan ataupun permohonan-permohonan yang tidak diproses dan permohonan-permohonan yang ditolak. Ini kerana terdapat rungutan daripada SMEs, industri, majikan dan pekerja kerana permohonan mereka tidak diproses ataupun ditolak.

Tuan Yang di-Pertua, kita memahami cabaran ekonomi yang dihadapi oleh Malaysia. Oleh itu, Malaysia perlu mengambil langkah dan polisi yang *pro-jobs, pro-investment* supaya ekonomi kita dapat dijana kepada peringkat yang dinamik. Saya menerima aduan daripada pemohon-pemohon dan operator Malaysia My Second Home Program (MM2H) berkenaan pengumuman terbaharu daripada Kementerian Kebudayaan, Pelancongan dan Kesenian (MOTAC).

MOTAC telah mengumumkan penutupan kaunter MM2H dan penangguhan semua permohonan sehingga akhir tahun 2020. MM2H ialah satu program yang menawarkan *long-stay pass* sepanjang 10 tahun untuk *multiple entry visa* kepada mereka yang layak. Ini bukan *permanent residency* ataupun kewarganegaraan. Ia adalah satu program yang boleh menggalakkan pelancong-pelancong ataupun yang berminat untuk menghuni di Malaysia dalam jangka masa panjang. Dengan ini boleh belanja di Malaysia dan melabur dalam pelbagai seperti hartanah, perbankan dan sebagainya.

Kebaikan MM2H tidak dapat dinafikan, dalam tempoh 18 tahun ini, seramai 39 ribu pemohon telah berjaya membawa RM40.6 bilion dalam menjana Malaysia untuk pelbagai industri perbankan, hospital swasta, sekolah antarabangsa dan pelbagai sektor perkhidmatan. Dalam tahun 2018, dijangka peserta MM2H *participants* membelanjakan RM4.4 bilion setahun dalam pelbagai perbelanjaan.

Dukacita dinyatakan bahawa pemohon-pemohon dari September hingga November 2019, kadar penolakan- *reject rate* ialah 90 peratus. Peratusan *reject* yang tinggi dan pembekuan program ini telah menyebabkan potensi pelaburan program ini berkurangan dan negara-negara lain seperti Thailand mendapat manfaat kerana pemohon-pemohon telah beralih kepada negara-negara lain. Industri MM2H konsultant juga mempunyai lebih 250 syarikat di seluruh Malaysia dengan tumpuan di bandar-bandar besar seperti Lembah Klang, Pulau Pinang dan juga di Johor Bahru.

Di kawasan-kawasan Parlimen Bukit Bendera, MM2H ialah ramai. Saya jangkakan melebihi 5,000 orang peserta dan menyumbang kepada *local economies* kerana mereka menghuni di kawasan-kawasan Tanjung Bungah, Batu Feringghi dan Pulau Tikus di kawasan Parlimen Bukit Bendera. Mereka juga apabila permohonan baharu ditolak, tidak diberikan alasan. Ini menimbulkan *trust deficit* terhadap pentadbiran di Malaysia.

Oleh itu saya ingin menyeru supaya kerajaan menangani masalah ini dengan secepat mungkin. Kerajaan boleh menyemak semula prosedur tetapi perlu ada *clarity* dan *certainty* dalam program ini. Semakan boleh dilakukan serta-merta dalam masa sebulan dan tidak, bukan sehingga akhir tahun. Had masa untuk mereka datang melapor di Malaysia boleh ditingkatkan dari sebelum ini dalam masa enam bulan kepada satu tahun dan boleh dilanjutkan berdasarkan permohonan dan budi bicara kementerian.

Saya rasa penutupan kaunter, kadar penolakan yang tinggi dan pemohon-pemohon dikembalikan dokumen-dokumen mereka, bukanlah satu *signal* yang baik dan memudaratkan usaha mempromosikan pelancongan yang telah dijalankan. MOTAC selalu menyatakan mengalu-alukan pelancong untuk ke Malaysia tetapi saya rasa kita perlu melihat semula kepada pengumuman baru-baru ini oleh MOTAC bahawa kaunter ditutup dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi pelancongan juga, program Penjana Tourism Financing (PTF) yang mempunyai peruntukan RM1 bilion, saya meminta Yang Berhormat Menteri MOTAC memberikan laporan terkini kepada Dewan ini berkenaan dengan Penjana Tourism Financing. Ini kerana di kawasan saya mempunyai industri perhotelan yang banyak dan ramai pekerja industri perhotelan menghadapi masalah, sama ada upah dikurangkan ataupun diberhentikan.

Apabila Yang Berhormat Menteri menyatakan kadar penghunian perhotelan 75 peratus hingga 100 peratus, saya rasa kurang yakin dengan angka yang diberikan. Mungkin satu dua hotel dapat pada satu-satu hari minggu boleh mencapai kepada angka 75 peratus tetapi maklumat daripada industri perhotelan bahawa apa yang penting ialah purata kadar penghunian (*average occupancy rate*), bukan kepada satu-satu hari sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyebut tentang satu hal iaitu kita masih belum lagi dibentangkan- kerajaan Perikatan Nasional telah gagal dan belum membentangkan pindaan *legislation* dalam masa terdekat berkenaan dengan COVID-19 (Langkah Sementara) ataupun COVID-19 (*Temporary Measurement Bill*). Belum lagi bacaan pertama, belum lagi nampak bacaan pertama dan sebagainya, walaupun kita telah umum *lockdown* pada 18 Mac 2020 sampai sekarang sudah empat bulan.

■1630

Di Australia, COVID-19 Emergency Response Act 2020 telah efektif pada 14 Mei. Di *United Kingdom*, *UK Coronavirus Act 2020* telah efektif pada 25 Mac. Di Singapura, COVID-19 (Temporary Measures) Bill telah efektif pada 20 April. Kita sudah kerugian *Parliamentary time* yang sepatutnya kita bermesyuarat pada bulan Mac, Mei dan boleh membentangkan *amendment* pindaan legislatif untuk membantu menyelesaikan isu-isu perundangan yang timbul akibat pandemik COVID-19 ini.

Walaupun selepas empat bulan selepas PKP *lockdown*, belum bentang lagi *First Reading*. Sekiranya ia dibentangkan sekarang juga, ia hanya menjadi undang-undang apabila pada bulan September iaitu selepas kelulusan Dewan Rakyat dan Dewan Negara dan juga perkenan Yang di-Pertuan Agong. *So, we cannot further delaying this bill*. Kita tidak boleh melengah-lengahkan *bill* ini kerana akan membantu menyelamatkan syarikat, menyelamatkan kerja dan juga *cutting the massive litigation cost* dan juga sebagainya.

Saya menerima beberapa aduan Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan lelongan yang dilakukan oleh mahkamah. Satu seksyen 257(1)(g) Kanun Tanah Negara menyatakan, dengan izin, *the balance of the purchase price shall be settled on any date not later than 120 days from the date of the sale and that there shall be no extension of the period so specified*. Dalam seksyen (h) ini *non-payment of the balance of the purchase price within 120 days deposit shall be forfeited*.

Aduan yang saya terima perintah jualan *successive bidder* yang berjaya dalam perintah jualan mahkamah pada 7 Januari tetapi apabila *lockdown* berlaku pada 17 Mac 2020 orang pengadu telah memohon pinjaman bank untuk pembayaran hartanah tetapi tidak perlu *complete loan document, facilities documents, presentation, caveat* dan sebagainya- MCO dilaksanakan. Dalam kes ini yang perintah mahkamah- MCO yang dikuatkuasakan di bawah Akta Pencegahan Penyakit Berjangkit 1984 telah mengakibatkan pelaksanaan kewajipan mustahil dan *stopkan* pelaksanaan prosedur biasa yang boleh dijalankan.

Kes Mahkamah Tinggi Malaya Pulau Pinang Saman Pemula nombor PAZ4NCVC250-05 Tahun 2020, mahkamah memutuskan berpandukan kepada undang-undang yang sedia ada, rayuan lanjutan masa ditolak. Bukan satu kes sahaja, tetapi beberapa kes lagi yang mengadu kepada saya kerana bank melucutkan deposit 10 peratus untuk hartanah yang bernilai melebihi RM300 ribu maksudnya pengadu hilang 10 percent daripada deposit RM30 ribu. Ini merupakan satu *lifetime saving* bagi ahli keluarga untuk beli rumah dan hartanah yang mereka suka melalui lelong.

Oleh sebab tiada campur tangan pindaan undang-undang di Parlimen, tiada COVID-19 (*Temporary Measurement Bill*) maka *judicial hands, they are tied*. Bank juga mengikut perintah mahkamah dan tidak mempertimbangkan rayuan pembeli-pembeli yang ingin meneruskan pembelian hartanah. Saya meminta supaya Rang Undang-undang COVID-19 (Langkah Sementara) hendaklah diberikan prioriti tinggi dengan *certificate of urgency* mendahului urusan-urusan lain dalam persidangan Parlimen ini.

Saya minta Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab untuk urusan undang-undang untuk mengemukakan pindaan semakan terhadap seksyen 257 subseksyen (1)(g) Kanun Tanah Negara supaya wang deposit tidak dilucutkan oleh bank-bank. Saya meminta juga Bank Negara memberikan arahan kepada bank-bank apabila terdapat kes-kes perintah jualan melalui mahkamah masa 120 hari ini boleh hendaklah diberikan sama ada pemulangan deposit kepada pengadu-pengadu ataupun pengurusan *sale* itu.

Ini perlu, Rang Undang-undang COVID-19 (Langkah Sementara) ini juga perlu merangkumi aspek-aspek seperti *winding up proceedings, higher threshold* dan tempoh lebih lama untuk kes-kes insolvensi dan pindaan terhadap Akta Syarikat untuk menyelamatkan syarikat daripada *cash-flow issue* dan dengan ini menyelamatkan pekerjaan dan juga *saving jobs*.

Seperti yang saya kata tadi, kita sudah kehilangan masa yang sepatutnya kita boleh bermesyuarat pada bulan Mac, Mei tetapi sampai sekarang kita tidak masih belum nampak bil ini. Ini satu contoh yang setelah saya nyatakan terhadap 120 hari perintah jualan melalui lelongan yang pengadu-pengadu telah hilang wang deposit atas tindakan bank ini. Saya meminta supaya perkara ini diberikan pertimbangan kerana bukan satu kes sahaja. Saya difahamkan sekurang-kurangnya 10 kes di- *I mean* saya terima lebih kurang 10 kes berkenaan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, *World Bank* menjangkakan *global recession* pada tahun 2020 merupakan paling dalam *dippers* dalam masa lapan dekad iaitu paling teruk sejak Perang Dunia Kedua. Saya ingin mendengar strategi-strategi tambahan oleh kerajaan menangani *massive unemployment deep recession* ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menerima maklum balas daripada pihak Persatuan Pelelong Pulau Pinang berkenaan dengan urusan lelong di Mahkamah Tinggi Malaya. Mantan Yang Berhormat Menteri JPM yang bertanggungjawab berkenaan undang-undang telah memberitahu di dalam Dewan ini pada 28 November 2019 bahawa kerajaan akan menambahbaikkan sistem e-Lelong yang dilaksanakan di Mahkamah Tinggi dengan mempertimbangkan sistem *hybrid* iaitu *best of both worlds*, e-Lelong bersama dengan khidmat ejen pelelong.

Saya ingin bertanyakan Yang Berhormat Menteri sama ada cadangan hibrid ini boleh dilaksanakan di Mahkamah Tinggi walaupun automasi adalah kebaikan, kita perlu juga melihat kepada peluang pekerjaan yang hilang akibat automasi sepenuhnya. Saya meminta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri JPM.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang ingin saya bangkitkan adalah *reform of Parliament*. Saya menanyakan sama ada *Parliamentary Services Act* akan diberikan *priority*. Saya minta supaya perkara ini penting hendaklah diberikan *priority*. Begitu juga *Select Committees* yang telah *paralyzed*, yang telah lumpuh sejak Mac sehingga sekarang.

Begitu juga dengan *Public Accounts Committee* (PAC) yang telah *paralyzed* melebihi 150 hari sejak Mac sampai sekarang. *Time is of the essence*, bagaimanakah Parlimen boleh melakukan *checks and balances* sekiranya PAC dan juga 10 *Select Committees* tidak diberi fungsi untuk bertugas. Keadaan ini telah berlanjutan daripada 1 Mac sehingga kini melebihi 140 hari. Apakah hala tuju *reform of Parliament*? Saya minta supaya diberikan penjelasan.

Satu perkara yang ingin saya nyatakan dan bangkitkan iaitu Sungai Perak Raw Water Transfer Scheme merupakan satu projek untuk negeri-negeri – negeri Pulau Pinang dan juga utara Perak yang akan memastikan bekalan air untuk Perak dan Pulau Pinang untuk 30 tahun yang akan datang menjelang sehingga tahun 2050.

Saya meminta Kerajaan Persekutuan dan Majlis Air Negara untuk mengambil langkah-langkah proaktif untuk membiayai projek *interstate water transfer* ini dan membiayai sebahagian projek ini. Saya ingin meminta maklum balas daripada Yang Berhormat Menteri Alam Sekitar dan Air.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tinggal 10 saat lagi Yang Berhormat. Minta...

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin membuat penggulungan. Pada masa akan datang, dua trend utama yang perlukan polisi respons daripada kerajaan iaitu berubahnya landskap perhubungan pekerjaan. Ramai dalam mempunyai kerja sendiri, *gig economy* dan sebagainya. Golongan ini perlu mempunyai *social security net* yang lebih kukuh dan perlu semakan semula undang-undang perburuhan.

Begitu juga *ageing population*. *Population* yang berumur. Maklumat daripada KWSP pencarum KWSP yang mencapai umur 54 tahun, tiga perempat mempunyai simpanan KWSP di bawah RM250 ribu. Untuk golongan wanita, angka ini lebih rendah. Saya minta kerajaan mengadakan satu *ageing population blueprint* dengan *populace response* untuk jangka masa panjang.

Dengan ini sekian ucapan saya mengenai dengan usul titah. Terima kasih.

■1640

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Bendera. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Jerantut. Masa 20 minit.

4.40 ptg.

Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera.

Terima kasih sekali lagi Tuan Yang di-Pertua kerana turut memberi peluang kepada saya sama-sama mengambil perbahasan mengenai dengan Titah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ketika merasmikan Penggal Ketiga Parlimen Keempat Belas pada 18 Mei 2020.

Tuan Yang di-Pertua, seperti rakan-rakan yang lain, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua iaitu Yang Berhormat Datuk Azhar Azizan Harun dan Yang Berhormat Dato' Sri Azalina Othman Said kerana kedua-duanya telah dipilih sebagai Yang di-Pertua dan juga Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat yang baharu. Mudah-mudahan mereka dapat menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan sebaik mungkin untuk negara kita. Tahniah! Terima kasih.

Juga saya ingin merakamkan tahniah dan terima kasih kepada kerajaan, kepada barisan hadapan dan seluruh rakyat Malaysia yang telah berjaya menangani bersama kes COVID-19 yang telah melanda seluruh dunia termasuk juga negara kita Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin merakamkan ucapan setinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Pagoh kerana telah diberikan amanah untuk menerajui Kerajaan Perikatan Rakyat. Seperti mana yang telah kita ketahui, terbentuknya Kerajaan Perikatan Rakyat ini apabila... [Disampuk] *Sorry*. Perikatan Nasional ini terbentuknya hasil daripada ranapnya Kerajaan Pakatan Harapan.

Pada hemat saya, walaupun pelbagai celaan, tohmahan yang telah diberikan kepada Perikatan Nasional ini yang kata adalah 'kerajaan tebuk atap' dan sebagainya, saya ingin mengulangi bahawa pada hemat saya, kejatuhan Kerajaan Pakatan Harapan bukanlah angkara saya dan rakan-rakan di sini. Saya seperti mana rakan-rakan yang lain memang kita sudah bersedia menjadi pembangkang sehingga tarikh Pilihan Raya Ke-15 yang akan datang.

Walaupun bagaimanapun, oleh sebab terlalu banyak tohmahan-tohmahan yang diberikan, maka saya ingin mengingatkan sekali lagi kepada rakan-rakan kita semua di sini iaitu kejatuhan Pakatan Harapan bukanlah berpunca daripada kita tetapi sebenarnya mungkin perebutan jawatan-jawatan utama di kalangan mereka sendiri.

Kedua, peletakan jawatan Yang Berhormat Langkawi seperti mana yang telah dititahkan oleh Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah didengari oleh kita semua dan seluruh rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak baca teks Titah ini, "*Pada 24 Februari 2020 yang lalu, naratif landskap politik negara telah sekali lagi digegarkan menerusi peletakan jawatan Perdana Menteri Malaysia yang ketujuh*"- ketika itu Yang Berhormat Langkawi- "*Peletakan jawatan Perdana Menteri Ketujuh sekitar jam 5 petang. Pada hari yang sama, Beta telah berkenan menerima menghadap Yang Berhormat Tun Dr. Mahathir bin Mohammad, dan dalam pertemuan tersebut, Beta telah meminta Yang Berhormat Tun Dr. Mahathir bin Mohammad untuk tidak meletak jawatan. Namun, beliau tetap dengan keputusannya.*"

Jadi, saya harap, Tuan Yang di-Pertua, tidak payahlah kita panjang-panjang lagi cerita ini. Walaupun saya teringat ada di antara kita yang menafikannya tentang teks ucapan ini, seperti mana contoh Yang Berhormat Shah Alam yang kata Yang Berhormat Langkawi tidak letak jawatan semasa ucapan dia pada 17 Julai 2020.

Tuan Yang di-Pertua, saya bimbang apabila ucapan kita dalam Dewan ini didengari, diketahui oleh rakyat di luar sana, seolah-olah kita ini menggalakkan, mengembangkan semangat anti institusi beraja di negara kita. Sebagai contoh, dalam peristiwa yang terbaharu yang berlaku di Shah Alam, ini mungkin angkara rasa tidak puas hati, rasa tidak hormati kepada pemimpin negara termasuk Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Jadi, pada saya, kebijaksanaan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong menangani kes ini sepatutnya mendapat sanjungan daripada rakyat. Semua MP tahu, kita dititahkan menghadap untuk memilih siapa yang kita hendak untuk dipilih sebagai Perdana Menteri. Tidak seorang daripada kita dalam Dewan ini dikecualikan. Kalaulah- saya hendak ulangi kerana sebelum ini saya pernah bercakap. Kalaulah semua MP PH pada ketika itu memilih satu sahaja iaitu Yang Berhormat Langkawi sebagai Perdana Menteri, tidak mungkin Kerajaan Perikatan Nasional terbentuk pada hari ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kemudian dengan kebijaksanaan masa Tuanku panggil kita, Tuanku tidak mempengaruhi kita langsung. Kita kena berlaku jujur dan ikhlas, pada saya, termasuk diri saya sendiri. Menghadap Tuanku, Tuanku suruh kita tulis siapalah yang hendak kita tuliskan, siapa yang hendak kita cadangkan tanpa campur tangan Baginda.

Akan tetapi apabila kita mengaitkan institusi diraja, mengaitkan Ke Bawah Duli Tuanku seolah-olah sengaja memilih Yang Berhormat Pagoh sebagai Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang kelapan, maka saya rasa itu satu pembohongan yang nyata apatah lagi kalau ia dibuat di dalam Dewan yang mulia ini.

Kemudian dengan kebijaksanaan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk kestabilan negara, kestabilan politik negara, Baginda telah melantik Yang Amat Berhormat Pagoh sebagai Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru agar semua pihak termasuk kita MP dalam Dewan ini berhati-hati mengeluarkan sebarang kenyataan. Dibimbangi secara tidak langsung kita turut sama menyemarakkan perasaan menentang institusi Diraja macam saya katakan tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Jerantut, ada permintaan.

Dato' Seri Utama Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun]: Mohon izin.

Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Sila.

Dato' Seri Utama Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Jerantut. Saya mendengar ucapan Yang Berhormat Jerantut dengan penuh teliti. Sedarkah atau setuju atau tidak Yang Berhormat Jerantut bahawa seorang Perdana Menteri itu tidak boleh kekal dalam jawatannya sekiranya ia hilang sokongan majoriti dalam Dewan seperti mana yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan ini iaitu Perkara 43(4)? Kalau boleh saya bacakan, singkat sahaja, *"Jika Perdana Menteri tidak lagi mendapat kepercayaan majoriti Ahli Dewan Rakyat, maka Perdana Menteri hendaklah meletakkan jawatan Jemaah Menteri melainkan jika atas permintaannya Parlimen dibubarkan oleh Yang di-Pertuan Agong."*

Jadi, sedarkah Yang Berhormat Jerantut bahawa sehari sebelum Yang Berhormat Langkawi meletak jawatan sebagai Perdana Menteri, malam sebelum itu berlaku apa yang dikenali sebagai *'Langkah Sheraton'* di mana tidak kurang 30 orang Ahli Parlimen daripada Pakatan Harapan melompat ke pihak Perikatan Nasional? Maka mengikut Perlembagaan ini, Perdana Menteri sudah tentunya dan seharusnya meletak jawatan apabila kehilangan sokongan majoriti itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Jerlun. Sila Yang Berhormat Jerantut.

Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Terima kasih. Saya baca teks ini dan saya menganggapkan bahawa tidak timbul isu seperti yang Yang Berhormat Jerlun perkatakan tadi.

Walau bagaimanapun, bagi saya, *point* yang pentingnya ialah apabila Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku meminta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada ketika itu iaitu Yang Berhormat Langkawi untuk meneruskan jawatan tetapi tidak seperti mana yang diminta oleh Ke Bawah Duli Tuanku, maka jadilah peristiwa seperti sekarang

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin pindah kepada tajuk lain. Terima kasih Yang Berhormat Jerlun.

Pada 20 Julai 2020, Yang Berhormat Jelutong menyatakan Kerajaan Negeri Kedah memusnahkan kuil. Jadi, kenyataan ini seolah-olah semua kuil dimusnahkan.

■1650

Sepatutnya kita menyatakan sebuah kuil di mana dan kita siasat apakah status kuil itu, sama ada di tanah kerajaan atau dibuat permohonan secara rasmi ataupun tidak, supaya saya hendak kaitkan tadi kenyataan kita ini tidak semata-mata bermaksud politik kerana kita juga berperanan dalam membina kenegaraan kita. Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Yang Berhormat, minta laluan sebelum pergi ke topik lain. Di belakang, tentang kuil.

Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Cukuplah, kuil ini. Saya hendak cakapkan kuil ini maksudnya kita jangan menyemarakkan semangat antiagama antara agama.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Bukan antiagama.

Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Ini yang paling penting.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Kuil itu 100 tahun.

Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Cukuplah. Cukup, cukup, cukup.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Jangan tuduh-tuduh...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Padang Serai. Sila.

Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Terima kasih Yang Berhormat Padang Serai kerana tidak mengikut peraturan. Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak mengucapkan tahniah kepada Menteri-menteri yang dilantik termasuk Timbalan-timbalan Menteri. Akan tetapi saya hendak mengingatkan kepada mereka, Menteri, Timbalan Menteri tidak banyak beza dengan rakan-rakan kita Ahli Parlimen...

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Pengerusi GLC juga.

Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: ...Kerana kita ini dipilih oleh rakyat, maka saudara-saudara Ahli-ahli Yang Berhormat, Menteri-menteri dan Timbalan Menteri kenalah memberikan khidmat yang terbaik kepada rakyat.

Ingat, ini adalah amanah bukannya habuan. Walaupun kerajaan ini masih baru, pembentukan Perikatan Nasional masih baru. Kita masih lagi tengah saling memahami ibarat macam orang baru kahwin tetapi kita kahwin ini bukan kahwin anak dara, kahwin dengan janda. Minta maaf rakan-rakan MP perempuan.

Maknanya, banyak pihak yang perlu kita jaga. Banyak pihak yang perlu beri perhatian. Jangan buat kenyataan-kenyataan sembarangan supaya kita fokus kepada masalah-masalah yang berkaitan dengan rakyat. Jadi dengan harapan agar kerajaan yang dibentuk pada hari ini dapat dilihat oleh rakyat sama ada kerajaan ini berwibawa atau tidak sehingga Pilihan Raya Ke-15 nanti.

Rakyat sudah ada pengalaman diperintah oleh Barisan Nasional selama 60 tahun, diikuti oleh Pakatan Harapan selama 22 bulan dan ini Kerajaan Perikatan Nasional. Apabila pilihan raya sama ada bulan depan, sama ada bulan Oktober, bulan November, bulan Disember, kita *ready* pada bila-bila masa demi kebaikan dan kesejahteraan rakyat. *Anytime* hendak buat pilihan raya, *insya-Allah* saya masih bersedia.

Tuan Yang di-Pertua, masa tinggal tujuh minit, saya hendak menyentuh beberapa isu mengenai dengan kementerian sahaja. Pertamanya ialah Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Tahniah kepada KPLB yang telah menjalankan banyak perkara mengenai pembangunan rakyat. Cuma sedikit kerisauan saya ialah saya ingin hendak bertanya kepada pihak kerajaan khususnya RISDA. Sekarang ini bantuan tanam semula telah pun ditamatkan oleh kerajaan yang lalu, apakah kerajaan hari ini bersedia untuk membantu rakyat khususnya pekebun-pekebun kecil dengan memberi balik geran bantuan tanam semula agar para pekebun kecil tidak terus dihimpit dengan masalah untuk menyelenggarakan kebun-kebun mereka.

Saya juga mengharapkan agar pihak RISDA, kalau mungkin sekarang ini telah pun menutup kaedah tanam semula secara integrasi iaitu dengan tanaman-tanaman lain terutamanya tanaman-tanaman kontan yang boleh memberikan pendapatan segera kepada para pekebun kecil, boleh membantu meningkatkan pendapatan mereka semasa mereka menunggu getah boleh ditoreh. Jadi, harap kalau program ini telah dihentikan, kembalikanlah semula kaedah ini supaya para pekebun kecil kita mampu meraih pendapatan sementara menunggu kebun berhasil. Saya juga ingin bertanya...

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Yang Berhormat Jerantut...

Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Kepada....

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Boleh?

Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Sedikit sahaja tinggal enam minit. Sila Yang Berhormat Jempol.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Tadi Yang Berhormat Jerantut ada menyatakan bahawa tanam semula tidak ada peruntukan lagi. Ia ada dua. Saya mohon supaya benda ini dapat pembetulan, yang tidak ada tanam semula bantuan adalah kelapa sawit, getah masih ada lagi bantuan tanam semula. Jadi, adakah perkara ini dimaksudkan sawit?

Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Semua jenis yang ada itu kita bagi semula tidak kiralah sawit kah, getah kah, koko kah, bagi balik bantuan yang telah tertahan itu. Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Jempol.

Saya ingin bertanya Tuan Yang di-Pertua, apakah bantuan Pinjaman Pendidikan MARA bagi anak-anak kita khususnya kaum Melayu bumiputera ini dapat ditambah dalam Bajet 2020 dan ke depannya?

Seperkara lagi tentang isu Kementerian Pertanian dan Industri Makanan. Saya ingin bertanya, apakah status yang dijalankan oleh kementerian mengenai hendak menjamin bekalan makanan negara kita mencukupi. Semasa isu COVID-19, ramai yang hilang pekerjaan dan mereka bertukar ke arah pertanian. Mungkin tanam sayur dan sebagainya. Apabila mereka ini ramai-ramai pergi melibatkan diri dalam aktiviti pertanian sampingan ini, maka akan berlaku lambakan di pasaran.

Saya hendak minta tolong khususnya kementerian di bawah FAMA agar mereka ini mampu membantu para penanam, pekebun-pekebun kita ini agar dapat menangani kejatuhan harga apabila berlaku lambakan. Pihak FAMA jangan hanya ambil barangan mereka ini, jual berdasarkan harga pasaran kemudian bayar setelah barang laku, kesian kepada petani ini. Kalau satu ketika dahulu mereka tanam timun harga RM4, tiba-tiba jatuh 40 sen, jadi sepatutnya FAMA ambil dengan harga lantai RM1 atau RM2 kemudian juallah, buat lah kempen dan sebagainya agar para petani ini dapat kita bantu.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya terlupa satu kementerian yang saya anggap penting juga untuk kita iktiraf peranan warga kerja di Kementerian Luar Negeri yang mungkin kita terlupa kita kata barisan hadapan dalam negara, para petugas kita di Kementerian Luar khususnya yang berada di luar negara telah membantu rakyat Malaysia di luar negara dengan memudahkan urusan pergerakan mereka untuk balik ke tanah air. Ini patut kita juga memberi tahniah kepada Menteri, warga kementerian di Wisma Putra dan pegawai-pegawai kita di luar bandar. Mereka ini seolah-olah hero yang tidak didendangkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan, ada tiga minit lagi, hendak merakamkan tahniah kepada Menteri Dalam Negeri yang telah menyatakan dengan tegas mengenai dengan kad pengenalan palsu. Saya mengharapkan isu kad pengenalan ini wajar dibanteras sehingga ke lubang cacing sekalipun kerana ia mengancam keselamatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, ada baki sedikit lagi ini saya hendak mohon untuk kawasan. Pertamanya, saya hendak memohon kepada Kementerian Kerja Raya agar menaik taraf jalan simpang Padang Piol-Sungai Retang FT1508, seksyen 0.00-2.0. Simpang ini sangat penting, simpang menghala ke Taman Negara, salah sebuah pusat pelancongan yang terkenal di negara kita ini. Simpangnya kecil sangat, apabila hendak keluar sesak, para pelancong khususnya dari luar negara komen kepada kita. Pembangunan negara yang lain bagus tetapi simpang hendak keluar daripada pusat peranginan terlalu kecil. Dia *condemn*, perlekehkan kita. Jangan kerana perkara kecil ini, jadi saya harap kementerian berilah pertimbangan.

Keduanya ialah kepada KPKT. Menteri ada di sini, tahniah Yang Berhormat Menteri komited. Harap komitedlah beri balai bomba, tidak payah besar gred D pun tidak apa di Taman Negara ini kerana ia jauh daripada Bandar Jerantut. Ia pusat peranginan, kalau berlaku sesuatu, berlaku kemalangan hendak panggil bomba daripada Jerantut lebih kurang 80 kilometer hendak datang tentulah lambat sampai. Sekali lagi kerajaan diperlekehkan kerana anggota bomba lambat sampai. Jadi harap Yang Berhormat Menteri memberi perhatian kepada isu ini. Saya yakin Yang Berhormat Menteri boleh bagi, dia mengganggu nampaknya.

Kepada Kementerian Dalam Negeri, isu keperluan balai polis IPD baru di Jerantut kerana IPD sedia ada ini dibina tahun 1977. Saya sudah membangkitkannya dalam penggal lalu kata tidak ada duit, kalau tidak ada duit carilah jalan, yang pentingnya IPD ini perlu dibina kerana kemudahan-kemudahan pegawainya tidak selari dengan perkembangan semasa Bandar Jerantut sekarang. Bilik-bilik siasatan, bilik-bilik kawat cam terpaksa pergi ke Daerah Maran menumpang, daif sangat gayanya.

■1700

Jadi, saya harap Kementerian Dalam Negeri berilah perhatian, juga kemudahan pondok polis di Taman Negara. Sebagai kawasan pelancongan, sekurang-kurangnya ditambah anggotanya sesuai dengan kawasan pelancongan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tinggal 20 saat lagi Yang Berhormat.

Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua ingatkan saya, *insya-Allah* saya cuba menepati masa. Terakhirnya, walaupun banyak lagi tidak sempat ini. Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, tahniahlah kepada semua yang terlibat dalam menangani COVID-19. Mudah-mudahan Allah merahmati kita. *Wallahua'lam. Wabillahi taufik walhidayah, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Jerantut. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Kubang Pasu, kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Hulu Langat.

5.00 ptg.

Dato' Ir Haji Amiruddin bin Hamzah [Kubang Pasu]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi peluang dan ruang untuk saya turut mengambil bahagian buat pertama kalinya. Terima kasih kepada kerajaan tebuk atap yang memungkinan ini berlaku di dalam perbahasan Titah Diraja ini.

Saya ingin memulakan perbahasan dengan menekankan peri pentingnya Ahli-ahli Dewan yang telah diberi mandat oleh rakyat di kawasan masing-masing untuk membawa mandat tersebut dengan penuh integriti dan jangan sekali-kali merubah mandat tersebut dengan apa harga sekali pun termasuk menolak sebarang bentuk rasuah sama ada dalam bentuk kebendaan atau jawatan yang dapat kita lihat berlaku mutakhir ini.

Saya bersama rakan-rakan di blok Bebas, pembangkang, ingin mengulangi komitmen kami untuk mendukung semangat dan prinsip integriti bagi mempertahankan agama, menjunjung tinggi sistem demokrasi, memperkasa bangsa, membina negara dan berjanji setia untuk menolak rasuah secara total, melawan salah guna kuasa dan membina budaya baharu dalam urus tadbir negara dan mencorakkan naratif politik yang lebih segar lagi bugar untuk kita wariskan kepada anak-anak cucu kita di negara Malaysia yang tercinta ini.

Keperluan berintegriti dan cabaran dalam memelihara integriti telah mengaspirasikan Sasterawan Negara, Hajah Zurinah Hassan menghasilkan puisi '*Bunga di Kolam*'. Bila melihat bunga di permukaan sungai atau kolam, maka terfikir kah kita bagaimana bunga itu berkembang dalam warna berbilang atau tetap putih dikelilingi air yang tidak bersih. Demikianlah dalam kehidupan, terlalu banyak perkara yang mencabar. Namun, bagi mereka yang suci hati, akan berjaya memelihara integriti diri. Terimalah '*Bunga di kolam*'.

"Kita sepatutnya belajar dari bunga-bunga di kolam, yang tidak pernah tenggelam. Kita sepatutnya belajar dari kembang teratai, yang berlumpur di tangkai, namun tetap terjulang dalam warna cemerlang. Kita sepatutnya belajar dari kuntum seroja, yang tumbuh di dasar selut dengan kelopak putih lembut. Arus tidak selalu tenteram, sungai tidak selalu jernih, mari belajar dari bunga-bunga kolam untuk mengapung dan bersih".

Di kesempatan ini, saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada barisan hadapan, pertengahan dan juga belakang petugas-petugas COVID-19, daripada pasukan perubatan, perkhidmatan sokongan di hospital dan klinik hinggalah kepada mereka yang memberikan perkhidmatan penghantaran makanan. Perjuangan melawan virus COVID-19 masih belum terhenti. Di dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan ini, harus diingatkan untuk kita semua menjaga etika kebersihan dan penjarakan fizikal seperti yang disarankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, perbahasan pada hari ini saya cerakinkan kepada empat perkara. Pertama, soal ekonomi ketika pandemik dan cadangan berkaitan. Kedua, pemeraksanaan golongan super mikro iaitu peniaga kecil. Ketiga, soal potensi dan masa depan industri kewangan Islam di Malaysia. Terakhir, isu di kawasan saya Kubang Pasu.

Saya ingin membawa Ahli Dewan yang mulia ini menelusuri nadi hidup keadaan rakyat kita. Di dalam bukunya, '*The Colours of Inequality: Ethnicity, Class, Income and Wealth in Malaysia*', Dr. Muhammed Abdul Khalid menyatakan hampir 67 peratus pekerja di Malaysia mendapat gaji kurang RM3,000 sebulan.

Hampir 10 peratus rakyat Malaysia tiada sebarang simpanan untuk menghadapi kecemasan, 53 peratus tidak mempunyai sebarang aset kewangan dan 25 peratus tidak mempunyai sebarang aset hartanah. Ini menunjukkan majoriti rakyat Malaysia akan paling terkesan sekiranya berlaku sebarang krisis ekonomi kerana tidak langsung mempunyai dana kecemasan dan aset yang boleh dicairkan sekiranya pendapatan mereka terjejas akibat pandemik COVID-19 ini.

Tuan Yang di-Pertua, pandemik ini memberikan impak yang sangat besar dalam kehidupan kita. Bukan sahaja kita perlu mengamalkan kebiasaan baharu yang tidak pernah kita lakukan, malah kita sedang menghadapi krisis ekonomi akibat pandemik ini. Kita boleh menilai keadaan ini dengan melihat kepada berapa petunjuk ekonomi sedia ada di dalam dan juga luar negara.

Pertumbuhan KDNK pada suku pertama tahun 2020 hanyalah pada angka 0.7 peratus berbanding 4.5 peratus pada suku pertama pada tahun 2019. Bukan sekadar itu, Bank Negara Malaysia juga telah mengeluarkan jangkaan pertumbuhan KDNK Malaysia pada tahun 2020 hanyalah sekitar di antara penguncupan -2.0 ataupun mungkin kalau berkembang pun hanya 0.5 peratus. Manakala Bank Dunia telah menjangkakan KDNK Malaysia akan menguncup sebanyak 3.1 peratus pada tahun ini dan hanya kembali pulih pada tahun 2021.

Kadar pengangguran, pada Mei 2020 telah menunjukkan angka 5.3 peratus atau seramai 826,100 orang rakyat Malaysia yang terjejas. Sebanyak 53.7 peratus daripada angka ini iaitu 443,616 orang baru sahaja menganggur kurang daripada tiga bulan. Ini bermakna pengangguran baru sahaja meningkat ini tidak lain tidak bukan akibat pandemik ini. Tidak dinafikan intervensi pihak kerajaan dalam memperkenalkan Program Subsidi Upah secara tidak langsung dapat mengurangkan sedikit pertambahan pengangguran.

Bank Negara Malaysia baru-baru ini menurunkan kadar *overnight policy rate* (OPR) dengan izin, sebanyak empat bulan berturut-turut sehingga ke kadar 1.75 peratus. Ini menunjukkan ekonomi kita sedang dalam keadaan perlahan dan polisi monetari ini diambil untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi secara tidak langsung. Pada pendapat saya, impak ekonomi terhadap rakyat ini belum dirasakan sepenuhnya. Ini kerana tempoh moratorium yang masih berbaki masih membantu rakyat dalam menempuhi kehidupan yang sukar ini.

Oleh sebab kesan moratorium ini dilihat sangat membantu rakyat, pada hemat saya, saya senada dengan semua sahabat Yang Berhormat yang lain yang telah pun mencadangkan untuk dilanjutkan moratorium selama enam bulan lagi pada individu yang hilang pekerjaan, terutamanya mereka dalam kalangan B40 dan M40 serta kepada industri-industri yang terjejas teruk yang mengambil masa untuk pulih.

Ini kerana apabila tempoh moratorium tamat, mereka masih tidak mampu untuk membayar hutang yang berbaki. Pihak bank boleh membuat tapisan ketat untuk meluluskan lanjutan moratorium bagi individu dan syarikat yang layak. Perkara ini dapat memberikan sedikit kelegaan kepada rakyat dalam tempoh menghadapi pasca pandemik ini.

Tuan Yang di-Pertua, mari kita lihat Pakej Rangsangan Ekonomi negara-negara lain. Pakej Rangsangan Ekonomi Fiskal Malaysia memakan 4.4 peratus daripada KDNK sama seperti negara kita jiran Indonesia. Jika dibandingkan dengan Singapura, Pakej Rangsangan Ekonomi Fiskal yang mereka laksanakan sudah mencecah 20 peratus daripada KDNK.

Ini bermaksud kerajaan mereka menyuntik lebih banyak wang untuk rakyat mereka menghadapi kesan pandemik ini. Kerajaan lain seperti Kanada, Australia dan Amerika juga membuat suntikan fiskal 9.8 peratus, 8.5 peratus dan 12.2 peratus masing-masing. Jadi, kalau diperlukan untuk suntikan yang lebih bagi memastikan rakyat dapat keluar daripada kesan daripada pandemik ini, adalah amat dialu-alukan.

■1710

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat bahawa Pakej Rangsangan Ekonomi PRIHATIN dan PENJANA seperti tertinggal golongan iaitu golongan *supermicro* ataupun peniaga kecil mikro yang jualanannya kurang RM300 ribu setahun dan mempunyai kurang daripada lima orang pekerja. Ini kerana, kebanyakan mereka ini tidaklah mempunyai pinjaman dengan bank, tiada simpanan dalam KWSP mahupun pekerja untuk memanfaatkan Program Subsidi Upah.

Jadi, semua yang diperkenalkan oleh pihak kerajaan, mereka tidak dapat manfaat daripada ini melainkan mendapat bantuan kelangsungan hidup yang sebanyak RM1600. Itu semua orang dapat. Usaha kerajaan kepada moratorium, kebenaran mengeluarkan simpanan KWSP dan subsidi upah sepertinya tidak dapat dimanfaatkan oleh golongan ini. Mereka ini kebanyakan mendapat dana dan pembiayaan daripada institusi-institusi pembiayaan mikro seperti Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), i-Taajir di bawah UIAM/CIMB *Islamic Bank* dengan pembiayaan semaksimum RM10 ribu serta Skim Hijrah Selangor yang memanfaatkan seramai 34,366 orang peserta dengan pembiayaan maksimum sebanyak RM50 ribu dan juga lain-lain institusi pembiayaan mikro yang lain.

Pembiayaan mikro merupakan salah satu sistem yang sangat bagus bagi membantu golongan miskin dan golongan berpendapatan rendah yang tidak diterima bank atau *unbankable* untuk mendapatkan pembiayaan bagi memulakan kerjaya sebagai usahawan. Contoh paling mudah di Malaysia yang kita boleh ambil ialah Amanah Ikhtiar Malaysia. Ialah adalah sebuah entiti persendirian dalam membantu menghapus kemiskinan menggunakan model pembiayaan mikro Grameen Bank daripada Bangladesh.

Sehingga tahun 2018, Amanah Ikhtiar telah pun mengeluarkan pembiayaan sebanyak RM21.2 bilion- walaupun mikro tetapi oleh sebab telah bergerak begitu lama dan melahirkan seramai 378,815 orang sahabat aktif, kalau kita bundarkan 379 ribu orang sahabat aktif Amanah Ikhtiar Malaysia. Istilah mereka, mereka panggil 'sahabat' yang mengambil *loan* ini.

Yakni yang mana daripada seramai 379 ribu orang sahabat AIM ini bukan semuanya Melayu. Sebanyak lima peratus daripadanya adalah terdiri daripada orang Cina dan India. Manakala, seramai 800 ribu orang sahabat adalah dari Sabah dan Sarawak. Peratus bayaran balik bagi skim ini adalah sejumlah 99.1 peratus. Memang cukup tinggi. Ada cara untuk mereka mendapatkan balik bayaran balik pinjaman ini.

Ini adalah angka kejayaan mereka. Kontrak mereka menggunakan kontrak Qard al-Hasan iaitu hutang tanpa faedah dan mereka mengenakan caj pengurusan. Semasa pengenalan Perintah Kawalan Pergerakan, pihak AIM telah pada awalnya mulanya menanggungkan bayaran balik dua minggu sahaja. Oleh sebab, mereka jumpa setiap minggu dan setiap minggu bayar balik. Kemudian, penangguhan ini dilihat terlalu sekejap dan ia telah ditambah menjadi sehingga 7 Jun baru-baru ini tanpa dikenakan sebarang caj ataupun simpanan wajib.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, dalam mendepani impak pasca pandemik ini pihak AIM seharusnya memberikan penangguhan bayaran mingguan yang lebih lama seperti tempoh moratorium bank. Ini kerana, saya yakin ramai sahabat AIM yang masih terjejas lantaran kesan pasca pandemik ini. Belum tentu kesemua mereka sudah mampu untuk menjalankan perniagaan seperti biasa kerana kekangan-kekangan lain.

Lantaran itu, saya mengemukakan cadangan kepada pihak kerajaan- Yang Berhormat Timbalan Menteri *dok* ada di sini, agar dapat membantu mereka memberikan tempoh moratorium selama enam bulan kepada mereka. Ini mereka akan dapat gunakan untuk dibelanjakan balik dan ekonomi akan terus berkembang selepas itu. Berdasarkan data perbelanjaan bulanan AIM dan kos pengurusannya, sebanyak RM15 juta sebulan untuk merealisasikan pemberian moratorium ini.

Saya ingin mencadangkan pihak kerajaan menyuntik sejumlah RM90 juta kepada mereka dan ini akan menyebabkan mereka juga memberikan tambahan moratorium selama enam bulan kepada seramai 379,000 orang sahabat-sahabat AIM ini dan seperti yang saya sebutkan tadi, wang tersebut akan dapat mereka gunakan untuk dibelanjakan balik untuk masuk semula dalam ekonomi kita. Saya juga mencadangkan agar pihak kerajaan mempertimbangkan perkara yang sama kepada operator pembiayaan *supermicro* yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, masuk kepada tajuk memartabatkan industri kewangan Islam. Malaysia tidak asing lagi dalam sektor kewangan Islam global. Sehingga penghujung tahun 2019, Malaysia masih lagi menyumbang hampir sejumlah 48 peratus daripada jumlah sukuk yang diterbitkan di seluruh dunia. Manakala dari segi aset di bawah pengurusan global atau, dengan izin, *global asset under management* bagi dana kewangan Islam adalah sebanyak sejumlah 34 peratus. *Our portion* di Malaysia ini.

Dalam *Islamic Finance Development Report 2019* yang dikeluarkan oleh *Refinitiv* yang sebelum ini dikenali sebagai *Thomson Reuters*. Malaysia masih lagi berada di tangga teratas dalam kedudukan pemain kewangan Islam utama dunia. Semasa menjawab jawatan sebagai Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, saya berpeluang berjumpa ramai pakar-pakar kewangan Islam, pemain industri dan ahli-ahli akademik yang telah menyuarakan kebimbangan mengenai hala tuju industri kewangan Islam negara yang agak perlahan mutakhir ini.

Justeru, saya melihat terdapat satu keperluan untuk sektor kewangan Islam ini terus di perkasa mengambil kira sektor perkhidmatan merupakan penyumbang terbesar kepada pertumbuhan ekonomi negara. Melalui maklum balas dan sesi pertukaran pendapat, maka kerajaan melalui Kementerian Kewangan telah menubuhkan Jawatankuasa Khas Kewangan Islam (JKKI) bertujuan untuk merencanakan semula sektor kewangan Islam di negara ini bukan sahaja dari sudut produk kewangan Islam atau perkhidmatan berkaitan semata-mata, tetapi melihat sektor kewangan ini dari segenap sudut termasuklah *graduate employability* dalam bidang ini. Kita lihat betapa negara lain begitu agresif...

Dato' Seri Utama Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun]: Boleh Yang Berhormat?

Dato' Ir Haji Amiruddin bin Hamzah [Kubang Pasu]: Boleh. Sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Jerlun.

Dato' Seri Utama Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun]: Yang Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, saya mendengar ucapan sebentar tadi. Seingat saya satu ketika dahulu Malaysia merupakan pengeluar sukuk sejumlah 60 peratus daripada yang ada di seluruh dunia ini. Jadi, sebentar tadi saya mendengar Yang Berhormat Kubang Pasu menyatakan sudah turun sampai sejumlah 48, kalau tidak silap saya iaitu 48 peratus.

Jadi, apa yang perlu negara lakukan agaknya untuk kita meningkatkan semula peratusan itu dalam keadaan saingan yang sengit yang kita hadapi daripada negara-negara seperti Emiriah Arab Bersatu malah di London dan France juga saya tahu banyak sukuk dikeluarkan. Jadi, dalam keadaan saingan macam itu apa yang perlu kita lakukan supaya Malaysia tetap berada di tangga teratas?

Dato' Ir Haji Amiruddin bin Hamzah [Kubang Pasu]: Terima kasih Yang Berhormat Jerlun. Ya, sebab itulah saya ingin tekankan di sini bahawa keperluan untuk kita memastikan keberadaan kita di tangga yang teratas itu harus kita pertahankan dan harus kita melihat perkara-perkara baharu yang perlu kita laksanakan untuk memastikan bahawa *competitive edge* kita itu akan terus berada dengan kita.

Ini kerana, kita mempunyai kerangka perundangan yang cukup *accommodative* dari sektor kewangan ini dan ramai rujukan-rujukan yang menjadi rujukan kepada negara-negara lain juga dilahirkan dalam negara kita. Jadi, saya ingat ini harus semua dilihat dan digembleng dan sebab itulah JKKI itu diminta untuk melihat semula perkara ini dan mengembalikan ataupun mengekalkan kedudukan kita di tangga yang pertama. Ini kerana kita lihat London dan juga di negara-negara lain juga mereka cukup agresif dalam hal ini.

Kita lihat dalam hal ini, jiran kita mereka menubuhkan Komite Nasional Ekonomi dan Kewangan Syariah yang mana Bapa Presidennya sendiri bertindak sebagai ketua dalam komiti ini. Ini hendak menunjukkan seriusnya mereka dalam hal ini. Kemudiannya dalam sesi Belanjawan 2020 yang lepas oleh Yang Berhormat Bagan, beliau telah mengumumkan untuk kita menyediakan sebuah *blueprint* ekonomi Islam, bukan setakat kewangan Islam sahaja. Ekonomi Islam yang beraspirasi untuk memacu kewangan Islam bukan sahaja dari sudut perbankan dan permodalan semata-mata tetapi ekonomi Islam secara holistik meliputi sektor seperti industri halal, pelancongan, fesyen- *even* dan kewangan sosial iaitu zakat dan juga wakaf.

■1720

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tinggal 30 saat lagi Yang Berhormat.

Dato' Ir Haji Amiruddin bin Hamzah [Kubang Pasu]: Allah, 30 sudah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya.

Dato' Ir Haji Amiruddin bin Hamzah [Kubang Pasu]: Okey, saya- kemudian sebenarnya dalam kewangan Islam ini '*fintech*' juga perlu kita berikan perhatian. Saya *skip* bahagian *fintech* ini. Saya masuk *last* sekali ini kena masuk Tuan Yang di-Pertua iaitu isu tentang di Kubang Pasu. Tidak sebut yang ini, saya tidak balik kawasanlah jawabnya.

Saya ingin membangkitkan beberapa bibit kegusaran khususnya buat rakyat Kubang Pasu. Saya kira ruangan ini merupakan ruangan yang sangat baik untuk memastikan suara masyarakat setempat dapat diangkat ke satu tahap yang lebih efektif dan tuntas, khususnya di Dewan yang mulia ini.

Saban tahun Sungai Bata dan Sungai Temin yang terletak dalam daerah Kubang Pasu kerap kali mengalami banjir yang tiada noktah. Air yang melimpah menyebabkan kerosakan yang teruk kepada harta benda, tempat tinggal dan tanaman padi di kawasan sekitarnya. Pada hemat saya, perkara ini sangat memberikan impak, khususnya kepada pertumbuhan sosioekonomi di kawasan Daerah Kubang Pasu ini.

Tambahan pula, sepanjang kawasan tersebut terdapat kawasan penempatan dan pengairan di bawah seliaan JPS melibatkan beberapa buah kampung sehingga ke bandar Jitra. Sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, peristiwa banjir tahun 2010 telah menyebabkan kawasan berkeluasan 1,500 hektar ditenggelami air serius. Seramai 26,000 mangsa dari 6,305 keluarga yang terjejas. Paling mutakhir Oktober baru-baru ini berlaku lagi. Justeru itu perancangan telah dimulakan, saya difahamkan dan memohon supaya rancangan tebatan banjir Sungai Temin, Sungai Bata ini dapat disegerakan dengan seberapa segera yang mungkin.

Akhirnya, saya juga ingin mendapatkan perhatian khusus pihak kerajaan bagi projek pembangunan 50 unit rumah di bawah program *My Beautiful New Home* yang menyasarkan untuk membantu kelompok B40 untuk mendapat tempat dan keselesaan tempat tinggal di negeri Kedah. Pembeli yang layak hanya perlu membeli unit yang ditawarkan menerusi pinjaman bank iaitu Bank Simpanan Nasional sebanyak RM20 ribu sahaja, manakala bakinya ditanggung oleh Kerajaan Pusat. Inisiatif ini merupakan salah satu usaha untuk memastikan pemilikan rumah oleh rakyat B40.

Status kemajuan mencecah 70 peratus. Baki kerja ditapak lebih daripada penyiapan kerja yang berkaitan dengan pembangunan infrastruktur. Kontraktor yang telah dilantik gagal menyiapkan projek mengikut masa yang telah ditetapkan walaupun *extension of time* telah diberikan sebanyak tiga kali.

Bagi maksud menyiapkan projek, pihak PKNK iaitu agensi pelaksana telah mencadangkan pelantikan kontraktor penyiap kepada Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) serta memohon peruntukan tambahan, *ciput* sahaja, RM1.75 juta sahaja dan diharapkan pihak MOF akan segera mempertimbangkan permohonan ini agar 50 keluarga B40 akan segera menikmati rumah idaman mereka. *Semi-D landed property* bayar RM20 ribu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Kalau Tuan Yang di-Pertua layak pun, *kot-kot* cuba mohon, boleh kita pertimbangkan. Sekian sahaja ucapan saya. Saya juga turut menyokong Titah Usul Menjunjung Kasih terhadap Titah Ucapan Diraja. Sekian, *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Kubang Pasu. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Hulu Langat 20 minit.

5.24 ptg.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua seluruh Ahli-ahli Parlimen yang sangat saya kasih. Saya sangat bersyukur kepada Allah SWT kerana diberi peluang untuk bersama-sama berbahas dalam Menjunjung Kasih Titah Diraja tempoh hari. Saya juga sangat gembira apabila Ahli-ahli Parlimen memulakan ucapan mereka dengan beberapa potongan ayat Al-Quran.

Antaranya kalau boleh saya ulang, mereka menyebut... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Cuma saya bimbang kalau-kalau ada yang memang yakin bahawa kuasa ini adalah milik Allah SWT. Ada masanya Tuhan ambil, ada masa Tuhan memberi. Pada waktu yang sama dalam ayat ini menyebut ada masa Tuhan memuliakan seseorang dan ada masa Tuhan menghina mereka.

Cuma saya mengharapkan bagi mereka yang mendapat kuasa, janganlah menyangka yang anda sedang dimuliakan dan bagi mereka kehilangan kuasa pula janganlah menyangka anda sedang dihina. Apa sahaja yang berlaku, kita semua di sini bersama-sama untuk memastikan negara dan rakyat berada dalam keadaan yang terbaik. Sebarang mereka yang- sesiapa mereka yang mendapat kuasa tetapi menggunakan kuasa itu untuk memuaskan hawa nafsu mereka, itu satu perkara yang tidak sepatutnya.

Saya ingin menyebutkan satu Hadis ringkas sahaja bila disebutkan... [*Membaca sepotong Hadis*] Disebutkan apabila kamu melihat Allah SWT memberi, mengurniakan kepada hamba-hambanya apa yang dicita-citakan, apa yang dia hendak sangat, sedangkan dia terus melakukan maksiat, maka ketahuilah bahawa perkara itu adalah *istidraj*. Saya bimbang ramai di kalangan kita hendak sangat jadi Menteri, hendak sangat jadi Timbalan Menteri, hendak sangat jadi Pengerusi GLC, tiba-tiba merasakan ini suatu kurniaan Tuhan padanya sedangkan ia barangkali menjadi *istidraj* kepada mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menumpukan perbincangan saya kepada beberapa perkara seperti yang telah dizahirkan oleh Ke Bawah Duli Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong serta Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum ini, pengorbanan petugas barisan hadapan negara terutamanya perkhidmatan kesihatan, ATM, PDRM, bomba, imigresen, Angkatan Pertahanan Awam, RELA, dan lain-lain agensi, amatlah dihargai dan hanya Allah SWT sahajalah yang akan membalas jasa mereka.

Daripada semua agensi yang dinyatakan, saya ingin menyentuh lebih lanjut mengenai Angkatan Pertahanan Awam dan RELA. Kedua-dua agensi ini majoriti warganya adalah sukarelawan yang sudah tentu tidak berpencen. Ya, kita bersyukur kerajaan yang lepas telah menaikkan elaun RELA dan Pertahanan Awam kepada RM8 sejam, sebelum ini RM5.

Akan tetapi adakah berbaloi RM8 satu jam dengan risiko dijangkiti penyakit yang boleh membawa maut. Kerajaan harus memikirkan insentif-insentif tambahan dalam bentuk kewangan dan bukan kewangan supaya pengorbanan sukarelawan-sukarelawan itu terbalas dan paling tidak, dihargai.

Tuan Yang di-Pertua, malah dalam keadaan itu ada yang ditimpa kemalangan maut, cacat kekal apabila pulang daripada bertugas serta terpaksa meninggalkan keluarga demi khidmat bakti kepada negara. Pejabat operasi mereka di daerah-daerah sangat daif dan sangat sederhana. Marilah kita sama-sama mengambil kesempatan untuk mendoakan Almarhum Allahyarham Koperal Safwan Muhammad Ismail akibat dirempuh pemandu mabuk di sekatan jalan raya Plaza Tol LEKAS Kajang Selatan dalam Parlimen Hulu Langat baru-baru ini.

Saya ingin mengambil kesempatan, saya ketika berada di Hospital Serdang tersebut bersama-sama untuk mengurus jenazah tersebut, saya mendengar bisikan daripada anggota-anggota PDRM yang mengatakan bahawa sepatutnya jenazah wira negara yang mati ketika bertugas itu diberikan laluan pantas dan cepat tanpa melanggar SOP keselamatan kesihatan. Akan tetapi, kita lihat proses untuk menunggu *post-mortem*, proses untuk mengambil ujian COVID-19 itu dibawa ke Hospital Sungai Buloh, tunggu proses di sana, patah balik sehingga jam 2.30 pagi baru dapat diuruskan jenazah itu.

■1730

Perhatian kepada penjawat-penjawat awam marilah kita bersama-sama membantu sesama kita mempercepatkan proses-proses yang sepatutnya dipercepatkan selagi mana tidak melanggar SOP keselamatan kesihatan itu. Kita bersyukur ramai rakyat Malaysia memiliki sikap kesukarelawan. Namun keadaan ekonomi pasca COVID-19 ini mungkin akan menjadikan lebih ramai individu memilih untuk melakukan perkara yang boleh menjana pendapatan keluarga daripada menyertai aktiviti kesukarelawan.

Rangsangan daripada kerajaan kepada mereka sepatutnya dipertingkatkan. Minggu lepas dalam membahaskan Titah Diraja, ada Ahli Yang Berhormat menyatakan tentang Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) atau yang seumpamanya. Saya melihat bagi menjimatkan wang rakyat, saya hendak mencadangkan kita memperkukuhkan sahaja pasukan simpanan beruniform sedia ada seperti RELA, askar Wataniah dan lain-lain supaya anak-anak kita yang tamat daripada SPM mereka diwajibkan tetapi bebas memilih untuk menyertai pasukan uniform yang mereka minati.

Kalau mereka bertugas di sebelah pagi, pada waktu petang mereka boleh menjalankan kegiatan ekonomi dan menjalankan aktiviti keluarga dengan menyertai sama ada Wataniah ataupun Angkatan Pertahanan Awam.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Azalina Othman Said) **mempengerusikan Mesyuarat]***

Pusat latihan pelbagai agensi penguat kuasa sudah tersedia ada. Kita tidak perlu membuka pusat-pusat latihan yang kosnya sangat tinggi. Biarkan pusat-pusat latihan itu dengan dibantu oleh pesara-pesara pasukan beruniform untuk memberi latihan kepada anak-anak kita itu. Sekiranya belia-belia ini melanjutkan pelajaran di IPTA dan IPTS pula, mereka sudah apabila sudah bekerja sepenuh masa mereka boleh untuk terus terlibat dalam pasukan beruniform itu.

Urusan kebajikan masyarakat dalam Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Baginda menzahirkan usaha kerajaan untuk menjaga kebajikan rakyat terutamanya kanak-kanak, wanita, warga emas, OKU dan golongan yang memerlukan. Ya, kita tidak menafikan bantuan yang telah dilaksanakan oleh kerajaan semasa wabak COVID-19 melanda tempoh hari. Namun, kita terlupa mengenai kemajuan kerjaya warga Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) itu sendiri.

Selain menyalurkan bantuan, JKM menjaga pelbagai akta. Akta Keganasan Rumah Tangga misalnya, polis belum sampai di tempat aduan, pegawai JKM sudah diugut oleh suami mabuk yang memukul isteri sebagai contoh. Air banjir belum surut, pegawai kebajikan yang mengandung kadang-kadang sudah pergi ke pusat pemindahan dengan cuti dibekukan pada musim tengkujuh. Sesungguhnya pegawai JKM bukanlah *iron man* ataupun *superman*.

JKM serba kekurangan dalam konteks logistik tidak seperti pasukan beruniform. Namun, mereka adalah *subject matter expert* dengan izin. Mohon JPA semak perkara ini. Walaupun hanya ada diploma, mereka berpengalaman mengendalikan taska dan bantuan ekonomi untuk orang OKU di lapangan.

Bagaimana hendak menjaga kebajikan rakyat jika kebajikan kakitangan JKM sendiri terabai? Pegawai Gred S41 dan ke atas mungkin gaji mereka agak selesa tetapi bagi kakitangan sokongan bawah Gred S41, saya memohon Yang Berhormat Menteri berkenaan mengkaji semula beban tugas mereka atau sekurang-kurangnya memberi elaun khas. Saya mencadangkan gred pangkat S32 dan S36 diperbanyakkan di daerah-daerah kerana mereka inilah yang membuat pelbagai tugas semasa bencana seperti sepanjang PKP. Kami mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada JKM, anda terbaik.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan rasuah, kita telah sebut banyak kali antara ayat... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Sangat suka mendengar berita-berita dusta dan sangat suka dan makan apa yang haram termasuk rasuah dan seumpamanya", malah disebutkan dalam beberapa hadis... [*Membaca sepotong Hadis*] "Laknat Allah kepada mereka yang memberi rasuah dan yang menerima rasuah". Islam ialah agama yang menentang kezaliman dan penindasan.

Rasuah merupakan salah satu bentuk penindasan yang tidak disedari oleh masyarakat dan orang ramai. Rasuah menyebabkan yang kaya terus kaya bersama-sama kroni-kroninya dan yang miskin terus merempat. Hanya bagaikan mengharap agar abah memberikan pengumuman gula-gula kepada mereka. Jurang pendapatan si miskin semakin menjarak dan akhirnya menjadi barah kepada rakyat. Kita tidak boleh membiarkan gejala rasuah ini berterusan.

Setiap kali menghadiri persidangan antarabangsa saya merasa malu apabila selalu ditanyakan oleh peserta-peserta antarabangsa mengenai kleptokrasi serta penyalahgunaan kuasa oleh individu-individu tertentu. Namun saya memuji pihak SPRM atas kejayaan membongkar beberapa rasuah berprofil tinggi yang cuba disembunyikan sebelum ini. Kita perlu serius berkenaan dengan gesaan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong agar kerajaan terus melaksanakan Pelan Anti Rasuah Nasional.

Saya mohon kepada SPRM agar tidak hanya menahan pesalah-pesalah daripada pihak pembangkang sahaja. Penahanan dan penyiasatan harus juga melibatkan pihak kerajaan yang ramai terlibat dengan pelbagai skandal sehingga negara dicaci dan dipandang jijik. Jangan sampai SPRM dijadikan alat untuk menindas pembangkang. Akhirnya kepercayaan kepada SPRM terhakis dan label kleptokrasi akan terus menjadi ejekan di mata dunia.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat di Hulu Langat berharap kerajaan tidak membubarkan Pusat Governans Integriti dan Anti Rasuah Nasional (GIACC) yang diwujudkan ketika PH memerintah dahulu. Ingat, kita serius dalam mencegah rasuah yang memalukan agama dan bangsa. Apakah Malaysia alpa tentang rasuah ini? Saya juga ingin mengingatkan tentang apa yang disebut oleh teman-teman bagaimana PAC di Parlimen ini belum digerakkan lagi sedangkan mereka sepatutnya dapat menjalankan tugas mereka sebagai Ahli Parlimen untuk membantu negara menyiasat perkara-perkara yang sepatutnya disiasat.

Saya sangat mengharapkan mentang-mentang sekarang ini sedang wabak COVID-19, bermacam-macam tender dianugerahkan atas alasan perbelanjaan dan perolehan darurat sehingga seolah-olah membuka peluang kepada mereka mengambil kesempatan. Silakan.

Dato' Seri Utama Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun]: Minta maaf Yang Berhormat Hulu Langat, saya mohon menceleh. Mendengar tadi mengenai SPRM, saya dimaklumkan bahawa sebelum ini di dalam Kerajaan Pakatan Harapan hari itu ada usaha-usaha untuk memindahkan SPRM ini diletak di bawah Parlimen dan tidak lagi di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Adakah Yang Berhormat Hulu Langat setuju sekiranya Kerajaan Perikatan ini terus pertimbangkan dan melaksanakannya?

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: Terima kasih. Itulah yang kami cita-citakan, itu yang kami semua hendak supaya SPRM diberikan suatu ruang untuk mereka tidak duduk di bawah eksekutif dan akhirnya boleh dipergunakan sewenang-wenangnya. Terima kasih dan masukkannya dalam ucapan perbahasan saya. Berkenaan dengan perpaduan. Lima minit lagi.

Kami sekalian rakyat menjunjung kasih Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong menzahirkan rasa bimbang melihat polarisasi kaum yang masih wujud. Kita tidak menafikan usaha mengukuhkan kesepaduan sosial dan integrasi nasional dengan terlaksananya Pelan Tindakan Perpaduan Negara. Penghayatan Rukun Negara bukan hanya di bibir sahaja atau menjadi kosmetik kepada ahli politik.

Kami, kita semua Ahli-ahli Parlimen menjunjung kasih keputusan yang dibuat oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, pelantikan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sejak daripada awal lagi masuk melalui pintu istana tetapi bila masuk ke bangunan Parlimen janganlah kita tebuk atap ataupun daripada pintu belakang. Namun segala usaha yang dinyatakan ini akan menjadi sia-sia jika kerajaan mengabaikan dua entiti penting dalam Jabatan Perpaduan Negara dan juga integrasi nasional iaitu Tabika Perpaduan dan Rukun Tetangga.

Kita harapkan janganlah Tabika Perpaduan dan Rukun Tetangga ini menjadi lubuk kepada entiti parti politik seperti serantau FELDA dan juga JASA di Jabatan Hal Ehwal Khas tempoh hari. Kita hendak jadikan Tabika Perpaduan dan Rukun Tetangga ini benar-benar satu pusat yang boleh merapatkan hubungan berbilang bangsa dan kaum di atas satu entiti yang begitu baik. Guru-guru tabika perpaduan pula majoritinya masih berstatus kontrak dan menerima gaji di takuk lama.

■1740

Bagaimana anak-anak ini hendak dididik mengenali Rukun Negara jika gurunya sendiri bergaji rendah dan tidak mampu? Tabika Perpaduan pula nampak daif, tidak menarik dan memiliki kemudahan yang uzur malah membahayakan kanak-kanak. Lipas dan sebagainya kadang-kadang berkeliaran di tempat mereka.

Begitu juga dengan rukun tetangga. Geran tahunan mereka yang rendah menyukarkan pelaksanaan program khasnya di bandar-bandar besar yang mempunyai kos hidup tinggi. Saya berasa sedih melihat rukun tetangga meminta sumbangan daripada pelbagai pihak. Kami memohon Menteri berkenaan mengambil perhatian segera mengenai perkara ini.

Pegawai Jabatan Perpaduan di daerah-daerah juga kebanyakannya daripada gred bawah S41, ketinggalan berbanding lain-lain skim pegawai kerajaan yang setaraf. Ramai daripada pegawai-pegawai ini yang telah memiliki ijazah apabila melanjutkan pelajaran dengan wang sendiri. Malangnya, peluang kenaikan pangkat tidak berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat memuji keberanian dan sikap integriti yang ditunjukkan oleh Datuk Ayob Khan Mydin Pitchay, Ketua Polis Negeri Johor dalam usaha beliau mencegah amalan rasuah serta salah guna kuasa. Tahap keselamatan hendaklah dipertingkatkan dalam menangani penyeludupan dan pemerdagangan manusia khususnya dalam Operasi Benteng. Tahniat semua agensi penguat kuasa negara. Sempadan negara yang luas perlu diperkukuhkan dalam usaha mengekang laluan rentas sempadan pendatang asing tanpa izin di daratan serta di lautan.

Aset-aset Pasukan Gerakan Udara (PGU) PDRM seperti *Cessna Caravan* dan juga *Pilatus PC-6 Porter* yang sudah berusia puluhan tahun sepatutnya sudah ditukar. Begitu juga keperluan pewujudan pangkalan baharu PGU di tempat-tempat yang berisiko. Umpamanya di pulau-pulau sepanjang Pantai Timur Sabah serta di pedalaman Sarawak yang bersempadan dengan Kalimantan, Indonesia dan Brunei. Mungkin PGU perlukan pesawat yang lebih besar yang boleh terbang lebih lama lagi.

Sesungguhnya Malaysia adalah sebuah negara maritim. Bagi TUDM, pesawat peronda maritim *Beechcraft B2001* dilihat terlalu kerdil untuk memantau perairan Malaysia yang dipisahkan oleh Laut China Selatan. Apakah perancangan jangka panjang Kementerian Pertahanan untuk memastikan pesawat ringan maritim yang dibeli pada tahun 1993 tidak akan mengorbankan lagi nyawa juruterbang TUDM seperti yang berlaku pada Disember 2016?

Tuan Yang di-Pertuan Agong juga ada menyebut mengenai pemilikan rumah mampu milik. Parlimen Hulu Langat menjadi pilihan tempat kediaman bagi mereka yang bekerja di Kuala Lumpur kerana kos pembelian atau sewaan rumah sangat mahal di ibu kota. Mereka mula menumpu di Hulu Langat. PPR sememangnya wujud tapi tidak mencukupi.

Malangnya, Kuala Lumpur yang suatu ketika dahulu mempunyai banyak tanah untuk didirikan PPR telah dibina pusat membeli-belah tanpa had. Taman permainan, padang bola sepak, tanah untuk dibina surau atau masjid semuanya telah digantikan dengan kondominium mewah. Apakah ini keadilan kepada warga kota?

Mampu kah rakyat Malaysia yang susah untuk membeli *apartment* yang berharga RM500 ribu ke atas? Perkara-perkara ini bukan terjadi selepas Mei 2018 tetapi telah puluhan tahun warga kota menerima deritanya. Mungkin kah Yang Berhormat Menteri Wilayah yang baharu ada penyelesaiannya? Pelbagai permasalahan di Kuala Lumpur turut dirasai di Parlimen Hulu Langat ini.

Saya ingin mengambil kesempatan untuk...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat, sila gulung.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: Ya. Isu tempatan, *last* sekali. Untuk Yang Berhormat Menteri Pendidikan yang sedang main *WhatsApp* itu [*Ketawa*] Urusan Sekolah Kebangsaan Pelangi di Semenyih yang kelihatan lambat dan bagaikan terbelengkalai. Walaupun tidaklah dikategorikan begitu tapi sangat lambat. Kita orang Johor.

Akhir sekali, urusan banjir di Dusun Tua perlu mendapat perhatian kerana ia sangat mengkusarkan. Kerajaan Negeri Selangor telah bersetuju 50 peratus daripada peruntukan menaik taraf dan juga menyelenggarakan Sungai Langat daripada Hulu ke Kuala Langat telah dipersetujui oleh Kerajaan Negeri Selangor. Kami mohon supaya Kerajaan *Federal* bergabung untuk menyelesaikan masalah ini.

Saya mengucapkan terima kasih kepada semua yang sudi bersama-sama mempertahankan negara dan melupakan isu perbezaan politik. Yang penting kita urus negara ini dalam keadaan baik. Mohon menyokong Usul Titah Diraja ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Terima kasih. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Lubok Antu.

5.45 ptg.

Tuan Jugah a/k Muyang @ Tambat [Lubok Antu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya berucap dalam Titah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, pertama, saya akan menyentuh tentang kemiskinan. Walaupun Sarawak menerima jumlah pelaburan ketiga tertinggi dalam Malaysia, namun negeri ini mencatatkan jumlah isi rumah yang paling tinggi didaftarkan di bawah eKasih iaitu satu sistem pangkalan data bagi membantu kerajaan menyusun perancangan pelaksanaan dan mengawasi kemiskinan dengan lebih baik.

Menurut data yang terkini yang dinyatakan oleh profesor daripada SUHAKAM Sarawak bersama rekod eKasih pada tahun 2018, terdapat kira-kira 30 peratus daripada dalam pangkalan data itu adalah dari Sarawak. Penduduk Kelantan menduduki tempat kedua sementara itu diikuti dengan Sabah tempat ketiga. Tujuh daripada 10 daerah yang miskin di Malaysia ialah Sarawak dan Lubok Antu salah satu daripada tujuh daerah tersebut. Sarawak juga berada di bawah pendapatan pertengahan negara iaitu RM5,228 di mana Sarawak hanya mencatatkan RM4,163. Menurut Jabatan Statistik, kerajaan perlu menangani masalah kemiskinan ini. Negeri ini mungkin bergerak terlalu pantas.

Pada hari ini, dengan izin, saya menggesa agar lebih banyak usaha dari Kerajaan Persekutuan bagi memastikan golongan miskin dan kurang bernasib baik tidak ketinggalan di pinggir dalam arus pembangunan di Parlimen Lubok Antu. Pembangunan asas infrastruktur wajar diutamakan pada jalan raya, bekalan air bersih, elektrik dan komunikasi di kawasan Lubok Antu untuk membolehkan pembahagian kekayaan yang lebih saksama. Ini akan meningkatkan lagi pendapatan dan ekuiti ekonomi.

Secara dasarnya, walaupun tidak mendapat manfaat dalam bentuk kewangan secara langsung tetapi pelbagai faedah terutama dalam aspek keselesaan, kesejahteraan, taraf pendidikan, meningkatkan taraf ekonomi rakyat dan seterusnya mengeluarkan Lubok Antu daripada kategori daerah termiskin di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, kita sering berbicara mengenai perkongsian kemakmuran bersama, pembangunan yang adil dan saksama, pengagihan kekayaan yang sama rata dalam membasmi kemiskinan. Dengan itu, saya percaya geran Persekutuan dan peruntukan sewajarnya sesuai dengan janji asal ketika Malaysia ditubuhkan dapat dilaksanakan secara telus.

Kita bercakap tentang pembinaan *flyover*, kita bercakap tentang LRT, lapangan terbang, kemudian ekonomi digital tetapi penduduk di luar bandar masih lagi dalam keadaan daif. Hanya mampu menggunakan jalan balak.

Ada yang belum menikmati kemudahan infrastruktur jalan raya, mereka masih lagi menggunakan perahu panjang sebagai pengangkutan utama.

Oleh yang demikian, saya menggesa kerajaan mengutamakan pelaksanaan projek infrastruktur.

- (i) Projek Jalan Ulu Lemanak yang telah diluluskan oleh KPLB dalam Projek Naik Taraf Pekan Jalan Balak di Sarawak fasa 4, Bahagian Sri Aman dengan kos keseluruhan jumlah RM12.42 juta. Skop projek adalah naik taraf pekan Jalan Balak sepanjang 27 kilometer yang melibatkan jajaran kawasan Sebiliau Uyau;
- (ii) jalan raya menghubungkan setiap rumah panjang di Hulu Batang Ai dengan kos RM187 juta perlu diteruskan;

■1750

- (iii) naik taraf Ulu Sekerang, Lubok Antu fasa kedua dengan kos keseluruhan RM28.5 juta yang telah diluluskan pada bajet yang lepas;
- (iv) cadangan Jalan Basi - Engkilili, menaik taraf sepanjang 12 kilometer; dan
- (v) jaringan jalan dari Aiman Resort Batang Ai ke Rumah Panjang Menyang Delo.

Inilah salah satu daripada faktor yang melibatkan kawasan ini tertinggal di takuk kemiskinan. Peranan yang signifikan dan kerajaan itu membuka peluang pertanian untuk masyarakat setempat mengusahakan ladang sawit, penanaman getah, kebun lada, kolam ternak ikan dalam membangunkan sosioekonomi sekali gus meningkatkan taraf hidup mereka. Semua ini membantu mentransformasikan ekonomi penduduk di sekitar tempat di Lubok Antu.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada COVID-19. Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) oleh kerajaan sejak 18 Mac lalu yang bertujuan untuk memutuskan rantaian COVID-19 di Malaysia turut memberi kesan kepada pelbagai sektor terutama di kawasan luar bandar. Pekebun kecil yang mengusahakan ladang, pekebun getah dan lain-lain menghadapi masalah memasarkan pertanian akibat penutupan beberapa sektor sokongan seperti peruncitan dan pengangkutan. Kekurangan rizab tunai memburukkan lagi masalah memandangkan mereka bergantung pada pendapatan jualan harian.

Amalan penjarakan sosial atau SOP yang dilaksanakan sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan ini telah menyukarkan lagi pergerakan bagi mereka yang tinggal di pedalaman dan masih menggunakan perahu sebagai pengangkutan utama mereka. Kalau kebiasaan mereka menggunakan sebuah perahu, semasa Perintah Kawalan Pergerakan terpaksa menggunakan dua atau tiga buah perahu. Ini akan menambahkan kos pengangkutan bagi mereka yang ingin keluar membeli keperluan harian disebabkan terpaksa membayar lebih untuk membeli petrol.

Keadaan lebih menyulitkan bagi mereka yang ingin mendapatkan rawatan di klinik ataupun hospital yang berdekatan apabila Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dihadkan kepada 10 kilometer. Dalam Parlimen Lubok Antu, hospital terdekat adalah Hospital Sri Aman yang jauhnya kira-kira 80 kilometer dari Pekan Lubok Antu. Klinik kerajaan yang beroperasi lokasinya lebih daripada 10 kilometer dari rumah panjang yang berdekatan.

Bagi penduduk di pedalaman, bantuan wang tunai RM500 hingga RM1,600 amat bermakna dan untuk mendapatkan tunai itu bukan mudah kerana melibatkan perjalanan sukar dan sekatan antara daerah. Terdapat juga keluarga di pedalaman yang tidak dapat menanggung kos pengangkutan kerana perjalanan yang sukar untuk berurusan ke cawangan mesin ATM yang terdekat. Ada yang pulang dengan hampa apabila mesin ATM tidak berfungsi kerana tergendala atau kehabisan wang dan ketika itu pasti barisan sangat panjang.

Baru-baru ini, satu bot karam, perahu karam di kawasan empangan Batang Ai selepas balik daripada menerima Bantuan Sara Hidup Rakyat. Adalah sungguh sedih kejadian yang menimpa mereka dalam keadaan begini. Oleh itu, saya sangat-sangat berharap agar Kerajaan Pusat memandang berat masalah yang dialami oleh masyarakat di Lubok Antu, seterusnya mempertimbangkan untuk menyediakan kemudahan bank ataupun menambah perkhidmatan ATM di kawasan Lubok Antu.

Ini adalah antara beberapa hikmah COVID dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikenakan oleh kerajaan yang mana banyak perkara yang diperlihatkan dan sangat penting untuk diselesaikan. Persoalan besar yang harus direncanakan ialah apakah tindakan selepas ini? Bagaimanakah ia harus dilakukan?

Tuan Yang di-Pertua, umum mengetahui masalah domestik di Sarawak dengan liputan Internet yang tidak dicapai sepenuhnya dan taburan infrastruktur luar bandar yang tidak teratur ini memberikan masalah kepada sistem pembelajaran dan talian sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Kemudahan infrastruktur dan jaringan internet ini saling memerlukan, kegagalan salah satunya akan menyebabkan proses pembelajaran dalam talian tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya di luar bandar. Masih ramai anak-anak di luar bandar terutama di kawasan Parlimen saya yang tidak dapat mengikuti pembelajaran secara dalam talian kerana berdepan dengan capaian internet yang tidak memuaskan selain masalah kekurangan infrastruktur asas lain.

Di samping itu, masalah banyak sekolah pedalaman dalam Parlimen Lubok Antu tidak dapat dihubungkan dengan perkhidmatan telefon dan kemudahan capaian internet. Begitu juga keadaannya di sekolah-sekolah pedalaman seperti SK Nanga Tebat, SK Ng Menjuau, SK Nanga Tibu, SK Ulu Lemanak dan SK Ulu Engkari dan Ng Entalau. Keadaan ini lebih menyedihkan di kawasan pedalaman di Bilararap, Bawi, Ulu Lemanak, Hilir Lemanak, Nanga Tutong dan Ulu Sekerang. Capaian internet di kawasan tersebut sangat lemah sehingga menyebabkan pelajar-pelajar berkampung di hutan berdekatan untuk mengikuti dan mengulang kaji pelajaran.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga menggesa agar pihak SKMM membuat pemeriksaan ke lokasi tersebut bagi melihat sendiri bagaimana keadaan capaian Internet dan seterusnya mempertimbangkan untuk membina menara-menara telekomunikasi dan memperkasakan liputan Internet di Parlimen Lubok Antu. Dengan adanya menara-menara telekomunikasi berkenaan, ianya akan menganjak Lubok Antu selangkah di hadapan khususnya berkaitan dengan ekonomi digital dan pertanian moden yang memerlukan telekomunikasi dan liputan.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada pengambilan guru. Sudah tiba masanya Kerajaan Persekutuan melakukan perubahan demi keseimbangan bilangan pemohon dengan mengambil kira komposisi semua kaum yang memohon untuk memasuki Institut Pendidikan Guru (IPG) di Sarawak.

Seperti yang telah didedahkan di sebuah akhbar tempatan, hanya 77 atau 31.5 peratus daripada 244 pemohon dari kaum Dayak yang berjaya memasuki sebuah Institusi Pendidikan Guru (IPG) di Sarawak pada tahun ini. Kaum Dayak yang terdiri daripada Iban, Bidayuh, Orang Ulu dan kaum etnik lain yang lebih kecil, isu ini mencerminkan ketidakseimbangan kaum yang amat ketara dalam pemilihan guru pelatih.

Kementerian Pendidikan Malaysia perlu menjelaskan kenapa hanya 77 atau 31.5 peratus daripada 244 pemohon yang berjaya memasuki Institusi Pendidikan Guru (IPG) di Sarawak pada tahun ini adalah dari kaum Dayak. Bagaimanakah merit, justifikasi yang di dasar oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dalam mekanisme pemilihan guru pelatih untuk kelayakan memasuki institut perguruan di Malaysia.

Saya menggesa tindakan holistik dan segera dapat diambil demi kebaikan dan pemilihan guru pelatih yang adil dan semua kaum di Sarawak. Rakyat Sarawak sentiasa menjadi kebanggaan dan mempunyai keharmonian dalam kepelbagaian kaum, bersama-sama menjalinkan perpaduan yang kukuh. Ilmu pada hari ini adalah teknologi pada masa hadapan. Kata-kata yang pernah diujarkan oleh Edward Taylor, seorang pakar fizik ini menunjukkan bahawa teknologi sentiasa berkembang mengikut peredaran zaman dan perkembangan ilmu.

Dengan ini, saya ingin mengakhiri perbahasan saya dengan penuh harapan semoga kita di dalam Dewan yang mulia ini berjaya mencapai kesepakatan dalam menangani kemiskinan untuk merealisasikan sebuah Malaysia yang adil kepada semua rakyatnya.

■1800

Perubahan kita tidak akan terjadi jika kita menunggu orang lain atau waktu yang lain. Kitalah yang ditunggu-tunggu. Kita adalah perubahan yang dicari. Dengan itu, saya mohon menyokong perbahasan saya. Saya awal sedikit habis. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Terima kasih Yang Berhormat. Tahniah sebab Yang Berhormat awal daripada yang lain. Satu sifat yang perlu diikuti oleh seramai mungkin Ahli Yang Berhormat kalau boleh. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Kangar.

6.00 ptg.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: *Bismillahi Rahmani Rahim... [Kata-kata aluan dalam bahasa Arab] Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera.*

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan Selamat Hari Sarawak khususnya kepada kawan-kawan Ahli Parlimen dari Sarawak dan juga seluruh rakyat negeri Sarawak. Juga saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada terutamanya *frontliners* kita bukan sahaja di Kementerian Kesihatan, tetapi juga daripada jabatan-jabatan lain yang turut terlibat terutama dalam menguatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan sejak ia diumumkan.

Saya fikir dengan berita terkini tentang perkembangan gelombang ketiga yang mungkin berlaku, saya berharap kita khususnya di Dewan ini dan juga rakyat secara keseluruhannya, menunjukkan tanda penghargaan kita dengan memastikan disiplin tentang Perintah Kawalan Pergerakan ini akan diteruskan sehingga negara kita diumumkan benar-benar telah bebas daripada COVID-19.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang disampaikan di Dewan yang mulia ini pada 18 Mei 2020 satu kelaziman dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* Dewan bagi setiap penggal dan begitulah juga dengan perbahasan yang kita sedang lakukan. Meskipun negara kita dilanda wabak COVID-19 yang kemudian diumumkan sebagai satu pandemik di seluruh dunia, kita tetap juga menjalankan proses sidang ini kerana ia adalah sebahagian daripada tuntutan dalam Perlembagaan kita. Bagi saya, ada mesej penting yang perlu kita bersama fahami iaitu sistem kenegaraan kita adalah berteraskan Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen.

Apabila kita bercakap tentang kerajaan, kita sebenarnya tidak terhad hanya kepada badan eksekutif, apatah lagi hanya merujuk kepada kumpulan yang dinamakan sebagai Kabinet. Badan legislatif dan badan kehakiman adalah dua lagi cabang penting dalam mendirikan sistem kenegaraan kita.

Maka, saya ingin mengajak Dewan agar menginsafi tanggungjawab kita untuk memeliharanya selaras dengan ikrar kita semasa mengangkat sumpah perjawatan sebagai seorang ahli Parlimen. Kita tahu ketika COVID-19 sedang ditangani dan belum diisytiharkan sebagai pandemik, telah berlaku krisis politik dalam negara rentetan apa yang saya sebutkan sebagai pengkhianatan sebahagian Ahli Parlimen yang dahulunya memenangi PRU-14 bersama Pakatan Harapan dan kini menikmati kuasa dengan kerjasama bersama dengan mereka yang kalah semasa Pilihanraya Umum Ke-14.

Ada yang menafikan bahawa mereka terlibat, padahal ada kawan-kawan mereka sendiri mengaku bahawa mereka telah menandatangani kenyataan bersumpah untuk membolehkan proses peralihan kuasa berlaku, tetapi ia tidak berlaku sebagaimana mereka merancang. Jadi, hari ini mereka mencari kambing hitam untuk dipersalahkan. Tidak mungkin akan berlaku peralihan kuasa ini sekiranya ia tidak disambut oleh parti-parti yang kalah tadi.

Malangnya bagi saya apabila mereka ini berkuasa, antara perkara awal yang dinyatakan sebagai sebuah kerajaan baharu ialah mereka cuba mengelak daripada mengambil tanggungjawab. Apabila kita tanya tentang manifesto-manifesto yang mereka nyatakan semasa bertanding PRU-14, mereka kata mereka tidak terikat. Jadi, apa yang berlaku pada hari ini, mereka seolah-olah tidak ada agenda bersama.

Oleh sebab itu kita tengok dalam perbahasan, dalam kenyataan Menteri-Menteri, ada wujud bercanggahan yang ketara. Kita mendengar juga ura-ura kemungkinan akan diadakan pilihan raya mengejut pada tahun ini. Ini menunjukkan lagi satu sikap tidak bertanggungjawab mereka. Mereka hanya hendak kuasa, tetapi mereka tidak tahu hendak buat apa dengan kuasa yang mereka telah ambil.

Ada yang cuba hendak salahkan Pakatan Harapan, kononnya zaman Pakatan Harapan ini banyak perkara teruk berlaku. Sudah tentu kita tidak mendakwa bahawa kita sempurna. Akan tetapi, saya hendak menyebutkan beberapa fakta yang penting yang baru sahaja diumumkan dalam suku pertama tahun ini dan juga pada hujung tahun lalu iaitu suku keempat. Antaranya yang penting ialah tadi ada Ahli Parlimen yang turut berbahas bahawa pelaburan langsung asing (FDI) ke negara kita sudah empat tahun, lima tahun sentiasa menunjukkan trend merosot, tetapi pelaburan langsung asing telah meningkat pada tahun 2019 buat pertama kalinya selepas beberapa tahun.

Kedua, Jabatan Statistik menunjukkan kadar pengangguran juga merosot jika dibandingkan pada kali terakhir Jun 2018 sehingga Disember 2020 yang mana terdapat pertambahan pekerjaan sekitar 400 ribu orang. Ini antara kejayaan dalam konteks ekonomi dan sudah tentu sebagaimana saya katakan tadi, ia bukanlah sempurna kerana pada tahun 2018, kita terpaksa melaksanakan belanjawan yang telah diumumkan oleh pentadbiran terdahulu. Hanya pada tahun 2019, baru kita dapat menggerakkan usaha yang datang daripada belanjawan Pakatan Harapan.

Jadi, setelah mengagihkan pelbagai jawatan ataupun yang popular kita kenal sebagai *scheme of things* di depan kita di Dewan ini, kedudukan Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat sebagai orang nombor satu dalam badan legislatif juga telah digugat hanya dengan alasan badan eksekutif mempunyai calon yang lain.

Saya ingat Tuan Yang di-Pertua, sebelum ini wakil rakyat Yang Berhormat Serian dan juga Yang Berhormat Lubok Antu sebenarnya bersama kami. Saya masih simpan gambar Yang Berhormat Serian menandatangani kenyataan bersumpah menyokong kami. Saya masih ada gambar bersama Yang Berhormat Lubok Antu bersama kami. Jadi kalau kita mengambil undian kepada Tuan Yang di-Pertua, 111 undi, 109 undi, sebenarnya kita curiga bahawa benarkah kerajaan semasa ini benar-benar mempunyai majoriti semasa peralihan kuasa berlaku.

Tuan Jugah a/k Muiyong @ Tambat [Lubok Antu]: Boleh minta laluan?

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Jadi, apa pun perkara telah berlaku. Saya berharap benar-benar...

Tuan Jugah a/k Muiyong @ Tambat [Lubok Antu]: Beri laluan.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak izinkan kerana saya banyak lagi hendak cakap. Saya tidak benarkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat, minta laluan. Bagi? Dia tidak bagi. Sila duduk Yang Berhormat.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Saya benar-benar berharap usaha reformasi Parlimen yang sedang giat dijalankan oleh Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat sebelum ini akan diteruskan. Saya ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada Tan Sri Dato' Mohamad Ariff bin Md Yusof, mantan Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat yang meyakinkan saya bahawa iltizam seorang pemimpin boleh mendorong usaha perubahan.

Ahli-ahli Dewan yang saya hormati, sebagai seorang Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Belanjawan, sudah tentu saya ingin menggesa kerajaan segera membentangkan dan mendapatkan kelulusan Dewan Rakyat untuk segala perbelanjaan yang telah diumumkan semasa menangani krisis COVID-19. Ini penting dilakukan segera kerana ketika kita sudah boleh bersidang, itulah yang sepatutnya didahulukan. Bagi saya, ini adalah kayu ukur penting untuk melihat komitmen Kerajaan Perikatan Nasional dalam memelihara prinsip pemisahan kuasa bagi menegakkan sistem kenegaraan kita.

Menyentuh tentang belanjawan ini, saya ingin bertanya beberapa soalan kerana pada awal Februari ketika ura-ura tentang krisis peralihan kuasa sedang berlaku, saya ikut serta bersama Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ekonomi pada waktu itu sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Belanjawan, kami ke Berlin dan banyak yang kita belajar daripada proses jawatankuasa di BlueStacks German.

Jadi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), apakah rancangan-rancangan awal daripada segi reformasi belanjawan yang akan beliau bawa ke dalam pentadbiran baharu? Saya juga ingin bertanya kepada Kementerian Kewangan, adakah kerajaan bercadang untuk memperkenalkan semula Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) bagi menampung kesan perbelanjaan defisit dan juga hutang yang terpaksa ditingkatkan?

Untuk maklumat Dewan, sekiranya kita rujuk laman web Bank Negara Malaysia sejak krisis COVID-19 berlaku, kita telah menjual bon sebanyak lebih kurang dalam RM82 bilion. Kalau tidak percaya, boleh semak. Maklumat itu terbuka kepada umum. Berapakah jumlah kutipan sumbangan swasta bagi menangani COVID-19? Jika dahulu Tabung Harapan diumumkan jumlah kutipan dan corak perbelanjaannya, bilakah kerajaan akan mengumumkan jumlah kutipan daripada sumbangan orang ramai terhadap Tabung COVID-19 dan bagaimanakah corak perbelanjaannya?

Jika ia dibelanjakan untuk tujuan perbekalan, adakah kerajaan akan memaparkan perincian jumlah perbekalan dan nama-nama pembekal untuk memastikan ketelusan memandangkan ia dibuat ketika waktu kecemasan. Maksudnya tidak melalui proses sebut harga, tidak melalui proses tender terbuka.

Jadi, berapa pula jumlah peminjam daripada agensi-agensi kerajaan seperti TEKUN Nasional, Amanah Ikhtiar, Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) yang mendapat manfaat daripada pelbagai inisiatif kerajaan bagi menangani COVID-19. Apakah bentuk-bentuk manfaat yang diperoleh oleh peminjam-peminjam daripada tabung-tabung yang diwujudkan oleh kerajaan ini?

Harapan saya dalam kita merancang untuk menangani krisis semasa, ambillah ia sebagai peluang untuk kita meneruskan reformasi institusi kerana dengan kukuhnya institusi, kita akan menyediakan acuan yang baik untuk diwarisi oleh generasi akan datang. Hentikan budaya merancang hanya untuk tujuan sempit bagi memenangi pilihan raya seterusnya, sebaliknya pilihlah untuk menjadi negarawan yang menanam benih subur yang akan tumbuh menjadi pohon dan memberi manfaat untuk generasi akan datang supaya mereka dapat tumpang berteduh dan juga memakan hasilnya.

■1810

Maka, saya ingin mengingatkan Ahli Dewan bahawa semasa pentadbiran Pakatan Harapan kita telah mengemukakan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030. Jadi, saya berharap Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 ini dari segi objektifnya akan diteruskan. Saya percaya krisis COVID-19 harus memberi kita kesedaran tentang kesan kesenjangan ekonomi dalam kehidupan sebenar rakyat. Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 mesti menginsafkan kita bahawa sistem politik biar apa pun nama yang mahu kita beri mestilah mampu memudahkan golongan yang mahu berusaha dan yang kedua, melindungi golongan yang lemah.

Tuan Yang di-Pertua, sepanjang tempoh PKP kita melihat beberapa isu muncul terkait perkara ini. Ramai telah menyebut tentang seorang pelajar yang terpaksa mengambil peperiksaan dengan cara memanjat pokok kerana talian *internet* tidak cukup kuat di kawasan mereka. Saya pernah menyentuhnya sebelum ini dan akan menyentuhnya sekali lagi.

Sebelum ini pun saya telah sebut apabila ditanya tentang teknologi 5G kepada kawasan-kawasan- Yang Berhormat Timbalan Menteri yang lalu dia jawab kata teknologi ini akan diperkenalkan di kawasan yang aktiviti ekonominya telah baik. Saya menyanggah pendapat Yang Berhormat Timbalan Menteri pada waktu itu, kerana kalau kita hendak bercakap tentang mengecilkan jurang ekonomi, merapatkan kesenjangan antara wilayah, kita sepatutnya memajukan kawasan-kawasan yang ketinggalan. Ini kerana, kalau kita mengutamakan kawasan-kawasan yang ekonominya telah laju, kita hanya akan meluaskan lagi kesenjangan.

Seterusnya terkait dengan ini juga, saya juga bertanya dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar pada sesi yang lepas bagaimanakah corak, berapakah peruntukan yang diberikan dan berapakah perbelanjaan sebenar untuk negeri Perlis, misalnya. Ternyata jumlah yang diumumkan tidak sama dengan jumlah yang telah dibelanjakan. Jadi, untuk apa kita hendak umum jumlah yang banyak tetapi sebenarnya dari segi pelaksanaan kita tidak serius untuk membelanjakan sedangkan kita tahu banyak keperluan yang sebenar di bawah. Jadi, saya harap ini antara perkara yang perlu dibetulkan.

Saya juga hendak sebut tentang masalah air. Banyak juga orang sebut tetapi saya hendak sebut betapa masalah air ini adalah satu krisis akan datang yang mesti kita tangani bermula daripada hari ini. Saya hendak sebut satu kes kebakaran di Taman Jaya Diri di Kangar, Perlis di mana bomba hendak berkhidmat, tetapi tidak boleh sebab pili air tidak ada air.

Ini bukan kes yang baharu, ini bukanlah kes yang pertama yang berlaku dan saya percaya ia bukan hanya berlaku di negeri Perlis sahaja. Jadi, saya berharap dalam perancangan kementerian kalau boleh, banyakkann orang kata, bidang-bidang ataupun perbincangan merentas kementerian. Jadi, janganlah kita syok buat perancangan dalam kementerian kita sahaja tetapi mesti sedia untuk duduk dengan kementerian yang lain, selesaikan isu-isu bersama yang masih tertunggak.

Begitu juga, misalnya isu jalan-jalan. Kalau di tanah MADA- jadi ada yang mengambil sikap ini biar MADA yang buat sebab di bawah tanah MADA. Sedangkan kalau Kementerian Pembangunan Luar Bandar ada bajet lebihan yang terbukti dalam soalan saya dan jawapan kementerian, tidak digunakan habis. Jadi, sepatutnya perbelanjaan ini digunakanlah supaya yang mendapat manfaat adalah rakyat.

Banyak lagi perkara yang lain misalnya ialah pekerja. Ramai pekerja yang layak di carum PERKESO tidak di carum, termasuk oleh kerajaan. Ada kerajaan negeri ada Kerajaan Persekutuan- jabatan tidak mencarum PERKESO.

Jadi apabila berlaku program-program yang melayakkan mereka untuk mendapat bantuan, misalnya SIP daripada PERKESO semasa COVID-19 ramai yang terlepas daripada menerima bantuan ini kerana mereka tidak di carum sedangkan undang-undang mewajibkan caruman. Jadi, apakah tindakan kerajaan untuk memastikan mereka ini layak dan bagaimana untuk memastikan jabatan-jabatan dan syarikat-syarikat ini mencarum bagi memastikan mereka yang layak dapat menerima manfaat.

Saya juga menerima aduan daripada guru-guru yang sambung belajar. Apabila universiti ditutup, jadi guru-guru ini dia ada tempoh cuti dia, jadi ada yang kena balik mengajar sedangkan pelajaran mereka tertunda dan sebagainya. Ini juga saya minta perhatian daripada Kementerian Pengajian Tinggi secara khususnya.

Saya hendak mengambil kesempatan di sini, walaupun saya pembangkang saya suka bila saya tengok di *Twitter* kegiatan bagaimana Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan dia membantu gelandangan ketika COVID-19 pagi ini. Ini satu contoh saya fikir baik, walaupun saya tidak duduk di Wilayah Persekutuan, tetapi saya ambil contoh bagaimana impak daripada kerja-kerja yang dibuat dan sebenarnya boleh dibuat.

Seterusnya saya hendak sebut juga tentang kumpulan yang tidak mampu bersuara. Saya bila sebut fasal krisis ini saya teringat kisah Nabi Nuh. Nabi Nuh ini bila dia buat kapal besar dia bukan hanya menyelamatkan manusia, dia juga menyelamatkan banyak jenis haiwan. Jadi, saya hendak sebut sedikitlah fasal haiwan. Fasal saya pun bukanlah hendak kata pencinta haiwan sangat tetapi adalah dalam sebanyak 40 ekor kucing di rumah saya.

Jadi, sebagai seorang Muslim saya tidak dapat mengelak daripada mengambil tanggungjawab untuk menyebut ini walaupun kucing tidak boleh mengundi saya, saya hendak sebut juga. Ini kisah kita yang kita tidak boleh ambil mudah. Kita tengok baru-baru ini berulang isu pembunuhan kucing dalam mesin dobi. Tular juga baru-baru ini tindakan seseorang dia bakar anak kucing selepas dia simbah minyak gas dia bakar pula anak kucing ini.

Ini semua adalah tanda-tanda ataupun kesan daripada kesihatan mental yang membimbangkan. Saya minta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) lebih proaktif berunding dengan aktivis dan pertubuhan-pertubuhan perlindungan haiwan untuk mencari jalan terbaik bagi memastikan tindakan yang diambil bagi mencapai objektif tanpa menzalimi haiwan.

Ini kerana, saya melihat banyak syarikat-syarikat yang dibayar untuk menangkap haiwan-haiwan yang liar ini dengan cara tidak mengikut SOP ataupun *standard operating procedures* yang dibangunkan oleh PBT, malah penguat kuasa PBT sendiri pun. Kita ada bukti saya ada gambar, kalau Yang Berhormat Menteri hendak saya boleh *forward* dekat Yang Berhormat Menteri- melakukan proses tangkapan ini dengan tidak mengikut SOP. Jadi...

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: *[Bangun]*

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Sila, sila.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Kangar. Saya hendak bertanya pandangan Yang Berhormat tentang dahulu tahun 2016, Dewan ini pernah meluluskan Akta Kebajikan Haiwan, tetapi tidak dilaksanakan kerana masalah besar berkaitan PBT. Jadi, apakah pendirian kerajaan sekarang dan mengapakan kita mengambil masa terlalu lama untuk melaksanakan akta tadi. Terima kasih.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Terima kasih, Yang Berhormat Kuala Kedah, saya minta pertanyaan Yang Berhormat Kuala Kedah itu dimasukkan sebahagian daripada pertanyaan saya.

Jadi, kalau begitu saya percaya sebab Yang Berhormat Menteri KPKT itu antara yang paling rajin berada di Parlimen, saya percaya beliau mendengar dan mencatat. Saya berharap satu tindakan diambil dengan lebih berkesan. Jadi, antara cara yang boleh saya cadangkan ialah bagaimana KPKT boleh bertemu dengan aktivis-aktivis haiwan ini- mungkin mereka ini diberi lesen sebagai kumpulan yang sepatutnya menjalankan kerja-kerja yang untuk tangkapan supaya tangkapan itu dibuat, orang kata dengan ihsan.

Ini supaya kalau kita tidak boleh bantu aktivis ataupun pertubuhan-pertubuhan perlindungan haiwan ini dengan cara bagi duit, kita bagi kontrak untuk dia yang tolong tangkap. Jadi, tidak timbul lagi isu tangkapan tidak mengikut SOP dan sebagainya.

Saya tahu sebelum ini juga- untuk berkaitan haiwan ini kita wujudkan banyak lembaga. Lembaga sahaja tetapi lembaga ini saya tidak pasti apa fungsinya, sebab kita jarang dengar dan tidak pernah baca dekat berita. Misalnya Lembaga Kebajikan Haiwan, mereka ini kita tidak pernah dengar jadi kita berharap mereka dapat berfungsi dengan lebih baik. Begitu juga dengan Lembaga Makanan Haiwan kerana hari ini di pasaran, banyak makanan-makanan haiwan yang memudaratkan. Kalau kita tengok terutamanya makanan-makanan haiwan yang berwarna-warni ini.

Saya juga hendak tanya apakah fungsi Yayasan Kebajikan Haiwan Kebangsaan yang ditubuhkan. Sudah berapa banyak yang menerima dan berapa banyak mereka menerima bantuan serta berapa banyak bantuan ini disalurkan untuk keperluan perlindungan haiwan. Jadi, kalau mereka tidak berfungsi jadi untuk apakah yayasan ini ditubuhkan dan untuk apakah lembaga-lembaga ini ditubuhkan. Sudah tentu lembaga-lembaga ini ada orangnya, yang dapat gaji, yang dapat elaun dan sebagainya. Kita berharap mereka ini menjalankan fungsi mereka kerana inilah tanggungjawab yang telah diberikan oleh kerajaan kepada mereka.

Jadi, yang terakhir mungkin kerana masa pun sudah tidak banyak. Saya hendak sebut jika haiwan pun Nabi Nuh Alaihissalam selamatkan, apatah lagi manusia yang lemah. Antara kumpulan yang lemah yang menjadi pertikaian besar dalam isu di negara kita dan mereka juga sebenarnya memerlukan pembelaan ialah golongan pekerja asing dan juga pelarian. Saya sedar isu ini sangat sensitif dan juga saya sangat terkejut apabila isu ini timbul semasa krisis COVID-19, wujud kecaman meluas yang dibiarkan dan dilemparkan kepada kumpulan ini kerana kebetulan mereka ini mungkin bekerja di tapak pembinaan, jadi penularan banyak berlaku di kawasan mereka.

Saya yakin aturan baharu yang lebih telus dan adil perlu dibuat dengan melibatkan pihak kedutaan di negara-negara dari mana pekerja-pekerja ini datang. Jangan kerana mereka ini membuat kerja-kerja yang sukar, kerja-kerja yang bahaya, kerja-kerja yang susah kita mahu membiasakan layanan buruk kepada mereka. Anggaplah mereka sebagai tetamu, mereka juga antara penggerak ekonomi negara walaupun gaji mereka tidak banyak dan meskipun saya bersetuju dengan tindakan kerajaan untuk mengekang pendatang asing tanpa izin, berikutan pendedahan tangkapan baru-baru ini yang juga melibatkan banyak ramai pegawai kerajaan, saya fikir kerajaan perlu menyantuni isu ini dengan penuh hemah dan juga perikemanusiaan.

Kita mahu mencari dalang, kita mahu menyelesaikan isu PATI ini tetapi jangan lupa bahawa mereka juga adalah mangsa daripada kezaliman sistem yang selama ini memang kita biarkan ataupun kita tidak ambil secara serius. Jadi, sudahlah mereka kena tipu dengan orang yang memperdagangkan mereka ataupun ejen mereka, hari ini mereka terbiar di negara asing, kita hendak tangkap, hendak hukum mereka pula.

■1820

Jadi saya berharap satu tindakan yang berperikemanusiaan, berhemah akan menjadikan negara kita mendapat keberkatan daripada Allah SWT. Saya dengan ini menyokong Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Tuanku. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kota Kinabalu.

6.20 ptg.

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan kepada Yang Berhormat Kota Kinabalu untuk turut serta dalam perbahasan bagi Menjunjung Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong dan tahniah juga saya ucapkan kepada Dato' Sri atas lantikan sebagai Timbalan Speaker dan saya berharap Dato' Sri bolehlah berlaku adil kepada semua Ahli Yang Berhormat termasuklah yang di sebelah sini.

Sebelum saya masuk ke topik yang saya ingin bawa untuk *debate* ini, saya ingin mengulas sedikit tentang komen-komen atau perdebatan Yang Berhormat Padang Rengas pada sebelah pagi ini. Beliau menceritakan *proposal party list* dan Yang Berhormat Padang Rengas juga mengatakan *its human rights for hopping party*. So, tidak mungkin dengan *anti-hopping law* boleh memberhentikan semua ini.

Cuma saya hendak mempersoalkan, adakah beliau sedar bahawa dalam hari ini - ada satu berita di Sabah di mana semua Adun-adun DAP Sabah dipujuk untuk lompat parti sampai ejen-ejen dihantar di depan rumah, tunggu di sana pada subuh 6 pagi dan enam kali hendak jumpa mereka. Sampai empat orang Adun pun di *offer*, ditawarkan dengan jawatan Timbalan Ketua Menteri. Macam mana ada empat Timbalan Ketua Menteri untuk orang-orang yang melompat ini. Apakah ini yang dikatakan *human rights* yang membenarkan lompat parti yang macam ini?

Saya hendak mengatakan wakil rakyat bukanlah produk dan Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri pun bukan *shopping mall*. *We are not for sale*. Kita bukan untuk dijual. Dengan begitu saya ingin membahaskan tentang, saya rasa kalau Yang Berhormat Padang Rengas *is serious* dengan proposal *party list* itu, haruslah kita mengadakan perdebatan yang lebih spesifik untuk hal-hal ini.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah ke Sarawak kerana hari ini merupakan 22 hari bulan Julai, Hari Kemerdekaan Sarawak dan Sarawak GPS sekarang bersama dengan Kerajaan Persekutuan bukan sahaja ada jawatan-jawatan yang penting seperti Menteri Kanan Kerja Raya dan banyak jawatan GLC ditawarkan dan dilantik seperti Yang Berhormat Betong, Pengerusi Bintulu Port Authority, Yang Berhormat Tanjung Manis, Pengerusi Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Yang Berhormat Hulu Rajang, Pengerusi *National Institute of Occupational Safety and Health* (NIOSH), Yang Berhormat Bintulu, Duta Khas kepada China dengan status Menteri dan Yang Berhormat Sibuti, Pengerusi *Sustainable Energy Development Authority*. Syabas dan tahniah kepada lantikan ke semua ini.

Saya cuma hendak mengingatkan bahawa GPS dengan satu blok yang kukuh yang mewakili Sarawak yang masuk dalam Kerajaan Campuran Perikatan Nasional ini memainkan satu tanggungjawab yang penting untuk memastikan tuntutan ke semua *Malaysia Agreement 1963*, kita dapat melaksanakan, kita dapat balik untuk Sabah dan Sarawak kerana Sabah dan Sarawak memang merupakan *brothers*.

So dengan penyertaan GPS dalam kerajaan Perikatan Nasional ini, saya ada satu soalan kerana mantan Menteri dalam Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Batu Sapi pernah mengatakan pada 5 September 2019, beliau telah menyebutkan bahawa laporan terakhir- *final report*, bagi Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Untuk Menyemak Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) telah pun diserahkan kepada Perdana Menteri pada masa itu, Ketua Menteri Sabah dan Ketua Menteri Sarawak pada 31 Ogos 2019. Berikutan daripada ini, pada Disember 2019, mantan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri juga menyebut bahawa di Dewan Negara, 17 daripada 21 perkara telah mendapat persetujuan bersama dan baki empat lagi perkara masih dibincangkan secara tiga penjurua antara Perdana Menteri, Ketua Menteri Sarawak dan Ketua Menteri Sabah.

Empat perkara ini termasuk isu royalti minyak dan pembayaran tunai petroleum, mineral minyak dan medan minyak, Akta Laut Wilayah 2012 dan hak negeri ke atas pelantar benua. Soalan saya di sini, macam mana dengan perkembangan ini dengan GPS begitu kukuh hendak menyokong Perikatan Nasional. Saya harap GPS dapat bersama melaksanakan ini dalam tempoh yang secepat mungkin kerana saya hendak mengingatkan bahawa pihak-pihak GPS lah yang di sini, yang tidak menyokong pindaan Perlembagaan Artikel 1(2) pada tahun yang lalu.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Pohon mencelah Yang Berhormat Kota Kinabalu.

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: Saya tidak memberikan laluan, *sorry*.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Hendak tanya soalan, hendak menjelaskan wakil daripada GPS.

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: Masa sangat singkat. Okey.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Sikit saja.

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: Sikit.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Okey. Pindaan Artikel 1 (2). Kita ada sebab untuk menolak cadangan tersebut. Kita *are talking about*, dengan izin, *equal partners*. Kita telah menyuarakan berkenaan dengan tuntutan satu per tiga Kerusi. Itu membolehkan kita menjadi *equal partners*, dan juga berkenaan tentang segala tuntutan dan juga perbincangan dan kita telah menubuhkan lagi satu Jawatankuasa baharu untuk berbincang dengan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri yang diwakilkan dengan Menteri Kewangan dan juga Menteri Kanan.

Ya, kami yakin bahawa wakil rakyat GPS bukan hanya menjadi wakil rakyat untuk Sarawak saja. Kita akan menjadi wakil rakyat untuk Malaysia. Berbincang untuk kemajuan dan *moving forward*. Kita tidak hendak memecahkan, kita hendak satu keputusan yang terbaik.

Yang Berhormat Kota Kinabalu bertenang, jangan beremosi, GPS akan jaga. Okey, jangan bimbang.

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: Ini bukan saya tidak tenang. Cuma GPS ini kalau dulu sanggup menolak pindaan Perlembagaan yang cuba dibawa oleh kita. Saya memang, saya hairan dengan semua jawatan GLC ini, adakah semua orang akan bekerja dengan berprinsip untuk mendapatkan tuntutan yang sama ini.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Dengan berprinsip. Saya masuk prinsip.

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: Sekarang saya masuk.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Dengan ada prinsip. Apakah prinsip kita menubuhkan Malaysia?

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: Saya tidak memberikan peluang.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Yang Berhormat Kota Kinabalu pernah menyatakan kami khianat sebelum Artikel 1(2) dibentangkan. Mengapa khianat? Apa yang bentuk khianat Yang Berhormat Kota Kinabalu fikirkan?

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: Bentuk khianat itu yang bimbang yang pertama....

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Apa khianat yang kita lakukan.

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: Sebab kamu tidak setuju.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Kami mempunyai cadangan yang lebih baik.

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: Saya ingin meneruskan dengan ucapan saya.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Yang Berhormat Kota Kinabalu janganlah berpolitik Yang Berhormat Kota Kinabalu. Sarawak, Sabah...

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: Sebagai seorang Ahli Parlimen di Sabah, saya ingin membangkitkan perkara yang ingin seperti...

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Yang Berhormat Kota Kinabalu, okey Yang Berhormat Kota Kinabalu.

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduk Yang Berhormat Sibuti. Yang Berhormat Kinabalu tolong sambung.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Minta maaf, tenang, tenang.

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: Kamu yang tidak tenang.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Kerajaan Perikatan Nasional dan GPS..

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: Yang Berhormat Sibuti kena tenanglah, rilekslah. Ini *floor* Kinabalu.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: ...Akan atur berkenaan tentang MA 63.

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: Yang Berhormat Sibuti.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Kita akan duduk bersama-sama, *we are brothers*, kita bersaudara okey.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Kita bincang dengan PM. Jangan bimbang tuntutan satu per tiga, Artikel 1(2) kita akan berjuang bersama.

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: Cuma yang menghairankan saya kalau empat perkara yang terakhir belum- kenapa hendak mintak lagi satu per tiga Kerusi Parlimen. Empat perkara yang belum...

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: *This is irrational. Electro reform.* Reformasi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Sibuti, maaf, pohon duduk.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya saya.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Dia hanya sekadar ingin membangkitkan isu yang tidak perlu dibangkitkan.

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: Sebagai seorang Ahli Parlimen dari Sabah...

Tuan Yang di-Pertua: Ya tapi Yang Berhormat Kota Kinabalu hendak memberi peluang untuk mencelah.

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: Tidak beri peluang.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak beri peluang.

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: Sudah 15 minit.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Kata hendak *fight*, kata hendak *fight*.

Tuan Yang di-Pertua: Maaf Yang Berhormat Sibuti, Terima kasih. Ya. Sila sambung.

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: Ya Tuan Yang di-Pertua yang bertindak dengan adil. Sebagai seorang Ahli Parlimen dari Sabah saya ingin membangkitkan satu perkara yang saya mendapati berlaku semasa ketika pandemik COVID-19 berada tahap yang paling tinggi di negara Malaysia iaitu masalah pertembungan kuasa di antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan-kerajaan negeri.

Pertama berkenaan dengan perintah kuarantin, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengisytiharkan *Coronavirus* sebagai darurat kesihatan dunia pada 31 Januari. Pada 8 Februari, kerajaan Sabah telah mengumumkan bahawa rakyat Sabah yang kembali dari China diwajibkan untuk menjalani kuarantin yang boleh dilakukan di rumah masing-masing selama 14 hari.

Namun demikian, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) seluruh negara Malaysia dan Perintah Kuarantin Mandatori bagi warganegara yang pulang ke tanah air hanya diumumkan oleh Kerajaan Persekutuan bermula pada 18 Mac. Ini menunjukkan bahawa kerajaan Sabah telah mengenakan kuarantin mandatori lebih satu bulan lebih awal daripada Kerajaan Persekutuan. Selain itu pada 7 April, Kerajaan Persekutuan telah mengumumkan bahawa kerajaan akan membayar RM150 satu hari untuk kuarantin di hotel.

■1830

So, dan saya mendapati bahawa sehingga 7 Julai 2020, sebanyak RM105.4 juta dibiayai melalui MOTAC untuk kos kuarantin di hotel ini. Soalan saya di sini, berapakah pecahan yang daripada ini dipakai untuk orang-orang yang balik dari *oversea* ke Sabah yang dalam RM105.4 juta ini? Ini kerana saya mendapati kalaulah Sabah sudah bermula lebih awal daripada Kerajaan Persekutuan untuk mengatakan ini mandatori kuarantin yang balik daripada China ini diwajibkan untuk menjalani kuarantin ini, adakah rakyat-rakyat Sabah dan mereka juga rakyat Malaysia. Mereka berkelayakan untuk mendapatkan kos RM150 subsidi ini. Saya harap Yang Berhormat Menteri boleh mempertimbangkan ini.

Kedua, berkenaan berita tambahan semasa PKP pada 29 April 2020, Yang Berhormat Menteri Kanan Pertahanan mengumumkan bahawa dua orang boleh keluar dalam satu kenderaan. Namun demikian, Kerajaan Negeri Sabah pada 29 April 2020 iaitu hari yang sama mengumumkan bahawa negeri Sabah tidak akan mengikut perintah tersebut dengan serta-merta.

So, persoalannya di sini *public health*, kesihatan umum adakah ini di bawah Kerajaan Persekutuan atau kerajaan negeri? Adakah penguat kuasa seperti polis yang menjalankan sekatan jalan raya akan mematuhi perintah kerajaan negeri dan sekiranya ia dibuat oleh Jabatan Kuasa Pengurusan Bencana Negeri adakah ia satu perintah Persekutuan? Saya rasa Yang Berhormat Menteri harus memberikan jawapan.

Ketiga, berkenaan dengan kelonggaran PKP. Pada 1 Mei 2020, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan kelonggaran Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang membolehkan kebanyakan perniagaan dibuka semula pada 4 Mei 2020 dengan syarat-syarat pematuhan SOP yang ditentukan oleh Majlis Keselamatan Negara.

Namun demikian, hampir kesemua kerajaan negeri di seluruh Malaysia membuat keputusan untuk menanggukannya, tidak mematuhi sebahagiannya ataupun langsung tidak mematuhi. Persoalannya di sini, siapakah yang mempunyai kuasa-kuasa untuk membuat undang-undang berkenaan perniagaan? Kerajaan Persekutuan atau kerajaan negeri? Masalah ini berlaku dalam kawalan ruang awam dalam bentuk sewa, lesen perniagaan dan pengurusan dana. Pertikaian berkenaan bidang kuasa berlaku dalam isu membuka bengkel kereta, kedai perkakasan dan sama ada mengadakan pasar malam.

Selain itu, terdapat juga percanggahan berkenaan waktu perkhidmatan yang berbeza-beza di negeri-negeri. Sebagai contoh, saya pernah menerima aduan bahawa waktu perkhidmatan mesin ATM bagi bank-bank di mana seorang pengurus bank di Kota Kinabalu. Dia telah bertanya SOP waktu perkhidmatan mesin ATM, siapa yang harus dia ikut?

Kalau SOP Persekutuan yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan iaitu pukul 8 pagi sehingga pukul 8 petang atau SOP kerajaan negeri yang menyatakan pukul 6 pagi ke 6 petang. Akhirnya, keputusan yang dibuat adalah untuk hanya buka pukul 8 pagi sehingga pukul 6 petang supaya tidak melanggar mana-mana SOP. Percanggahan ini adalah sememangnya mengelirukan dan tidak sepatutnya berlaku dan saya rasa Yang Berhormat Menteri harus menjelaskan ini.

Saya mendapati ia bukan sahaja Kerajaan Negeri Sabah yang ada masalah untuk yang tersebut ini, tetapi kerajaan-kerajaan negeri yang lain juga mempunyai masalah ini. Saya sebagai salah seorang ahli dalam Jawatankuasa Pilihan bagi Hubungan Antara Negeri-negeri dan Persekutuan, saya telah berpeluang untuk mendengar taklimat daripada pegawai-pegawai kementerian berkenaan. Berbagai-bagai konflik di antara Kerajaan Persekutuan dengan kerajaan negeri dan saya mendapati terdapat banyak situasi di mana kerajaan negeri dan Kerajaan Pusat menceroahi bidang kuasa masing-masing.

Di sini saya ingin mengesyorkan agar *separation of power* di antara Kerajaan Pusat, kerajaan negeri dan kerajaan tempatan harus ditangani lebih halus supaya tidak berlaku pertindihan kuasa yang terlalu banyak sehingga menyebabkan kekeliruan oleh rakyat dan juga kakitangan perkhidmatan awam Malaysia...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *Point of order.*

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: Saya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Kota Kinabalu, 35(1). Bila seseorang Ahli Dewan berucap, dia tidak boleh membaca, dia kena buat ucapan, dia kena berbahas. Jadi, saya tengok Yang Berhormat Kota Kinabalu membaca ucapan...

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: Hei jangan buang masa lah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...Yang melanggar perkara 35(1). Ya, banyak orang lain kita tak tegur. Sebenarnya tidak boleh. Kita ini berbahas, kita bukan membaca ini, baca masa lain. Kita buat ucapan berbahas. Yang Berhormat, di semua Parlimen seluruh dunia berbahas.

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: Ini rujuk sahaja.

Puan Teresa Kok [Puan Teresa Kok [Seputeh]: Yang Berhormat Arau mahu mendaftar kehadiran.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh saya buat *ruling*?

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: Boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Eh, diamlah lu.

Tuan Yang di-Pertua: Saya perhatikan 35(1), Yang Berhormat Arau mengatakan seseorang Ahli yang hendak bercakap hendaklah bangun di tempatnya. Jadi saya rasa kalau membaca itu pun kira bercakaplah. Dia bercakap dengan membaca.

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Akan tetapi, saya setuju kalau boleh kita bahaskan itu memang berkualitilah, tetapi kalau dibaca pun dikira bercakaplah.

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: Yang Berhormat Arau Baru masuk Dewan ini. Baru masuk Dewan ni.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sudah ada *ruling*.

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: Tuan Yang di-Pertua sudah berikan ini, Yang Berhormat Arau kacau ni.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sudah ada *ruling*...

Tuan Yang di-Pertua: Maaf.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sudah ada *ruling* pada masa yang lepas, saya lupa bila bahawa Ahli-ahli Parlimen hendaklah berbahas, berucap, bukan membaca. *Ruling* ini telah daripada zaman Yang Berhormat Tun Zahir. Semasa itu saya Ahli Parlimen. Ini benda dibincangkan, iaitu kita berucap. Bukan membaca.

Tuan Yang di-Pertua: Saya.

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: Tuan Yang di-Pertua, di Parlimen ini tidak ada duluan. Presiden duluan tidak ada di dalam Parlimen ini, bergantung kepada fatwa terbaru Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Biar saya. Tak apa, saya tidak hendak berbahas tentang ini. Saya telah buat *ruling*. Akan tetapi, terima kasih Yang Berhormat Arau mengambil perhatian saya kepada *ruling* yang lepas itu. Biar saya *check*, tengok macam mana, tetapi buat masa ini saya telah membuat *ruling*-berucap sambil membaca itu pun dikira bercakaplah, dia kata bercakap, kan? Silakan Yang Berhormat Kota Kinabalu.

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Akan tetapi, maksud dia bercakap tu tak boleh bernyanyi lah kan ataupun...

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: Kadangkala bernyanyi boleh saya rasa.

Tuan Yang di-Pertua: Dia kena bercakap. Silakan Yang Berhormat Kota Kinabalu.

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: Tuan Yang di-Pertua, dulu Yang Berhormat Tenom pun pernah nyanyi di sini.

Tuan Yang di-Pertua: [*Ketawa*] Silakan.

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: Okey, semasa penularan wabak COVID-19 ini saya dapat melihat bahawa terdapat kegagalan yang berkomunikasi di antara kerajaan negeri-negeri dan Kerajaan Persekutuan. So, tiba masanya kita lebih memahami peranan yang dimainkan oleh kerajaan negeri dan kerajaan tempatan dan lebih sedar dan sanggup mendengar terhadap keperluan dan keadaan masyarakat setempat. Ini supaya peruntukan sumber bolehlah sampai kepada mereka yang disasarkan tanpa ketirisan.

Malaysia memang sebuah negara yang mengamalkan sistem Persekutuan sistem *Federalism* di mana kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan mempunyai kuasa dan peranan masing-masing berasaskan kepada Perlembagaan. *Federalism* membenarkan kepelbagaian. Kerajaan tempatan boleh berurusan secara langsung dengan masalah tempatan di mana kerajaan negeri dan tempatan mungkin lebih sesuai untuk menangani masalah negeri dan tempatan yang khusus.

Federalism juga membantu menguruskan konflik dan membolehkan negara dan masyarakat menentukan dasar mereka sendiri. Selain itu, *federalism* menjunjung pengagihan kuasa yang meluas secara amnya dan di sini saya mendapati terdapat pemusatan kuasa yang agak ketara pada Kerajaan Persekutuan Malaysia.

Ini menyukarkan *federalism* untuk diamalkan secara adil dan ini jelas bertentangan dengan apa yang digariskan oleh sarjana seperti Sir Kenneth Clinton Wheare mengenai ruang kuasa tersendiri yang wujud dalam hubungan pusat dan negeri.

Oleh yang demikian, saya dengan sesungguhnya ingin mencadangkan agar *decentralization*, disentralisasi kuasa-kuasa dilakukan dengan pintar ke atas Senarai Persekutuan dan Senarai Negeri dalam Perlembagaan Persekutuan. Antara kuasa-kuasa yang boleh diagihkan kepada kerajaan negeri termasuk kuasa pengurusan bencana, tidak kiralah bencana awam ataupun bencana wabak dan kelebihan penurunan kuasa kepada kerajaan negeri adalah seperti berikut:

- (i) mengurangkan beban kerajaan persekutuan dalam membuat polisi yang mungkin mempunyai masalah ketiadaan *one size fits all*. ada kawasan yang berpenduduk padat dan ada kawasan yang penduduknya hanya boleh dibantu melalui pengangkutan sungai dan lain-lain;
- (ii) memudahkan kepelbagaian. sebagai contoh ada kawasan yang mempunyai masalah bekalan makanan halal dari segi agama, tetapi ada kawasan yang tidak perlukan makanan halal seperti pedalaman Sarawak;
- (iii) fokus dapat diberikan terhadap isu-isu yang berlaku dalam masyarakat yang berbeza;
- (iv) mendorong motivasi penjawat awam untuk bekerja dengan lebih berkeyakinan;
- (v) kawalan dan pengawasan yang lebih baik; dan
- (vi) boleh membuat keputusan dengan lebih pantas.

Dengan penurunan tugas, maka penurunan kuasa bagi mengutip sesetengah cukai-cukai juga seharusnya diturunkan seperti Cukai Pendapatan, Cukai Duti Setem dan lain-lain. Seperti yang saya nyatakan tadi, terdapat masalah pertembungan kuasa di antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan-kerajaan negeri. Jelasnya terdapat perlunya *decentralization* sebahagian besar kuasa kepada kerajaan negeri termasuk kesihatan dan kalau boleh.

COVID-19 menunjukkan bahawa kerajaan-kerajaan negeri juga dapat memainkan peranan mereka sendiri dengan memanfaatkan rangkaian hubungan dan pengetahuan tempatan melengkapkan usaha Kerajaan Persekutuan.

Untuk akhir, saya ingin membangkitkan isu-isu kawasan yang untuk rancangan tempat banjir di sekitar Kota Kinabalu, Sepanggar dan Penampang. Saya harap Kerajaan Perikatan Nasional tidak menganaktirikan Sabah dan juga mengagihkan peruntukkan dengan adil dan saksama. Sekian terima kasih.

■1840

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Kota Kinabalu.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *Point of order*, Tuan Yang di-Pertua, sebelum kawan daripada kami berucap.

Tuan Yang di-Pertua: Saya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya tidak hendak ambil masa dia. Peraturan Mesyuarat 36(12). Saya tujukan kepada Yang Berhormat Bukit Gelugor. Yang Berhormat Bukit Gelugor menyatakan bahawa Menteri telah mengeluarkan kenyataan media, dia bagi tempoh sehingga hari ini untuk menyatakan bahawa tidak ada audio yang dipasang pada tahun 2007 seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Bukit Gelugor. Sama ada Yang Berhormat Bukit Gelugor tarik balik ataupun tidak? Sebab kalau tidak, saya hendak mencadangkan supaya Menteri mengikut apa yang telah dikeluarkan kenyataan ini...

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: *[Bangun]*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...Iaitu merujuk Yang Berhormat Bukit Gelugor kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya telah melihat ataupun mendengar *press statement* Yang Berhormat Menteri tadi. Maka, kalau seingat saya, dikatakan bahawa apa yang dikatakan itu mengelirukan dan diminta tarik balik. Jadi kalau ketika Yang Berhormat Bukit Gelugor berada di dalam Dewan nanti...

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: ...Mungkin boleh Menteri meminta beliau menarik balik.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Saya minta izin untuk membantu sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Sekejap. Kalau tidak ditarik balik, maka terpulanglah kepada Menteri sama ada untuk membawa usul untuk merujuk beliau ke Jawatankuasa tersebut.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Saya, Yang Berhormat Ipoh Timur.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Ya, minta izin untuk membantu Dewan yang mulia ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Sememangnya pada pukul 3 petang tadi Yang Berhormat daripada Bukit Gelugor telah mengadakan satu sidang akhbar dan dalam sidang akhbar itu telah pun menjawab segala apa dakwaan...

Tuan Yang di-Pertua: Oh, ya.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: ...Yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Menteri melalui kenyataan media juga. So, bersandarkan kepada penjelasan tersebut, saya percaya bahawa kesemuanya telah menjadi jelas. Dan memandangkan Yang Berhormat Bukit Gelugor tidak ada, mungkin dalam kes ini Yang Berhormat Arau tidak patut untuk membangkitkan isu ini. Yang patut bangkitkan ialah Yang Berhormat Menteri, bukan Pengerusi *Backbenchers*. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Akan tetapi, Yang Berhormat, kenyataan media...

Tuan Yang di-Pertua: Sebenarnya setiap Ahli boleh membangkitkan perkara ini.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kenyataan media ini, Menteri ini dia sebut di Parlimen. Jadi saya sebagai Ahli Parlimen kena ambil tahu sebab...

Tuan Yang di-Pertua: Saya faham.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...Kita tidak hendak rakyat diceritakan, kononnya telah berlaku satu keadaan di Parlimen ini yang audio telah didengar, dipasang oleh Ahli Parlimen pada masa tersebut.

Keduanya, Peraturan Mesyuarat 36(12) juga, saya tujukan kepada Yang Berhormat Jelutong. Yang Berhormat Jelutong mengeluarkan kenyataan bahawa Kerajaan PAS Kedah telah merobohkan kuil-kuil. Hari ini Yang Berhormat 'Bagan' Serai pula... *[Disampuk]* Yang Berhormat Padang Serai? Yang Berhormat Padang Serai...

Seorang Ahli: Yang Berhormat Padang Serai.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Padang Serai tadi mengeluarkan kenyataan mengatakan- umurnya beratus-ratus tahun. Sebab, kenyataan yang saya dapat bahawa kuil itu berumur 40 tahun, luasnya 12x8 dan ia telah diganti. Jadi menyebutkan "Kerajaan PAS, Kedah..." itu tidak betul.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...Sebab yang ada di Kedah sekarang ini ialah Kerajaan Perikatan Nasional, bukan PAS Kedah.

Tuan Yang di-Pertua: Saya faham.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jadi, ia menyebabkan melanggar Peraturan Mesyuarat 36...

Tuan Yang di-Pertua: Ya, (12).

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...Ya, (9)(c) iaitu timbul keadaan bersakit-sakit hati dan menyentuh hal agama. Sebab dia sebut PAS itu seolah-olah menyentuh hal agama- seolah-olah kita ini merobohkan kuil. Padahal satu kuil, bukan kuil-kuil.

Tuan Yang di-Pertua: Saya faham.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jadi kalau mereka tidak membuat apa-apa, saya mencadangkan kepada kerajaan supaya merujuk Ahli Parlimen yang berkenaan kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, saya faham. Saya telah meneliti *Hansard* ketika perkara itu berlaku. Ketika itu saya rasa Timbalan Yang di-Pertua yang mempengerusikan mesyuarat. Beliau nampaknya pun membuat *ruling* sebagaimana di dalam *Hansard* tersebut, di mana beliau mengatakan bahawa pihak Menteri boleh menjawab. Jadi, itu *ruling* beliau. Maka saya tidak boleh menokok tambah terhadap *ruling* tersebut kerana *ruling* tersebut adalah muktamad.

Akan tetapi, kalau hendak dirujuk juga ke Jawatankuasa, maka saya rasa sesiapa sahaja yang inginkan perkara itu berlaku perlulah memberi Notis Usul untuk tujuan sedemikian.

Baiklah, kita teruskan dengan perbincangan Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja. Saya ingin menjemput Yang Berhormat Kemaman. Silakan Yang Berhormat.

6.44 ptg.

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh...*

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumusalam.*

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]: ...Dan selamat sejahtera. *Alhamdulillah.* Pertamanya, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kesempatan kepada saya untuk bersama-sama mengambil bahagian dalam sesi perbincangan menjunjung kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam pembukaan Dewan Rakyat, Penggal Ketiga, Parlimen Keempat Belas pada 18 Mei 2020 yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mulakan ucapan perbincangan ini, saya mengambil kesempatan ini pertamanya merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Malaysia serta barisan hadapan negara terutamanya dalam sektor perkhidmatan dan sektor kesihatan, angkatan tentera, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Bomba dan semua agensi-agensi yang terlibat yang menjadi barisan hadapan dalam melaksanakan, mengurus dan mengekang penularan wabak COVID-19 yang lepas sehinggalah sampai ke hari ini.

Tahniah juga saya rakamkan kepada seluruh rakyat Malaysia yang telah memberi kerjasama yang jitu kepada pihak kerajaan dalam usaha mengekang penularan wabak COVID-19 ini. Manifestasi perpaduan yang diberikan oleh kerajaan dan rakyat inilah yang membolehkan kita berada di tahap yang seperti ini.

Kita yakin dan percaya segala penyakit itu ada ubatnya seperti yang dinyatakan oleh Rasulullah SAW... *[Membaca sepotong hadis]* Iaitu, Allah tidak menurunkan sesuatu penyakit melainkan diturunkan bersamanya penawar. Oleh itulah kita yakin dan percaya.

Saya mengharapkan supaya semua rakyat di seluruh negara kita ini mengambil langkah penjagaan dan SOP yang perlu dipertingkatkan lebih-lebih lagi dalam situasi yang ada sekarang dan perkembangan mutakhir COVID-19 yang ada pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Perikatan Nasional yang ada pada hari ini dilihat relevan dalam memperjuangkan hak dan keperluan rakyat dan diharapkan ia akan terus memberi komitmen yang tinggi kepada rakyat tanpa mengira latar belakang agama, politik, kaum dan bangsa. Bermula daripada pemimpin, penjawat awam mahupun swasta perlulah menjalankan amanah dengan penuh ketelusan dan berintegriti serta menerapkan nilai-nilai murni sesuai dengan ajaran dan tuntutan agama. Ia sesuai dengan saranan Titah Yang di-Pertuan Agong iaitu kepentingan untuk melaksanakan program pembangunan berteraskan amalan integriti dan tadbir urus yang baik bagi mencapai pertumbuhan ekonomi yang mampan serta demi menjaga kesejahteraan rakyat dan negara.

Oleh itu, saya mengharapkan Kerajaan Perikatan Nasional di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Sri Haji Muhyiddin bin Md. Yassin ini diharapkan dapat melaksanakan tugas kepimpinan ini dengan penuh adil, amanah dan bertanggungjawab seperti mana yang disebut oleh Allah SWT... *[Membaca sepotong ayat al-Quran]*

Maksudnya, *“Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanah yang berhak menerimanya dan menyuruh kamu apabila menetapkan hukum di antara manusia supaya kamu menetapkan dengan seadilnya. Sesungguhnya Allah memberi pengajaran yang sebaik-baik kepada kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Melihat.”*

Tuan Yang di-Pertua, di antara yang perlu diberi perhatian oleh pihak kerajaan ialah melaksanakan pembangunan yang seimbang di antara negeri-negeri termasuklah Sabah dan Sarawak. Pengagihan pembangunan yang adil perlu menjadi agenda utama pihak kerajaan supaya dapat menangani masalah jurang pembangunan yang tidak seimbang. Sama ada melibatkan Malaysia Timur ataupun Malaysia Barat, Pantai Timur di Semenanjung dan Pantai Barat, sama ada di utara dan selatan, mestilah memberi pembangunan yang seimbang supaya tidak berlakunya ketinggalan di antara negeri-negeri di seluruh negara.

Seperti yang kita sedia maklum bahawa pembangunan sebuah masyarakat semestinya akan bergantung kepada faktor ekonomi yang merujuk kepada kuasa beli yang ada pada anggota masyarakat tersebut. Kuasa beli pula akan bergantung dengan ekonomi setiap anggota masyarakat dan ekonomi masyarakat bergantung dengan jenis pekerjaan mereka.

■1850

Umum kita mengetahui bahawa, setiap negeri di Malaysia mempunyai keunikan dan potensi ekonomi tersendiri yang perlu dikembangkan potensi-potensi tersebut di samping membuka pasaran baru agar ekonomi setempat dapat dibangunkan dengan lebih ke hadapan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, potensi ekonomi yang sudah dibuka perlu dikembangkan dan belum harus diterokai malahan secara mikro penghasilan dan produk sesebuah negeri akan membantu membuka peluang pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, pandemik COVID-19 yang melanda dunia ketika ini tidak dapat dinafikan memberi kesan yang besar kepada ekonomi dunia dan juga seluruh negara. Kita memuji langkah yang diambil oleh pihak kerajaan dalam usaha meringankan beban yang ditanggung rakyat dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan yang dilakukan sebelum ini.

Selain itu, untuk memangkin dan menjana pemulihan ekonomi serta pendapatan negara, melalui pelaksanaan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) dan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA), syabas saya ucapkan kepada pihak kerajaan. Kita mengharapkan bantuan ini dapat diturunkan secara bersasar kepada seluruh golongan masyarakat tanpa sebarang birokrasi.

Tuan Yang di-Pertua, saya menjunjung kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong berkenaan pemerkasaan kelestarian alam sekitar yang menunjukkan kecaknaan Tuanku berkenaan dengan isu-isu alam sekitar yang disebutkan dalam Titah Baginda. Ini kerana Allah SWT beritahu... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Bermaksud, *“Maka, mengapa tiada antara umat sebelum kamu, orang-orang yang mempunyai keutamaan melarang melakukan kerosakan di muka bumi kecuali sebahagian kecil di antara orang-orang yang telah Kami selamatkan dan orang-orang yang zalim hanya mementingkan kenikmatan, kemewahan dan mereka adalah orang-orang yang berdosa”.*

Tuan Yang di-Pertua, dunia hari ini berhadapan dengan pelbagai krisis yang begitu kritikal. Antaranya, wabak pandemik COVID-19, perubahan suhu global yang ketara, kebakaran hutan, kepupusan spesies flora dan fauna, serta kekerapan bencana alam yang berlaku seperti banjir, taufan, tanah runtuh, pencemaran alam dan sebagainya.

Umum mengetahui bahawa semua yang berlaku merupakan tindak balas alam terhadap aktiviti manusia yang tidak terkawal sehingga mengganggu keseimbangan alam ini. Saya memandang serius kemerosotan alam sekitar yang semakin menjadi-jadi. Pada abad ini, sehingga membawa kepada implikasi yang begitu besar. Kerakusan tangan manusia yang mengeksploitasikan khazanah alam sekitar ini semakin menjadi-jadi.

Marilah sama-sama kita ingatkan bahawa dalam Islam, Allah SWT ingatkan dalam Surah Al-Rum... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Bermaksud, *“Telah timbul pelbagai kerosakan, bala bencana di darat dan di lautan dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan-tangan manusia...”*

Timbulnya yang demikian kerana Allah SWT hendak merasakan mereka sebahagian daripada balasan terhadap perbuatan buruk mereka yang telah mereka lakukan supaya mereka kembali insaf dan bertaubat kepada Allah SWT.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini kita melihat permasalahan isu alam sekitar...

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: Yang Berhormat Kemaman, boleh sikit?

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]: ...Sama ada...

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: Yang Berhormat Kemaman, Hang Tuah Jaya, sini.

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]: Ya, sila.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin — sebelum Yang Berhormat pergi ke topik yang lain. Saya mengikuti tadi pandangan Yang Berhormat tentang pencemaran alam sekitar dan sebagainya. Saya ingin tanya pendirian Yang Berhormat tentang pembalakan di Kelantan yang sering dikaitkan menjejaskan kehidupan masyarakat terutama Orang Asli ataupun Orang Asal di Gua Musang yang dikaitkan dengan pencemaran sungai dan sebagainya. Apa pandangan Yang Berhormat tentang perkara ini? Terima kasih.

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]: Terima kasih Yang Berhormat. Apa yang disebutkan bagi mana kerajaan negeri sekalipun, kita mengharapkan ia mengikut SOP yang telah ditetapkan oleh pihak kementerian.

Saya difahamkan bahawa Kelantan di antara negeri yang terbaik dalam menguruskan pengurusan hutan yang telah dimaklumkan oleh Pejabat Menteri... *[Tepuk]* Oleh itulah, saya harapkan persepsi yang ada kepada seluruh masyarakat sama ada kita Ahli-ahli Yang Berhormat, jangan melihat bahawa apa yang berlaku kononnya Kelantan sahaja yang melibatkan pembalakan.

Negeri-negeri lain kalau lihat, semuanya kawasan di seluruh negara kita ini melibatkan kawasan pembalakan. Oleh itu, cuma sama ada mengikut peraturan ataupun tidak dan kita yakin dan percaya bahawa ia mengikut yang telah ditetapkan oleh kementerian ataupun Jabatan Perhutanan dan sebagainya.

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan ucapan saya. Pada hari ini, kita melihat permasalahan isu alam sekitar sama ada pencemaran terhadap udara, air dan tanah, selain pembalakan dan pemburuan haram di negara ini yang berlaku, merujuk Pertubuhan Kesihatan Sedunia, pencemaran udara bukan sahaja isu global tetapi juga menjadi satu ancaman kepada kesihatan awam.

Kita tidak mahu menjadi seperti Bandar Krasnoyarsk, Rusia kerana telah mencatat udara yang paling kotor di dunia sekali gus mengalahkan Mumbai dan Guangzhou. Maka saya kira isu pencemaran udara antara perkara yang perlu diberi perhatian oleh pihak Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA), khususnya pada Kerajaan Malaysia bagi memastikan rakyat negara kita berhak menikmati udara yang bersih.

Sementara itu, mengikut Indeks Prestasi Alam Sekitar 2018, Malaysia berada di kedudukan ke-75 daripada 180 negara dalam petunjuk-petunjuk dalam seluruh kategori isu yang merangkumi kesihatan, alam sekitar dan daya hidup ekosistem. Perkara ini berbeza pada tahun 2012 yang mana Malaysia muncul sebagai negara ASEAN terbaik dan berada di kedudukan ke-25 daripada 132 negara berdasarkan Indeks Prestasi Alam Sekitar (API) 2011.

Oleh itu kita perlu mengambil iktibar berhubung dengan isu pencemaran sisa toksik di Pasir Gudang yang telah berlaku pada tahun lepas. Bukan saja ia mengancam kehidupan akuatik tetapi juga turut mengancam kesihatan rakyat yang melibatkan rakyat termasuklah para pelajar yang turut menjadi mangsa dengan apa yang berlaku.

Berkenaan dengan Indeks Prestasi Alam Sekitar, saya juga ingin memohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Alam Sekitar dan Air tentang sejauh manakah pelan tindakan mahupun strategi yang dirangka bagi memastikan Indeks Prestasi Alam Sekitar bagi tahun yang akan datang dapat dipertingkatkan?

Tuan Yang di-Pertua, hakikatnya apa yang berlaku terhadap alam walaupun disebabkan oleh tangan manusia, penyelesaiannya juga perlu datangnya daripada manusia itu sendiri yang melakukan perubahan, yang kita harapkan dapat melakukan perubahan di atas muka bumi ini supaya dapat menyelamatkan bumi ini daripada terus parah. Oleh itu, amat penting kita mencari satu solusi yang perlu, yang padu, proaktif dan holistik bagi memastikan keseimbangan alam terus terpelihara.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memberi penekanan bahawa berhubung dengan isu alam sekitar terutama yang berlaku dalam negara kita sendiri tidak boleh dipandang remeh. Semua pihak dan semua pihak perlu berganding bahu sama ada pihak Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, Ahli-ahli Parlimen dan semua agensi kerajaan, PBT, aktivis alam sekitar dan seluruh rakyat Malaysia dalam memastikan keseimbangan alam terus terpelihara.

Saya juga menyambut baik usaha kerajaan yang menjadikan isu alam sekitar termasuk perubahan iklim sebagai agenda utama kerajaan. Dalam menjaga aset alam sekitar daripada terus dikhianati, kita semua perlu bekerja sama dalam mengetepikan dari segi fahaman politik dan kolaborasi mencari solusi dalam permasalahan alam sekitar yang timbul pada hari ini.

Saya menyambut baik Titah Tuanku yang mengajak Malaysia untuk terus komited dalam usaha mengangkat isu alam sekitar dan perubahan iklim secara berterusan. Oleh itu, saya ingin memuji segala tindakan yang tegas dan pantas yang diambil oleh Yang Berhormat Menteri KASA dan Kementerian Alam Sekitar dan Air, berhubung dengan beberapa isu mutakhir ini yang kita lihat, yang berlaku isu-isu alam sekitar dengan kerjasama jabatan dan sebagainya. Saya harapkan usaha ini dapat diteruskan bagi memastikan alam sekitar kita terjamin di negara kita pada hari ini.

■1900

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya dalam kesempatan ini saya ingin menyampaikan beberapa perkara berhubung dengan permasalahan yang berlaku di kawasan Parlimen saya supaya dapat diambil tindakan oleh beberapa kementerian yang berkaitan dengan permasalahan ini.

Pertama, saya ingin memohon kerjasama pihak Kementerian Kerja Raya untuk mengambil tindakan segera bagi usaha membaik pulih beberapa jalan utama di Kemaman yang berlaku kerosakan, jalan sempit, jalan yang beralun dan sebagainya. Di antaranya yang pertama, Jalan Mak Lagam, Chukai di kilometer 0 sehingga kilometer 28. Kedua, jalan ke Seri Bandi di kilometer 0 sehingga kilometer 15. Ketiga, Jalan Kuantan-Kuala Terengganu di kilometer 400 sehingga 401 serta jalan yang sama di kilometer 412 sehingga kilometer 412.5. Keempat, Jalan Jerangau-Jabor di kilometer tiga sehingga kilometer 65.

Kesemua jalan ini merupakan jalan utama perhubungan di antara bandar utama bandar Chukai dan juga di antara laluan utama dari Kuantan-Kuala Terengganu dan laluan susur keluar daripada lebuhraya di Kijal. Oleh itulah, saya mengharapkan pihak kementerian, khususnya Kementerian Kerja Raya dapat memberi perhatian kepada jalan-jalan ini kerana saya difahamkan ia pernah dipohon oleh jabatan ke peringkat Persekutuan.

Keduanya, saya juga ingin memohon dan menarik perhatian kepada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan untuk melaksanakan baik pulih Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Kemaman yang sedia ada. Saya dimaklumkan Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Kemaman ini telah beroperasi sejak tahun 1964 dan ianya amat memerlukan satu penambahbaikan dari sudut infrastrukturnya, fasiliti, bangunan dan sebagainya.

Saya harapkan supaya ianya dapat dipertingkatkan, khususnya kalau boleh dapat bangunan yang baru. Ini di mana Kemaman di antara daerah yang penternakan lembu yang tinggi di negeri Terengganu. Oleh kerana saya difahamkan ianya berdaftar sebanyak 22,660 ekor. Sekali gus menunjukkan komitmen dan kesungguhan Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Kemaman dalam memberi khidmat kepada pelanggan, masyarakat dan kepada rakyat Kemaman.

Setakat pada Januari sehingga Jun 2020, saya dimaklumkan, orang yang berurusan dan pelanggan yang berurusan dengan jabatan ini seramai 3,388 orang. Oleh itulah perlunya satu penambahbaikan dari struktur bangunan dan juga penambahbaikan dari segi kemudahan fasiliti dan sebagainya yang perlu dipertingkatkan.

Ketiga dan terakhir Tuan Yang di-Pertua, saya mohon kepada Kementerian Dalam Negeri agar dapat membangunkan sebuah IPD yang baru di Daerah Kemaman. Walaupun Kemaman telah pun mempunyai IPD yang sedia ada tetapi tidak dapat menampung- IPD yang ada pada hari ini tidak dapat menampung dengan pembangunan bandar Chukai yang ada pada hari ini, dengan kehadiran pelbagai masalah yang berlaku, jenayah dan sebagainya, pengurusan-pengurusan rakyat yang hendak berurusan dengan pihak polis dan sebagainya yang memerlukan satu bangunan yang baru.

Saya difahamkan bahawa tapak untuk pembinaan pejabat IPD ini sudah pun tersedia. Oleh itulah, saya harapkan supaya pihak Kementerian Dalam Negeri dapat memberi perhatian terhadap apa yang saya kemukakan pada hari ini.

Dengan ini, saya mengakhiri perbahasan ini. Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Seterusnya, Kemaman memohon menyokong dan menjunjung kasih di atas Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Kemaman. Saya sekarang ingin mempersilakan Yang Berhormat Kuala Kedah. Silakan.

7.04 mlm.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam sejahtera.

Saya bersyukur kerana diberikan peluang untuk bersama turut berdebat membahaskan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam merasmikan Penggal Ketiga Parlimen Keempat Belas.

Saya ingin memulakan ucapan saya ini dengan mengucapkan penghargaan yang tinggi kepada semua yang terlibat, daripada Yang Berhormat Menteri hingga pada kakitangan jabatan yang terbawah sekali, semua kementerian yang terlibat dalam menangani dan meringankan beban COVID-19 pada rakyat Malaysia. Daripada kementerian pada hari ini, Yang Berhormat Menteri- Yang Berhormat Menteri pada hari ini dan juga Yang Berhormat Menteri- Yang Berhormat Menteri yang telah memulakan tugas di bawah Pakatan Harapan. Yang Berhormat Menteri Kesihatan daripada Kuala Selangor sehingga kepada Tenggara. Saya rasa semua telah melakukan kerja dengan baik.

Begitu pun, saya ingin menyatakan bahawa salah satu daripada punca kejayaannya adalah kerana pihak pembangkang pada hari ini memilih untuk tidak mempolitikkan setiap isu. Kita menyokong semua langkah yang munasabah dalam menangani COVID-19 ini. Begitu pun pada pandangan saya, tidak bersidang Parlimen, tidak membincangkan di Parlimen tentang pakej-pakej rangsangan besar, berbilion-bilion Ringgit itu sukar dipertahankan. Ini kerana kita ada cara lain untuk berbincang kalau kita bimbang dengan penularan COVID-19. Untuk itu saya *salute*, saya tabik kepada beliau-belia yang telah menganjurkan Parlimen Digital Belia. Itu bagi saya sangat baik.

Saya terangsang melihat mereka bersungguh-sungguh berdebat dan berdebat di dalam talian. Itu boleh kita ikuti kerana Parlimen UK, Parlimen Singapura, mereka dapat berbincang benda-benda yang besar tadi. Perbincangan itu tentulah untuk memperbaiki dan untuk memastikan kita mendapat yang terbaik. Ia bukan untuk mengendalakan bantuan COVID-19. Sesiapa sahaja yang waras akan faham bahawa kita menghadapi perang dan darurat serta kita tidak akan berpolitik untuk menggagalkan sesuatu pada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, begitu pun Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) atau perintah berkurung- *curfew*, dalam nama lain, telah dijalankan dengan agak jaya. Akan tetapi kita harus faham bahawa PKP ini, kawalan pergerakan walaupun ia berkesan, ia ada harga yang perlu dibayar. Harga ekonomi yang sangat besar. Anggaran oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah sepanjang PKP yang baru ini, Malaysia telah kerugian RM63 bilion. Kalau ditambah PKP dan dikembalikan PKP, setiap satu hari Perintah Kawalan Pergerakan, kerugian negara adalah RM2.4 bilion. Itu harga yang besar. Harga ini kita akan bayar bertahun-tahun. Kita belum tahu dengan jelas lagi setakat mana harga yang benar-benar yang kita bayar.

Oleh sebab itu, PKP boleh digunakan tetapi ia hendaklah digunakan dengan sangat bijaksana dan dengan sangat hati-hati. Bukan sahaja kesannya kepada ekonomi, kesannya kepada kesihatan juga. Ia mencegah COVID-19 tetapi semua kajian menunjukkan ia akan menyebabkan berlakunya penularan dan merebakkan penyakit-penyakit lain selain daripada COVID-19. Saya suka untuk menyebut di sini bahawa salah satu contoh kejayaan mengawal pandemik COVID-19 ini dengan cara yang tidak terlalu membebankan ekonomi adalah Turki. Turki sebagai contoh. Ada beberapa artikel yang ditulis, artikel yang baik, dalam BBC ada dan saya ingin menyebut satu artikel dalam *The Economist Today*, terbitan 4 Jun 2020, artikel bertajuk, "What Turkey Got Right about the Pandemic".

Turki Tuan Yang di-Pertua, telah menjalankan Perintah Kawalan Pergerakan. Turki ada 83 juta penduduk. Kadar ujian COVID-19 nya sama dengan Perancis. Akan tetapi bezanya adalah Turki menyasarkan orang tertentu, *the most vulnerable groups*, dengan izin, orang-orang dan individu-individu yang berkemungkinan besar akan kena jangkitan COVID-19 dan akan mengalami gejala COVID-19 yang lebih teruk. Mereka ini dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan. Anak-anak kecil kena Perintah Kawalan Pergerakan, orang-orang tua selepas 65 tahun kena. Individu lain yang sihat, yang boleh bekerja dibenarkan bekerja, kena pakai topeng muka, tutup muka dan di hujung minggu dikenakan kawalan pergerakan.

■1910

Hari cuti kena kawalan pergerakan. Tuan Yang di-Pertua, yang menariknya ialah kilang-kilangnya terus- jentera industrinya terus berjalan, perniagaan berjalan, *business*-nya tak perlu ditutup dan Turki keluar daripada wabak COVID-19 di negaranya itu dengan keadaan 10 kali lebih baik dari Britain dari segi kematian. Ia juga keluar dalam keadaan negara NATO di kawasan itu sebagai yang terbaik berbanding dengan Itali, berbanding dengan Britain, berbanding dengan Perancis yang setara dengannya.

Jadi, ini satu pengalaman yang boleh kita kaji dan kita lihat. Ini kerana, ia telah tidak menjejaskan ekonominya seteruk yang dijangkakan. Industrinya berjalan, perniagaannya berjalan dan kadar kematiannya juga tidak begitu tinggi berbanding dengan Itali- jauh lebih baik. Berdasarkan *The Economist today*, ia 10 kali lebih baik daripada Britain. Itu dari segi kawalan pergerakan (PKP) dari segi aspek ekonominya serta aspek sosialnya. Saya syor kita kaji dan lihat apa yang Turki buat dan kalau boleh kita gunakan di negara kita, buat di negara kita. Itu saya rasa yang terbaik.

Dari segi kesihatan Tuan Yang di-Pertua. PKP, kawalan pergerakan atau perintah berkurung ini kesannya kepada kesihatan juga selain penyebaran atau penularan penyakit-penyakit lain, walaupun peringkat awal nampak sedikit elok tetapi, segala unjuran, *projection* dengan izin, yang dibuat menunjukkan kita akan ada masalah.

Pada hari ini Tuan Yang di-Pertua, data terakhir kelmarin oleh *John Hopkins University*, pembunuh terbesar dunia ialah masih diabetes. Diabetes menyebabkan penyakit jantung dan lain-lain lagi- itu pembunuh terbesar. Kedua ialah, *tuberculosis* atau TB dan ketiga baru COVID-19. Satu kajian modeling telah dilakukan oleh *John Hopkins University* dan *Imperial College* dan lain-lain lagi untuk melihat selanjutnya apa yang akan berlaku. Itu agak mengejutkan hasilnya. Saya ada kajian itu dan saya ada data-datanya.

Kajian itu mendapati tiga bulan PKP, seperti Malaysia kalau ditambah dengan selama 10 bulan pemulihan akan meningkatkan jangkitan TB sebanyak 10.7 peratus dan akan meningkatkan kematian kerana TB sebanyak 16 peratus, akhirnya. TB boleh kemudiannya, meningkat. Ini paras global. Setiap satu bulan tambahan PKP. Maknanya kalau kita mula balik PKP sekarang di peringkat dunia akan menyebabkan sebanyak 600 ribu kes baharu TB dan akan menyebabkan lebih seramai 126 ribu kematian kerana TB di seluruh dunia. TB di tempat kedua. Diabetes mungkin lebih sukar dibuat modeling tetapi TB, penularan TB meningkat. Mengapakah itu berlaku?

Ini kerana, pada ketika berlaku PKP atau kawalan pergerakan, staf dan kakitangan Kementerian Kesihatan akan lesu, letih dan fokus mereka adalah pada COVID-19. Kerja-kerja biasa apabila kita buat perintah berkurung seperti pengesanan, *reporting* atau laporan-laporan TB itu tak akan dapat dilakukan. Kalau dilakukan pun tidak sempurna. TB memerlukan pengesanan yang baik, tetapi itu tak akan berlaku. Ujian-ujian juga tidak akan berlaku dengan baik. Itu akan membuatkan kepada penambahan kematian kerana TB. Adalah malang kalau selepas pandemik ini, kita parah dari segi ekonomi dan kita ada lebih banyak kematian kerana TB dan penyakit-penyakit lain.

Begitu juga- walaupun dinafikan dalam jawapan bertulis saya oleh Kementerian Kesihatan tetapi dengan pengalaman pesakit-pesakit yang saya jumpa di kawasan saya mereka ada masalah apabila pergi ke hospital dan lain-lain lagi ketika masa perintah berkurung. Logiknya pun begitu. Untuk pesakit jantung membuat ujian jantung misalnya, itu ada masalah. Kalau itu berterusan, harga yang kita akan bayar dari segi pesakit jantung mati dan lain-lain lagi itu akan ada, walaupun saya tidak lihat sebarang kajian lagi di Malaysia.

Maka dengan itu, saya mengesyorkan supaya kita melihat dengan teliti kalau kita hendak mengenakan lagi PKP ini dengan melihat pengalaman Turki. Mungkin kita boleh buat satu bentuk perintah berkurung yang kita ubahsuaikan dengan negara kita dan ubahsuaikan dengan bijak berdasarkan pengalaman negara lain yang agak berjaya dalam menangani COVID-19 ini...

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: Yang Berhormat Kuala Kedah, sedikit. Hang Tuah Jaya.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Ya. Cepat-cepat, selama 10 minit lagi.

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: Soalan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Kuala Kedah tentang penutup muka ini. Dikhabarkan kerajaan sedang membuat kajian untuk mengenakan denda maksimum sebanyak RM1,000 sekiranya mereka gagal menggunakan penutup muka. Adakah Yang Berhormat Kuala Kedah bersetuju dengan pandangan ini?

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Saya bersetuju dengan berdasarkan bukti saintifik terbaharu bahawa penutup muka berkesan kalau digunakan dengan betul. Akan tetapi, tentang denda itu semua kita boleh bincangkan di forum yang lain lah.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua... [Disampuk] Ya, saya bersetuju.

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: Setuju?

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Cuma denda itu kita bincang kemudian. Ya lah jangan berat sangat lah.

Tuan Yang di-Pertua, selanjutnya saya berharap bahawa Kementerian Kesihatan akan menggunakan keadaan ketika kita mengalami COVID-19 ini dan selepas kita telah selesai PKP yang pertama itu pada 31 Ogos nanti, untuk membuat menentu ukur semula, *recalibration*, dengan izin daripada perbelanjaan Kementerian Kesihatan dan daripada sasaran-sasaran Kementerian Kesihatan. Ia hendaklah satu yang lebih optimum dan hendaklah diberikan sasaran yang lebih tepat. Ia harus satu sasaran yang bukan sahaja boleh dicapai, *achievable*, dengan izin, tetapi juga satu sasaran yang munasabah bagi sebuah negara yang baru lepas mengalami pandemik COVID-19.

Misalnya, pada Belanjawan yang lepas, ada sejumlah RM60 juta untuk pelalian pneumokokal- *pneumococcal vaccination*, dengan izin. Adakah itu telah digunakan? Adakah itu akan diteruskan? Itu harus kita bincang kembali dan perkara-perkara lain yang dibuat yang kadang-kadang menggunakan banyak wang tetapi adakah itu yang terbaik yang dilakukan. Itu saya minta supaya kita bincangkan di Parlimen dan kita lihat kembali.

Kalau perlu Tuan Yang di-Pertua, kita kena bersedia untuk meluluskan bajet tambahan untuk Kementerian Kesihatan kerana ancaman COVID-19 bukan hanya pada hari ini. Beberapa bulan akan datang, tahun depan dan boleh berlanjutan sehingga beberapa tahun. Negara kita kalau berjaya menangani kesan selepas COVID-19 dengan baik, maka kita akan lebih berjaya dalam segala bidang lain.

Segala yang kita tertinggal dalam KDNK kita, dalam industri perdagangan kita- itu semua kita boleh kejar kalau kita sihat. Akan tetapi, kalau kita semua tidak sihat, kebanyakan pekerja kita sakit, eksekutif kita, Ahli-ahli Parlimen semua sakit dan itu akan merencatkan segala-galanya. Maka, Kementerian Kesihatan harus dilihat kembali dari segala-galanya, dari pentadbirannya, dari cara ia menggunakan bajet dan kalau perlu, diberikan bajet lebih tetapi mesti dilihat perkara-perkara yang membuang masa dan dana. Kita bahaskan dahulu, macam pendidikan kesihatan yang tidak berkesan. Macam itu kira okey lah. Kita tinggalkan. Akan tetapi, yang berkesan, yang perlu kita kena buat dengan baik.

Dengan itu juga, saya mengambil peluang untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Bagan walaupun tidak ada di sini kerana di bawah beliau, Kementerian Kewangan telah memberikan salah satu daripada bajet yang paling tinggi kepada Kementerian Kesihatan sebanyak RM30.6 bilion. Cuma, saya harap itu dipergunakan dengan baik dan dengan bijak dan dengan paling optimum.

Selain itu, kita memerlukan ramai kakitangan. Kita memerlukan lebih ramai doktor, jururawat, semua kakitangan. Sedangkan kita ada ramai doktor yang tak dapat disambung kontrak semata-mata kerana tidak cukup tempat. Maka, kita ambil dana, kita besarkan dan kita tambah. Kita ambil balik pengambilan doktor-doktor. Ramai doktor pelatih yang habis *housemanship* dan tidak dapat *posting*. Kita cari mereka dan kita bagi *posting* dan kita sediakan mereka supaya kita dapat menghadapi kalau-kalau berlaku wabak kedua, ketiga COVID-19 atau kalau berlaku masalah-masalah lain selepas COVID-19.

Banyak hospital di luar bandar- di Sarawak misalannya, satu hospital lima orang. Saya pernah bekerja pada tahun 1990, satu hospital empat orang. Itu sangat membebaskan. Kalau berlaku COVID-19 di luar bandar, di kawasan itu, empat orang doktor, tidak dapat dibayangkan masalahnya. Jadi, kita ambil balik doktor-doktor tadi, kita besarkan. Ini pelaburan yang akan memberikan pulangan yang baik, yang berbaloi. Itu berlaku di Turki juga.

Presiden Recep Tayyip Erdoğan, dia telah membelanjakan begitu banyak untuk kesihatan dan banyak dikritik. Akan tetapi, apabila berlakunya COVID-19 maka Turki akhirnya di kalangan Eropah antara yang terbaik, kalau tidak yang paling baik dalam menghadapi COVID-19.

Oleh sebab saya mewakili Malaysia baru-baru ini dalam Persidangan ASEAN Inter-Parliamentary Assembly (AIPA) tentang *the origins of COVID-19*, maka saya, dengan izin, saya ada tanggungjawab untuk menyebut sedikit tentang COVID-19.

■1920

COVID ini berlaku ikut pendapat semua kajian saintis ialah kerana penularan virus yang berlaku akibat daripada pemerdagangan haiwan liar. Haiwan liar dalam COVID ini ialah kelawar dan tenggiling. Haiwan-haiwan ini telah diperdagangkan sebagai komoditi dengan cara yang tak manusiawi. Haiwan liar ditangkap, diletak bertindih-tindih, mereka stres dan mereka bergelumang dengan najis dan lain-lain lagi. Kemudian mereka dimakan oleh manusia dan ketika mereka stres tadi segala virus menjangkiti mereka. Itulah puncanya dan yang saya hendak sebutkan di sini ialah tenggiling yang dikatakan mungkin satu-satu punca berlaku mutasi haiwan virus COVID tadi, kebanyakan tenggiling di seludup ke China dan ke tempat lain.

Antara *point of transit- transit point*, antara pelabuhan atau tempat transit yang paling terkenal, yang paling banyak dipergunakan ialah Malaysia, disebut dalam beberapa kertas kajian- *paper*, KLIA salah satu puncanya, satu-satunya tempat dibawa haiwan pemerdagangan haiwan liar ini. Dikatakan bahawa lima kali lebih murah menyeludup haiwan liar melalui KLIA daripada tempat lain kerana sebab-sebab lain termasuk rasuah. Ini sangat berbahaya, selain memalukan, ia juga sangat membimbangkan. Ini kerana kalau kita tidak mengatasi masalah pemerdagangan haiwan liar ini, maka akan berlaku lagi sekali satu lagi pandemik.

Ini telah diramalkan, hal ini telah diramalkan dengan tepat oleh orang yang membuat kajian. Saya ada semua detil-nya dan beliau ada menulis buku tentang *spillover* bahawa akan berlaku pandemik virus baru selepas SARS dan selepas selesema burung kerana pemerdagangan haiwan liar. Ini kerana manusia memperdagangkan haiwan dengan tak manusiawi. Itu akan berlaku terus kalau kita di Malaysia dan negara-negara lain tidak mengambil langkah-langkah yang berkesan. Maka saya minta supaya kita bagi perhatian yang serius selain daripada kita memberi pendidikan maka kita kena buat sesuatu. Kita kena ambil tindakan, kita kena perkasakan PERHILITAN.

Oleh sebab itu saya tidak bersetuju dengan jawapan Menteri baru ini bahawa untuk mencegah kepupusan, *no more*, tidak lagi. Ianya untuk mengelakkan pandemik, ia isu kesihatan awam maka kena diberhentikan pemerdagangan haiwan liar. Berburu haiwan, memakan haiwan buruan itu lain, memperdagangkan haiwan, melakukan haiwan seperti objek tidak bernyawa dan dengan cara tidak manusiawi, itu zalim dan itu memberikan kesan yang buruk kepada semua orang. Kalau itu terus berlaku akan ada lagi pandemik dalam dua, tiga dekad yang akan datang.

Kerana itu maka Akta 716, saya minta supaya Parlimen ini, Dewan yang mulia ini melihat kembali Akta 716, ia tidak berkesan pada waktu ini untuk mencegah pemerdagangan haiwan liar.

Ia kena diperkasakan, diperbaiki lagi, dendanya kena ditingkatkan dan bukan itu sahaja, Akta 716 itu kena juga mempermudah pegawai-pegawai penguat kuasa untuk melakukan *prosecution* ataupun pendakwaan di mahkamah dengan jaya. Sekarang ini orang yang bawa itu yang kena, itu sikit sahaja. Tauke-tauke yang besar yang sekarang bertindak sebagai jenayah penyeludupan dadah, mereka itu tak terkena. Ini kena diambil serius kerana ini ialah *business* yang nilainya dinilai, dianggarkan RM80 bilion setahun. Kalau dia berterusan mengancam keselamatan awam dan kita tak menanganinya, kita akan kena lagi pandemik. Jadi saya minta supaya kita beri sokongan dan kita tengok balik Akta 716 ini.

Akhir Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja lagi, isu air di Kedah. Tadi sahabat saya Yang Berhormat Kemaman dan beberapa orang lain lagi telah menyebut dan Yang Berhormat Kangar menyebut isu air. Saya hendak bertanya kepada Menteri, apabila Pusat memberikan dana kepada negeri Kedah misalnya, untuk air maka adakah Pusat juga membuat pemerhatian, membuat penyelidikan dan membuat pengawasan supaya dana itu dipergunakan sebaik mungkin.

Kawasan saya Tuan Yang di-Pertua sikit sahaja di Kuala Kedah telah mengalami masalah air berdekad-dekad. Baru-baru ini sangat sukar, masalahnya hanyalah paip itu kecil 200 milimeter. Penduduk bertambah, paip masih sama dan juga kapasiti atau keupayaan loji tak diperbesarkan. Itu *common sense* lah, *common sense* lah, logiklah, penduduk bertambah kena tambah kapasiti air dan juga paip. Baru-baru ini kerajaan yang lepas, Kerajaan Pakatan Harapan telah memberikan sejumlah wang, maka apakah itu akan diteruskan dan apakah ada pengawasan daripada pusat, Putrajaya untuk melihat bahawa ini digunakan dengan bijak.

Oleh sebab kalau tidak digunakan dengan bijak masalah ini akan terus berterusan dan akhirnya semua orang akan bermasalah. Penduduk di kawasan saya sekarang tak dapat dilakukan pembangunan, tak dapat lakukan pertambahan rumah misalnya kepada orang ramai kerana bekalan airnya tidak ada. Jadi, itu saya minta supaya dilihat dan atas peluang yang diberi, saya ucap terima kasih sekali lagi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kedah. Akhir sekali saya menjemput Yang Berhormat Ipoh Timur.

7.26 m.m.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih membenarkan saya untuk menyertai dalam perbahasan Titah Diraja ini. Tuan Yang di-Pertua, sekarang kita tinggal empat minit sahaja lagi. Saya cuba untuk menyatakan bahawa genap dua tahun yang lepas, apabila saya telah diberikan peluang di Dewan yang mulia ini untuk memberikan ucapan sulung saya kali pertama dalam Dewan yang mulia ini. Pada masa itu selaku seorang ahli baru dalam Dewan ini, saya mempunyai satu aspirasi yang tinggi dan saya memberikan perbahasan saya dengan satu harapan yang amat besar, khasnya berkenaan dengan isu pembaharuan institusi negara kita ataupun pembaharuan yang kita laksanakan di Parlimen, Dewan yang mulia ini.

Pertama sekali pada petang tadi beberapa jam yang lepas sememangnya saya hendak mengucapkan tahniah dan syabas kepada pihak Kerajaan Perikatan Nasional kerana pada akhirnya telah memaparkan *declaration of asset*, dengan izin, di atas *website* SPRM yang mana *declaration of asset* ini telah pun dimulakan sejak zaman pemerintahan Kerajaan Pakatan Harapan. Walaupun sudah beberapa bulan rakan kita di sebelah sana telah menjawab jawatan dan telah mengangkat sumpah dan memegang jawatan tetapi akhirnya empat setengah bulan selepas itu barulah kita nampak ada satu paparan *declaration of asset* di dalam *website* SPRM.

Akan tetapi apa yang menghairankan dan mengejutkan saya adalah, *I can see the endless creativity in the declaration of asset that was published*, dengan izin. Saya boleh nampak dalam paparan *declaration of asset* itu, kita boleh nampak satu situasi kekreatifan yang tidak terhingga daripada Kerajaan Perikatan Nasional. Yang mana kita nampak bahawa nombor satu, jumlah aset yang dipaparkan itu dulunya setiap sen pun dia masuk, setiap sen berapa Ringgit yang dinilai untuk aset, itu semua masuk. Satu sen pun masuk tetapi apa yang dinyatakan di sini adalah jumlah aset saya nampak telah dipecahkan kepada beberapa kategori kurang daripada 1 juta. Antara 1 juta hingga 2.5 juta, antara 2.5 juta hingga 5 juta, 5 juta hingga 8.5 juta dan kategori yang terakhir lebih daripada 10 juta.

Tadi saya bilang-bilang ada 11 orang ahli di sebelah sana yang mana jumlah asetnya lebih dari 10 juta. Saya percaya bahawa ini bukan merupakan satu cara yang betul, satu pendekatan yang betul untuk pengisytiharan harta kerana apa yang kita pegang ataupun amanah yang kita pegang adalah setiap satu sen pun yang kita untung, setiap satu sen pun daripada jumlah pendapatan kita, haruslah *accounted for*, dengan izin. Sekiranya kita paparkan seperti begini di bawah beberapa kategori, adalah tidak adil untuk mereka yang mungkin mempunyai aset lebih daripada 100 juta, saya masih ingat, ada, dulu kita *transparent*.

Saya masih ingat Yang Berhormat dari Segamat *top*, Yang Berhormat dari Beruas nombor dua mempunyai aset yang lebih daripada 10 juta. Sekiranya kita membuat satu klasifikasi sebegini, ia tidak boleh memaparkan satu situasi yang sebenar.

Tuan Yang di-Pertua: Maaf Yang Berhormat.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Tak apa, tak ada masa.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah 7.30 malam.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Cuma saya hendak rumuskan sahaja satu minit Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya, saya.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Dalam pengisytiharan aset ini juga, apa yang kekurangan adalah dulu kita masukkan *info* ataupun maklumat berkenaan dengan aset atau pendapatan *spouse* kita, isteri kita, suami kita masukkan sekali. Sekarang pun sudah tidak ada.

Yang penting adalah, apa yang saya katakan tadi, jumlah aset itu tidak memaparkan sesuatu yang sebenar-benarnya dan saya ingin menasihatkan kepada kerajaan, sekiranya tidak bersedia untuk membuat pengisytiharan aset ini secara terbuka, ambillah sedikit masa lagi supaya kita boleh memberikan satu gambaran yang lebih jelas kepada rakyat di luar sana. Dengan itu saya pohon supaya saya boleh sambung perbincangan saya pada hari esok. Sekian daripada saya terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Timur. Yang Berhormat boleh menyambung esok dalam masa lagi 14 minit lagi bakinya.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Khamis, 23 Julai 2020.

Terima kasih.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 7.31 malam]